



MALAYSIA

**PENYATA RASMI PARLIMEN
DEWAN RAKYAT**

**PARLIMEN KEDUA BELAS
PENGKAL KEEMPAT
MESYUARAT KEDUA**

K A N D U N G A N

PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA: Mesyuarat Dewan Rakyat Ditambah Dua Hari	(Halaman 1)
JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN	(Halaman 1)
USUL-USUL: Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat	(Halaman 19)
Menangguhkan Mesyuarat di Bawah P.M. 16(3)	(Halaman 132)
USUL MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH P.M. 18(1): ■ Penggodaman Laman Web Kerajaan - <i>YB Tuan Salahuddin Haji Ayub (Kubang Kerian)</i>	(Halaman 19)
RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT	(Halaman 26)
RANG UNDANG-UNDANG: Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2011) 2011	(Halaman 27)
<u>Jawatankuasa:-</u> <u>Jadual:-</u> Maksud B.1, B.6 dan B.8	(Halaman 40)
Maksud B.11	(Halaman 78)
Maksud B.48	(Halaman 103)
Maksud B.20	(Halaman 119)
Maksud B.21	(Halaman 120)
UCAPAN-UCAPAN PENANGGUHAN: ■ Adik Menteri Menguasai Kementerian – - <i>YB. Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua (Batu)</i>	(Halaman 132)
■ Pelaksanaan Hukuman Sebat Ke Atas PATI – - <i>YB. Liew Chin Tong (Bukit Bendera)</i>	(Halaman 135)

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

1. Yang Berbahagia Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Datuk Seri Panglima Pandikar Amin Haji Mulia, P.S.M., S.P.D.K., S.U.M.W., P.G.D.K., J.S.M., J.P.
2. Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar, P.J.N., P.B.S. J.B.S., J.S.M. (Santubong) – PBB
3. “ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Ronald Kiandee, A.S.D.K., P.G.D.K. (Beluran) – UMNO

MENTERI

1. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Kewangan, Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak, D.U.P.N., S.S.A.P, S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., P.N.B.S., D.U.B.C.(T). (Pekan) – UMNO
2. “ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pelajaran, Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Mohd. Yassin, P.S.M., S.P.M.P., S.P.M.J., S.M.J., P.I.S., B.S.I. (Pagoh) – UMNO
3. Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon – *Senator*
4. “ Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Tan Sri Bernard Giluk Dompok, P.S.M., S.P.D.K. (Penampang) – UPKO
5. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz, S.P.M.P., D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Padang Rengas) – UMNO
6. “ Menteri Dalam Negeri, Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein, S.P.M.P., S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P., D.P.M.J. (Sembrong) – UMNO
7. “ Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan, Dato' Seri Utama Dr. Rais Yatim, S.J.M.K., S.S.A.P., S.P.N.S., D.S.N.S. (Jejebu) – UMNO
8. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Nor Mohamed bin Yakcop, (Tasik Gelugor) – UMNO
9. “ Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air, Dato' Sri Peter Chin Fah Kui, S.S.A.P., P.G.B.K., P.B.S., A.B.S. (Miri) – SUPP
10. “ Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Dato' Seri Haji Mohd. Shafie bin Haji Apdal, D.S.A.P., P.G.D.K., D.M.S.M. (Semporna) – UMNO
11. “ Menteri Pengajian Tinggi, Dato' Seri Mohamed Khaled bin Nordin, D.S.P.N., S.M.J., P.I.S. (Pasir Gudang) – UMNO
12. “ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Sri Mustapa bin Mohamed (Jeli) – UMNO
13. “ Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Seri Dr. Maximus Johnity Ongkili, A.S.D.K., J.P. (Kota Marudu) – PBS
14. “ Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Dato' Seri Douglas Uggah Embas (Betong) – PBB
15. “ Menteri Pelancongan, Dato' Sri Dr. Ng Yen Yen, D.I.M.P., D.S.A.P., D.P.M.K., D.P.M.P., P.J.K. (Raub) – MCA
16. “ Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Seri Noh bin Haji Omar, D.G.S.M., D.P.M.S., D.M.S.M., K.M.N., A.S.A., P.J.K., J.P. (Tanjong Karang) – UMNO
17. “ Menteri Pertahanan, Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi, D.M.S.M., S.S.A.P., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datok) – UMNO
18. “ Menteri Kerja Raya, Dato' Shaziman bin Abu Mansor, D.S.N.S., D.S.A.P., A.N.S., J.P. (Tampin) – UMNO

19. Yang Berhormat Menteri Kesihatan, Dato' Seri Liow Tiong Lai, D.G.S.M., S.S.A.P., D.I.M.P., S.M.P., (Bentong) – MCA
20. “ Menteri Belia dan Sukan, Dato' Sri Ahmad Shabery Cheek (Kemaman) – UMNO
21. “ Menteri Sumber Manusia, Datuk Dr. S. Subramaniam (Segamat) – MIC
22. “ Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan, Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob, D.I.M.P., D.M.S.M., A.D.K. (Bera) – UMNO
23. “ Menteri Kewangan II, Dato' Seri Haji Ahmad Husni Mohamad Hanadzlah, P.P.T., A.M.P. (Tambun) – UMNO
24. “ Menteri Pengangkutan, Dato' Seri Kong Cho Ha (Lumut) – MCA
25. “ Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Dato' Sri Shahrizat binti Abdul Jalil, S.S.A.P., D.G.P.N., D.I.M.P. – *Senator*
26. “ Menteri Luar Negeri, Dato' Sri Anifah bin Aman, S.S.A.P. (Kimanis) – UMNO
27. “ Menteri Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar, Dato' Raja Nong Chik bin Raja Zainal Abidin, D.P.T.J. – *Senator*
28. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir Baharum, P.S.A.T., D.I.M.P., D.S.N.S., D.S.D.K., P.A.T., J.S.M., K.A.T., K.M.N., A.M.K., P.J.M. – *Senator*
29. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Sri Idris Jala – *Senator*
30. “ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato' Wira Chor Chee Heung (Alor Setar) – MCA

TIMBALAN MENTERI

1. Yang Berhormat Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup (Pensiangan) – PBRS
2. “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Liew Vui Keong, P.G.D.K., A.D.K., J.P. (Sandakan) – LDP
3. “ Timbalan Menteri Pertahanan, Datuk Dr. Haji Abd. Latiff bin Ahmad (Mersing) – UMNO
4. “ Timbalan Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan I, Dato' Joseph Salang anak Gandum (Julau) – PRS
5. “ Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah II, Datuk Joseph Entulu anak Belaun (Selangau) – PRS
6. “ Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani I, Dato' Wira Mohd. Johari bin Baharum, S.I.M.P., D.S.D.K., D.M.S.M., D.I.M.P., D.S.M., A.M.K., B.K.M., P.J.K., J.P. (Kubang Pasu) – UMNO
7. “ Timbalan Menteri Dalam Negeri I, Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop, D.C.S.M., D.M.S.M., K.M.N., B.K.T., J.P. (Masjid Tanah) – UMNO
8. “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim – *Senator*
9. “ Timbalan Menteri Kerja Raya, Dato' Yong Khoon Seng, D.S.P.N., K.M.N. (Stampin) – SUPP
10. “ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan II, Datuk Hajah Rohani binti Abdul Karim (Batang Lupar) – PBB
11. “ Timbalan Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air, Puan Noriah binti Kasnon, S.M.S., P.J.K. (Sungai Besar) – UMNO

12. Yang Berhormat Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri II, Dato' Jacob Dungau Sagan, P.S.B.S., J.B.S., K.M.N., P.P.B., P.P.N. (Baram) – SPDP
13. “ Timbalan Menteri Pelajaran I, Datuk Dr. Wee Ka Siong, D.M.S.M. (Ayer Hitam) – MCA
14. “ Timbalan Menteri Pengangkutan II, Tuan Jelaing anak Mersat (Saratok) – SPDP
15. “ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Haji Fadillah bin Yusof, P.G.B.K., (Petra Jaya) – PBB
16. “ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan I, Dato' Tan Lian Hoe, D.P.M.P. (Gerik) – GERAKAN
17. “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Devamany a/l S. Krishnasamy, S.M.P., P.P.T. (Cameron Highlands) – MIC
18. “ Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar, Datuk Saravanan a/l Murugan (Tapah) – MIC
19. “ Timbalan Menteri Luar Negeri I, Tuan A. Kohilan Pillay a/l G. Appu – *Senator*
20. “ Timbalan Menteri Pengajian Tinggi I, Dr. Hou Kok Chung (Kluang) – MCA
21. “ Timbalan Menteri Perusahaan, Perladangan dan Komoditi I, Dato' Hamzah bin Zainudin, D.P.M.P., D.P.T.J., K.M.N., A.M.P., P.P.T., J.P. (Larut) – UMNO
22. “ Timbalan Menteri Pengajian Tinggi II, Dato' Saifuddin bin Abdullah, D.S.A.P., D.P.M.P., D.S.M. (Temerloh) – UMNO
23. “ Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah I, Dato' Haji Hasan bin Malek, D.S.N.S., D.M.S.M., D.S.M., J.P., K.M.N., A.M.N., P.M.C., P.J.K., B.K.C., (Kuala Pilah) – UMNO
24. “ Timbalan Menteri Sumber Manusia, Dato' Maznah binti Mazlan – *Senator*
25. “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Seri Panglima Haji Lajim bin Haji Ukin, P.G.D.K., S.P.D.K., J.M.N., J.P. (Beaufort) – UMNO
26. “ Timbalan Menteri Pengangkutan I, Datuk Abdul Rahim bin Bakri (Kudat) – UMNO
27. “ Timbalan Menteri Kewangan I, Datuk Dr. Awang Adek Hussin, D.M.S.M., D.J.M.K., S.I.M.P., D.P.M.K., D.C.S.M., J.S.M. – *Senator*
28. “ Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Puan Heng Seai Kie - *Senator*
29. “ Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Rosnah binti Haji Abd. Rashid Shirlin, P.G.D.K., A.D.K. (Papar) – UMNO
30. “ Timbalan Menteri Pelajaran II, Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi, P.I.S. (Batu Pahat) – UMNO
31. “ Timbalan Menteri Belia dan Sukan II, Dato' Razali bin Haji Ibrahim (Muar) – UMNO
32. “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri I, Dato' Mukhriz bin Tun Dr. Mahathir (Jerlun) – UMNO
33. “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan, D.M.S.M. (Pontian) – UMNO

34. Yang Berhormat Timbalan Menteri Dalam Negeri II, Dato' Lee Chee Leong, D.P.M.P., A.M.P. (Kampar) – MCA
35. “ Timbalan Menteri Pelancongan, Dato' Dr. James Dawos Mamit, P.S.B.S., P.P.B., P.P.S., P.P.D. (Mambong) – PBB
36. “ Timbalan Menteri Perusahaan, Perladangan dan Komoditi II, Dato' G. Palanivel – *Senator*
37. “ Timbalan Menteri Kewangan II, Dato' Donald Lim Siang Chai – *Senator*
38. “ Timbalan Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan II, Datuk Maglin Dennis D'Cruz – *Senator*
39. “ Timbalan Menteri Belia dan Sukan I, Tuan Gan Ping Sieu – *Senator*
40. “ Timbalan Menteri Luar Negeri II, Datuk Richard Riot anak Jaem, P.J.N., J.B.S., K.M.N. (Serian) – SUPP
41. “ Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani II, Tuan Chua Tee Yong (Labis) – MCA

AHLI-AHLI (BN)

1. Yang Berhormat Datuk Aaron Ago anak Dagang (Kanowit) – PRS
2. “ Datuk Abd. Rahman Bakri, A.S.A. (Sabak Bernam) – UMNO
3. “ Dato' Abd. Rahman Dahlan, D.I.M.P., A.D.K. (Kota Belud) – UMNO
4. “ Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur Salleh (Kalabakan) – UMNO
5. “ Tun Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, S.U.M.Z., D.K.1 (Johor), S.P.M.S., S.S.S.J., S.P.S.A., S.S.A.P., S.P.D.K., D.U.N.M., D.P., S.P.N.S., D.G.P.N., D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N. (Kepala Batas) – UMNO
6. “ Dato' Seri Dr. Abdullah Md. Zin, D.P.M.T. (Besut) – UMNO
7. “ Dato' Abdul Manan Ismail, D.I.M.P., P.K.C. (Paya Besar) – UMNO
8. “ Datuk Abdul Wahab Dolah (Igan) – PBB
9. “ Dato' Paduka Abu Bakar bin Taib, D.H.M.S., D.S.D.K., S.D.K., K.M.N., B.C.K., P.J.K., (Langkawi) – UMNO
10. “ Datuk Wira Haji Ahmad Hamzah, D.C.S.M., D.M.S.M., K.M.N., P.J.K. (Jasin) – UMNO
11. “ Tuan Haji Ahmad Lai Bujang, A.B.S. (Sibuti) – PBB
12. “ Datuk Alexander Nanta Linggi (Kapit) – PBB
13. “ Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said, S.P.M.P. (Pengerang) – UMNO
14. “ Yang Berhormat Dato' Seri Haji Azmi Khalid, D.P.M.P., S.M.P., P.J.K. (Padang Besar) – UMNO
15. ” Datuk Haji Baharum bin Haji Mohamed, D.M.S.M., A.M.N., P.I.S. (Sekijang) – UMNO
16. “ Datuk Billy Abit Joo, K.M.N. (Hulu Rajang) – PRS
17. “ Datuk Bung Moktar bin Radin (Kinabatangan) – UMNO
18. “ Tuan Ding Kuong Hiing (Sarikei) – SUPP
19. “ Tan Sri Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn, D.G.S.M., D.M.S.M. (Alor Gajah) – MCA
20. “ Datuk Halimah binti Mohd. Sadique, P.J.N., P.I.S. (Tenggara) – UMNO
21. “ Ir. Haji Hamim bin Samuri (Ledang) – UMNO

22. Yang Berhormat Tuan Haji Hasbi Haji Habibollah (Limbang) – PBB
23. “ Dato’ Henry Sum Agong (Lawas) – PBB
24. “ Datuk Ir. Haji Idris bin Haji Haron, D.M.S.M., D.S.M. (Tangga Batu) – UMNO
25. “ Dato’ Ismail bin Abd. Muttalib, D.I.M.P., S.A.P., A.A.P., A.M.P., P.K.C. (Maran) – UMNO
26. “ Datuk Ismail Kasim, D.P.M.P., S.M.P., A.M.P. (Arau) – UMNO
27. ” Dato’ Haji Ismail bin Mohamed Said (Kuala Krau) – UMNO
28. “ Dato’ Seri Dr. Jamaluddin Mohd. Jarjis, S.I.M.P., D.I.M.P., S.A.P. (Rompin) – UMNO
29. “ Tan Sri Datuk Seri Joseph Pairin Kitingan (Keningau) – PBS
30. “ Datuk Juslie Ajirol (Libaran) – UMNO
31. “ Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan (Hulu Selangor) - MIC
32. “ Tuan Khairy Jamaluddin (Rembau) – UMNO
33. “ Tuan Liang Teck Meng (Simpang Renggam) – GERAKAN
34. “ Dato’ Lilah bin Yasin, D.S.N.S. (Jempol) – UMNO
35. “ Datin Linda Tsen Thau Lin (Batu Sapi) – PBS
36. “ Datuk Dr. Marcus Mojigoh, P.G.D.K., J.S.M., A.D.K., B.S.K. (Putatan) – UPKO
37. “ Tuan Masir Kujat, P.P.B. (Sri Aman) – PRS
38. “ Tuan Matulidi Jusoh, P.P.N., P.J.K. (Dungun) – UMNO
39. “ Datuk Md. Sirat Abu, D.M.S.M., K.M.N., B.K.T., P.J.K., J.P. (Bukit Katil) – UMNO
40. “ Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz (Sri Gading) – UMNO
41. “ Dato’ Dr. Mohamad Shahrum Osman, D.I.M.P., A.M.P. (Lipis) – UMNO
42. “ Dato’ Mohd. Jidin Shafee, D.P.M.T., D.M.S.M., K.M.N., A.M.N. (Setiu) – UMNO
43. “ Datuk Mohd. Nasir Ibrahim Fikri, D.M.P.T. (Kuala Nerus) – UMNO
44. “ Tuan Haji Mohd. Nor Othman, A.M.N., P.J.C., P.J.K. (Hulu Terengganu) – UMNO
45. “ Tuan Mohd. Nizar Haji Zakaria, A.M.P. (Parit) – UMNO
46. “ Dato’ Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad (Kangar) – UMNO
47. “ Dato’ Sri Ir. Mohd. Zin bin Mohamed, D.P.M.S., D.P.T.J., S.S.A.P., J.P. (Sepang) – UMNO
48. “ Dato’ Sri Dr. Muhammad Leo Michael Toyad Abdullah, P.N.B.S., P.G.B.K., J.B.S. (Mukah) – PBB
49. “ Puan Hajah Nancy Shukri (Batang Sadong) – PBB
50. “ Datuk Hajah Norah Abd. Rahman (Tanjong Manis), P.J.N. – PBB
51. “ Dato’ Noraini binti Ahmad (Parit Sulong) – UMNO
52. “ Datuk Nur Jazlan Mohamed (Pulai) – UMNO
53. “ Dato’ Seri Ong Ka Chuan, S.P.M.P., D.P.M.P., P.M.P. (Tanjong Malim) – MCA

54. Yang Berhormat Tan Sri Dato' Seri Ong Ka Ting, P.M.N., S.P.M.P., D.P.M.S., D.P.M.P. (Kulai) – MCA
55. “ Dato' Sri Ong Tee Keat, P.J.N., S.M.S. (Pandan) – MCA
56. “ Tan Sri Rafidah Aziz, S.M.P.T., S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar) – UMNO
57. ” Datuk Raime Unggi (Tenom) – UMNO
58. “ Tuan Haji Salleh Kalbi, A.D.K., B.K.M., P.J.K. (Silam) – UMNO
59. “ Datuk Sapawi Ahmad Wasali (Sipitang) – UMNO
60. ” Datuk Seri Utama Shahrir bin Abdul Samad (Johor Bahru) – UMNO
61. “ Dato' Shamsul Anuar Nasarah, D.P.M.P., S.M.S., P.P.N., P.P.T. (Lenggong) – UMNO
62. “ Datuk Siringan Gubat (Ranau) – UPKO
63. “ Dato' Sri Sulaiman Abdul Rahman bin Abdul Taib (Kota Samarahan) – PBB
64. “ Tan Sri Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar, P.M.N., S.P.M.K., S.P.M.J., D.P.P.N., D.G.S.M., S.P.D.K., D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi) – UMNO
65. “ Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman, D.P.M.P., D.M.S.M., K.M.N., A.M.P., J.P. (Pasir Salak) – UMNO
66. “ Puan Tan Ah Eng (Gelang Patah) – MCA
67. “ Tuan Teng Boon Soon (Tebrau) – MCA
68. “ Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor, S.S.A.P. (Putrajaya) – UMNO
69. “ Tan Sri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar, S.P.T.J., D.S.A.S. (Jerantut) – UMNO
70. “ Tengku Razaleigh Hamzah (Gua Musang) – UMNO
71. “ Dato' Seri Tiong King Sing (Bintulu) – SPDP
72. “ Datuk Tiong Thai King, P.G.B.K. (Lanang) – SUPP
73. “ Datuk Dr. Tekhee @ Tiki anak Lafe, D.M.S.M. (Mas Gading) – SPDP
74. “ Datuk Wee Jeck Seng (Tanjong Piai) – MCA
75. “ Datuk Seri Panglima Wilfred Mojilip Bumburing, S.P.D.K., P.G.D.K., P.J.N., J.S.M., J.P. (Tuaran) – UPKO
76. “ Tuan William @ Nyallau anak Badak, P.B.B., P.P.S. (Lubok Antu) – PRS
77. “ Datuk Haji Yusof Haji Mahal, D.M.S.M. (Labuan) – UMNO
78. “ Dato' Sri Haji Zulhasnan bin Rafique, D.I.M.P., A.M.N., (Setiawangsa) – UMNO

AHLI-AHLI (PKR)

1. Yang Berhormat Tuan Haji Ab. Aziz Ab. Kadir (Ketereh)
2. “ Tan Sri Dato' Seri Abdul Khalid bin Ibrahim, D.P.M.S., D.S.A.P., P.S.M. (Bandar Tun Razak)
3. “ Tuan Abdullah Sani Abdul Hamid (Kuala Langat)
4. “ Tuan Ahmad Kasim (Kuala Kedah)
5. “ Tuan Amran bin Ab. Ghani (Tanah Merah)
6. “ Dato' Seri Anwar Ibrahim (Permatang Pauh)

7. Yang Berhormat Tuan Azan Ismail (Indera Mahkota)
8. “ Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua (Batu)
9. “ Puan Fuziah Salleh (Kuantan)
10. “ Tuan Gwo Burne Loh (Kelana Jaya)
11. “ Tuan Hee Loy Sian (Petaling Jaya Selatan)
12. “ Dato’ Johari Abdul, D.S.D.K., (Sungai Petani)
13. “ Dato’ Kamarul Baharin Abbas, D.S.S.A. (Telok Kemang)
14. “ Dr. Lee Boon Chye (Gopeng)
15. “ Tuan Mohamed Azmin Ali (Gombak)
16. “ Tuan Mohd. Yusmadi Mohd. Yusoff (Balik Pulau)
17. “ Puan Nurul Izzah Anwar (Lembah Pantai)
18. “ Dato’ Rashid Din, S.M.K., D.I.M.P. (Merbok)
19. “ Tuan R. Sivarasa (Subang)
20. “ Tuan Saifuddin Nasution Ismail (Machang)
21. “ Tuan S. Manickavasagam (Kapar)
22. “ Tuan William Leong Jee Keen (Selayang)
23. “ Puan Hajah Zuraida Kamaruddin (Ampang)

AHLI-AHLI (DAP)

1. Yang Berhormat Tuan Charles Anthony Santiago (Klang)
2. “ Tuan Chong Chieng Jen (Bandar Kuching)
3. “ Puan Chong Eng (Bukit Mertajam)
4. “ Tuan Chow Kon Yeow (Tanjong)
5. “ Tuan Er Teck Hwa (Bakri)
6. “ Tuan Fong Kui Lun (Bukit Bintang)
7. “ Puan Fong Po Kuan (Batu Gajah)
8. “ Tuan Gobind Singh Deo (Puchong)
9. “ Tuan Hiew King Cheu (Kota Kinabalu)
10. “ Tuan Jeff Ooi Chuan Aun (Jelutong)
11. “ Tuan John Fernandez (Seremban)
12. “ Tuan Liew Chin Tong (Bukit Bendera)
13. “ Tuan Lim Guan Eng (Bagan)
14. “ Tuan Lim Kit Siang (Ipoh Timur)
15. “ Tuan Lim Lip Eng (Segambut)
16. “ Tuan Loke Siew Fook (Rasah)
17. “ Tuan M. Kulasegaran (Ipoh Barat)
18. “ Tuan M. Manogaran (Telok Intan)
19. “ Tuan Nga Kor Ming (Taiping)
20. “ Dato’ Ngeh Koo Ham (Beruas)

21. Yang Berhormat Prof. Dr. P. Ramasamy (Batu Kawan)
22. “ Tuan Tony Pua Kiam Wee (Petaling Jaya Utara)
23. “ Tuan Karpal Singh (Bukit Gelugor)
24. “ Tuan Sim Tong Him (Kota Melaka)
25. “ Tuan Tan Kok Wai (Cheras)
26. “ Dr. Tan Seng Giaw (Kepong)
27. “ Puan Teo Nie Ching (Serdang)
28. “ Puan Teresa Kok Suh Sim (Seputeh)
29. “ Tuan Wong Ho Leng (Sibu)

AHLI-AHLI (PAS)

1. Yang Berhormat Dato' Seri Haji Abdul Hadi Awang (Marang)
2. “ Dato' Ab. Halim bin Ab. Rahman, D.P.M.K. (Pengkalan Chepa)
3. “ Tuan Che Uda bin Che Nik, B.C.K., A.M.N. (Sik)
4. “ Dr. Che Rosli Che Mat (Hulu Langat)
5. “ Dr. Dzulkefly Ahmad (Kuala Selangor)
6. “ Dato' Kamaruddin Jaffar, B.C.M., D.S.N.S. (Tumpat)
7. “ Tuan Khalid Abd. Samad (Shah Alam)
8. “ Dr. Lo' Lo' Haji Mohamad Ghazali (Titiwangsa)
9. “ Dato' Mahfuz bin Haji Omar, D.S.D.K., (Pokok Sena)
10. “ Dato' Seri Ir. Mohammad Nizar bin Jamaluddin (Bukit Gantang)
11. “ Tuan Haji Mohd. Abdul Wahid bin Endut (Kuala Terengganu)
12. “ Tuan Mohd. Firdaus bin Jaafar (Jerai)
13. “ Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli (Kuala Krai)
14. “ Dato' Dr. Mohd. Hayati bin Othman (Pendang)
15. “ Tuan Mohd. Nasir bin Zakaria (Padang Terap)
16. “ Tuan Muhammad bin Husin (Pasir Puteh)
17. “ Dr. Mujahid Yusof Rawa (Parit Buntar)
18. “ Tuan Haji Nasharuddin Mat Isa (Bachok)
19. “ Tuan Salahuddin Haji Ayub (Kubang Kerian)
20. “ Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud (Kota Raja)
21. “ Puan Siti Zailah Mohd. Yusoff (Rantau Panjang)
22. “ Dato' Haji Taib Azamudden Md. Taib, J.B.S., A.M.N. (Baling)
23. “ Dato' Haji Wan Abd. Rahim Wan Abdullah, D.J.M.K. (Kota Bharu)

AHLI (PSM)

1. Yang Berhormat Dr. M. Jeyakumar Devaraj (Sungai Siput)

AHLI (Bebas)

1. Yang Berhormat Datuk Chua Soon Bui, P.G.D.K. (Tawau) – SAPP
2. “ Datuk Eric E. Majimbun, P.G.D.K. (Sepanggar) – SAPP
3. “ Dato’ Ibrahim Ali, D.J.M.K., D.P.M.S., D.M.S.M. (Pasir Mas)
4. “ Tuan Mohsin Fadzil Samsuri (Bagan Serai)
5. “ Tuan Tan Tee Beng (Nibong Tebal)
6. “ Tuan Wee Choo Keong, S.M.K. (Wangsa Maju)
7. “ Dato’ Seri Zahrain Mohamed Hashim, D.S.P.N., P.J.K. (Bayan Baru)
8. “ Dato’ Zulkifli bin Noordin (Kulim Bandar Baharu)
9. “ Tuan N. Gobalakrishnan (Padang Serai)

DEWAN RAKYAT**Ketua Pentadbir Parlimen**

Dato' Ngah Senik

Setiausaha Dewan Rakyat

Datuk Roosme binti Hamzah

Setiausaha Bahagian (Pengurusan Dewan)

Encik Che Seman bin Pachik

PETUGAS-PETUGAS PENYATA RASMI (HANSARD)

Azhari bin Hamzah

Monarita binti Mohd Hassan

Rosna binti Bujairomi

Hajah Supiah binti Dewak

Nurziana binti Ismail

Suriyani binti Mohd. Noh

Aisyah binti Razki

Yoogeswari a/p Muniandy

Nor Liyana binti Ahmad

Zatul Hijanah binti Yahya

Sharifah Nor Asilah binti Syed Basir

Nik Nor Ashikin binti Nik Hassan

Hafilah binti Hamid

Siti Norhazarina binti Ali

Mohd. Shahrul Hafiz bin Yahaya

Mulyati binti Kamarudin

Nor Faraliza binti Murad @ Nordin Alli

Ganesan a/l Nanthan

Nor Hamizah binti Haji Hassan

Azmir bin Mohd Salleh

Nur Nazihah binti Mohd. Nazir

Noraidah binti Manaf

Mohd. Fairus bin Mohd. Padzil

Mohd. Zaidi bin Mahmood

Mohd. Izwan bin Mohd. Esa

Hazrul bin Sharif

Nor Kamsiah binti Asmad

Siti Zubaidah binti Karim

Aifarina binti Azaman

Noorfazilah binti Talib

Farah Asyraf binti Khairul Anuar

Julia binti Mohd. Johari

Ainuddin bin Ahmad Tajuddin

MALAYSIA**DEWAN RAKYAT**

Selasa, 21 Jun 2011

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]**PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA****MESYUARAT DEWAN RAKYAT DITAMBAH DUA HARI**

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli yang terhormat, saya telah menerima satu perutusan daripada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri selaku Ketua Majlis memaklumkan bahawa kerajaan telah memutuskan supaya Mesyuarat Dewan Rakyat yang sedang bersidang dan akan berakhir 28 Jun 2011 ditambah dua hari lagi iaitu dari 29 Jun sehingga 30 Jun 2011. Tambahan ini diperlukan bagi membolehkan rang undang-undang dan urusan-urusan kerajaan yang lain dapat diselesaikan. Permohonan ini adalah selaras dengan Peraturan Mesyuarat 11(2), Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat.

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Tuan Khairy Jamaluddin [Rembau]** minta Menteri Kewangan menyatakan, apakah Bank Negara Malaysia berhasrat untuk menyemak atau meminda Kadar Dasar Semalaman (*Overnight Policy Rate*) dan keperluan Rizab Berkanun (*Statutory Reserve Requirement*) bagi bank-bank tempatan sehingga akhir tahun ini. Sila jelaskan sebab-sebabnya sekiranya ya mahupun tidak.

Timbalan Menteri Kewangan I [Datuk Dr. Awang Adek Hussin]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, keputusan menaikkan Kadar Dasar Semalaman (*Overnight Policy Rate*) dengan izin, sebanyak 25 mata asas kepada 3 peratus pada 5 Mei 2011 adalah bertujuan untuk menyelaraskan tahap dasar *monitory* yang *accommodative* dan mengurangkan sebarang risiko terhadap pertumbuhan secara mampan ekonomi Malaysia serta kestabilan sistem kewangan. Langkah ini bagi memastikan kemakmuran negara terus utuh dalam jangka masa panjang.

Selain itu, sebagaimana yang berlaku pada krisis sub prima di Amerika Syarikat serta gelembung aset (*asset bubble*) di negara maju yang lain, pengekalan kadar faedah pada tahap yang terlalu rendah bagi satu tempoh masa yang lama akan mendorong kepada aktiviti spekulasi dan *leverage* yang berlebihan. Ia juga akan menyebabkan tanggapan yang salah terhadap tahap risiko yang akan membawa kepada kelemahan pertumbuhan ekonomi. Perkembangan semasa ekonomi negara-negara maju membuktikan keadaan tersebut akan menyebabkan ekonomi dan sistem kewangan yang lemah, pengangguran yang lebih tinggi dan terhakisnya kebajikan ekonomi. Langkah awal terhadap paras OPR adalah perlu bagi memastikan sektor isi rumah dan perniagaan tidak mengurangkan tabungan mereka dengan ketara atau membuat pinjaman yang berlebihan.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat juga berdasarkan kepada penilaian semasa ekonomi Malaysia dijangka akan berkembang pada kadar pertumbuhan yang mampan di antara 5 peratus hingga 6 peratus pada tahun 2011. Ini membolehkan paras OPR diselaraskan semula ke paras yang lebih wajar. Pada masa yang sama, kadar inflasi dijangka berada pada paras purata antara 2.5 peratus hingga 3.5 peratus. Oleh yang demikian pendirian dasar *monitory* pada masa hadapan bergantung kepada penilaian terhadap perkembangan dalam petunjuk makro ekonomi tersebut serta tanda-tanda awal risiko terhadap kestabilan makro ekonomi dan kewangan negara.

Tuan Yang di-Pertua, keputusan untuk menaikkan Keperluan Rizab Berkanun (*Statutory Reserve Requirement*) dengan izin, adalah sebagai langkah pencegahan untuk menyerap *liquidity* dalam pasaran yang berlebihan untuk menangani risiko akibat peralihan besar aliran modal ke dalam ekonomi sedang pesat membangun termasuk negara kita Malaysia. Peningkatan tahap mudah tunai ini sekiranya tidak diuruskan dengan baik boleh mendorong peminjam dan aktiviti pengambilan risiko yang melampau yang boleh menyebabkan ketidakseimbangan kewangan. Sebarang perubahan pada kadar SRR di masa hadapan akan ditentukan berdasarkan perkembangan aliran modal dan keperluan untuk mengurus kadar mudah tunai dalam sistem perbankan negara, terima kasih.

Tuan Khairy Jamaluddin [Rembau]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya memahami keperluan untuk menaikkan rizab berkanun untuk menyerap kecairan tinggi (*excess liquidity*) dalam sistem ekonomi negara dan perbankan negara. Namun kenaikan kadar dasar semalam OPR menimbulkan tanda tanya kepada saya terutamanya kalau sekiranya diberi contohnya sebab dikatakan untuk mendinginkan ekonomi yang panas. Saya melihat hanya beberapa sektor sahaja, contohnya sektor hartanah yang mengalami gelembung harga ataupun *asset bubble*, yang lain masih lagi dalam pertubuhan yang sederhana.

Kalau inflasi banyak inflasi disebabkan input, *cost push inflation* bukan *demand inflation*. Katakan untuk menggalakkan tabungan ataupun penjimatan, saya rasa kita perlukan untuk menggalakkan perbelanjaan dan bukan sebaliknya. Jadi soalan saya, apakah kita walaupun dasar *monitory* ini bebas *independent* memberikan pandangan kepada OPR ini tidak dinaikkan lagi untuk tahun ini memandangkan kenaikan OPR ini akan ada kesan kepada kadar pemberian pinjaman asas (*base lending rate*).

■1010

Ini sudah pasti akan meningkatkan kos perniagaan dan kesan yang lebih besar lagi adalah kepada isi rumah yang mengalami beban hutang sebanyak 76 peratus KDNK. Pada hari ini inflasi walaupun 3 peratus tetapi barang-barang keperluan sudah naik dengan mendadak sekali sehingga 10 peratus ke 11 peratus kalau kita melihat kepada makanan dan sebagainya, jadi apa pandangan dan pendapat Yang Berhormat Timbalan Menteri?

Datuk Dr. Awang Adek Hussin: Terima kasih Yang Berhormat Rembau, memang apa-apa tindakan ekonomi boleh menarik pandangan yang berbeza, yang menyokong dan tidak menyokong dan banyak hujah-hujah yang boleh dibuat kedua-dua belahnya. Akan tetapi pada akhir-akhirnya satu *judgement*, keputusan perlu dibuat dan ini telah dibuat oleh Bank Negara Malaysia. Pada dasarnya, dasar kewangan negara ataupun khususnya Dasar Monetari ini adalah dasar yang dilaksanakan oleh Bank Negara Malaysia secara bebas dan ini merupakan menjadi amalan di kebanyakan negara di dunia ini kerana kadangkala Dasar Monetari ini perlu kepada kebebasan supaya ianya tidak dipengaruhi oleh mana-mana pertimbangan yang mungkin tidak wajar.

Apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Rembau itu ada kewajaran sesetengahnya tetapi perlu diingat bahawa kadar faedah, OPR ini seharusnya merupakan satu *benchmark* kepada kadar faedah secara keseluruhan dalam sesebuah ekonomi. Jadi, kalau OPR ini kekal pada tahap yang rendah bermakna kadar faedah dalam ekonomi tidak akan meningkat dan memandangkan kepada keadaan ekonomi yang sudah pun pulih, tekanan inflasi yang sedang dirasakan walaupun masih lagi terkawal, maka inilah sebabnya tindakan yang diambil oleh Bank Negara Malaysia dan ini merupakan tindakan yang diambil oleh bank-bank pusat di seluruh dunia. Kalau saya boleh bagi sedikit maklumat mengenai keadaan serantau, Yang Berhormat Kepong selalu suka keadaan serantau.

Malaysia dan Thailand merupakan dua negara yang mempunyai OPR yang paling rendah 3 peratus, Korea telah pun meningkat kepada 3.25 peratus, Filipina pada 4.5 peratus, Negara China kepada 6.13 peratus, Indonesia kepada 6.75 peratus. Bermakna secara keseluruhannya, negara-negara di rantau ini sudah pun meningkat secara perlahan-lahan OPR nya. Jadi, tidaklah sesuatu yang dilakukan oleh Bank Negara Malaysia itu di luar daripada yang dilakukan oleh kebanyakan negara di rantau ini dan saya rasa ini adalah satu *signal* dengan izin, yang lebih merupakan satu *signal* supaya dalam suasana ekonomi sekarang, kadar inflasi sekarang, perkembangan semasa, kadar faedah dan OPR khususnya, tidak akan lagi dikekalkan pada tahap yang serendah sebelum ini. Terima kasih.

Puan Nurul Izzah Anwar [Lembah Pantai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya hanya mahu menanyakan apakah *indicator* yang digunakan oleh pihak kementerian dalam memastikan langkah-langkah yang dilaksanakan ini, khusus oleh Bank Negara Malaysia mempunyai kesan biarpun berkait dengan kadar dasar secara semalaman. Seperti yang dibangkitkan oleh Ahli Parlimen Rembau tadi, inflasi yang benar-benar dirasakan oleh masyarakat pun jauh lebih tinggi daripada *indicator* atau statistik yang diberikan oleh Bank Negara Malaysia.

Maka *indicator* apakah yang digunakan oleh kementerian dalam memastikan keberkesanan langkah yang diambil oleh Bank Negara Malaysia untuk melihat adanya bukan sahaja penyejukan iklim pelaburan tetapi juga pemanasan iklim ekonomi domestik. Bagaimanakah kerajaan meyakini langkah-langkah yang diambil ini sementara kita buat masa ini tidak mempunyai model ekonomi yang khusus, yang diikuti oleh Malaysia? Mohon penjelasan.

Datuk Dr. Awang Adek Hussin: Terima kasih Yang Berhormat lembah pantai. Sebenarnya *indicator* yang digunakan oleh kerajaan dan juga Bank Negara Malaysia adalah pelbagai. Bukan sahaja *indicator* dalam negara tetapi juga di luar negara khususnya dalam pengendalian Dasar Monetari ini kerana perubahan kadar kaedah akan memberi kesan kepada aliran modal sama ada masuk ataupun keluar. Bahkan kemasukan aliran modal yang begitu ketara ke dalam negara-negara di rantau ini yang menyebabkan mudah tunai yang meningkat, memerlukan kepada dasar kewangan yang sesuai untuk memastikan mudah tunai yang berlebihan ini tidak mendatangkan kesan-kesan negatif dalam ekonomi.

Jadi, kadar faedah antarabangsa, kadar faedah serantau, inflasi Malaysia, inflasi antarabangsa, harga komoditi, kadar pertumbuhan hutang-hutang isi rumah dan hutang-hutang *credit card* – ini juga semua perlu diambil kira kerana kalau kadar faedah itu terlalu rendah ini juga boleh bukan sahaja kadar faedah yang tinggi membebankan pemiutang, kadar faedah yang rendah boleh menggalakkan orang ramai berhutang dengan lebih banyak, yang akan menyebabkan masalah di kemudian hari. Ini semua perlu diambil kira Yang Berhormat Lembah Pantai, pengendalian dan pengurusan ekonomi negara cukup kompleks dan perlu dilaksanakan dengan penuh kebijaksanaan seperti mana yang dilakukan oleh kerajaan sekarang. Terima kasih.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Soalan tambahan Tuan Yang di-Pertua, soalan yang sama yang saya bangkitkan dalam soalan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Kepong, lain kali Yang Berhormat Kuala Selangor. Nanti saya panggil.

2. Dr. Tan Seng Giaw [Kepong] minta Menteri Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar menyatakan, tahap perkhidmatan DBKL berbanding dengan bandar raya maju di dunia. Apakah usaha untuk mempertingkatkaninya.

Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar [Datuk Saravanan a/l Murugan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya menjawab soalan nombor dua izinkan saya mengalu-alukan kedatangan murid-murid daripada Sekolah Agama Al-Khairiah Segamat dan juga wakil-wakil masyarakat Rukun Tetangga daripada Larut Matang, Taiping, Perak. Selamat datang... [Tepuk]

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat melalui kajian oleh *Mercer Quality of Living Survey* dengan izin, *Worldwide Ranking 2009*, Bandaraya Kuala Lumpur telah berada di kedudukan nombor 75 dari 215 bandar raya di seluruh dunia pada tahun 2008 dan tahun 2009. Bandar raya terbaik di dunia ialah Vienna, Zurich, Geneva and Vancouver. Dalam kelompok bandar raya di Asia Pasifik pula, bandar raya Kuala Lumpur berada di kedudukan nombor 10 daripada 197 bandar raya selama 2 tahun berturut-turut iaitu pada tahun 2008 dan tahun 2009. Bandar raya terbaik di Asia Pasifik pula adalah Singapura, Tokyo, Yokohama, Kobe, Osaka, Nagoya, Hong Kong..., dan Kuala Lumpur.

Aspek-aspek yang dinilai dalam menentukan kedudukan kajian ini adalah berdasarkan kepada 10 kategori iaitu:

- (i) kedudukan ekonomi
- (ii) politik;

- (iii) persekitaran sosial;
- (iv) sosiobudaya;
- (v) kesihatan dan sanitasi;
- (vi) sekolah dan pendidikan;
- (vii) perumahan;
- (viii) persekitaran semula jadi;
- (ix) rekreasi; dan
- (x) barangan pengguna.

Terdapat pelbagai usaha yang dibuat untuk meningkatkan lagi tahap perkhidmatan di Kuala Lumpur oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur adalah seperti berikut:

- (i) membangunkan pelan strategik Kuala Lumpur yang objektifnya adalah untuk merangka matlamat teras strategik dan pelan tindakan bagi tempoh sepuluh tahun daripada tahun 2010 sehingga tahun 2020;
- (ii) pengukuran pencapaian Petunjuk Prestasi Utama (KPI) yang berobjektifkan pengukuran prestasi perkhidmatan-perkhidmatan yang disediakan oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur kepada warga kota pada tahun 2010 secara keseluruhannya pencapaian KPI adalah sebanyak 89 peratus;
- (iii) pengukuran pencapaian piagam pelanggan yang memberi pendekatan objektif kepada sesuatu jaminan yang dapat memenuhi janji kepada para pelanggan dan mampu disampaikan oleh organisasi untuk perkhidmatan-perkhidmatan yang diberikan. Dewan Bandaraya Kuala Lumpur mempunyai sembilan piagam pelanggan yang melibatkan perkhidmatan-perkhidmatan utama. Sehingga April 2011, pencapaian piagam pelanggan secara keseluruhannya adalah sebanyak 92.3 peratus; dan
- (iv) membangunkan piawai perancangan penyediaan kemudahan masyarakat 2020 dengan menetapkan penyediaan kemudahan-kemudahan masyarakat berdasarkan jumlah penduduk. Contohnya, kemudahan-kemudahan yang disediakan oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur adalah untuk kegunaan warga kota seperti kemudahan komoditi awam, kawasan lapang, kemudahan rekreasi dan sukan, serta keperluan tanah perkuburan. Terima kasih.

■1020

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya nampak ada usaha dari pihak kementerian dan juga Dewan Bandaraya Kuala Lumpur untuk meningkatkan perkhidmatan dan saya berharap bukan kerana kedudukan kita di dunia iaitu 75. Kalau boleh dalam lingkungan yang kesepuluh itu, itulah mesti dijadikan satu matlamat.

Walau bagaimanapun, adakah Yang Berhormat sedar bahawa perkhidmatan ini mesti dipertingkatkan lagi walaupun kesedaran sivik itu kurang dan bukan semua itu kesalahan DBKL. Akan tetapi, kita nampak di merata-rata tempat adakah Yang Berhormat sedar tikus sebesar ini... *[Menggunakan tangan bagi menggambarkan saiz tikus]* Tikus yang besar!... *[Ketawa]* Kucing pun takut padanya!

Pengangkutan, kesesakan, bangunan yang mencakar langit kita akan adakan di kawasan Stadium Merdeka, 100 tingkat lagi tetapi kesesakan lalu lintas dan kekurangan tempat untuk meletak kereta, itu masalahnya. Perkhidmatan mesti dipertingkatkan dan dengan inilah saya nampak pihak kerajaan hendak melaksanakan MRT. Mungkin ini akan melegakan sedikit, tetapi walau bagaimanapun yang ada sekarang itu mesti dipertingkatkan. Ini termasuk banjir kilat, penyelenggaraan jalan yang kurang terutamanya di *Golden Triangle* Tuan Yang di-Pertua.

The Golden Triangle di mana letaknya kedutaan pelbagai negara, tetapi penyelenggaraan jalan dan longkang oh dahsyat! *Golden Triangle*, tetapi perkhidmatan tidak begitu *golden*.

Ada banyak lagi tetapi oleh kerana hanya soalan tambahan sahaja, termasuk e-*Services* dan dengan e-mel kita itu kalau kita hantar e-mel misalnya ke jpp@dbkl.gov.my memang ditendang balik! Itu e-mel tendang. Bolehkah Yang Berhormat terangkan bagaimana kita boleh mempertingkatkan perkhidmatan di pelbagai segi bukan sahaja sekadar kedudukan di dunia.

Datuk Saravanan a/l Murugan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat atas pandangan yang terbuka untuk kita sama-sama meningkatkan taraf kedudukan Bandaraya Kuala Lumpur ke arah bandar raya bertaraf antarabangsa menjelang tahun 2020.

Tuan Yang di-Pertua, saya sendiri setuju dengan apa yang disebutkan oleh rakan seperjuangan saya daripada Kepong. Di Kuala Lumpur mengikut lawatan saya ataupun kajian saya mungkin berpendapat populasi tikus lebih daripada populasi manusia di Wilayah Persekutuan. Salah satu punca adalah pusat-pusat penjaja di seluruh Wilayah Persekutuan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang saiz besar begini pun.. [*Menggunakan tangan bagi menggambarkan saiz tikus*] Setuju juga?

Datuk Saravanan a/l Murugan: Mungkin ada. Apabila saya melawat baru-baru ini di kawasan Masjid India, mungkin lebih besar daripada kucing... [*Ketawa*] sehingga kucing pun takut. Akan tetapi, walau bagaimanapun sebagai kerajaan yang prihatin, Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar...

Tuan Yang di-Pertua: Itu bukan tikus lagi Yang Berhormat, mungkin spesies baru... [*Ketawa*]

Datuk Saravanan a/l Murugan: Kita akan siasat. Tuan Yang di-Pertua, walau bagaimanapun sebagai kementerian ataupun kerajaan yang bertanggungjawab dan prihatin, langkah-langkah positif sedang dan akan diambil di peringkat kementerian untuk memastikan Kuala Lumpur berjaya menjadi sebuah ibu kota bertaraf antarabangsa menjelang tahun 2020.

Baru-baru ini di peringkat kementerian, satu jawatankuasa khas telah ditubuhkan untuk memastikan kebersihan di seluruh Wilayah Persekutuan mencapai tahap efisien dan KPI kementerian yang dipertanggungjawabkan oleh saya adalah di kawasan Bukit Bintang seperti mana yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat Bukit Bintang, *Golden Triangle* akan menjadi KPI teras utama untuk menjalankan kerja-kerja pembersihan dalam jangka masa enam bulan.

Saya percaya apabila kita bersidang semula dalam Dewan yang mulia ini dalam masa enam bulan, mungkin Yang Berhormat boleh beri pandangan sama ada pencapaian kementerian memuaskan ataupun tidak. Itu yang penting dan saya beri jaminan kepada Yang Berhormat bahawa kementerian dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur memang ikhlas untuk memastikan Kuala Lumpur dijadikan sebagai satu kawasan yang cukup bersih dan *very conducive living*, dengan izin, untuk warga kota.

Keduanya mengenai isu-isu kesesakan lalu lintas. Kesesakan lalu lintas adalah salah satu ciri-ciri *the developed Malaysian* ataupun *world class city*. Di seluruh negara di dunia sama ada di Australia, Perth atau mana-mana ibu kota bertaraf antarabangsa, salah satu ciri adalah kesesakan lalu lintas. Akan tetapi, langkah-langkah positif untuk mengatasinya yang kementerian akan ambil adalah dengan adanya peningkatan sistem pengangkutan efektif melalui MRT dan juga tempat-tempat letak kereta di bangunan. Saya percaya dan yakin kita akan dapat mengatasi masalah ini menjelang tahun 2020. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Setiawangsa. Saya kena panggil Yang Berhormat Setiawangsa kerana beliau duduk di DBKL. Silakan.

Dato' Sri Haji Zulhasnan bin Rafique [Setiawangsa]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Kuala Lumpur telah maju daripada sebuah bandar lombong pada tahun 50-an dan 60-an kepada sebuah bandar yang hampir maju. Dengan itu, beberapa langkah telah diambil oleh Bandaraya Kuala Lumpur. Satu daripadanya adalah untuk mewujudkan *one-stop centre* atau pusat setempat pada tahun 2007 untuk menentukan kita dapat meningkatkan perkhidmatan integrasi, tahap sivik kerjasama di antara rakyat dan DBKL.

Saya minta Yang Berhormat Timbalan Menteri maklum status dan kemajuan *one-stop centre* atau pusat setempat ini, adakah ia telah meningkatkan Bandar Raya Kuala Lumpur menjadi satu bandar raya yang lebih maju kalau dibandingkan dengan tahun-tahun sebelum ini? Terima kasih.

Datuk Saravanan a/l Murugan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada mantan Menteri Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar. Sudah lama tidak menjawab soalan beliau. Sebelum beliau menjadi Menteri, saya selalu menjawab soalnya di kementerian. Akan tetapi hari ini...

Seperti mana Tuan Yang di-Pertua di Dewan ini sedia maklum, *one-stop centre* ataupun OSC telah diperkenalkan pada tahun 2007 semasa mantan Yang Berhormat menjadi Menteri Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar dan dengan adanya *one-stop centre* kita dapat mengatasi banyak masalah dalam masa yang singkat khususnya di Kuala Lumpur di mana pencapaian KPI untuk tahun 2010, kerosakan berbentuk kecemasan akan diambil tindakan seperti berikut Yang Berhormat:

- (i) maklumat awal mengenai tindakan pembaikan dibuat dalam tempoh masa 24 jam dari tarikh aduan diterima. Pencapaian kecemasan diberi maklum balas dalam tempoh masa 24 jam dan pencapaian adalah hampir 100 peratus melalui OSC; dan
- (ii) maklumat tentang tempoh pembaikan akan disampaikan dalam tempoh masa tiga hari bekerja dari tarikh aduan.

Jenis-jenis kerosakan dan kecemasan adalah seperti berikut:

- (i) awam – paip pecah ke unit, saluran najis bocor, bumbung bocor, paip bocor dalam unit, tandas tersumbat dan sebagainya; dan
- (ii) elektrik adalah baik pulih peralatan elektrik, baik pulih kerosakan pintu besi, tiada bekalan elektrik dalam unit, mengganti kabel bekalan utama ataupun MCC terbakar, baik pulih pendawaian elektrik dan sebagainya.

Dengan adanya *one-stop centre*, penduduk warga kota telah dapat berhubung dengan pihak PBT dengan cepat dan tindakan akan diambil oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dalam masa terdekat dan kebanyakannya adalah dalam tempoh masa 24 jam. Terima kasih.

3. Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong] minta Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat menyatakan, statistik miskin tegar mengikut pecahan kaum seluruh negara sehingga tahun 2010 dan jumlah masyarakat Orang Asli di negara ini terlibat dengan program 1 AZAM dan sejauh manakah telah berjaya meningkatkan taraf ekonomi mereka.

Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Puan Heng Seai Kie]: Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, salah satu petunjuk prestasi di bawah Bidang Keberhasilan Utama Negara iaitu NKRA meningkatkan taraf hidup isi rumah berpendapatan rendah (LIH) yang diterajui oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat adalah untuk membasmi 44,643 ketua isi rumah miskin tegar pada tahun 2010 daripada senarai asal yang berdaftar di bawah sistem e-Kasih yang dikunci pada bulan Disember 2008.

■1030

Daripada jumlah tersebut, seramai 17,162 ketua isi rumah adalah terdiri daripada etnik Melayu, 525 ketua isi rumah etnik India, 398 etnik Cina, 6,338 etnik Iban, 413 ketua isi rumah etnik Kadazan, 64 etnik Orang Asli dan 19,743 ketua isi rumah adalah daripada etnik bumiputera dan lain-lain kaum di Sabah dan Sarawak.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga 31 Disember 2010, melalui pelbagai program dan inisiatif yang dijalankan di bawah NKRA-LIH, sejumlah 44,535 ketua isi rumah miskin tegar telah berjaya dibasmi daripada keseluruhan 44,643 ketua isi rumah tersebut. Bakinya, sejumlah 108 ketua isi rumah adalah merupakan ketua isi rumah yang telah keluar ke kategori miskin tetapi telah jatuh semula ke kategori miskin tegar.

Tuan Yang di-Pertua, program Satu Azam ditawarkan kepada ketua isi rumah miskin tegar dan miskin yang produktif dan berdaftar di dalam sistem e-Kasih mengikut minat dan kemahiran masing-masing bagi memastikan pengekalan projek oleh peserta. Sehingga hari ini iaitu 13 Jun 2011, program Satu Azam telah menampakkan keberkesannya dengan penyertaan sejumlah 17,610 buah ketua isi rumah daripada seluruh Malaysia. Daripada jumlah tersebut, 82 ketua isi rumah adalah daripada etnik Orang Asli daripada seluruh negara. Para peserta program Satu Azam diberikan bimbingan dan dipantau oleh agensi pelaksana iaitu Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani bagi Azam Tani, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat serta Amanah Ikhtiar Malaysia bagi Azam Niaga dan Azam Khidmat dan Kementerian Sumber Manusia bagi Azam Kerja demi memastikan pengekalan atau, dengan izin, *sustainability* projek oleh ketua isi rumah dalam usaha menjana pendapatan berterusan sekali gus meningkatkan taraf hidup serta tahap ekonomi keluarga. Memandangkan program Satu Azam masih di peringkat awal pelaksanaan, maka impak keberkesanan program ini hanya dapat diketahui pada penghujung tahun ini. Sekian, terima kasih.

Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan juga terima kasih saya ucapkan kepada Timbalan Menteri yang menjawab soalan saya tadi. Saya ingin mengucapkan tahniah kepada kementerian di atas usaha-usaha yang dilakukan dalam membantu untuk membasmi kemiskinan di negara ini. Jadi, saya hendak tahu juga, tadi dimaklumkan ada membuat pemantauan. Soalan tambahan saya adalah, apakah kaedah pengukur dan juga kaedah pemantauan dalam kita hendak menentukan program Satu Azam ini bukan hanya satu program, *one-off program* sahaja, dengan izin, dan ianya benar-benar mencapai objektif. Apakah tindakan kementerian pula kepada sesetengah pihak yang sentiasa menidakkan sumbangan besar kerajaan yang sentiasa membantu meningkatkan taraf hidup masyarakat terutamanya di kalangan masyarakat Orang Asli. Terima kasih.

Puan Heng Seai Kie: Terima kasih Yang Berhormat atas soalan tambahan yang telah diberikan. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, setiap peserta program Satu Azam itu bukan sahaja setakat akan diberi latihan malahan selepas tamat latihan tersebut, mereka akan diberi geran sama ada dalam bentuk kewangan ataupun dalam bentuk peralatan yang perlu untuk membantu mereka memulakan perniagaan. Selain daripada itu, mereka ini juga akan dipantau oleh pakar-pakar yang dipertanggungjawabkan selama satu tempoh yang ditentukan dan sehinggalah bila pendapatan mereka itu melebihi ataupun sekurang-kurangnya RM3,500 sebulan bagi tiga bulan berturut-turut khususnya untuk program Satu Azam Niaga. Selepas itu barulah mereka akan dibiarkan berdikari. Jadi, program Satu Azam ini bukanlah sekadar satu program yang diberikan latihan ataupun geran tetapi ia juga melibatkan proses bimbingan dan juga khidmat pemantauan yang bersiri sehinggalah terbukti bahawa peserta itu telah dapat berdikari dan menjalankan kehidupan mereka tanpa memerlukan sebarang bantuan. Sekian, terima kasih.

Puan Siti Zailah Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, pertamanya saya ucapkan tahniah di atas usaha yang dibuat oleh pihak kementerian untuk mengeluarkan rakyat kita daripada kemiskinan tegar ini. Persoalannya ialah, daripada jawapan yang saya terima daripada pihak kementerian, ia menyebutkan pada tahun 2010 sahaja, mereka yang telah ditamatkan untuk menerima bantuan daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat kerana dikira mereka ini telah keluar daripada golongan yang miskin tegar. Jumlah keseluruhan negeri ialah berjumlah 118,345 orang. Di Sarawak sahaja, 20,217 dan di Johor, 31,616.

Persoalannya sekarang ialah saya hendak tanya, sejauh mana mereka, angka yang disebut ini benar-benar keluar daripada kepompong kemiskinan? Apakah pendapatan mereka? Sebab saya dapati dalam Parlimen saya sendiri, mereka yang telah ditamatkan bantuan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat ini yang masih lagi dalam keadaan daif dan mereka meminta bantuan daripada kami, mengapa dia diberhentikan peruntukan ini.

Jadi, apakah justifikasi yang dibuat oleh pihak kementerian yang menyebabkan mereka ini begitu ramai dikeluarkan daripada senarai kementerian sedangkan faktor sebenarnya, pemantauan pemutihan sebenarnya kalau kita lihat di bawah tidak sebagaimana yang dilaporkan. Sejauh mana keberkesanan pegawai? Saya dimaklumkan untuk satu DUN, hanya ada dua sahaja pegawai JKM yang memantau untuk kes-kes seperti ini. Jadi, sejauh mana keberkesanan ini diambil oleh pihak kementerian. Minta penjelasan.

Puan Heng Seai Kie: Terima kasih Yang Berhormat atas soalan tambahan yang telah dikemukakan. Sebenarnya, mereka yang layak diberikan bantuan JKM adalah mereka yang terbukti iaitu berada di bawah garis panduan kemiskinan iaitu bagi Semenanjung adalah bagi keluarga yang mana pendapatan sekeluarga mereka adalah kurang daripada RM740, bagi Sarawak adalah RM830, serta Sabah RM960 sebulan. Jadi, walau bagaimanapun bantuan JKM ini tidak harus dianggap sebagai satu bantuan yang akan diberikan selama-lamanya. Ia merupakan jenis bantuan sementara untuk membantu penerima bantuan itu mengatasi masalah-masalah yang dihadapi. Setiap enam bulan, JKM di bawah kementerian ini melalui pegawai-pegawai kita akan menjalankan proses penilaian semula ke atas penerima-penerima bantuan di seluruh negara.

■1040

Jika didapati bahawa penerima bantuan itu ataupun keluarga mereka telah pun mencapai pembangunan dan telah melepasi iaitu garis panduan kemiskinan seperti mana yang telah saya sebutkan tadi, maka dalam keadaan itulah bantuan JKM yang diberikan itu akan ditamatkan. Ini kerana bagi kementerian, kita berpendapat bahawa bantuan-bantuan JKM adalah juga merupakan wang sumbangan daripada rakyat iaitu *taxpayer*, dengan izin. Oleh kerana itu, kita harus gunakannya secara bertanggungjawab iaitu untuk membantu mereka yang benar-benar memerlukan di negara ini. Sekian, terima kasih.

4. Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong] minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan, Dewan-dewan Undangan Negeri manakah yang belum meluluskan peralihan kuasa mengurus sisa pepejal dan pembersihan awam kepada Kerajaan Persekutuan dan bolehkah negeri Pulau Pinang dikecualikan daripada penguatkuasaan mengikut seksyen 104 [Akta 672].

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk Seri Panglima Haji Lajim bin Haji Ukin]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, sehingga kini peralihan kuasa pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam daripada kerajaan negeri kepada Kerajaan Persekutuan masih belum dilaksanakan kerana kerajaan masih belum menetapkan tarikh penguatkuasaan Akta 672. Walau bagaimanapun, kerajaan yakin semua negeri yang telah melaksanakan penswastaaan interim di negeri Kelantan, Terengganu dan Perak akan menerima perolehan kuasa bagi menguruskan sisa pepejal dan pembersihan awam kerana ianya banyak memberikan keuntungan kepada negeri-negeri di samping meningkatkan mutu pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam.

Dalam hal ini, pengecualian penguatkuasaan Akta 672 mengikut seksyen 104, kerajaan boleh mengecualikan mana-mana negeri daripada penguatkuasaan Akta 672 sekiranya Akta 672 tidak dikuatkuasakan di sesebuah negeri. Maka Kerajaan Persekutuan tidak akan melaksanakan 'penswastaaan' di negeri tersebut dan oleh yang demikian, pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam akan dilaksanakan sendiri oleh kerajaan negeri atau PBT yang berkenaan tanpa bantuan teknikal dan kewangan daripada Kerajaan Persekutuan. Terima kasih.

Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]: Soalan tambahan Tuan Yang di-Pertua kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah pun kemukakan permohonan kepada kementerian untuk dikecualikan dan apakah sehingga sekarang masih belum mendapat jawapan rasmi. Apakah kerajaan sudah memutuskan bahawa negeri Pulau Pinang boleh dikecualikan?

Datuk Seri Panglima Haji Lajim bin Haji Ukin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya, jawapan saya tadi jelas bahawa kita belum lagi kuatkuasakan akta ini. Setelah akta ini dikuatkuasakan, maka kita akan bagi jawapan kepada negeri-negeri yang tidak menerima ataupun menguatkuasakan akta ini. Terima kasih.

Datuk Ismail Kasim [Arau]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Pada pandangan saya Yang Berhormat, kalau kita melihat daripada keperluan. Maksud saya melibatkan soal pengurusan sisa pepejal dan juga pembersihan awam ini, kita sebenarnya tidak boleh bertolak ansur. Ini kerana kita harus mengambil contoh tentang soal bekalan air. Apabila kuasa negeri mentadbir, apabila berlaku masalah, semuanya harus dirujuk kembali kepada Kerajaan Persekutuan.

Jadi persoalan saya di sini, beberapa kes yang berlaku di Kedah yang melibatkan syarikat Idaman Sdn. Bhd. dan juga terpaksa di kalangan penduduk membuat gotong-royong dan sebagainya merupakan di antara masalah-masalah awal yang harus dikenal pasti oleh pihak kerajaan bahawa soal pengurusan ini harus diberi kuasa kepada Kerajaan Pusat supaya tidak timbul di belakang hari nanti soal ketidakmampuan dari segi kewangan dan sebagainya yang menyebabkan perkara ini terpaksa *direfer* ataupun dirujuk kembali kepada Kerajaan Persekutuan.

Persoalan di sini, dalam keadaan sekarang apakah perancangan pihak kerajaan sebelum penguatkuasaan akta ini untuk memastikan supaya setiap negeri dapat memberi kuasa untuk menguruskan sisa pepejal dan pembersihan awam ini kepada Kerajaan Pusat. Terima kasih.

Datuk Seri Panglima Haji Lajim bin Haji Ukin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Arau. Sebenarnya sebelum 'penswastaaan' ini dikuatkuasakan, kita telah mengadakan banyak kali perbincangan dengan negeri-negeri terutama sekali di kawasan ataupun di PBT-PBT yang berkenaan.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, hanya tiga negeri sahaja yang menolak ataupun negeri Perak dia minta tangguh. Akan tetapi, negeri Pulau Pinang sudah pun menyatakan untuk menolak. Selangor belum ada menyatakan pendirian walaupun mereka tidak terima. Jadi pada saya negeri-negeri yang telah pun kita bagi taklimat, telah kita mengadakan perjumpaan dan pertemuan. Malahan kita juga berjumpa dengan semua ahli majlis daerah untuk menyatakan supaya 'penswastaaan' ini adalah baik untuk PBT yang berkenaan.

Namun demikian, oleh kerana negeri membuat keputusan untuk tidak menyertai 'penswastaaan' ini, jadi kita pun dalam akta ini kita telah memperuntukkan bahawa dalam Akta 104 saya sebut tadi boleh kita mengecualikan daripada menguatkuasakan apabila negeri yang berkenaan tidak menerima 'penswastaaan' ini. Kita berharap di masa akan datang mungkin apabila negeri-negeri yang berkenaan melihat keberkesanan 'penswastaaan' ini. Mungkin satu hari nanti mereka juga akan tertarik kerana apabila dari segi pembayaran dan sebagainya akan ditanggung oleh Kerajaan Persekutuan. Maka jadi di antara juga kekangan pihak PBT dan juga negeri-negeri. Misalnya negeri Selangor sampai sekarang, setakat ini berhutang sebanyak RM134.4 juta, belum dibayar. Jadi apakah mereka masih juga bertahan dalam hutang yang sedemikian dan saya yakin ianya akan bertambah dari setahun ke setahun. Terima kasih.

5. Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak] minta Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani menyatakan, laporan berhubung dengan insentif kepada petani-petani padi yang telah diberhentikan. Kenapa dan mengapa ia diberhentikan dan dapatkan kerajaan mempertimbangkan semula insentif ini.

Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani [Datuk Seri Noh bin Haji Omar]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, semua jenis subsidi dan insentif yang diberikan oleh pihak kerajaan kepada petani yang mengusahakan tanaman padi masih lagi diteruskan kecuali beberapa insentif yang diperkenalkan sewaktu krisis harga dan bekalan makanan di bawah Dasar Jaminan Bekalan Makanan 2008-2010. Dasar tersebut telah pun tamat pada 31 Disember 2010. Walau bagaimanapun, bagi subsektor padi, kerajaan masih meneruskan pemberian input pertanian seperti baja, MPK tambahan, racun dan kapur di bawah Program Jaminan Bekalan Makanan bagi tahun 2011. Subsidi dan insentif masih lagi diberikan kepada petani adalah seperti berikut:

- (i) skim subsidi harga padi yang mana kadar bantuan ialah sebanyak RM244.10 setiap metrik tan bagi padi yang dihasilkan;

- (ii) insentif pengeluaran padi. Di bawah insentif ini, kerajaan membantu petani dengan memberikan bantuan baja tambahan dan bantuan upah baja. Bagi baja tambahan, kadar yang diberikan ialah sebanyak RM140 semusim. Manakala bagi bantuan upah baja pula, kadar bantuan yang diberikan oleh kerajaan ialah sebanyak RM100 per hektar semusim;
- (iii) insentif peningkatan hasil. Kadar insentif ini ialah sebanyak RM650 bagi setiap metrik tan kenaikan hasil padi sekurang-kurangnya satu peratus daripada musim asas; dan
- (iv) insentif benih padi sah. RM1.03 sen diberikan kepada pengeluar benih padi sah bagi setiap kilogram benih padi sah yang dikeluarkan.

Purata bantuan dan subsidi yang diterima oleh rakyat ataupun petani ialah lebih kurang RM2,700 semusim untuk per hektar. Inilah ciri-ciri negara kebajikan yang Barisan Nasional telah pun laksanakan, Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri.

■1050

Perkara yang saya bangkitkan ialah berkenaan dengan insentif. Saya tidak bercakap soal subsidi. Insentif dengan subsidi berlainan. Subsidi membebaskan kerajaan. Walau bagaimanapun, kerajaan bertanggungjawab memberi subsidi. Kita ucap syabas dan tahniah kepada kerajaan. Akan tetapi insentif, daripada segi konsep dan formulanya, ia berdasarkan kepada peningkatan hasil, produktiviti. Ia tidak ada membebaskan kerajaan kalau dibayar pun.

Jadi persoalannya, saya nak tanya kenapa bayaran insentif ini dikatakan masih ada tetapi tidak ada? Petani-petani saya di Sungai Manik dan juga di Chui Chak kompelin. Dia kata dahulu kerajaan yang suruh kita tingkatkan hasil padi untuk kepentingan nasional, kepentingan *food security*, dan rakyat yang bertanggungjawab di Sungai Manik dan Langkap dalam Parlimen Pasir Salak respons kepada inisiatif kerajaan ini yang mempunyai *national interest*, kepentingan negara dan rakyat. Orang Salak *is very responsible citizen*, dengan izin. Akan tetapi malangnya, setelah mereka meningkatkan hasil, mereka tidak dibayar insentif itu dan mereka menganggap bahawa ini hak mereka, wang mereka yang dinafikan daripada dibuat bayaran kepada mereka.

Tadi Yang Berhormat Menteri sebut bayaran dalam bentuk baja, bentuk racun, bentuk itu dan ini, dengan izin, *they are not interested in this. They interested in the money. Where is their money?* Kenapa kita bagi dalam bentuk barangan yang boleh menguntungkan hanya pembekal dan merugikan petani. Pembekal racun, pembekal baja yang untung. Petani menderita. Ini persoalannya Tuan Yang di-Pertua. Jadi soalan saya, kalau kita boleh memberi insentif kepada industri berbagai-bagai koridor sana, koridor sini, *pioneer* status sana, *pioneer* status sini, *all incentives* dengan izin, kenapa kita tidak mementingkan petani? Mereka ini yang sokong kerajaan ini. Yang di Kuala Lumpur ini, Bukit Bintang, Kepong apa semua, mana ada sokong!

Beberapa Ahli: Sokong.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Dia orang ini tak payah bagi insentif lagi. Ini Kepong bagi insentif, Bukit Bintang bagi insentif, Bukit Mertajam bagi insentif, Pulau Pinang bagi insentif. Bagi insentif kepada nelayan-nelayan dan petani-petani yang menyokong kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Pasir Salak, persoalan sama soalan berbeza.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Siapa bayar cukai?

Tuan Yang di-Pertua: Seperti juga insentif dengan subsidi. Jadi soalan sekarang apa? Yang ditimbulkan tadi itu persoalan. Apa soalan kepada Menteri?

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Saya dah sebut soalan dalam pada... [*Disampuk*] Ini PJU (Petaling Jaya Utara) mana ada padi.

Dia nak gelak ketawa pasal soal padi pasal apa? Tak tahu pun soal padi, tahu makan nasi sahaja. Tanam padi tak tahu.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Kita bayar *tax*, kita bayar *tax*.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Yang tahu tanam padi ini, ini Pasir Salak. Kita tanam padi. Bukit Mertajam mana ada padi, ini Kubang Kerian pun mana ada padi.

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Maaf, *sorry*. Kubang Kerian ada padi. Jadi perkara ini saya bangkitkan kerana saya berjumpa dengan petani, dia kata, "*Hati panas ini Datuk. Kami hati panas. Kenapa insentif tak dibayar?*"

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Mana soalan dia?

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Sabarlah sikit, ini perkara kita...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, kalau terlampau panjang nanti Menteri tak boleh jawab.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Dia Menteri yang bijak ini, mana boleh tak jawab. Bukan sebarang Menteri.

Tuan Yang di-Pertua: Jadi kalau Menteri bijak Yang Berhormat, dia fahamlah soalan itu, persoalan-persoalan itu. Mintalah dia jawab.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Kalau dia tak faham, saya bagi terang panjang sikit... *[Ketawa]* Ya lah, saya minta Yang Berhormat Menteri, petani kita ini penting. Soal subsidi tadi, itu dah disebut, ini insentif dan banyak lagi masalah petani ini. Masalah pengairan di Sungai Manik ini sampai hari ini tak selesai lagi. Mana duit peruntukan? Kerajaan dah umum dalam Dewan dahulu. Menteri Kewangan kata *RM130 million. So far, dengan izin, you have spent only about RM60 million. Where is the balance?* Dengan sebab itu projek naik taraf pengairan padi ini terbengkalai sampai hari ini tak siap. Bila lagi nak siap ini? Saya hari-hari dok bertanya, sampai sekarang tak dapat jawapan. Itu soalan tambahan. Terima kasih... *[Ketawa]*

Datuk Seri Noh bin Haji Omar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Pasir Salak ini dia memang pejuang rakyat, dia berjiwa rakyat. Bila cakap pasal rakyat ini saya tengok dia begitu bersemangatlah sebab dia ini panglima, daripada UMNO pun panglima juga.

Tuan Yang di-Pertua, saya faham apa Yang Berhormat maksudkan. Saya telah nyatakan tadi ada beberapa insentif. Ada tiga empat insentif seperti insentif pengeluaran padi, insentif peningkatan hasil, insentif benih padi. Akan tetapi apa yang Yang Berhormat nak tekankan tadi itu ialah peningkatan hasil padi yang kita sepatutnya bayar kepada petani di mana, mana-mana petani dapat meningkatkan hasil pengeluaran padinya, mereka ini akan dibayar sebanyak RM60 daripada setiap metrik tan yang dapat dinaikkan.

Jadi memang betul. Bukan kita tak dibayar Yang Berhormat, belum dibayar. Kita belum lagi bayar. Oleh kerana itulah kita nak minta hari ini, Yang Berhormat Pasir Salak kena sokong kuat belanjawan tambahan yang dibentangkan. Kalau Yang Berhormat tengok di bawah belanjawan tambahan yang ada di bawah Kementerian Pertanian, ada ditulis di sana bahagian dua, insentif peningkatan hasil padi sebanyak RM117,102,500. Duit inilah Yang Berhormat, bila nanti diluluskan duit ini nanti, maka kita akan mula bayar. Insentif ini akan dibayar oleh BERNAS. Terima kasih.

Dr. Mujahid bin Haji Yusof Rawa [Parit Buntar]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya. Parit Buntar juga seperti Sungai Manik juga merupakan satu jelapang padi yang paling besar di Perak. Jadi jangan Yang Berhormat Pasir Salak rasa dia seorang sahaja ada petani-petani.

Cuma masalah di Parit Buntar ini Tuan Yang di-Pertua, ia bukan sahaja masalah petani sawah tetapi kita juga ada masalah nelayan-nelayan yang menangkap ikan. Saya minta sekali dijawab dalam soalan tambahan.

Saya mendapat data daripada nelayan-nelayan yang datang, mereka juga kompelein Yang Berhormat Menteri, bahawa mereka tak terima elaun sara hidup RM200 yang telah dijanjikan oleh kerajaan. Saya juga telah menghantar surat dengan siap nama-nama kepada kementerian Yang Berhormat Menteri dan juga kepada Lembaga Kemajuan Ikan tetapi hingga hari ini tidak ada jawapan.

Saya nak tahu adakah insentif RM200 ini masih lagi berjalan ataupun sudah dihapuskan? Maknanya kalau tak ada, bagi tahu tak ada. Saya bagi tahu kat nelayan dah tak ada dah sara hidup RM200. Kalau ada, kenapa sebahagian besar mereka yang cukup syarat tapi tidak menerimanya? Ini adalah hasrat daripada nelayan-nelayan yang mengadu hal mereka yang ada lapan bulan tak terima, sepuluh bulan tak terima, tiga bulan tak terima. Saya mohon penjelasan supaya balik saya boleh tenang bagi tahu dekat mereka. Sekian, terima kasih.

Datuk Seri Noh bin Haji Omar: Terima kasih Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua: Daripada padi ke ikan. Bolehlah itu, ada hubungan.

Datuk Seri Noh bin Haji Omar: Daripada padi ke ikan bolehlah sebab Yang Berhormat pun jangan lupa bukan sahaja Parit Buntar, Tanjung Karang negeri jelapang padi negeri Selangor. Sebab itu bab padi ini kita sama-sama perjuangkan. Begitu juga nelayan, Tanjung Karang pun ramai nelayan.

Saya hendak bagi tahu Yang Berhormat, itu bukan insentif, itu elaun, elaun tiap-tiap bulan kita bagi kepada nelayan RM200. Dia pergi ke laut kah, dia tak pergi ke laut kah, kita tetap bagi. Akan tetapi Yang Berhormat kena tanya nelayan ini sebab apa dia tak dapat. Dia mesti tahu sebab apa dia tak dapat. Yang Berhormat jangan tanya kita mengapa dia tak dapat.

Saya akan semak balik dengan kementerian, *insya-Allah* saya akan bagi tahu sebab apa dia tak dapat. Dia tidak dapat oleh kerana ada beberapa sebab yang mana nelayan ini dahulu dia dapat, sekarang dia tak dapat. Yang pertama, apabila dia melanggar syarat. Apabila dia melanggar syarat, kemungkinan kita dapat tangkap ada beberapa kesalahan yang dilakukan, kita akan berhentikan dia punya elaun. Itu pertama. Yang kedua, kalau lesen dia mati. Lesen bot dia mati, lesen sampan dia mati, kita dah tak bagi.

■1100

Jadi untuk memudahkan nelayan supaya tidak timbul isu lesen dia mati, maka kementerian telah pun buat dasar yang baru di mana nelayan kita benarkan boleh hidupan lesen sampai tiga tahun jadi kita faham. Saya sudah tengok apabila kita terberhenti lagi sekali jadi kemungkinan adalah terlepas pandang. Itu yang kadang-kadang ada lima bulan enam bulan. Jadi untuk makluman Ahli Yang Berhormat bahawa elaun ini kita masih lagi bahagilah. Saya sendiri pun memang turun masih lagi bahagi. Mana-mana yang saya pergi saya akan bahagi. Ahli-ahli Parlimen pun ramai yang bahagi. Jadi RM200 ini kita bahagi Yang Berhormat.

Akan tetapi kita ini tidaklah macam pembangkang bahagi RM100 heboh satu dunia... *[Ketawa]* Kita bahagi RM200 ini pergi ke laut ke tidak pergi ke laut ke kita bahagi. Ini pun kalau kata bukan kebajikan saya tidak tahulah. Jadi yang PAS hendak buat kebajikan sudah ketinggalan zaman sudah. Terima kasih.

6. Puan Fuziah Salleh [Kuantan] minta Menteri Pengangkutan menyatakan, status terkini sebuah *vessel (oil spill response vessel)* yang bernama Seri Endon yang dirasmikan oleh bekas Perdana Menteri, Abdullah Ahmad Badawi pada tahun 2006 (Laporan Tahunan Lembaga Pelabuhan Johor 2009, m.s. 19).

Timbalan Menteri Pengangkutan I [Datuk Abdul Rahim bin Bakri]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat kapal yang diberi nama Seri Endon adalah sebuah kapal yang dimiliki oleh sebuah syarikat swasta. Ia digunakan bagi tujuan pengawalan tumpahan minyak di kawasan perairan Tanjung Piai, Johor iaitu selaku kontraktor kepada KIC Oil & Gas Sdn. Bhd. iaitu syarikat perkhidmatan *ship-to-ship transfer* atau selaku *oil spill response vessel*.

Berdasarkan kepada semakan terhadap Laporan Tahunan Lembaga Pelabuhan Johor dari tahun 2005 hingga tahun 2009 didapati bahawa tidak terdapat sebarang rujukan mengenai Kapal Seri Endon tersebut di dalam laporan-laporan berkenaan. Mungkin jika Yang Berhormat ada maklumat bolehlah tunjukkan kepada saya selepas sesi ini. Terima kasih.

Puan Fuziah Salleh [Kuantan]: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Tuan Yang di-Pertua, kapal seperti Seri Endon ini mengambil banyak jumlah pelaburan. Tidakkannlah kita hanya menggunakannya untuk satu situasi sahaja. Soalan saya ialah bagaimana kita boleh menggunakan *facility* ataupun apa yang kita ada itu untuk kebaikan perairan kita? Contohnya di perairan Kuantan. Saya lihat banyak *oil spill* juga tetapi dalam kadar yang rendah. Apa yang berlaku Yang Berhormat Timbalan Menteri apabila kapal bot-bot nelayan menukar minyak hitam mereka, mereka buang ke laut dan mereka tidak bawa ke pantai. Ini menyebabkan pencemaran. Jadi tidak bolehkan kapal ini digunakan untuk terus menerus melakukan usaha pembersihan, *not just one-off* kerana itu tidak kos efektif. Terima kasih.

Datuk Abdul Rahim bin Bakri: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. Mungkin Yang Berhormat dalam soal ini tersalah maklumat. Sebenarnya kapal bot Seri Endon yang digunakan ini adalah sebenarnya kontraktor kepada sebuah Syarikat KIC Oil & Gas Sdn. Bhd. iaitu merupakan salah satu daripada penyedia perkhidmatan STS di PTP. Jadi sebenarnya ini adalah merupakan satu *dedicated vessel* bagi keperluan. Ianya merupakan salah satu syarat bagi sesuatu operator STS untuk mendapat lesen mereka haruslah mempunyai satu *oil spill dedicated vessel* yang saya sebutkan tadi. Jadi ini sebenarnya adalah merupakan satu syarikat swasta.

Apa Yang Berhormat sebutkan berkaitan dengan kes-kes tumpahan minyak ini memang pihak Jabatan Laut mempunyai kapal-kapal yang dimiliki sendiri bagi maksud tersebut. Setakat ini kita mempunyai lima buah kapal bot katamaran peralatan-peralatan melawan tumpahan minyak ataupun *oil boom skimmer* iaitu MV Al-Nilam, MV Al-Their, MV Al-Athira, MV Al-Debaran dan juga MV Tanjung Kelias. Jadi ini adalah kapal-kapal yang dimiliki oleh kerajaan dan ianya adalah bertanggungjawab bagi kes-kes begini.

Bagaimanapun yang penting ialah terdapat laporan-laporan yang dibuat untuk membolehkan tindakan dapat diambil. Khususnya bagi kes-kes yang melibatkan kapal-kapal dagang yang besar. Bagi yang kecil kita juga akan mengambil tindakan secepat yang mungkin. Terima kasih.

Datuk Haji Yusof Haji Mahal [Labuan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Timbalan Menteri. Seperti mana yang kita sedia maklum bahawa *oil spill response vessel* ini adalah kapal-kapal yang *didesign* khusus untuk mengawal tumpahan minyak seperti mana yang dinyatakan oleh Timbalan Menteri tadi yang dilengkapi dengan *oil boom, fire fighting system* dan juga bahan-bahan kimia seperti *oil dispersion form* dan peralatan-peralatan lain. Memang kos pembuatan agak mahal.

Soalan saya adalah seperti mana yang kita lihat pada hari ini setakat ini bagaimanakah *response vessel* ini berjaya mengatasi masalah-masalah tumpahan minyak terutamanya di negara kita di seluruh Malaysia yang mana kita cuma ada lima buah kapal *oil spill response vessel* ini. Adakah ia diletakkan contohnya di Sabah dan Sarawak berapa unit dan juga di Semenanjung kerana kawasan-kawasan pelabuhan kita cukup luas dan juga cukup banyak. Jadi kalau saya rasa cuma lima buah untuk menangani keseluruhan pelabuhan di seluruh Malaysia rasanya tidak mencukupi. Ini kerana untuk jarak dari satu pelabuhan ke pelabuhan lain kalau ada tumpahan minyak mengambil waktu yang panjang. Ini bermakna kalau kita tidak sediakan setiap satu pelabuhan besar pada satu kapal saya rasa agak susah untuk kita mengatasi masalah tumpahan minyak terutama di kawasan-kawasan *oil and gas* seperti di Labuan dan juga di Sarawak. Terima kasih.

Datuk Abdul Rahim bin Bakri: Tuan Yang di-Pertua terima kasih kepada Yang Berhormat Labuan. Sebenarnya untuk makluman Yang Berhormat Jabatan Laut memang mempunyai sembilan buah bot katamaran untuk tugas khas melawan tumpahan minyak dan ditempatkan di enam buah jeti di Semenanjung Malaysia, sebuah di Labuan dan dua buah di Sabah iaitu:

- (i) MV Akamar yang berlabuh di jeti Pelabuhan Pulau Pinang;
- (ii) MV Athira di jeti Port Klang;
- (iii) MV Al-Debaran di Port Dickson;
- (iv) MV Al-Their di Tanjung Pelepas;
- (v) MV Al-Nilam di Tanjung Pengelih, Johor;
- (vi) MV Al-Turus di Kuala Terengganu;
- (vii) MV Agara di Wilayah Persekutuan Labuan;
- (viii) MV Tanjung Kelias di Jabatan Laut Kota Kinabalu; dan
- (ix) MV Tanjong Nosong di Laut Sandakan.

Seperti mana juga saya nyatakan tadi bahawa daripada sembilan itu ada lima buah yang mempunyai peralatan melawan tumpahan minyak *oil boom* dan juga *skimmer*. Bagaimanapun dari masa ke semasa Kementerian memang akan bergantung kepada berapa banyak peruntukan yang boleh disediakan. Kita memang akan menambah peralatan-peralatan ini untuk memastikan bahawa sekiranya berlaku satu insiden tumpahan minyak ianya akan dapat kita gunakan bagi mengatasi masalah tersebut. Terima kasih Yang Berhormat.

7. Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said [Pengerang] minta Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar menyatakan, perihal Kajian Penilaian Alam Sekitar (EIA) dan Kesan Sosial dari Projek Pembangunan Bersepadu Penapisan dan Petrokimia (RAPID) yang dijalankan oleh Petronas di kawasan Parlimen Pengerang.

Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar [Dato' Seri Douglas Uggah Embas]: Tuan Yang di-Pertua untuk makluman Ahli Yang Berhormat Kajian Penilaian Alam Sekitar (EIA) bagi cadangan Projek Pembangunan Bersepadu Penapisan dan Petrokimia (RAPID) oleh pemaju projek Petronas di kawasan Pengerang hendaklah melalui prosedur EIA terperinci dengan izin, *detail EIA*. EIA ini melibatkan pameran dan ulasan awam serta ulasan oleh pakar-pakar pengulas individu.

Pihak Petronas telah pun mengemukakan penilaian tapak kepada Jabatan Alam Sekitar Negeri Johor melalui surat bertarikh 1 April 2011. Ekoran itu JAS akan meminta kajian EIA terperinci dijalankan. Buat masa kini pihak Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar melalui Jabatan Alam Sekitar belum menerima sebarang laporan kajian penilaian alam sekitar daripada Petronas. Skop kajian EIA terperinci kelak perlu merangkumi kajian impak, isu-isu utama, cadangan projek iaitu kualiti udara, kualiti air, analisa risiko kuantitatif, bunyi bising, trafik marin, sosioekonomi dan penilaian ekonomi impak alam sekitar (*economic valuation of environmental impact*). Sekian terima kasih.

Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said [Pengerang]: Sebenarnya Yang Berhormat Menteri bagi masyarakat setempat memang kita mengalu-alukan projek sebegini yang begitu besar. Walau bagaimanapun, kita tidak dapat nafikan kesan alam sekitar akan menjadi katanya mangsa pertama dalam isu ini. Walau bagaimanapun, soalan seterusnya ingin saya bertanya kepada Yang Berhormat Menteri.

■1110

Apakah pendekatan-pendekatan jangka masa pendek dan jangka masa panjang? Katanya bila *EIA Report* ini telah diluluskan dan sebagainya, jaminan daripada kementerian tentang terutama sekali kesan sosial dalam aspek pembangunan ini iaitu daripada aspek contohnya peluang pekerjaan, pemindahan penduduk yang terlibat, kesan terhadap sektor perikanan, kesan terhadap sektor pelancongan, isu pampasan dan pengambilan tanah oleh kerajaan. Yang paling penting sekali jangka masa pendek berkenaan dengan penumpahan minyak yang akan dijangkakan boleh berlaku dalam aspek pembangunan sebesar sedemikian. Terima kasih.

Dato' Seri Douglas Uggah Embas: Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, inilah sebab kita mensyaratkan bahawa pihak pemaju perlu mengemukakan *detail EIA*. Dengan kita ada membuat *detail EIA*, segala isu-isu yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi akan diambil kira.

Ini kerana dengan kita mengambil kaedah dengan menggunakan kaedah *detail* EIA ataupun EIA terperinci ini kita akan memberi peluang kepada orang awam ataupun pakar-pakar pengulas individu untuk memberikan pandangan mengenai isu-isu yang saya sebutkan tadi yang akan dikemukakan dalam EIA tersebut. Terima kasih.

Tuan Salahuddin Haji Ayub [Kubang Kerian]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Melanjutkan apa yang disebutkan oleh rakan saya daripada Pengerang, isu tentang penduduk Kampung Sungai Kapal ini. Kebetulan Tuan Yang di-Pertua ada saudara-saudara saya yang mendiami kampung tersebut dan meminta juga saya dan ingin berkongsi dari rakan saya daripada Pengerang. Bukan bertujuan untuk campur tangan tetapi demi orang kampung di sini.

Soalan tambahan saya, adakah Kementerian Yang Berhormat iaitu kesan sosial tadi, saya bersetuju dengan yang disebutkan oleh Yang Berhormat Pengerang. Kesan-kesan sosial, tumpahan minyak, pengambilan tanah dan seumpamanya itu saya telah diberitahu telah ada yang telah mendapat pampasan. Akan tetapi ada sebahagiannya tidak mendapat lagi apa yang dikatakan wang sagu hati. Jadi adakah perkara-perkara seperti ini diambil sebagai suatu pertimbangan.

Untuk melanjutkan lagi keprihatinan kerajaan, adakah kerajaan bersedia untuk mengadakan satu contohnya *public hearing*, pertemuan dengan penduduk di sini supaya semua masalah dapat diadili dan semua masalah dapat diselesaikan dan projek dapat dibina dan orang-orang kampung di sini mendapat hak mereka sama ada pampasan, sagu hati dan seumpamanya. Adakah Kementerian Yang Berhormat bersedia untuk mengadakan pertemuan yang khusus dengan penduduk dari Kampung Sungai Kapal ini? Terima kasih.

Dato' Seri Douglas Uggah Embas: Tuan Yang di-Pertua, memang kerajaan mengambil kira segala isu yang telah dikemukakan oleh kedua-dua Yang Berhormat tadi. Inilah sebabnya Kementerian telah pun membuat keputusan bahawa Laporan EIA ataupun Kajian Penilaian EIA ini akan dibuat secara terperinci. Ini kerana dengan kita menggunakan pendekatan ini, kajian ini nanti akan kita pameran. Apabila kita telah mempamerkan kajian ini, di situlah kita memberi peluang kepada orang umum termasuk orang kampung dan juga pakar-pakar tertentu untuk memberi pandangan mengenai projek ini dan akan berbincang. Ini kerana selepas kita mengkaji penilaian alam sekitar ini, di situlah kita akan menentukan segala isu sosioekonomi, isu-isu alam sekitar harus diambil kira dalam pelaksanaan projek tersebut. Terima kasih.

[Soalan No. 8 - YB Dr. Che Rosli Che Mat (Hulu Langat) tidak hadir]

9. Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading] minta Menteri Dalam Negeri menyatakan, bilangan yang terlibat dalam program pengambilan bekas anggota tentera berkhidmat dengan pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Kementerian Dalam Negeri (KDN) serta apakah insentif dan galakan yang diberikan kepada mereka.

Timbalan Menteri Dalam Negeri I [Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Sri Gading yang telah mengemukakan soalan ini.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, bekas tentera ditakrifkan sebagai anggota Angkatan Tentera Malaysia (ATM) yang telah menamatkan atau ditamatkan perkhidmatan dengan baik mengikut peraturan yang terpakai dalam perkhidmatan ATM dan askar wataniah, pasukan simpanan sukarela Tentera Laut Diraja Malaysia, pasukan simpanan sukarela Tentera Udara Diraja Malaysia yang telah dikerah berkhidmat secara sepeh masa tidak kurang daripada 12 bulan sama ada secara berterusan atau sebaliknya.

Tuan Yang di-Pertua, PDRM telah menerima sejumlah 471 permohonan dari kalangan bekas tentera untuk menyertai PDRM. Namun selepas urusan temu duga dijalankan, hanya seramai 101 orang sahaja didapati layak dan sesuai untuk dilantik sebagai konstabel polis. Mereka telah melaporkan diri pada 17 Januari 2011 untuk menjalani latihan asas kepolisan selama empat bulan di Maktab PDRM di Kuala Kubu Bharu, Selangor dan telah tamat kursus dengan jayanya pada 14 Mei 2011 yang lalu.

Sehubungan dengan insentif dan ganjaran yang diberi kepada bekas tentera yang menyertai perkhidmatan PDRM, Suruhanjaya Pasukan Polis Diraja telah bersetuju untuk meluluskan dua kelonggaran syarat skim perkhidmatan pegawai rendah dan konstabel polis iaitu:

- (i) tempoh percubaan untuk pengesahan jawatan dipendekkan kepada tiga bulan sahaja berbanding satu hingga tiga tahun bagi kebiasaannya; dan
- (ii) konstabel polis yang dilantik daripada kalangan bekas tentera yang bersara pada pangkat sarjan dan ke atas atau semasa dalam perkhidmatan angkatan tentera diberi pertimbangan untuk kenaikan pangkat terus kepada pangkat koperal dengan syarat mereka lulus peperiksaan khas undang-undang rendah jabatan.

Berkaitan dengan pembayaran gaji pula, bekas tentera yang dilantik di dalam perkhidmatan polis layak dipertimbangkan pemberian hadiah pergerakan gaji mengikut salah satu kaedah berikut:

- a) bagi bekas polis dan bekas tentera yang memiliki pengalaman kerja yang sesuai dengan tugas jawatan yang ditawarkan, pemberian hadiah pergerakan gaji ialah berdasarkan satu pergerakan gaji bagi setiap satu tahun pengalaman;
- b) bagi bekas tentera yang tidak memiliki pengalaman kerja yang sesuai atau tempoh pengalaman yang sesuai itu singkat, pemberian hadiah pergerakan gaji untuk mereka ditetapkan seperti berikut:
 - (i) kalau genap dua tahun atau lebih tetapi kurang empat tahun, satu pergerakan sahaja;
 - (ii) kalau genap empat tahun atau lebih tetapi kurang dari tujuh tahun, dua pergerakan gaji;
 - (iii) kalau genap tujuh tahun atau lebih tetapi kurang 10 tahun, tiga pergerakan;
 - (iv) genap 10 tahun atau lebih tetapi kurang 14 tahun, empat pergerakan;
 - (v) genap 14 tahun atau lebih tetapi kurang 18 tahun, lima pergerakan; dan
 - (vi) genap 18 tahun atau lebih, enam pergerakan.

Untuk urusan pengambilan bekas tentera ini untuk berkhidmat dengan PDRM akan terus dilaksanakan oleh Suruhanjaya Polis Diraja Malaysia dan PDRM dari semasa ke semasa berdasarkan keperluan.

Ini adalah selaras dengan hasrat Yang Amat Berhormat Perdana Menteri supaya bekas-bekas tentera yang menyumbang tenaga dan kepakaran yang ada untuk sama-sama mencegah dan mengurangkan kadar jenayah serta menjaga keselamatan dan ketenteraman negara. Sekian, terima kasih.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri ke atas jawapan yang begitu terang, jelas dan memuaskan hati.

Bagi saya Tuan Yang di-Pertua, ucap tahniah kepada PDRM ini... *[Disampuk]* Bagi saya Tuan Yang di-Pertua, program ini seperti 'serampang dua mata'. Ia mempercepatkan proses pengambilan anggota-anggota baru PDRM dengan kita memberi peluang kepada bekas-bekas anggota tentera kita yang umurnya 40 tahun atau 50-an tahun ini yang masih sihat, gagah. Kalau kahwin baru mungkin dapat anak lagi Tuan Yang di-Pertua, maknanya mereka ini Tuan Yang di-Pertua, mempunyai pengalaman yang boleh menyambung kebaktian mereka dalam PDRM. Saya dengar jawapan tadi, jadi maknanya pengambilan ini sudah menjadi sebagai satu dasar PDRM, bukan diambil secara bermusim atau apabila ada keperluan, saya tidak tahu. Berapa anggaran agaknya dan apakah tidak ada *limit*, pengambilan ini akan diteruskan kepada bekas-bekas tentera kita.

■1120

Ia bukan sahaja kepada PDRM, saya dengar KDN, ia juga boleh diserapkan dalam kastam, dalam imigresen dan sebagainya. Ini satu tindakan yang baik dan saya harap dapat diteruskan Tuan Yang di-Pertua. Kemudian kalau pencen ini macam mana Tuan Yang di-Pertua, kalau dia jadi polis, dia ada pencen tentera.

Seorang Ahli: Soalanlah.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Soalanlah ini. *You* tidak fahamkah? Saya sedang menyoal, tidak panjanglah. Ini hendak sampai kepada matlamat. Jadi, pencen mereka macam mana Tuan Yang di-Pertua? Kedua-dua pencen dia dapat atau bagaimana? Kemudian apa lagi keistimewaan-keistimewaan yang boleh diberi kepada bekas-bekas tentera ini kerana mereka ini mempunyai pengalaman-pengalaman yang lain, yang ada persamaan tetapi lebih tinggi kepakaran yang boleh digunakan untuk meningkatkan perkhidmatan polis kita. Itulah Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada sahabat saya Yang Berhormat Sri Gading. Sehubungan dengan apa yang telah dinyatakan oleh Yang Berhormat Sri Gading tadi, memang benar bahawa program yang dilaksanakan adalah merupakan serampang dua mata. Pertamanya, apa yang hendak dimanfaatkan bahawa sebagaimana yang kita sedia maklum, mereka ini adalah merupakan anggota-anggota tentera yang masih sihat dan daripada segi umur masih muda lagi.

Jadi, sebagaimana Yang Berhormat Sri Gading katakan boleh cukup empat kuota tetapi yang penting mereka masih sihat untuk melaksanakan tugas lagi dan daripada manfaat kepada PDRM kerana mereka mempunyai pengalaman. Apa yang kita ambil daripada anggota-anggota, yang terdiri daripada 101 yang telah kita ambil buat masa kini bahawa kebanyakan mereka mempunyai kepakaran dalam bidang komunikasi, bidang persenjataan dan juga bidang pengangkutan seperti *driver* dan mekanik. Jadi, bagi PDRM ianya mendapat manfaat kerana kita tidak perlu melatih pakar-pakar ini yang mana bukan satu perkara yang mudah untuk kita hendak melatih seseorang itu. Oleh kerana itulah kita sudah ada *ready made* anggota yang kita serapkan di dalam pasukan kita.

Keduanya, pengambilan ini sebenarnya adalah merupakan daripada ilham pelaksanaan 55 inisiatif di bawah NKRA itu, yang mana telah diperkenalkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita. Di bawah inisiatif tersebut yang dilaksanakan, jadi kerajaan dapati di antara langkah yang berkesan bahawa mereka ini dapat juga digunakan untuk.., ada setengahnya yang tidak ada kepakaran untuk menjalankan tugas-tugas am dalam rondaan-rondaan, jadi dalam mewujudkan kehadiran polis dan *omnipresent*. Jadi, kerana itulah bahawa kita lihat daripada segi jenayah-jenayah yang dapat kita kurangkan dan hari ini kita lihat keadaan negara kita lebih baik daripada segi keselamatan.

Sehubungan dengan pengambilan anggota-anggota tentera ini, sama ada ianya akan berterusan ataupun tidak, memang dasar kerajaan dan dasar polis bahawa kita akan mengambil bekas-bekas anggota tentera ini secara berterusan dan berkaitan dengan pencen pula, kebanyakan mereka ini bukan pesara daripada ATM. Mereka mempunyai had-had tempoh perkhidmatan mereka di ATM dan biasanya apabila mereka tamat perkhidmatan, mereka diberi ganjaran. Jadi, maknanya dalam perkhidmatan ATM, mereka tidak ada pencen yang diberi. Ini fahaman saya semasa saya di Kementerian Pertahanan dahulu (kalau tidak silap sayalah). Bagi perkhidmatan dalam pasukan PDRM, dia akan diberi pencen mengikut syarat-syarat perundangan Akta Pencen. Itu sahaja Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Seri Ir. Mohammad Nizar bin Jamaluddin [Bukit Gantang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, oleh kerana ada anggota bekas tentera yang akan diserapkan dalam PDRM, jadi kalau boleh saya hendak mencadangkan bahawa melalui pengetahuan semasa mereka menjawat jawatan tentera, mereka melalui program KAGAT. Akhirnya tentera ini mempunyai satu kewibawaan yang baik daripada kalangan persepsi masyarakat bahawa mereka adalah orang yang cukup disiplin. Jadi, kalau mereka diserapkan dalam PDRM, kalau boleh program KAGAT itu juga diserapkan sekali oleh kerana persepsi masyarakat kepada polis sekarang ini agak negatif bahkan kalau saya ikut belakang kenderaan polis ini, ditulis belakang kenderaan itu "lapor rasuah". Jika boleh program KAGAT ini diserapkan sekali dalam polis.

Barangkali sudah ada program tersebut tetapi barangkali tidak berkesan. Maka saya hendak cadangkan bukan hanya daripada segi jasadnya diserapkan tetapi program KAGAT itu juga dimasukkan dalam PDRM supaya kenyataan-kenyataan berupa hasutan daripada individu macam Yang Berhormat Pasir Mas dapat diatasi secepat mungkin. Terima kasih.

Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebelum apa yang hendak dicadangkan oleh Yang Berhormat Bukit Gantang, malahan polis pun sudah melaksanakan program mengambil ulama-ulama ataupun pakar-pakar dalam bidang agama ini di dalam pasukan polis dan satu bahagian yang serupa macam KAGAT telah diwujudkan tetapi namanya saya lupa. Kalau hendak tahu, nanti saya boleh bagi secara bertulis.

Kita memang telah ramai mengambil pegawai-pegawai ini yang berkelulusan tinggi. Jadi, berkaitan dengan mengambil bekas anggota-anggota KAGAT dari pasukan tentera, kita tidak ada masalah kalau ada yang berkebolehan, yang sesuai, PDRM tidak ada masalah untuk mengambil mereka ini.

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Siasat orang sakit jiwa sama... [Ketawa]

10. Tuan Lim Lip Eng [Segambut] minta Menteri Sumber Manusia menyatakan, apakah langkah-langkah kerajaan untuk mengatasi masalah pembantu rumah warga Indonesia yang sering lari dari majikannya.

Timbalan Menteri Sumber Manusia [Dato' Maznah binti Mazlan]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Segambut. Untuk makluman Dewan yang mulia, bilangan pembantu rumah asing di Malaysia sehingga Disember 2010 adalah seramai 247,069 orang iaitu sebanyak 76.7 peratus daripada mereka ini terdiri daripada negara sumber, Indonesia.

Jumlah pembantu rumah yang dilaporkan lari dari majikan sehingga Disember 2010 ialah 18,716 orang dan dari jumlah ini 17,205 orang atau 92.3 peratus ialah pembantu rumah dari negara sumber, Indonesia. Untuk menangani masalah pembantu rumah Indonesia yang sering lari dari majikan, kerajaan telah mengambil beberapa langkah di antaranya ialah mewujudkan Jawatankuasa Kerja Bersama, yang mana Malaysia mengadakan beberapa siri perbincangan di Mesyuarat Jawatankuasa ini dan Mesyuarat Teknikal dengan Kerajaan Republik Indonesia mulai tahun 2009 sehingga Mei 2011.

■1130

Berhubung dengan isu penggajian pembantu rumah, hasil daripada perbincangan tersebut kita dapati kedua-dua buah negara telah bersetuju untuk menandatangani satu protokol pindaan terhadap memorandum persefahaman di antara Malaysia dengan Republik Indonesia mengenai isu penggajian pembantu rumah asing Indonesia 2006 pada 30 Mei 2011 di Bandung, Indonesia baru-baru ini. Protokol ini bertujuan untuk menyelesaikan pelbagai isu berkenaan penggajian pembantu rumah Indonesia di antara kedua-dua buah negara dan dipercayai dapat memberikan perlindungan yang sewajarnya kepada para majikan di Malaysia yang menggaji pembantu rumah Indonesia dan pada masa yang sama turut memastikan kebajikan pembantu rumah Indonesia supaya mereka sentiasa berada dalam keadaan yang baik.

Berdasarkan protokol yang telah dipersetujui oleh kedua-dua buah negara, seseorang majikan berhak untuk mendapat penggantian pembantu rumah Indonesia sekiranya pembantu ini yang digaji tersebut melarikan diri dalam masa tempoh enam bulan penggajian. Selain daripada itu, mulai 1 Jun 2011 Kementerian Dalam Negeri juga telah mewujudkan satu sistem biometrik yang mana boleh mengesan pembantu rumah yang lari sekiranya mereka memohon untuk bekerja dengan majikan yang lain.

Selain daripada itu, Kementerian Sumber Manusia juga melalui Jabatan Tenaga Kerja telah melaksanakan seminar dan dialog Pembantu Rumah Asing mulai Mac 2010 yang mana dihadiri oleh pembantu rumah asing juga dihadiri oleh majikan dan juga oleh syarikat yang membekal pekerja tersebut. Sehingga kini 89 seminar atau dialog tersebut telah diadakan yang melibatkan 1,869 majikan, 1,650 pembantu rumah asing dan 365 agensi pekerja asing. Seminar ini adalah bertujuan untuk memaklumkan hak-hak dan tanggungjawab ketiga-tiga pihak ini.

Selain daripada itu, buku panduan Garis Panduan Penggajian Pembantu Rumah juga telah diwujudkan dan untuk rujukan. Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat juga telah mewujudkan Talian Nur untuk menerima laporan-laporan sama ada terus daripada pembantu-pembantu rumah ataupun daripada majikan-majikan yang ingin membuat laporan. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, sesi pertanyaan-pertanyaan bagi jawapan lisan berakhir. Usul seorang Menteri di bawah Peraturan Mesyuarat 12(1).

[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab lisan tamat]

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

11.33 pg.

Timbalan Menteri Dalam Negeri I [Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1), Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga jam 9 malam dan sehingga selesai ucapan-ucapan penangguhan dan selepas itu Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan sehingga jam 10 pagi, hari Rabu, 22 Jun 2011.”

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato’ Dr. Mashitah binti Ibrahim]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-Ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujui.

Usul dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui.

USUL MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH P.M. 18 (1)

PENGGODAMAN LAMAN WEB KERAJAAN

11.34 pg.

Tuan Salahuddin Haji Ayub [Kubang Kerian]: *Bismillaahi Rahmaani Rahiim.* Tuan Yang di-Pertua, usul di bawah Peraturan Mesyuarat 18(1) dan (2), dengan ini diberikan notis bahawa saya akan mengusulkan supaya Mesyuarat ini akan ditangguhkan untuk membincangkan usul yang melibatkan perkara tertentu, berkepentingan ramai dan perlu disegerakan. Saya Salahuddin Haji Ayub, Parlimen Kubang Kerian mohon mencadangkan bahawa Mesyuarat ini hendaklah ditangguhkan bagi membolehkan Dewan yang mulia ini merundingkan dan membincangkan terhadap beberapa laman web di negara ini mula digodam selepas satu kumpulan bergelar *Anonymous* yang mendakwa berpangkalan di luar negara mengancam, mengganggu portal rasmi kerajaan di alamat www.malaysia.gov.my.

Tuan Yang di-Pertua, pada saat usul ini ditulis, sudah hampir 51 – yang saya rujuk pada laporan BERNAMA, laman web rasmi kerajaan telah digodam dengan serangan pihak yang tidak bertanggungjawab yang mungkin berpangkalan di luar negara dengan hasrat melumpuhkan sistem kerajaan melalui maklumat internet ini. Sebenarnya, kerisauan bertambah jika kaedah yang sama ini digunakan bagi tujuan yang tidak mampu diatasi oleh pihak kerajaan terutamanya berkaitan keselamatan negara.

Apa pun hasrat pihak yang tidak bertanggungjawab terhadap negara kita, tetapi apa yang paling penting ialah ia boleh menyebabkan negara kita lumpuh jika ia menyerang maklumat rasmi dan keselamatan negara kita. Perkara ini adalah suatu yang amat serius dalam negara berdepan dengan pihak yang tidak bertanggungjawab yang menggunakan kemudahan tanpa sempadan ini bagi tujuan yang amat memalukan negara dan menggugat keselamatan negara kita.

Oleh yang demikian, saya meminta sidang Dewan Rakyat pada hari ini agar dapat ditangguhkan untuk melihat keseriusan serangan terhadap laman web rasmi kerajaan ini dan meletakkan tindakan serangan ini sebagai suatu tindakan yang akan menggugat keselamatan negara dalam konteks pertahanan negara jika ia dibiarkan begitu sahaja tanpa adanya tindakan drastik oleh pihak kerajaan. Saya mohon mencadangkan.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima satu Pemberitahu Usul di bawah Peraturan Mesyuarat 18(1) daripada Yang Berhormat kawasan Kubang Kerian pada hari Jumaat, 17 Jun 2011. Teks usul itu adalah seperti yang telah dibacakan oleh Yang Berhormat itu sebentar tadi.

Bagi membolehkan perkara ini ditimbang oleh Majlis Mesyuarat pada hari ini, saya sebagai Tuan Yang di-Pertua hendaklah berpuas hati bahawa perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu memenuhi tiga syarat iaitu:

- (i) bahawa perkara itu tertentu;
- (ii) bagi kepentingan orang ramai; dan
- (iii) ia berkehendak disegerakan.

Saya telah meneliti perkara ini dan saya dapati bahawa bagi persoalan sama ada ia perkara tertentu, perkara ini bagi pendapat saya adalah perkara yang tertentu, sama ada ia merupakan kepentingan orang ramai, bagi pendapat saya ia ialah bagi kepentingan orang ramai dan sama ada ia berkehendakkan untuk disegerakan, pendapat saya ialah perkara ini tidak perlu untuk disegerakan. Oleh yang demikian, saya menolak Usul ini bawah Peraturan Mesyuarat 18(2).

Ahli-ahli Yang Berhormat, sebelum saya memanggil Setiausaha untuk perkara seterusnya, saya ingin buat komen mengenai dengan perkara usul yang dibawa oleh Yang Berhormat di bawah Perkara 18(1). Saya terbaca satu buku yang tajuknya "*How Parliament Works*" buku yang paling mutakhir sekali mengenai dengan prosedur *House of Commons*. Apa yang menarik perhatian saya ialah di muka surat 155, saya baca... [*Membaca petikan*] "*MP's – Members of Parliament have the opportunity of requesting an urgent debate sometimes known as an order as Standing Order number 24 Application*".

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, *Standing Order of the House of Commons* di bawah Peraturan Mesyuarat 24 (*Standing Order 24th*) adalah sama seperti Peraturan Mesyuarat 18(1) di Parlimen Malaysia. Ambil perhatian kepada ini... [*Membaca petikan*] "*Urgent debates are very rare. The most recent was in March 2002 and before that it was in 1993*".

■1140

Bermakna dalam sembilan tahun, pada tahun 1993 sehingga 2002 langsung tidak ada usul yang digunakan oleh *Member of Parliament* mengenai dengan *urgent debates* di bawah Peraturan Mesyuarat 24 yang sama dengan Peraturan Mesyuarat 18(1) di Parlimen Malaysia. *Speakers do not encouraged hopeless application*. Walau bagaimanapun, digunakan juga.

Pada tahun 2003, *there was an* usul dibawa oleh seorang Wakil Rakyat. Di *House of Commons* mengenai dengan soal *raising of constituency crisis as well as even in a bigger scale*. Pada 2003, *an MP's applied for debate on the heavy financial deficit of a constituent made hospital*, ditolak. Pada Oktober 2004, *an MP's try for debate on multinational company decision to a close of a factories in the constituency*, ditolak. Pada March 2006, *an MP's sort a debate on local national head services redundancy*, juga ditolak. Pada kebiasaannya, apabila *Speaker* di *House of Commons* menolak permohonan di bawah *Standing Order 24*, beliau tidak perlu memberi alasan. Di Malaysia tidak begitu. Ahli-ahli Yang Berhormat bertegang leher dengan saya, dan timbalan-timbalan saya, menjustifikasikan permohonan.

Kita buat perbandingan untuk sesi pada kali ini sahaja bermula pada 13 hari bulan sehingga pada saat saya cakap ini termasuk usul daripada Yang Berhormat Bakri pada pagi ini dihantar di pejabat saya, ada 10.

Untuk 10 hari kita bersidang, ada 10 permohonan di bawah Peraturan Mesyuarat 18(1). Di *House of Commons* daripada tahun 1992 sehingga 2003 satu pun tiada. Sejak saya menjadi Yang di-Pertua daripada bulan April sehingga pada bulan Jun tahun ini bermakna tiga tahun dua bulan, saya telah menerima lima usul di bawah Peraturan Mesyuarat 18(1) iaitu perkara yang berhubung dengan mogok nelayan, harga beras, kesihatan pada ketika itu, tanah runtuh dan kemalangan jalan raya yang ada hubung kait dengan bas persiaran. Ada lima. Bermakna *I am not doing that badly*. Ada lima dalam masa tiga tahun. Di *House of Commons* dalam masa sembilan tahun, satu pun tidak ada.

Kesimpulannya Ahli-ahli Yang Berhormat, jangan buat tekanan kepada saya dan timbalan-timbalan saya yang masyarakat di luar sana membuat satu persepsi bahawa Yang di-Pertua Dewan Rakyat dan timbalan-timbalannya menolak usul dengan sewenang-wenang begitu sahaja. Ini kerana telah menjadi budaya Ahli-ahli Yang Berhormat apabila menghantar usul sebelum pun tindakan dibuat oleh Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat telah buat kenyataan akhbar dan akan dapat liputan bahawa usul sudah saya kemukakan notis. Apabila Yang di-Pertua menolak ia juga akan mendapat liputan. Persepsi masyarakat ialah saya dan timbalan-timbalan saya dengan sewenang-wenang membuat tindakan yang tidak berasas dan itu membuat seolah-olah Ahli-ahli Yang Berhormat membuat tanggungjawab yang cukup, baik. Akan tetapi apabila saya baca rujukan-rujukan seperti ini dan bukan bermakna baru juga saya terbaca, ini *the latest*. Rupanya juga menjadi tanggungjawab setiap Ahli Yang Berhormat sebelum mengemukakan usul, fikir baik-baik sama ada usul itu akan ditolak atau diterima. Ini kerana tiga syarat perlu dipenuhi. Syarat yang paling mustahak ialah sama ada perlu disegerakan atau tidak.

Setiap hari Ahli Yang Berhormat sama ada kamu faham atau tidak *order paper* dibuat. Inilah agenda mesyuarat untuk pada hari ini. Jadi, kalau agenda mesyuarat yang telah ditetapkan, disingkirkan atau pun diketepikan untuk satu jam daripada 5.30 sampai 6.30 petang untuk berbahas di bawah Peraturan Mesyuarat 18(1), maka usul Yang Berhormat itu mesti lebih penting daripada agenda yang telah ditetapkan. Itu maksud Peraturan Mesyuarat 18(1).

Jadi, saya tahu bahawa wakil-wakil daripada media massa mendengar saya sedang bercakap ini di luar sana. Jadi tolonglah ahli-ahli daripada media massa, berilah liputan kepada apa yang saya sebut ini supaya janganlah masyarakat di luar sana buat persepsi bahawa saya buat tindakan yang sewenang-wenangnya tanpa mengikuti peraturan mesyuarat. Terima kasih Ahli-ahli Yang Berhormat. Sila, teruskan.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chuan [Batu]: Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Kamaruddin Jaffar [Tumpat]: Boleh saya mengambil peluang untuk memberi sokongan kepada apa yang Tuan Yang di-Pertua sebutkan sebentar tadi dan merayu kepada Tuan Yang di-Pertua supaya mengguna pakai dengan selengkap-lengkapnya pengalaman panjang *Parliament Westminster* di United Kingdom itu. Misalnya di mana di *Parliament Westminster*, United Kingdom jawatankuasa-jawatankuasa pilihan banyak diwujudkan... [Tepuk] Ia akan membuka dan memberi peluang kepada Ahli-ahli Yang Berhormat untuk menimbulkan banyak masalah-masalah yang ada dalam sesebuah negara. Jadi semangat itu saya amat bersama dengan Tuan Yang di-Pertua dan merayu kepada Tuan Yang di-Pertua menggunakan kedudukan Tuan Yang di-Pertua untuk menentukan supaya hak kepada Ahli-ahli Parlimen dalam ruang-ruang yang memang ada dalam Peraturan Mesyuarat Parlimen kita ini digunakan sepenuhnya untuk kepentingan dan keperluan masyarakat di negara kita.

Keduanya Tuan Yang di-Pertua, pengalaman Parlimen di United Kingdom, aturan peraturan urusan mesyuarat ini tidak diputuskan oleh pihak kerajaan semata-mata tetapi mengguna pakai Institusi *Whip* Kerajaan dan *Whip* Pembangkang setiap kali sebelum Parlimen bersidang untuk sama-sama sepakat dan bersetuju rang undang-undang mana yang hendak dibentangkan, rang undang-undang untuk pihak pembangkang mana yang hendak diizinkan. Pengalaman itu amat beruntung bukan sahaja kepada pengalaman di Britain tetapi kalau diguna pakai dalam negara kita amat sekalilah besar artinya. Terima kasih... [Tepuk]

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat Batu, kalau bukan peraturan mesyuarat tidak perlulah Yang Berhormat Batu.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chuan [Batu]: Saya juga ingin sokong pendirian Tuan Yang di-Pertua. Saya setuju bahawa yang *emergency motion* ini bukan satu cara yang terbaik untuk bangkitkan *issues* tetapi saya juga rayu kepada Tuan Yang di-Pertua, untuk mengadakan perubahan secara lebih total sekali kalau kita mahu ikut sistem *Westminster*, kita ikutlah. Ini kerana dalam *House of Commons* yang telah Tuan Yang di-Pertua rujukkan sebentar tadi juga ada spesifik waktu untuk setiap sesi bagi pembangkang membawa isu-isu. Dalam *House of Commons* juga ada satu jam setiap minggu oleh Yang Berhormat Perdana Menteri sendiri jawab soalan-soalan dari *backbenchers*... [Tepuk] Itu juga merupakan forum yang lebih baik bagi *backbenchers* membawa isu-isu ini daripada kita membawa usul tergepar yang tidak akan mendatangkan apa-apa hasil.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Ini sebagai respons kepada apa yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Tumpat dan Batu. Saya tidak mahu ulangi lagi semula.

Ahli-ahli Yang Berhormat, prosedur *House of Commons* dia menjadi sebegitu rupa apabila beratus tahun malahan beribu tahun. Parlimen yang ada pada kita sekarang ini cuma 50 tahun. Kekuatan pembangkang baru juga tiga tahun yang lalu sejak tahun 2008. Jadi, apa yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Tumpat itu, kalau ianya dikendalikan, ia dikendalikan berperingkat-peringkat dan berfasa-fasa. Harus ingat, bukan tanggungjawab Tuan Yang di-Pertua dan timbalan-timbalannya. Ini merupakan tanggungjawab kerajaan dan pembangkang. *Chief Whip* dan *Whip* sebelah pembangkang untuk duduk sama berunding untuk kepentingan Parlimen. Ini kerana peraturan mesyuarat cuma boleh diubah apabila dibawa dalam persidangan dan dipersetujui oleh semua.

Datuk Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Boleh tambah Tuan Yang di-Pertua?

Tuan Yang di-Pertua: Sebentar, saya belum habis cakap.

■1150

Ini bermakna menjadi tanggungjawab kerajaan dan pembangkang duduk sama dengan ada suatu persefahaman yang benar-benar ikhlas. Jangan bebankan Yang di-Pertua dan timbalan-timbalannya yang menjalankan tugas di bawah satu peraturan mesyuarat yang telah pun wujud sebelum dia duduk di sini. Itu saya minta bantuan kepada Ahli Yang Berhormat tetapi budaya kita kalau boleh saya sebutkan ialah inilah saya tidak senang kadang-kadang intai-mengintai, sinis-menyinis, singgung-menyinggung apabila ada sahaja ucapan, terus secara *political*.

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Boleh di sini sekarang Tuan Yang di-Pertua, boleh? Terima kasih

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: [Bangun]

Tuan Yang di-Pertua: Sila. Saya benarkan untuk Yang Berhormat Kota Belud dan selepas itu saya akan teruskan mesyuarat.

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya juga ingin memberikan pandangan saya tentang isu-isu tentang reformasi Parlimen. Tetapi Tuan Yang di-Pertua, sebegitu kuat cadangan daripada rakan-rakan di sebelah sana, mereka juga tidak melakukan apa yang dipraktikkan. Ada Tuan Yang di-Pertua di dalam Parlimen *British* yang ada membawa sampai *placket*, terjerit setiap hari di dalam Parlimen, ada sistem itu? Ada sistem itu di mana kita melihat... [Dewan riuh]

Tuan Yang di-Pertua: Okey, terima kasih, terima kasih.

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Sekejap Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Tidak mengapalah Ahli Yang Berhormat...

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Dan saya...

Tuan Yang di-Pertua: Tidak apalah sudah.

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak mengatakan, saya belum habis lagi Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Sudah, sudah.

Tuan Nga Kor Ming [Taiping]: Yang Berhormat Kota Belud ini pakar belutlah.

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Berilah peluang, inilah sistem...

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Parlimen Kota Belud memang tidak ada. *[Ketawa]*

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Ada begitu pembangkang, tidak membenarkan orang lain bercakap.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Kota Belud sudahlah Yang Berhormat Kota Belud.

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Tuan Yang di-Pertua, satu lagi Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Saya sudah faham itu Yang Berhormat, sudahlah, sudahlah.

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Tuan Yang di-Pertua, satu *point* lagi.

Tuan Yang di-Pertua: Sudahlah, terima kasih.

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Tadi jawatankuasa *select committee*, Tuan Yang di-Pertua berada di dalam satu Jawatankuasa *Select Committee*. Apa yang berlaku mengikut peraturannya tidak dibuat, Yang Berhormat Permatang Pauh kita gantung kerana telah membuat sesuatu yang tidak betul tetapi sewaktu itu Tuan Yang di-Pertua sebagai Pengerusi Jawatankuasa Hak dan Kebebasan diperlekehkan, itu tidak ada sebahagian daripada...

Tuan Mohamed Azmin Ali [Gombak]: Dia tidak panggil menjadi saksi, jangan penipu.

Tuan Yang di-Pertua: Tidak apa, tidak apa, tidak apa Yang Berhormat. Sudah-sudah... *[Dewan riuh]* sudah Yang Berhormat, sudahlah.

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Anwar, setiap kali, setiap kali...

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, Yang Berhormat Kota Belud sudahlah Yang Berhormat Kota Belud.

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Tuan Yang di-Pertua, menang-kalah-menang dengan penipuan.

Tuan Mohamed Azmin Ali [Gombak]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat sudahlah. Yang Berhormat Gombak, Yang Berhormat Gombak, Yang Berhormat Gombak sudahlah. Ahli-ahli Yang Berhormat, Ahli-ahli Yang Berhormat

Seorang Ahli: Dia tahu kondem sahaja. *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat...

Tuan Mohamed Azmin Ali [Gombak]: Dia tak cakap benar... *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat Gombak sudahlah Yang Berhormat Gombak. Ahli-ahli Yang Berhormat sebagai respons penghabisan kepada soal ini. Apa yang saya boleh buat dan timbalan-timbalan saya mengikut peraturan mesyuarat yang boleh kami menggunakan budi bicara telah kami lakukan. Sebagai contoh, soalan-soalan bergilir, selepas daripada kerajaan, pembangkang. Saya membenarkan tiga soalan-soalan tambahan kepada soalan apabila Yang Berhormat Menteri menjawab lebih daripada satu soalan dalam satu hari. Banyak perkara-perkara yang telah saya buat yang saya rasa perlu saya buat di bawah bidang kuasa saya, di bawah apa yang saya harus buat untuk integriti Parlimen. Jadi saya memohon kepada Ahli Yang Berhormat, setiap Ahli-ahli Yang Berhormat buat tanggungjawab dan tugas masing-masing untuk kepentingan Parlimen, sudahlah Yang Berhormat Gombak. Terima kasih. Sila.

Tuan Mohamed Azmin Ali [Gombak]: Tuan Yang di-Pertua, kalau merujuk kepada Peraturan Mesyuarat...

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Mohamed Azmin Ali [Gombak]: Hari ini Tuan Yang di-Pertua, soalan Yang Berhormat Rembau daripada nombor 1 dan juga 34 dia mendapat dua kali hari ini Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Sila-sila Setiausaha...

Tuan Mohamed Azmin Ali [Gombak]: Sedangkan Ahli-ahli Parlimen Pakatan Rakyat tercicir jauh ke belakang.

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Rembau sama Yang Berhormat Kota Belud masih lagi berdiri... *[Dewan riuh]* Ahli Yang Berhormat, Ahli Yang Berhormat!

Tuan Mohamed Azmin Ali [Gombak]: Ada dua lagi.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat, kalau lagi Yang Berhormat Kota Belud dan Yang Berhormat Gombak berdiri apabila saya memanggil Setiausaha, saya suruh rehat. Tolonglah Yang Berhormat.

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Yang di-Pertua: Nanti saya buat keputusan berapa bulan...

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Peraturan Mesyuarat 26(1).

Tuan Yang di-Pertua: Jangan khuatir.

Setiausaha Dewan: Okey, Tuan Yang di-Pertua?

Tuan Yang di-Pertua: Sila-sila, teruskan.

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Tuan Yang di-Pertua...

Setiausaha Dewan: Rang undang-undang...

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Peraturan Mesyuarat 26(1).

Seorang Ahli: *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua: Peraturan mesyuarat?

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: 26(1).

Tuan Yang di-Pertua: Sila.

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Saya minta diberikan peluang sebab saya tidak mengganggu pihak-pihak lain bercakap dan saya bawa satu perkara kepada Tuan Yang di-Pertua. Saya ada menulis satu notis yang berupa surat kepada Tuan Yang di-Pertua iaitu bertarikh 6 Jun. Mengenai dengan kedudukan Ahli Parlimen Batu iaitu Yang Berhormat Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua yang didapati bersalah dan dihukum di mahkamah di mana beliau telah didenda tidak kurang daripada RM2,000. Mengikut peraturan Perlembagaan Artikel 48 "Seseorang Ahli Parlimen yang didenda tidak kurang daripada RM2000.00, lucut jawatan".

Maka saya merujuk kepada kes Pan Yu Teng, satu ketika dahulu pada tahun 1974 yang didapati bersalah kemudian kesnya tergantung sehingga hilang kedudukannya di dalam Parlimen. Ini persoalan perlembagaan, kita tidak boleh diam begitu sahaja dan menutup mata. Ini Dewan yang membuat undang-undang negara dan orang yang bersalah mengikut undang-undang macam mana boleh dibenarkan duduk di dalam Dewan Rakyat.

Terserah kepada Dewan Rakyat untuk menentukan, terserah kepada Speaker untuk menentukannya. Ini bercakap soal undang-undang, apabila kena di atas batang hidung sendiri buat diam.

Jadi sekarang ini kalau sayalah didenda seperti ini, saya letak jawatan dengan cara terhormat sebab saya ini melanggar undang-undang... [*Dewan riuh*] Jadi saya hendak minta, saya hendak minta... [*Dewan riuh*]

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih.

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Hoi diamlah!

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih, terima kasih.

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Saya hendak minta Tuan Yang di-Pertua buat *ruling*.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih.

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Buat mengundi bersabit dengan kedudukan Ahli Parlimen Batu.. [*Dewan riuh*]

Tuan Yang di-Pertua: Sudah, sudah Yang Berhormat.

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Buat undi mengenai dengan kedudukan Ahli Parlimen Batu.. [*Dewan riuh*]

Tuan Yang di-Pertua: Sudah-sudah Yang Berhormat.

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Ini surat yang saya kemukakan...

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Notis yang saya kemukakan mengikut peraturan... [*Dewan riuh*] Mesti ditentukan.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, sila Yang Berhormat, terima kasih. Sila Yang Berhormat.

Seorang Ahli: [*Menyampuk*]

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Saya minta Tuan Yang di-Pertua buat *ruling* dan buat keputusan. Sebab saya tidak mahu Dewan Rakyat ini dihina dan apabila...

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih, terima kasih.

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Keputusan yang saya sebutkan tadi. Sekian terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*] [*Ketawa*]

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat, memang benar saya ada menerima satu surat daripada Yang Berhormat Pasir Mas berhubung dengan apa yang telah dibangkitkan oleh beliau iaitu kedudukan Yang Berhormat Batu sebagai Ahli Yang Berhormat. Saya juga telah menerima satu surat daripada peguam Yang Berhormat Batu, sebelum ini Ahli-ahli Yang Berhormat saya dikejar oleh pemberita-pemberita. Saya juga berharap wakil-wakil media di luar sana mendengar apa yang saya katakan ini. Sehingga mungkin ada di antara mereka yang sakit hati kepada saya kerana mungkin mereka menganggap saya sombong kerana tidak mengeluarkan apa-apa kenyataan pun.

Begini Ahli-ahli Yang Berhormat. Kesilapan saya pada mulanya ketika saya menjawat jawatan ini ialah apabila saya ditanya mengenai sesuatu isu yang saya rasa perlu saya membuat kenyataan, saya buat kenyataan. Tetapi apabila saya berfikir panjang, rupanya tugas saya ini adalah sebagai hakim iaitu saya cuma perlu memberikan fatwa kepada perkara-perkara yang berhubung kait dengan Parlimen sewaktu bersidang seperti sekarang ini. Ini kerana apabila saya membuat kenyataan-kenyataan akhbar di luar sana bermakna saya juga mengangkat diri saya atau meletakkan diri saya sebagai Ahli Yang Berhormat yang biasa, *normal politician*. Itu makanya sekarang ini saya tidak membuat kenyataan akhbar lagi.

Sebagai respons kepada..., dan saya suka ingatkan kepada *press*, tolonglah jangan tanya saya mengenai dengan soal-soal begitu. Ini kerana saya tidak akan membuat kenyataan kerana hakim-hakim tidak akan membuat kenyataan lebih awal sebelum perkara itu dibawa ke dalam mahkamah. Jadi sebagai *respons* kepada apa yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Pasir Mas, *respons* saya adalah begini.

Sekarang ini saya sedang meneliti, saya telah pun membaca apa yang dikatakan oleh hakim sewaktu dibicarakan di Mahkamah Tinggi, sewaktu keputusan hakim di Mahkamah *Appeal* dan sekarang ini Parlimen juga telah secara *official* berhubung dengan Penasihat Undang-undang Negara untuk memberikan pandangan kepada kita tentang apa yang perlu kita buat. *Insyah-Allah* pada minggu hadapan saya akan membuat *ruling* terhadap perkara ini. Sekian, terima kasih sila Setiausaha teruskan.

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT

RANG UNDANG-UNDANG MAJLIS PERUNDINGAN GAJI NEGARA 2011

Bacaan Kali Yang Pertama

Rang Undang-undang bernama suatu akta untuk menubuhkan Majlis Perundingan Gaji Negara 2011 yang bertanggungjawab untuk menjalankan kajian tentang semua perkara yang berkenaan dengan gaji minimum dan untuk membuat syor kepada kerajaan supaya membuat perintah gaji minimum mengikut sektor, jenis pekerjaan dan kawasan wilayah dan untuk mengadakan peruntukkan bagi perkara-perkara yang berhubungan dengannya; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Sumber Manusia [Dato' Maznah binti Mazlan]; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

■1200

RANG UNDANG-UNDANG KERJA (PINDAAN) 2011

Bacaan Kali Yang Pertama

Rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Kerja 1955; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Sumber Manusia [Dato' Maznah binti Mazlan]; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

RANG UNDANG-UNDANG PERIHAL DAGANGAN 2011

Bacaan Kali Yang Pertama

Rang undang-undang bernama suatu akta bagi maksud untuk menggalakkan amalan perdagangan yang baik dengan melarang perihal dagangan palsu dan penyataan pengendalian dan amalan palsu atau mengelirukan berhubungan dengan perbekalan barang-barang dan perkhidmatan serta untuk mengadakan peruntukan-peruntukan bagi perkara-perkara yang berkaitan atau bersampingan dengannya; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan II [Datuk Hajah Rohani binti Abdul Karim]; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN TAMBAHAN (2011) 2011

Bacaan Kali Yang Kedua

Aturan urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang." [20 Jun 2011]

Tuan Yang di-Pertua: Sila Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab.

12.01 tgh.

Timbalan Menteri Kewangan I [Datuk Dr. Awang Adek Hussin]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan 2011. Saya ingin mengambil kesempatan di sini untuk menjawab soalan-soalan yang dikemukakan khususnya yang bersifat dasar kerana kita juga akan berhadapan dengan perbincangan di peringkat Jawatankuasa. Jadi segala butiran dan perincian masih lagi boleh dijawab oleh kementerian-kementerian yang berkenaan. Apa pun, sekiranya jawapan saya pada hari ini tidak habis dan dirasakan perlu, maka setengah-setengahnya saya mohon izin untuk menjawabnya secara bertulis. Jawapannya ada, cuma saya rasa kita cuba gunakan masa sebaik mungkin untuk menumpukan kepada soal-soal pokok dan soal-soal dasar.

Saya terus menurus kepada persoalan-persoalan yang ditimbulkan oleh Ketua Pembangkang. Pertamanya mengenai pengurusan bajet atau belanjawan kita yang mempersoalkan mengapa sudah ada permintaan bekalan tambahan sebanyak RM13.186 bilion yang disebut oleh beliau untuk suku pertama. Ingin saya jelaskan bahawa ini bukan untuk suku pertama, ini adalah untuk seluruh tahun. Walaupun bekalan tambahan ini dibuat dalam bulan Jun, tetapi tambahan ini ialah untuk sepanjang tahun ini.

Saya ingin nyatakan bahawa bekalan tambahan ini adalah perkara biasa yang dilakukan setiap tahun. Bahkan, ada tahun-tahun di awal 90-an, empat kali setahun bekalan tambahan. Sejak akhir-akhir ini kita hanya buat satu atau dua kali setahun sahaja. Umpamanya tahun lepas kita buat dua kali bekalan tambahan, tahun ini hanya satu dan kita tengok kalau betul-betul perlu untuk yang kedua. Akan tetapi pada tahun-tahun 1991 hingga 1995 empat kali, 1997 empat kali... [Disampuk] Empat kali bekalan tambahan. Jadi, itu satu.

Keduanya, bekalan tambahan ini merupakan 8.1 peratus daripada bekalan asal, bekalan peruntukan pengurusan. Sebelum ini banyak yang tinggi-tinggi pun, ada yang 10 peratus, 17 peratus. Jadi poin yang pertama saya ialah ini bukanlah sesuatu yang luar biasa. Ini tidak luar biasa. Keduanya kalau kita perincikan pula mengapa bekalan tambahan ini diminta, sebahagian besarnya, lebih 60 peratus nya ialah untuk subsidi. Subsidi ini ialah kerana mungkin kita tidak menjangkakan harga minyak umpamanya, boleh meningkat. Semasa belanjawan dibuat, anggaran harga minyak dibuat untuk keseluruhan tahun 2011 ialah USD85 setong, tetapi hari ini kita lihat ia sudah meningkat sehingga lebih USD110 walaupun turun sedikit baru-baru ini. Begitu juga harga minyak masak yang tidak diduga.

Komponen yang kedua selain daripada subsidi ialah emolumen. Emolumen ini pembayaran gaji. Ini juga ditimbulkan oleh Ketua Pembangkang khususnya kepada dua kementerian iaitu Kementerian Pelajaran dan Kementerian Kesihatan. Emolumen Kementerian Pelajaran keseluruhannya ialah RM21 bilion. Ramai cikgu dan kakitangan. RM21 bilion setahun. Tambahannya ialah RM1.3 bilion. Kerana apa? Kerana guru cemerlang, pengisian jawatan kosong, *time based*. Begitu juga Kementerian Kesihatan, RM337 juta juga berdasarkan kepada kenaikan pangkat, elaun pakar dan *time based promotion*.

Cuma saya nyatakan di sini ialah saya telah meminta kedua-dua kementerian ini dalam perbincangan kita supaya yang *time based promotion* ini mungkin boleh dijangka, jadi tidak perlu tunggu berlaku baru hendak minta. Dia sudah tahu *time based* ini berapa tahun jangkannya. Sekurang-kurangnya kalau tidak boleh dijangka 100 peratus pun, 80 peratus sudah pun diambil kira dan dimasukkan dalam belanjawan.

Jadi poin yang dibuat oleh Ketua Pembangkang seolah-olah kita sengaja tidak mahu masukkan peruntukan emolumen ini supaya tidak menunjukkan defisit yang besar itu tidak betullah, tidak betul. Kementerian Kewangan tidak ada kena-mengena, bahkan ini diakui sendiri oleh Kementerian Kesihatan dan Kementerian Pelajaran. Mereka akan cuba tahun depan yang *time based* ini akan dimasukkan awal-awal lagi supaya tidak menimbulkan masalah. Itu dari segi pengurusan belanjawan.

Keduanya ialah isu Amanah Raya Berhad yang juga ditimbulkan oleh Ketua Pembangkang dan isu ini penting kerana ia boleh menakutkan pewaris-pewaris apabila dikatakan Amanah Raya Berhad sudah tidak bagi dividen. Sebenarnya Amanah Raya Berhad bagi dividen, tidak putus pun. Setiap tahun diberi dividen dan dividennya berubah mengikut keadaan-keadaan semasa. Umpamanya tahun 1997, 7 peratus setahun, tahun 1998 kemudiannya 10.5 peratus, tahun 2000 hingga terkini, 3.5 peratus. Ada. Jadi kita tidak hendak memberikan gambaran bahawa Amanah Raya ini tidak beri dividen. Mereka bagi.

Soal keduanya ialah pengenaan bayaran fi. Memang ada dikenakan. Ini mengikut akta yang ditetapkan. Akta ini yang kita buat, memang ia bagi peruntukan untuk Amanah Raya Berhad mengenakan fi dan kadar-kadar fi pun ada. Umpamanya dari segi akaun pusaka yang diperhasilkan. Maknanya bila sudah dapat hasil daripada akaun pusaka ini, maka Amanah Raya Berhad boleh mengikut akta mengenakan 4 peratus kepada 25,000 pertama, 3 peratus kepada 225,000 yang kemudiannya, 2 peratus lagi kepada 250,000 kepada yang kemudian-kemudiannya ya, ia ada jadualnya.

Apa yang disebut oleh Yang Berhormat Permatang Pauh yang kes di Terengganu, yang ada dua cek yang kononnya tidak dapat dividen, kes ini kes yang spesifik. Ia bukan merupakan akaun pusaka. Ini adalah akaun amanah. Akaun amanah ini ia ada beza sedikit. Akaun amanah apabila tidak dituntut, apabila tidak dikenal pasti pewarisnya, ia akan dimasukkan ke dalam akaun tertanggung yang menunggu pewaris ini datang. Jadi memang mengikut akta, akaun tertanggung ini tidak diberikan dividen kerana disimpan duit itu. Jadi apabila pewaris itu datang dan bertemu dengan pewaris dan pampasan dapat, memang dipotong sedikit bayarannya tetapi dividen yang sebelum dimasukkan ke dalam akaun amanah ini ada.

Jadi apabila potongan itu dibuat bahkan sepatutnya yang diterima oleh Amanah Raya Berhad ini lebih daripada dividen yang ada kerana dividen itu sebahagian sahaja sebelum dimasukkan kepada akaun tertanggung. Maka, Amanah Raya Berhad hanya mengambil dividen sahaja, yang prinsipalnya dibayar kembali.

■1210

Jadi memang ada kejadian ini tetapi ini adalah khusus, saya mahu jelaskan supaya tidak ada prasangka bahawa amanah raya ini tidak beri dividen...

Dato' Abd. Rahman Dahlan[Kota Belud]: [Bangun]

Datuk Dr. Awang Adek Hussin: Kalau boleh saya teruskan dahulu Yang Berhormat sebab saya cuba hendak menjimatkan masa.

Dato' Abd. Rahman Dahlan[Kota Belud]: Sedikit sahaja Yang Berhormat kalau boleh.

Datuk Dr. Awang Adek Hussin: Baiklah.

Dato' Abd. Rahman Dahlan[Kota Belud]: Ini urutan daripada jawapan tadi, ulasan-ulasan kita. Saya mempunyai masalah Yang Berhormat. Sebenarnya apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Ketua Pembangkang ini, pertanyaan-pertanyaan samalah juga dengan Yang Berhormat Ipoh Timur. Apabila bertanyakan soalan, mereka akan *Tweet* dan masuk ke dalam *Facebook* soalan-soalan yang diajukan kepada Yang Berhormat Menteri. Ternyata apabila jawapan yang dibuat oleh Yang Amat Berhormat Menteri jauh sekali menyimpang soalan yang asal tersebut seolah-olah mengajak kita untuk meragui kemampuan Yang Berhormat Ketua Pembangkang ini untuk membuat hujahan.

Apakah sekarang Yang Berhormat Menteri setuju kalau boleh kita mempertikaikan, pernah sekali dikatakan bahawa beliau adalah Menteri Kewangan yang tersohor sewaktu menjadi Menteri Kewangan ataupun kajian-kajian dalam Buku Jingga. Masalahnya sekarang ini Yang Berhormat Menteri, apabila mereka *Tweet* jawapan Menteri mereka tidak beri, ini tidak begitu adil.

Datuk Dr. Awang Adek Hussin: Terima kasih, inilah tugas saya untuk memberi...

Tuan Mohd. Yusmadi Mohd. Yusoff [Balik Pulau]: Yang Berhormat Menteri.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Menteri, Tan Sri Speaker sudah memberitahu yang sungguh menyinggung dan sindir menyindir ini tidak apalah. Yang Berhormat Menteri sudah menjawab dengan elok tadi. Sila Yang Berhormat.

Tuan Mohd. Yusmadi Mohd. Yusoff [Balik Pulau]: [Menyampuk]

Datuk Dr. Awang Adek Hussin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Itu adalah tugas saya untuk memberi penjelasan dan semoga yang mendengarnya, di dalam dan di luar dapat menilai sama ada yang dijelaskan ini adalah yang sebaik mungkin.

Mengenai soal IPP, ini soalan besar yang ditimbulkan juga oleh Yang Berhormat Gombak, Yang Berhormat Permatang Pauh dan ramai lagi. Ini adalah soal besar, soal dasar, soal pokok, jadi saya tidak boleh tidak menjawab soalan walaupun saya dimaklumkan bahawa Kementerian Tenaga akan memberi penjelasan yang lebih lanjut.

Pertamanya ingin saya nyatakan bahawa soal IPP ini sudah pun kita ketahui umum bahawa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah mengumumkan bahawa ini juga akan dikaji dan dilihat selaras dengan subsidi *rationalization*, dengan izin.

Kedua, kita juga lihat dari segi subsidi gas yang diberi oleh Petronas kepada beberapa sektor, satunya kepada sektor tenaga atau elektrik dan keduanya adalah sektor industri, ketiganya sektor-sektor lain. Ini pun sedang di..., sebenarnya bukan subsidi yang diberikan oleh Petronas tetapi *subsidize price*. Ini juga sedang diselaraskan oleh Petronas dan akan dibuat setiap enam bulan, sudah dinaikkan setakat ini RM3 dan setiap enam bulan akan diselaraskan.

Saya difahamkan bahawa dalam jangka tiga tahun kita akan mencapai tahap pasaran. Ini dimaklumkan oleh Petronas. Kesannya adalah memang IPP juga terlibat kerana sektor elektrik ini dan dalam peraturan sekarang ini akan di *pass through* dengan izin kepada TNB. TNB akan melihat bagaimana kesannya dan ini juga satu hari akan memberi kesan kepada kadar elektrik. Namun apa pun perbincangan dengan IPP ini sedang dilaksanakan, barangkali ini juga akan dapat diselaraskan dengan cara yang terbaik. Jadi buat masa ini sekurang-kurangnya perkara ini kita dalam proses pelaksanaan.

1MDB juga adalah perkara besar yang ditimbulkan oleh Ketua Pembangkang. Ini penting, soalan pertamanya mengapa kerajaan memberikan *guarantee* kepada bon yang dikeluarkan oleh 1MDB iaitu berjumlah RM5 bilion ini. Saya ingin nyatakan 1MDB ini ialah anak syarikat 100 peratus milik kerajaan atau GLC. Jadi untuk kita sebagai kerajaan memberikan *guarantee* kepada anak syarikatnya untuk menjalankan kegiatan, ini tidak luar biasa. Malah saya ada senarai ini seperti Bank Pertanian, Khazanah Nasional Berhad yang *diguaranteek*an berbilion-bilion ringgit, *KL International Airport*, Penerbangan Malaysia Berhad, bahkan Tenaga Nasional Berhad, Sarawak Hidro pun kerajaan ada *guarantee* dan sebagainya.

Jadi soalnya *guarantee* yang diberikan oleh kerajaan kepada 1MDB untuk mengeluarkan bon ini tidak luar biasa, dilakukan oleh kerajaan bahkan jumlah yang lebih besar yang dilakukan. Ini kerana 1MDB akan melaksanakan pembangunan di dua tapak projek yang begitu besar, yang begitu kritikal umpamanya *Kuala Lumpur Financial District* dan juga Sungai Besi. Ini akan memberikan keuntungan, bukan sesuatu perbelanjaan yang akan merugikan. Jadi saya bagi pihak Kementerian Kewangan ingin menjelaskan soal *guarantee* ini dan sekiranya ada apa-apa soalan mengenai pembangunan tanah-tanah, ini akan dijawab oleh rakan saya daripada EPU. Dia sudah menyatakan soal-soal ini kerana 1MDB ini ialah di bawah EPU.

Yang Berhormat Ipoh Timur ada menimbulkan satu isu mengenai pemberian tender. Saya mesti sebut Yang Berhormat Ipoh Timur, LRT Kelana Jaya yang mempersoalkan mengapa syarikat yang menawarkan harga yang termurah tidak diberikan kontrak tersebut sebaliknya yang kedua termurah diberikan. Ini kerana pihak kerajaan apabila melakukan tender yang besar yang melibatkan RM700 juta hingga RM900 juta di mana penyertaannya datang dari syarikat-syarikat antarabangsa. Kita perlu telus, kita perlu buat mengikut kaedah yang kita tetapkan kerana ini menunjukkan komitmen kita.

Kalau kita buat panggil tender, kemudian kita pilih yang tidak menepati prosedur tender, ini boleh menimbulkan masalah. Jadi pemilihan yang dibuat, yang diberi kepada syarikat kedua tertinggi ialah kerana yang kedua terendah kerana yang terendah itu tidak menepati keperluan tender khususnya jaminan daripada *the principle* tidak diberikan. Ia hanya diberikan selepas tender ditutup. Kita tahu bahawa ia tidak ada jaminan kemudian bawa datang, jadi kalau kita beri dari segi teknikal, ia sudah tidak menepati kehendak tender. Jadi kalau kita beri kepada syarikat ini walaupun dia ini murah sedikit, ini akan memberikan gambaran yang tidak baik kepada kita. Kita *set the standard*, prosedurnya tiba-tiba kita tidak menepatinya. Ini Yang Berhormat Ipoh Timur saya harap dapat memahami...

Tuan Saifuddin Nasution Ismail [Machang]: Laluan.

Datuk Dr. Awang Adek Hussin: Sila.

Tuan Saifuddin Nasution Ismail [Machang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya cuba bawa balik semula Yang Berhormat Timbalan Menteri kepada jawapan yang diberikan menyangkut tentang hal yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Permatang Pauh. Soal emolumen, Timbalan Menteri memberikan penjelasan.

Semalam Yang Berhormat Permatang Pauh turut membangkitkan perkara mengenai beberapa pengumuman besar saat membentangkan belanjawan oleh Perdana Menteri pada tahun lepas. Pengumuman besar merupakan Skim Rumah Pertamaku iaitu RM100 juta, bayaran pengecualian bil elektrik di bawah RM20 itu RM150 juta. Kemudian Program Latihan 1Malaysia itu adalah RM100 juta, Program Graduan IT berjumlah RM50 juta. Ini merupakan pengumuman besar yang diumumkan oleh Kementerian Kewangan waktu membentangkan bajet. Rupa-rupanya waktu itu tidak dimasukkan dalam urusan perbelanjaan sehingga pada bulan enam sekarang, barulah dikemukakan bajet tambahan untuk mengguna pakainya.

Jadi itu adalah perkara yang kita bangkitkan secara khusus, mana mungkin waktu penyediaan, menyemak keperluan belanjawan negara, kalau tadi kita sebut soal tertinggal mengenai bajet emolumen, yang ini pengumuman besar yang dibuat pun tidak dimasukkan juga. Itu belum disentuh oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri waktu memberi jawapan. Walaupun cuba di selit sedikit oleh Yang Berhormat Kota Belud soal wibawa Yang Berhormat Permatang Pauh ketika menjadi Menteri Kewangan. Akan tetapi hakikat yang kita tidak boleh tolak ialah kita sudah mengalami defisit hampir 14 tahun dalam belanjawan negara.

Bajet berimbang dalam negara kita hanya berlaku kebetulan waktu Yang Berhormat Permatang Pauh menjadi Menteri Kewangan, ia kebetulan. Saya tidak kata dia hebat, lepas itu bajet defisit yang semakin melebar. Jadi kalau kita *go on fact*, itu adalah hakikat. Akan tetapi saya percaya, sahabat saya Timbalan Menteri seorang yang objektif, saya tahu mempunyai pengalaman yang banyak, yang tidak akan mengambil kira hal-hal sampingan sebegitu, lalu kita fokuskan. Saya setuju, jawapan menyentuh dasar, perkara-perkara utama. Jadi, hal yang saya bangkitkan ialah mengapa sewaktu membentangkan belanjawan tempoh hari, ketika pengumuman besar dibuat terhadap program-program yang disebut, sewaktu itu rupanya tidak dimasukkan juga. Sekarang sudah bulan enam. Kalau pelaksanaannya sekarang, tinggal enam bulan lagi. Itu perlu penjelasan. Terima kasih.

■1220

Datuk Dr. Awang Adek Hussin: Terima kasih Yang Berhormat. Proses pembentukan satu belanjawan ialah satu proses yang memakan masa yang lama. Ia bermula dari bulan lima, bulan enam, bulan tujuh, sehingga ke malam terakhir. Menteri Kewangan akan membaca ucapannya bersama-sama dengan pegawai-pegawai kanan dan akan memberikan fokus yang terakhir adakah ini yang terbaik untuk rakyat Malaysia. Dalam proses pembentukan bajet yang panjang sebegitu, cadangan, keputusan dibuat berperingkat-peringkat. Ia tidak boleh dibuat pada hari pertama pembentangan ataupun mesyuarat bersama dengan *the captains of industry*, ia tidak boleh dibuat semasa *focus group*. Ini dikutip, diadun, dibincang dan kembali pula diuji dengan pihak-pihak tertentu.

Kadangkadangkala Yang Amat Berhormat Perdana Menteri melawat mana-mana kumpulan rakyat dan mendapat pandangan daripada rakyat. Berjumpa dengan golongan muda yang bertanya tentang rumah, pinjaman rumah susah sekarang hendak dapat rumah. Mungkin itu sudah minggu terakhir dalam proses pembentukan bajet.

Nombor-nombor pun sudah dibuat ataupun mungkin hari yang kedua sebelum pembentangan bajet di Parlimen. Ideanya bagus. Rakyat yang akan mendapat faedah. Apakah semua ini perlu ditinggalkan dan menunggu bajet setahun lagi ataupun kita ambil, kita umum, ini yang akan dilaksanakan oleh kerajaan. Akan tetapi, perinciannya boleh dibuat kemudian kerana inilah ruang yang diberi oleh Parlimen kita. Inilah ruang yang diberikan oleh Perlembagaan kita dan ruang-ruang ini adalah baik supaya apa yang dikehendaki oleh rakyat itu, dapat dibuat kalau pun dia datang pada hari kedua terakhir dalam pelaksanaan bajet.

Jadi, Yang Berhormat RM100 juta umpamanya Rumah Pertamaku, apabila kita mengumumkan Rumah Pertamaku memang kita tidak tahu berapa orang yang akan minta, skim bagaimana tetapi kita hendak bantu, hendak beri 100 peratus pinjaman, ini perlu perbincangan, pelaksanaan. Jadi, saya harap, ini tidaklah merupakan pengumuman yang disimpan dari hari pertama sehingga pengumuman kerana semata-mata tidak mahu masuk bajet, bukan. Prosesnya ini panjang. Yang Berhormat Permatang Pauh saya tahu cukup arif. Cukup arif. Dia tahu *last minute* pun dia buat seperti itu. Dia pun dahulu seperti itu juga. Oleh sebab itu dia diam. Akan tetapi tidak mengapalah bagi pewaris seperti Yang Berhormat Machang ini baguslah. Tanya soalan-soalan yang menunjukkan kecerdasan akal. Baguslah tetapi ini penjelasannya. Jadi tidak ada *ill meaning*, tidak ada matlamat tersembunyi, Yang Berhormat Wangsa Maju. Untuk kepentingan rakyat, kita tidak perlu menunggu setahun untuk bajet yang kemudiannya, baru hendak diumumkan. Terima kasih.

Jadi, saya boleh teruskan, saya rasa sudah jelas Tuan Yang di-Pertua?

Tuan Saifuddin Nasution Ismail [Machang]: Sedikit Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih. Timbalan Menteri, terima kasih. Jawapan Timbalan Menteri mengundang saya untuk bangun lagi sekali. Saya terima penjelasan bahawa semua yang diumumkan sewaktu membentangkan bajet tempoh hari, ia memerlukan satu *time line*, dengan izin untuk pelaksanaan. Cuma yang kita bangkitkan ialah kalaulah sewaktu pembentangan dahulu dijumlahkan segala macam program yang telah diumumkan itu, ia akan mendapat sejumlah *total budget*. Saya maksudkan, apabila Skim Rumah Pertama diumumkan, skim pengecualian bayaran elektrik bagi penggunaan RM20 ke bawah diumumkan, kemudian Skim Latihan Graduan IT diumumkan, Skim Latihan 1Malaysia diumumkan, itu sudah RM400 juta.

Kemudian, Timbalan Menteri tadi juga memberikan justifikasi mengapa bajet mengenai emolumen yang kini dimasukkan dalam bajet tambahan, itu sudah mencecah RM2.7 bilion. Maknanya, kalaulah perbelanjaan ini dimasukkan dalam Belanjawan 2011, maka jumlah peruntukan sudah menjadi RM215 bilion, bukan RM212 bilion. Jadi, inilah timbul persoalan anggaran defisit yang sebenarnya berubah, berbeza sewaktu dibentangkan dahulu. Perkara itu yang sebenarnya yang perlu penjelasan. Terima kasih.

Datuk Dr. Awang Adek Hussin: Okey, terima kasih Yang Berhormat. saya boleh beri penjelasan. Saya beri jelas, sejelas-jelasnya. Dalam pembentangan bajet dan pelaksanaannya, ia dinamik, ia tidak *rigid*. Kementerian boleh menukar *priority* nya. Kerajaan boleh menukar *priority* nya. Kalau kita mahu melaksanakan sesuatu yang lebih utama, yang lebih penting, kita boleh menangguhkan yang lain, yang barangkali tidak sepenting itu. Akan tetapi, mesti ada satu *guiding principle*, matlamat. Apakah *guiding principle*, matlamat yang digunakan oleh kerajaan ini, kerajaan yang bertanggungjawab ini iaitu untuk menetapkan defisit kita tidak akan melebihi pada tahun ini, pada kadar 5.4 peratus. Betullah. Kalau Yang Berhormat kata kalau campur semua, kekal semua, hasil tidak naik, maka defisit itu akan berubah. Akan tetapi itu bukan yang dibuat oleh kerajaan. Oleh kerana hari ini pun apabila saya bentangkan bekalan tambahan ini, saya kata apabila kita mengambil kira keadaan yang berubah.

Dr. M. Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]: [Bangun]

Datuk Dr. Awang Adek Hussin: Harga minyak sudah naik. Hasil pada Petronas pun meningkat. Dividen Petronas pada kerajaan pun akan meningkat. *Subsidize price* pun sudah diubah, gas. Ini juga akan merupakan *saving* kepada Petronas. Ini juga diambil kira. Jadi, bermakna yang pentingnya ialah defisit itu kita *cut* kan. Yang lain-lain itu fleksibel. Kerajaan tidak terikat. Tidak diikat semua perlu buat. Yang mana penting, didahulukan. Yang mana untuk rakyat kita dahulukan. Program-program tadi bagus, kita buat.

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: [Bangun]

Datuk Dr. Awang Adek Hussin: Akan tetapi *alhamdulillah*, hari ini kita merasakan bahawa kita tidak perlu kurangkan dahulu program yang diumumkan bersama kerana jangkaan kita, hasilnya juga akan meningkat satu daripada sumbernya ialah kenaikan harga minyak. Yang dahulunya USD85 satu tong. Hari ini sudah USD110. Bayangkan USD30 untuk satu tong. Kalau sudah berapa ratus tong, bagaimana, beribu tong sehari, ini akan memberikan hasil kepada kita. Yang Berhormat Indera Mahkota.

Dr. M. Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]: Isu yang sama, boleh kah?

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Timbalan Menteri, saya teringat satu sesi perbincangan dan menjawab soalan-soalan yang dibangkitkan oleh kebanyakan rakan-rakan Ahli Parlimen dahulu yang mengatakan bahawa isu tambahan belanjawan atau belanjawan tambahan ini, merupakan elemen yang tidak dapat dielakkan.

Timbalan Menteri pernah sebut bahawa di masa akan datang untuk tujuan mengekalkan tahap defisit yang munasabah, Timbalan Menteri ada menyebut dahulu, pernah mengatakan bahawa perancangan kerajaan untuk mendahulukan laporan keberkesanan iaitu *impact assessment* dalam setiap belanjawan tambahan yang dijangka seperti dalam kes jangkaan pada kenaikan harga minyak di pasaran dunia ataupun kejatuhan dalam nilai-nilai pasaran seperti hartanah dan sebagainya. Itu seperti yang Timbalan Menteri sebut dahulu.

■1230

Adakah tambahan ini langsung nampak gayanya tidak mengambil kira pandangan yang Timbalan Menteri sebut dahulu ataupun kerajaan rasa belum sampai waktunya untuk mengambil kira laporan keberkesanan atau *impact assessment* ini untuk membawa cadangan untuk tambahan belanjawan. Ini yang rasanya agak perlu kita dapat penerangan.

Nampak macam setiap kali belanjawan ditambah tidak ada satu *impact assessment* yang sekurang-kurangnya menjadi sandaran, adakah munasabah untuk kerajaan berterusan untuk mengamalkan sistem belanjawan tambahan seperti ini. Saya hendak tanya apa jadi dengan cadangan itu. Terima kasih.

Datuk Dr. Awang Adek Hussin: Yang Berhormat saya rasa...

Dr. M. Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]: Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh saya sambung, isu yang sama?

Datuk Dr. Awang Adek Hussin: Okey.

Dr. M. Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Apa yang dikatakan tadi oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri munasabah. *Very reasonable* dan saya ingat penjelasan itu kita boleh terima untuk kenaikan harga petrol di pasaran dunia.

Akan tetapi isu-isu seperti isu di mana perkhidmatan udara luar bandar di Sabah dan Sarawak. Dalam bajet asal kita telah luluskan RM183 juta. Sekarang dalam tambahan ini kita luluskan, kita diminta luluskan RM150 juta lagi. *So*, isu macam ini di mana ia bukan satu projek baru macam Skim Rumah Pertama kah, ia bukan skim baru. Ia skim yang lama.

Memang kita sudah peruntukkan satu jumlah untuknya. Lagi satu *example* ialah emolument. Emolument dalam Kementerian Kesihatan, kita diminta beri tambahan sebanyak RM1 bilion. Kalau isu macam ini, di mana ada juga kakitangan dulu, dan sekarang kita diminta daripada dulu kita luluskan RM6.4 bilion untuk emolument bagi Kementerian Kesihatan.

Di dalam tambahan RM1 bilion lagi. Kalau isu macam ini, kertas yang diberikan pada kita mesti memberi sebab-sebab mengapa tiba-tiba selepas enam bulan kita kena memperuntukkan begitu banyak lagi dalam satu yang sudah berada. *What happens? So*, jika ini tidak ada di sini dan untuk kita, kita jadi *rubber-stamp, you know*.

Satu lagi *example* yang bagus dan besar ialah *submarine Scorpene*. Di mana kita diminta bagi tambahan hampir setengah bilion. Ini *Scorpene* yang lama. Ada juga kontrak kita jual beli *submarine* ini. Akan tetapi tiba-tiba di sini kita diminta luluskan setengah bilion untuk *submarine*.

Jadi, isu macam ini tidak ada cukup butiran di sini. Tidak ada cukup *information* di sini untuk mengatakan kenapa kita minta luluskan satu tambahan pada bajet kita dalam satu masa, di mana kita potong subsidi rakyat. Harga gula naik, harga minyak naik. Akan tetapi kita diminta luluskan, sepatutnya saya rasa isu-isu macam ini pun Menteri kena jawab kenapa ia diperlukan. Ini bukan skim baru, bukan *submarine* baru. Ini *submarine* lama, akan tetapi sekarang setengah bilion lagi. Apakah sebabnya? Terima kasih.

Datuk Dr. Awang Adek Hussin: Terima kasih Yang Berhormat. Pertamanya yang emolumen tadi saya sudah jawab. Saya rasa saya sudah jawab dengan *detail*. Oleh kerana jumlah kakitangan dan pegawai dalam Kementerian Pelajaran dan Kementerian Kesihatan ini ramai. Mereka sebelum ini tidak mengambil kira *promotion* atau kenaikan pangkat, guru cemerlang dan juga pengisian jawatan kosong kerana mereka, barangkali kementerian-kementerian ini dan saya sudah cakap tadi, saya sudah bincang dengan mereka dan saya minta untuk kenaikan *time based*, kenaikan pangkat *time based* ini sepatutnya boleh dirancang.

So, mereka sudah bersetuju. Jadi, saya harap lain kali tidak ada masalahlah. Kalau yang betul-betul naik pangkat itu kita hendak duga tidak tahulah. Jika kita luluskan elaun pakar, itu pun kita tidak tahu sebelumnya. Akan tetapi banyak ini ialah *time based*. Jadi, kalau kita selesaikan masalah *time based*, sebab dia ramai. Boleh dirancang, jadi tidak ada masalah Yang Berhormat, tidak ada masalah.

Yang spesifik, yang khusus macam kapal selam, memang kapal selam ada peruntukannya iaitu RM1.36 bilion untuk tempoh enam tahun. Jadi, setiap tahun kita kena – kita beli kapal selam, kita hendak guna kita kena selenggara ia. Ini ada kontrak selenggaraan. Akan tetapi yang *detail* nya, kalau hendak puas hati nanti tanya Menteri Kewangan, bila datang. Saya ini bagi sebagai dasar. Dasarnya apabila kita beli sesuatu kita kena *maintain*. Kerajaan *maintain*. Maka kontraknya ada. Kontrak ini pun di lulus oleh Kementerian Kewangan. Macam tadi LRT Yang Berhormat Ipoh Timur jawab, saya bagi tahu, saya jelas. Tidak ada masalah. Kita boleh jelaskan...

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: [Bangun]

Datuk Dr. Awang Adek Hussin: Sebelum Yang Berhormat Batu, saya hendak kepada Yang Berhormat Indera Mahkota. Yang Berhormat Indera Mahkota, dia sebut pasal data, minta pembekalan tambahan, sejak bila lagi kita hendak bekalan tambahan dan mana ada *value management*. Sebenarnya ada dua Yang Berhormat. Bukan semesti apabila kita ada *value management*, menjimatkan. Yang Berhormat Pokok Sena pun ada sebut macam mana hendak selamatkan defisit.

Tidak semestinya bila kita buat itu maka kita tidak datang lagi untuk bekalan ‘tambahang,’ tambahan. ‘Tambahang’ pula, itu orang Terengganu. Tambahan ya... [Ketawa] Tersasul pula, Terengganu pula jadinya. ‘Tambahe,’ ha! Jadi, itu dua perkara Yang Berhormat Indera Mahkota. Bukan semestinya bila kita datang untuk bekalan tambahan, maka kita tidak buat *value management*, kita buat. Banyak sekali. Sekarang ini JKR hendak buat *tender* mesti kena ada *value management*.

Tengok adakah ini yang terbaik, *spec* ini yang terbaik. Ada JKR, Menteri – boleh tanya nanti. Sistem baru sekarang ini. Lambat sedikit hendak melaksanakan kerana sudah ada sistem baru ini kena lambat sedikitlah, kena pastikan yang kita hendak buat *spec* kita ini yang terbaik.

Tuan Mohd. Yusmadi Mohd. Yusoff [Balik Pulau]: [Bangun]

Datuk Dr. Awang Adek Hussin: Adakah lagi cara-cara yang boleh mengurangkan perbelanjaan. Bangunan sekolah perlu kah ia menjadi yang cantik, yang boleh dibandingkan dengan universiti di setengah-setengah negara lain di Afrika umpamanya. Saya pergi tengok *Senegal University*, sekolah-sekolah rendah kita lebih hebat. Adakah itu perlu? Ini semua adalah *value management*. Cantik, akan tetapi mungkin kalau kosnya lebih rendah, dua sekolah kita boleh bina dengan harga yang sama ya, dengan harga untuk satu. Jadi, dua-dua ada.

Tuan Mohd. Yusmadi Mohd. Yusoff [Balik Pulau]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, sedikit Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Datuk Dr. Awang Adek Hussin: Ya, sedikit boleh. Jangan banyak, sedikit boleh.

Tuan Mohd. Yusmadi Mohd. Yusoff [Balik Pulau]: Ya, Yang Berhormat Timbalan Menteri bercakap bahawa perkara tersebut ada ya, ada sebagai sandaran terhadap keputusan. Akan tetapi maklumat yang kita terima sikap yang ditunjukkan oleh kerajaan apabila cadangan-cadangan yang bersifat, kita kata *best management practice* lah. Contohnya daripada ADB dan sebagainya, kalau saya beri contoh *Regulatory Impact Assessment*. ADB cadang, bank industri minta bantuan. ADB kata kalau hendak bantuan ini pendekatan kita. Oleh kerana cara kita membuat keputusan mesti ada laporan *impact assessment*. Perkara itu telus. Ia bukan ada akan tetapi tidak ada. Benda itu dibuat dan ditunjukkan dilaporkan. Jadi, apabila kita menolak pendekatan-pendekatan yang telus sebegini, akan tetapi yang penting kita ada. Saya tidak yakin kerana bendanya tidak dilaporkan dan tidak dibentangkan.

Kalau tidak ia merupakan satu *conjecture* sahaja, kita agak-agak. Jadi, saya rasa bersandarkan nilai yang besar ini untuk bersikap lebih objektif, Yang Berhormat Menteri mungkin boleh objektif dalam hal ini. Akan tetapi tanpa laporan, mana mungkin kita berlaku objektif. Apatah lagi kita menolak pendekatan-pendekatan yang baik ini seperti *regulatory impact assessment* oleh ADB.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Yang Berhormat Timbalan Menteri. Terima kasih. Saya rasa kita..., prinsip bajet ialah setiap kali kita buat anggaran, ia buat *on the year to a year basis*. Kalau kita dalam isu yang pokok sekali, tadi kita sebut tentang pembelian *submarine*. Kita sudah beli dan sepatutnya semasa kita beli, kita sepatutnya sudah ada *factor in*.

Seperti kalau kita hendak beli Mercedes kita tahulah *maintenance* setiap bulan, Proton Saga setiap bulan. Takkanlah selepas kita beli dan Yang Berhormat Menteri Pertahanan tidak *submit* tentang kos-kos penyelenggaraan, kos-kos *maintenance*, misalnya hendak beli, hendak dapat servis untuk *rescue team*. Ini tidak dimasukkan. Itulah saya agak sebagai prinsip. Kita tidak boleh setuju.

Dalam mana-mana demokrasi pun, bajet itu adalah sebahagian daripada *accountability*. Kalau kerajaan kita boleh berikan sedikit fleksibiliti untuk menguruskan sesuatu yang *emergency*, yang kita membenarkan dalam tambahan *Supply Bill* ini. Akan tetapi bukan dalam isu emolumen, dalam isu *maintenance* dan banyak lagi perkara yang sepatutnya boleh dimasukkan, yang menunjukkan kita ada kompetensi dalam membentuk bajet.

Datuk Dr. Awang Adek Hussin: Okey, terima kasih Yang Berhormat. Saya mengambil *point* bahawa kita dalam menyediakan belanjawan ini sepatutnya perlu komprehensiflah, perlu menyeluruh.

■1140

Oleh sebab itulah saya sendiri meminta Kementerian Pelajaran dan Kementerian Kesihatan untuk melaksanakan perubahan supaya tidak berlaku *time base*. *Time base* ini kita tahu berapa tahun dia kelayakan dia, kita tahu. Jadi tidak perlu apabila berlaku kenaikan pangkat barulah hendak datang. Jadi, kita akan buat penambahbaikan yang mana boleh. Perinci-perinci itu nanti bila Menteri jawab, tanya dia. Saya dasar sahaja. Dari segi dasar, kita menyokong. Dari segi dasar kita melaksanakan yang terbaik. Tidak ada selindung.

Sejak dahulu Kementerian Kewangan Yang Berhormat Permatang pauh capak sampai sekarang sama sahaja, tidak ada selindung. Tidak ada sekarang dan saya yakin tidak ada dahulu. Jadi tidak ada masalah. Akan tetapi, kalau kementerian lain tidak *submit* kepada kita belanjawan untuk *time base*, kita takkanlah hendak korek satu persatu. Apabila berlaku macam ini, kita beritahulah lain kali jangan buat macam itu. Lain kali *time base* ini boleh dianggarkan. Kalau yang dapat guru cemerlang yang tengah-tengah tahun itu hendak buat macam mana, yang itu tidak bolehlah. Jadi saya tidak ada masalah, dasarnya tidak ada masalah. Yang Berhormat Wangsa Maju.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri dan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri ada sebut nama saya, saya tidak ada kena mengena. Akan tetapi, mungkin Yang Berhormat terlupa menjawab soalan saya mengenai dengan Reezal Merican ini yang digunakan oleh Kementerian Kewangan untuk membayar perbelanjaan yang tidak menurut undang-undang dan tidak gunakan kuasa yang sedia ada.

Ini juga dari segi dasar. Kalaulah seorang pegawai sahaja boleh menggunakan wang Kementerian Kewangan, bagaimanakah kita boleh mengawal perbelanjaan negara kita. So, bolehkah memberikan jawapan kelmarin yang saya minta penjelasan. Terima Kasih.

Tuan Mohd. Nasir bin Zakaria [Padang Terap]: [Bangun]

Dato' Seri Ir. Mohammad Nizar bin Jamaluddin [Bukit Gantang]: [Bangun]

Datuk Dr. Awang Adek Hussin: Terima kasih Yang Berhormat. Saya tidak sangka apabila sebut nama itu, Yang Berhormat boleh sensitif. Saya ingat Yang Berhormat kawan saya, sebutlah nama. Apa salahnya.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Okey terima kasihlah. Ingatan.

Datuk Dr. Awang Adek Hussin: Tidak payah hendak kompelin. Patutnya orang suka sebab disebut nama. Maknanya kawan itu ingat nama. Macam sahabat saya Yang Berhormat Tumpat, sebut banyak kali pun beliau senyum sahaja. Tidak ada masalah. Saya, sebagai dasar saya boleh jawab. Ini kerana saya berdiri hari ini untuk bercakap mengenai dasar. Dasarnya, mana-mana pegawai kerajaan yang melakukan kesalahan apa jua pun, perlu diambil tindakan. Itu dasar. Soal yang ini, kalau ada bukti kalau ada apa beri..., jadi tidak kiralah...

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Apakah tindakan yang telah diambil terhadap Reezal Merican ini?

Datuk Dr. Awang Adek Hussin: Itu saya tidak tahu. Saya tidak tahu sebab saya jawab dasar sahaja. Jadi yang perinciannya saya perlu tanyalah apa tindakan yang telah diambil.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Bolehkah Yang Berhormat memberikan secara bertulis?

Datuk Dr. Awang Adek Hussin: Boleh. Yang Berhormat Wangsa Maju minta saya akan beri.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Padang Terap sudah berapa kali bangun Yang Berhormat.

Datuk Dr. Awang Adek Hussin: Oh, okey sila.

Tuan Mohd. Nasir bin Zakaria [Padang Terap]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, tentang apa yang dibangkitkan oleh kawan-kawan kita tadi. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Berkaitan dengan Kementerian Pertahanan, adakah apabila kita sebut tentang Belanjawan Tambahan ini yang membabitkan lebih kurang RM417 juta untuk kos selenggaraan ini ataupun *in service support* ini, tidak ada di sana mungkin dalam bentuk *defect liability period*, tidak ada di sana mungkin *maintenance free* yang ditawarkan oleh pihak kontraktor asal yang membekalkan kapal selam ini. Adakah pihak kementerian boleh mendedahkan berkaitan dengan *salient term* yang berkaitan dengan *in support service* ini.

Dato' Seri Ir. Mohammad Nizar bin Jamaluddin [Bukit Gantang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya teringat apabila saya bertanya sehubungan dengan apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Padang Terap tadi bahawa Yang Berhormat Menteri Pertahan menyatakan bahawa pembelian kapal selam ini termasuk beberapa tahun komprehensif *maintenance*. Maknanya bekalan alat ganti, *servicing* dan sebagainya.

Bahkan saya minta supaya Yang Berhormat Menteri Pertahanan pada ketika itu mendedahkan kepada Ahli Parlimen kontak jual beli kapal selam tersebut supaya kita boleh analisa balik kos masa hadapan untuk *servicing* dan juga alat ganti. Tiba-tiba belum lagi habis bulan enam, kita terpaksa bayar hampir setengah bilion untuk pembelian ataupun selenggaraan yang dikatakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi. Jadi, di manakah kewibawaan daripada Kementerian Pertahanan sendiri yang menyatakan bahawa dalam kontak jual beli termasuk kos selenggaraan dan juga alat ganti. Tiba-tiba sekarang ini Yang Berhormat Menteri Kewangan menyatakan kita terpaksa raikan kerana tidak diambil kira. Saya boleh terima kalau setakat emolumen untuk *time base*. Ya, kita boleh terima.

Akan tetapi kalau kos yang besar sedemikian, kalau Kementerian Kewangan tidak bertanyakan kepada Menteri-Menteri tertentu, jadi yang sukarnya adalah kita yang membayar cukai. Jadi, saya minta supaya perkara-perkara sedemikian diperjelaskan daripada Menteri-menteri masing-masing. Terima kasih.

Datuk Dr. Awang Adek Hussin: Terima kasih Yang Berhormat. Jadi memanglah Kementerian Pertahanan akan mempunyai ruang yang secukupnya untuk memperjelaskan di peringkat jawatankuasa. Saya hanya memberi gambaran umum iaitu memang ada kontrak selenggara selama enam tahun. Ia perlu ada selenggara, bukan semestinya hendak kena *free* sahaja enam tahun, *warranty* mungkin setahun. Itu saya tidak tahu, mungkin Kementerian Pertahanan boleh beritahulah. Akan tetapi, takkan *warranty* sampai enam tahun. Itu pun kalau *warranty* pun untuk *parts*. Kalau kerja-kerja selenggaraan, itu perlu bayarlah. Jadi, ini saya minta pihak kementerian akan menjawab.

Tuan Yang di-Pertua, yang lain-lain ini hanya *detail-detail* sahaja. Kalau diizinkan saya akan hantar secara bertulis. Kepada Ahli-ahli Yang Berhormat, saya mengucapkan berbilang-banyak terima kasih dan saya harap rakan-rakan di sebelah sana melihat ketelusan dan keikhlasan saya untuk memberikan penjelasan. Selanjutnya...

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Yang Berhormat...

Datuk Dr. Awang Adek Hussin: Ya...

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Kita bahas banyak perkara yang berkaitan dengan soal dasar ini. Saya percaya ada perkara-perkara yang tidak menyentuh soal kementerian secara khusus. Jadi kalau sudah masuk peringkat jawatankuasa nanti, kita tidak boleh bangkit sudah. Jadi inilah peluang untuk memberi penjelasan...

Datuk Dr. Awang Adek Hussin: Saya akan bagi jawapan.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Daripada Yang Berhormat. Saya bangkitkan isu Parlimen sedangkan Yang Berhormat jawab di Parlimen. Isu Parlimen bangunan di belakang. Kemudian isu pentadbiran berkaitan dengan Kementerian Kerja Raya, ada dua Ketua Pengarah sekarang ini. Kenapa berlaku begini? Ini isu besar, isu membabitkan pentadbiran negara kita. Ini imej negara kita. Mana boleh berlaku keadaan yang sebegini rupa. Berkaitan dengan isu Tabung Haji, saya bangkitkan kerana ini institusi kewangan umat Islam. Bagaimana keraguan atas jual beli di Platinum Park dengan TTDI umpamanya. Ini membabitkan kos yang tinggi hampir RM500 juta.

Datuk Dr. Awang Adek Hussin: Betul Yang Berhormat.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Jadi, Yang Berhormat kena jawablah benda-benda itu.

Datuk Dr. Awang Adek Hussin: Tidak mengapa.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Kementerian Kewangan jangan hendak mengelak akhirnya Yang Berhormat semua hendak *blame* kepada kementerian...

Datuk Dr. Awang Adek Hussin: Tidak ada.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Yang lain. Mereka tidak beri, Kementerian Kewangan takkan hendak pergi korek. Maknanya Yang Berhormat mengakulah salah satunya memang menteri-menteri yang lain memang lemahlah. Perlu tukar.

Datuk Dr. Awang Adek Hussin: Tidak adalah. Janganlah macam itu Yang Berhormat.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Macam itulah maksudnya. Yang Berhormat *blame* semua. Mereka kata tidak ada.

Datuk Dr. Awang Adek Hussin: Biar saya jawab.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Kemudian Yang Berhormat sendiri hendak lari tidak hendak jawab apa yang kami bahaskan.

Datuk Dr. Awang Adek Hussin: Biar saya jelaskan.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Jelaskanlah, jangan jawab hanya bertulis.

Datuk Dr. Awang Adek Hussin: Tidak ada, tidak ada. Biar saya jelaskan. Saya bagi ruang tadi, biar saya jelaskan. Kalau Yang Berhormat hendak tanya saya, kita kena ada kemunasabahan. Buat benda ini semua kena ada kemunasabahan. Kalau Yang Berhormat hendak tanya saya pasal Parlimen, berbanding dengan Yang Berhormat tanya Menteri Parlimen mengenai Parlimen, siapalah saya hendak menjawab... [Ketawa] Manalah saya tahu pasal Parlimen ini. Manalah saya tahu. Betul, ini ikhlas Yang Berhormat. Jadi, Menteri di Jabatan Perdana Menteri akan menggulung selepas ini. Petang ini pun beliau akan gulung, soal Parlimen. Kalau soal Tabung Haji, Jabatan Perdana Menteri, mereka lebih baik memberi jawapan. Ini bukan saya hendak lari.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Yang Berhormat...

Datuk Dr. Awang Adek Hussin: Saya boleh baca jawapan di sini. Akan tetapi kalau Yang Berhormat tidak puas hati tanya lagi, saya tidak boleh jawab.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Saya kata Yang Berhormat, Menteri-menteri tidak akan gulung perkara-perkara yang saya bangkit sebab petang ini ialah di peringkat jawatankuasa. Saya difahamkan begitu, peringkat jawatankuasa. Jadi, jawatankuasa itu dia ada spesifiknya. Sedangkan apa yang saya bangkitkan semalam soal AP ini sangat penting, soal benda besar ini, soal dasar yang gagal untuk melahirkan bumiputera yang terlibat dalam industri automotif umpamanya. Ini benda besar. Jadi, kalau Kementerian Kewangan yang memperuntukkan perbelanjaan yang begitu besar, tidak tahu apa. Jadi lemahlah Yang Berhormat, Yang Berhormat sendiri yang lemah. Bukan kementerian-kementerian lain yang lemah.

Datuk Dr. Awang Adek Hussin: Tidak mengapalah Yang Berhormat. Yang Berhormat...

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Yang Berhormat kata tidak tahu hendak jawab Parlimen. Saya tanya berkaitan dengan Parlimen ialah perbelanjaan yang diperuntukkan oleh Kementerian Kewangan. Takkan Yang Berhormat tidak boleh minta daripada umpamanya *report* daripada JKR berkaitan dengan bagaimana kedudukan harga. Takkan tidak boleh minta beri penjelasan kepada kami.

Datuk Dr. Awang Adek Hussin: Itu ada.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Semua, saya tidak maklum, tidak begitu mahir. Jadi, macam mana Yang Berhormat boleh cakap macam itu?

■1250

Datuk Dr. Awang Adek Hussin: Yang Berhormat Pokok Sena, tidak apalah Yang Berhormat. Duduklah.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Saya memang sudah duduk, saya berdirilah kerana saya tidak puas hati.

Datuk Dr. Awang Adek Hussin: Tidak apalah, duduklah. Duduk, duduk.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Daripada duduk saya berdiri.

Datuk Dr. Awang Adek Hussin: Duduklah.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Fasal Yang Berhormat hendak lari, saya takut Yang Berhormat lari. Malu ini dengan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri pun ada di sini, Yang Berhormat Timbalan Menteri kata tidak tahu apa-apa. Lemahlah Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan I macam ini.

Datuk Dr. Awang Adek Hussin: Yang Berhormat, Yang Berhormat.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Tidak tahulah Timbalan Perdana Menteri pun lemah juga.

Datuk Dr. Awang Adek Hussin: Yang Berhormat Pokok Sena cukuplah itu. Yang Berhormat Pokok Sena, saya tahulah Yang Berhormat hebat tetapi janganlah menghina orang lain. Jangan menghina.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Saya minta tarik balik. Saya tidak menghina Yang Berhormat Timbalan Menteri, cuma..

Datuk Dr. Awang Adek Hussin: Tadi Yang Berhormat Pokok Sena kata tidak guna apa.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Saya hanya bercakap apa yang Yang Berhormat Timbalan Menteri luahkan. Yang Berhormat Timbalan Menteri sendiri mengaku, jadi saya cakap lemahlah.

Datuk Dr. Awang Adek Hussin: Tidak apa, duduk. Tadi Yang Berhormat Pokok Sena bercakap Menteri-menteri ini buat apa, macam tidak ada kerja. Saya ini tidak tahu apa. Yang Berhormat Pokok Sena hebat. Saya tidak hendak bandinglah Yang Berhormat Pokok Sena dengan saya. Mungkin Yang Berhormat Pokok Sena hebat.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Akan tetapi Yang Berhormat Timbalan Menteri sendiri yang berkata bahawa kementerian-kementerian lain tidak bagi kepada Kementerian Kewangan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Pokok Sena.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Takkan Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan hendak korek kepada kementerian lain. Maknanya, Yang Berhormat Timbalan Menteri dengan sendiri cuba memperlekehkan kementerian-kementerian lain.

Datuk Dr. Awang Adek Hussin: Tidak.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Dah cukup Yang Berhormat Pokok Sena. Saya ingat sudah diberi peluang dua-dua Yang Berhormat. Kalau sudah habis itu, beritahu yang habis.

Datuk Dr. Awang Adek Hussin: Memang sudah habis. Cuma yang tadi kalau macam hendak peruntukan Parlimen, memang saya ada. Tidak ada masalah. Akan tetapi Yang Berhormat Pokok Sena, anggaran asal peruntukan Parlimen ialah RM78 juta dan peruntukan tambahan dalam jadual ini ialah RM11 juta. Ada, semua Yang Berhormat hendak saya boleh baca tetapi takkanlah saya berdiri hendak baca yang itu sahaja.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Tidak, saya tanya berkaitan dengan pembinaan.

Datuk Dr. Awang Adek Hussin: Yalah. Cukuplah itu.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Pembinaan mengubahsuai dewan serbaguna untuk dijadikan tempat persidangan pada bulan Oktober ini, sebab saya tanya semalam, saya tanya ini kepentingan kepada kita semua. Dikatakan harga RM24 juta kos dia tetapi harga sebenarnya hanya bergantung kepada yang akan dimajukan oleh kontraktor. Bagaimana ini?

Datuk Dr. Awang Adek Hussin: Okey, tidak apa Yang Berhormat Pokok Sena, sebab saya...

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Maknanya tidak ada satu ketentuan. Harganya akan ditentukan oleh kontraktor sedangkan sepatutnya kita lah yang menentukan. Sebab itu saya katakan bahawa perkara ini Menteri yang jaga Parlimen sebelum ini pun mengaku bahawa beliau tidak tahu apa-apa tentang apa yang berlaku. Jadi, macam mana dalam pengurusan pentadbiran Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan memperuntukkan kewangan, tiba-tiba Yang Berhormat Menteri jaga Parlimen tidak tahu tentang bagaimana peruntukan perbelanjaan, siapa kontraktor dan sebagainya. Tuan Yang di-Pertua pun tidak tahu. Inilah saya katakan penting untuk diperjelaskan kepada kami semua.

Datuk Dr. Awang Adek Hussin: Okey, saya...

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Ini kepentingan kepada Ahli Parlimen dan juga orang ramai.

Datuk Dr. Awang Adek Hussin: Okey, Yang Berhormat Pokok Sena. Saya minta nanti bila Yang Berhormat Menteri akan menjawablah selepas ini.

Saya hendak ucapkan terima kasihlah. Saya tidak mahu berpanjangan sebab Yang Berhormat Pokok Sena amat hebat sangat, saya takut hendak berdebat dengan Yang Berhormat Pokok Sena. Sekian, terima kasih, *wassalamualaikum warrahmatullaahi wabarakaatuh*.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Okey, terima kasih Yang Berhormat. Berbalah pun sudah, ketawa pun sudah.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya adalah bahawa rang undang-undang ini dibaca bagi kali yang kedua sekarang. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju kata bersetuju...

Beberapa Ahli: Bersetuju.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Macam mana hendak bersetuju. Penjelasan tidak diberikan kepada kami. Sepatutnya penjelasan diberi kepada kami. Sekurang-kurangnya dia boleh kata penjelasan bertulis.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Lebih...

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Dia kena bagi sekarang barulah kami bersetuju. Macam mana kami hendak bersetuju, penjelasan tidak diberikan kepada kami.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Pokok Sena.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Tiba-tiba kami diminta untuk *rubber stamp*. Ini tidak betul.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Pokok Sena, duduk Yang Berhormat.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Saya bercakap atas *fact*.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Saya faham Yang Berhormat Pokok Sena.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Bagaimana kami hendak bersetuju atau tidak bersetuju selepas mendengar penjelasan. Tiba-tiba penjelasan tidak diberi. Jadi, saya rasa tidak patutlah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Sila duduk Yang Berhormat, sila duduk. Yang tidak bersetuju katakan tidak.

Beberapa Ahli: Tidak.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Lebih suara yang bersetuju.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar) mempengerusikan Jawatankuasa]

Jadual –

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Diminta Timbalan Menteri Kewangan mengemukakan Anggaran Perbelanjaan bagi semua kementerian.

12.55 tgh.

Datuk Dr. Awang Adek Hussin: Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan supaya wang sejumlah tidak lebih daripada RM13,186,713,000.00 bilion yang diperuntukkan di dalam Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan Pertama 2011 bagi maksud B.1, B.6, B.8, B.11, B.13, B.20, B.21, B.22, B.23, B.24, B.27, B.28, B.30, B.32, B.41, B.42, B.43, B.47, B.48, B.60, B.62 untuk kementerian yang berkenaan dijadikan jadual dan penyata yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 4, Tahun 2011 dijadikan anggaran perbelanjaan.

Tuan Pengerusi, keperluan bagi mengadakan peruntukan-peruntukan dalam Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan Pertama Tahun 2011 telah pun dibentangkan terlebih dahulu. Di samping itu, penjelasan lanjut mengenai cadangan-cadangan anggaran peruntukan tambahan ini, ada juga diberi dalam memorandum Perbendaharaan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 4A Tahun 2011. Oleh itu, saya tidak berhajat untuk memberi apa-apa penerangan tambahan lagi. Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya mintalah Yang Berhormat, ini dalam peringkat Jawatankuasa, tidak lebih daripada 10 minit seorang Yang Berhormat. Kalau tidak, Ahli-ahli Yang Berhormat lain yang hendak bercakap itu tidak ada masa.

Maksud B.1, B.6 dan B.8 [Jadual] -

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Kepala bekalan B.1, B.6 dan B.8 di bawah Jabatan Perdana Menteri terbuka untuk dibahas.

12.57 tgh.

Datuk Ir. Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya hanya hendak membawa, menarik perhatian Dewan dan Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan berkenaan kepada perkara B.1 berkaitan dengan Parlimen. Saya menyebutkan semalam Tuan Pengerusi, tentang bagaimana Parlimen ini lebih ditambah nilai dengan menyediakan sebuah muzium, yang mengisahkan tentang perjalanan Parlimen setelah sekian lama kita merdeka.

Jadi Tuan Pengerusi, dari data yang saya ada, Parlimen menerima pelawat lebih daripada 20,000 ribu pada setiap tahun dan mereka duduk seperti anak-anak kita di belakang ini di dalam galeri dan dibawa melawat sekitar Parlimen. Saya ingin mencadangkan supaya muzium yang saya cadangkan itu merangkumi semua ciri-ciri muzium termasuk ada amfiteater di mana anak-anak kita jika datang ke Dewan ini duduk melihat perjalanan Parlimen dan boleh mereka mengambil gambar dan sebagainya di dalam amfiteater tersebut.

Ini saya kira kalau dapat diadakan Tuan Pengerusi, dalam tajuk B.1 tadi berkenaan Parlimen, akan memudahkan lagi kerja-kerja pegawai yang memang senantiasa berurusan dengan pelawat-pelawat seperti di atas in. Saya tengok Tuan Pengerusi, Tuan Yang di-Pertua, Timbalan Yang di-Pertua mempunyai buku yang ditulis berdasarkan daripada pengalaman masing-masing, perlu diletakkan di dalam muzium ini dan juga ada galeri-galeri yang mereka boleh mengkaji, membuat kajian dan sebagainya untuk menambah baik.

Yang kedua Tuan Pengerusi, saya mencadangkan semalam supaya kita mempunyai satu bilik untuk rawatan pergigian Ahli-ahli Parlimen. Semalam saya dapat berbincang sedikit dengan doktor, ubat-ubatan yang bertaraf pakar umpamanya, disediakan hanya untuk Ahli-ahli Parlimen lah kerana kumpulan-kumpulan sokongan mungkin boleh mendapatkan rawatan pakar di hospital-hospital berdekatan.

Jadi, saya fikir elok kalau dalam RM11.3 juta ini dapat dialihkan sebahagian daripada peruntukan ini untuk memberi perhatian kepada apa yang saya sebutkan tadi. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Masa kita ada 15 *seconds* lagi Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima dan membenarkan permohonan daripada kementerian, duduk dulu Yang Berhormat. Permohonan daripada Kementerian Luar Negeri yang dijadualkan no. 4 di dalam ringkasan jadual Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan Pertama 2011 ke no. 18 menggantikan giliran Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat dalam susunan giliran kementerian menjawab ke atas perbahasan peringkat Jawatankuasa Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2011) 2011 Yang Berhormat. Jam sudah pukul 1 Yang Berhormat,

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan ditangguhkan dan akan bersidang semula pada jam 2.30 tengah hari nanti.

Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.00 petang.

Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Ronald Kiandee) mempengerusikan Jawatankuasa]

2.31 ptg.

Tuan Er Teck Hwa [Bakri]: Tuan Pengerusi, Peraturan Mesyuarat 36(12).

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Ya.

Tuan Er Teck Hwa [Bakri]: Saya merujuk kepada Peraturan Mesyuarat 36(12). Saya berpendapat dalam jawapan yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Menteri Pelancongan pada 16 Jun, 2011 terdapat tiga ayat yang bersifat mengelirukan Dewan dan perlu dirujuk kepada Jawatankuasa Hak dan Kebebasan.

Pertama, dalam jawapan ucapan penangguhan, beliau berkata; "*Kementerian ini tidak mempunyai kuasa untuk kes sebegini tetapi pihak kementerian akan membantu beliau untuk merujuk perkara ini kepada pihak polis*". Saya memahami bahawa penyiasatan kes jenayah memang bukan di bawah bidang kuasa Kementerian Pelancongan. Namun, apa yang dibangkitkan di sini adalah istilah 'kuasa' terbahagi kepada dua aspek. Satu berkaitan pencegahan atau pemantauan dan satu lagi mengenai penyiasatan selepas kesalahan berlaku.

Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri Pelancongan, adakah peraturan yang ditetapkan oleh kementerian berkenaan adalah di bawah bidang kuasa kementerian? Sekiranya ya, adakah Yang Berhormat Menteri sepatutnya membuat pemantauan agar perkara sebegini tidak berlaku? Namun, Yang Berhormat Menteri telah mengatakan bahawa beliau tidak mempunyai kuasa. Maka, kenyataan beliau sudah dianggap sebagai mengelirukan Dewan.

Sekiranya Yang Berhormat Menteri memang tidak mempunyai kuasa dalam penguatkuasaan atau tanpa apa tanggungjawab atas kelakuan tersebut, mengapa Yang Berhormat Menteri meminda peraturan dan memberikan kursus kepada syarikat dan kakitangan di bidang pelancongan.

Kedua, dalam jawapan ucapan penangguhan, beliau berkata, "*Mana-mana kes seksual harassment atau rogol jika tidak dilaporkan, macam mana nak ambil tindakan?*" Adakah Yang Berhormat Menteri faham bahawa pindaan dalam peraturan ini adalah untuk pencegahan dan bukan untuk sesuatu kes jenayah berlaku, baru hendak ambil tindakan.

Kenyataan sebegini telah menunjukkan Kerajaan Persekutuan tidak memahami peranan mereka dalam pemantauan dan pencegahan.

Ketiganya, dalam jawapan ucapan penangguhan, beliau berkata; "*Pemandu pelancong wanita itu dalam kenyataan, dengar baik-baik ya, percakapan telah mengakui dia tidak dipohon untuk berkongsi bilik oleh syarikat pelancongan terbabit tetapi telah memberi kunci biliknya kepada pemandu bas tersebut secara sukarela.*" Mangsa telah pun memberi kenyataan di media bahawa pihak penyiasat hanya mengambil kenyataan bertandatangan sebanyak satu kali sahaja dan dua kali melalui perbualan telefon. Malah, dalam siasatan kali pertama, mangsa tidak dibenarkan diiringi oleh peguam. Siasatan begini yang dijalankan oleh Kementerian boleh dianggap sebagai siasatan sambil lewa dan tidak mempunyai kredibiliti kepada khalayak umum. Minta Tuan Pengerusi buat keputusan. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat menyentuh tentang jawapan yang diberikan oleh Yang Berhormat Menteri terhadap usul penangguhan yang Yang Berhormat kemukakan. Saya mendengar ucapan jawapan daripada Yang Berhormat Menteri dan hari ini Yang Berhormat mengatakan bahawa terdapat percanggahan. Saya tidak dapat membuat keputusan pada ketika ini sama ada saranan yang dibuat oleh Yang Berhormat ini adalah merupakan satu saranan yang menunjukkan kebenaran ataupun pihak Menteri telah memberi jawapan yang menunjukkan kebenaran. Beri tempoh kepada saya dalam masa yang terdekat ini untuk membuat siasatan lanjut. Terima kasih Yang Berhormat.

Kita dalam peringkat Jawatankuasa. Ada sesiapa yang hendak berucap atau berbahas? Yang Berhormat Jelutong.

2.37 ptg.

Tuan Jeff Ooi Chuan Aun [Jelutong]: Terima kasih Tuan Pengerusi kerana memberi peluang kepada saya untuk berbahas mengenai Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan 2011 dan saya ingin membahaskan tentang maksud B.6 Jabatan Perdana Menteri bagi maksud B.6 Bahagian 4, iaitu peruntukan sebanyak RM35 juta untuk menampung pelaksanaan *Government Integrated Radio Networks* atau lebih dikenali sebagai GIRN.

Tuan Pengerusi, apabila saya menjamu selera dengan peruntukan sebanyak RM35 juta ini terkilas beberapa persoalan. Pertamanya, apakah tujuan perbelanjaan sebanyak RM35 yang tersebut? Adakah itu bermaksud kos pelaksanaan akan melambung sejak projek ini dilaksanakan sejak tahun 2009? Terdapat juga beberapa permasalahan yang timbul kerana tiada maklumat lanjut mengenai peruntukan RM35 juta itu. Apakah masalah pengurusan kewangan unit pelaksana iaitu Sapura Holdings telah menemui kerumitan? Berapa pula *total cost of ownership* dengan izin, setakat ini bagi projek tersebut? Pada kiraan kita dan menerusi jawapan Yang Berhormat Menteri dalam Dewan Rakyat bagi penggal ini pada tahun 2008, anggaran asal projek GRIN ialah ditetapkan pada lebih kurang RM22.7 bilion. Jadi adakah peruntukan tambahan sebanyak RM35 juta buat kali ini ialah untuk menemui masalah liputan ataupun *coverage* dengan izin, kerana ianya tidak seperti mana yang telah dispesifikasikan dalam perjanjian asal.

Soalan yang berikut adalah mengenai tambahan. Adakah terdapat tambahan agensi yang menggunakan GRIN ini? Pada awal semasa perjanjian itu dibuat, kita diberitahu bahawa terdapat tujuh agensi kerajaan yang akan menggunakan khidmat GRIN. Berapakah agensi bagi jumlah sepenuhnya yang menggunakan GRIN sekarang yang memerlukan tambahan peruntukan sebanyak RM35 juta ini?

■1440

Tambahan *handset* daripada syarikat United Kingdom yang bernama Sepura, barangkali ada orang yang tersasul kerana badan yang diswastakan ataupun pihak swasta yang mengendalikan projek ini ialah Sapura tetapi pembekal-pembekal *handset* nya ialah Sepura dari United Kingdom. Jadi permintaan peruntukan lebih RM35 juta itu adakah disebabkan bertambahnya terminal Sepura yang bakal dibekalkan dan apa pula bilangan besar yang tepat bagi alat-alat ataupun terminal Sepura yang telah dibekalkan setakat ini? Berapa pula bilangan yang harus ditambahkan untuk pelaksanaan pada tahap sekarang?

Kita juga diberitahu menerusi laporan daripada SKMM dalam Laporan Industri SKMM 2009 bertajuk '*Trunked Radio – Going Digital*', kita dimaklumkan bahawa kos *handheld terminal* bagi *trunks call* bersifat digital itu tidak melebihi RM3,005 satu unit. Itu ialah harga yang telah disebut pada tahun 2009. Adakah peruntukan RM35 juta kali ini ialah untuk membeli lebih lagi *handheld terminal* dengan harga yang lebih tinggi daripada apa yang disebutkan dalam laporan industri SKMM?

Kita juga dimaklumkan bahawa barangkali permintaan peruntukan tambahan ini yang sebanyak RM35 juta kali ini di bawah Jabatan Keselamatan Negara ialah untuk mengatasi kesulitan rangkaian yang tidak dapat menepati syarat minimum bagi *network availability*. Saya minta Menteri yang berkenaan untuk memberikan jawapan yang sepenuhnya.

Satu lagi ialah satu masalah yang dianggap penting di kalangan industri iaitu mengenai masalah sistem dan rangkaian kerana GIRN mengguna pakai rangkaian TETRA dan rangkaian TETRA ini pada suatu ketika dahulu pernah gagal sebagai satu projek di United Kingdom. Kes yang akan saya sebutkan ialah kes Dolphin dan kes Dolphin itu kerana menggunakan sistem TETRA seperti mana yang digunakan oleh GIRN, telah pun mufils dan ianya di bawah *public administrator* pada Julai 2001. Jadi masalah dari segi strategi juga, saya ingin tahu dari segi penggubalan dan pelaksanaan dasar mengenai GIRN. Adakah kedudukan GIRN dalam pelaksanaan projek, ia bercanggahan dengan pelaksanaan projek 1Gov*Net di bawah kelolaan MAMPU sekarang?

Saya ingin rujuk kepada kertas MAMPU yang bertarikh 30 Disember 2010 yang jelas terpampang di *internet* dan saya petik daripada kertas MAMPU bertarikh 2010 itu menerusi internet dan saya mahu tanya sudahkan bantahan Polis Diraja Malaysia pada tahun 2006 kerana PDRM telah membantah dan PDRM pada ketika itu ialah pihak yang menggunakan sistem *trunk calls* yang lain berdasarkan sistem APCO 25. PDRM telah membuat bantahan tentang GIRN yang menggunakan sistem TETRA.

Apakah isu keserasian (*compatibility*) dengan izin, peralatan antara PDRM dengan tentera itu telah diatasi atau belum? Apa pula dengan hayat ataupun *life spend* dengan izin, GIRN dalam tempoh masa apabila perjanjian dimeterai pada 2008 sehinggalah penghujung hayatnya 2025? Adakah terdapat pertindihan penggunaan dua sistem di antara GIRN dengan radio *network* polis dan tentera yang sedia digunakan? Apa pula impak GIRN terhadap pemain-pemain industri *trunk calls* yang lain kerana agensi yang tidak bersifat *mission critical* telah dipaksa untuk menyertai GIRN anjuran Sapura.

Jadi kesemua ini Tuan Pengerusi, saya minta diberikan penjelasan yang tepat. Kalaulah dalam apa yang diberikan kepada kita sebagai maklumat supaya kita membahaskan dan meluluskan peruntukan RM35 juta di bawah keperluan keselamatan dalam negara tanpa diberikan maklumat-maklumat lanjut, saya kira agak sukar kita mahu meluluskan projek sedemikian rupa. Apabila kita kaji semula, kita juga diberitahu menerusi jawapan Menteri dalam Dewan Rakyat yang mulia ini dan kenyataan kerajaan telah dibuat pada 12 Mei 2008 dalam Dewan Rakyat penggal yang sama bahawa projek GIRN diluluskan oleh kerajaan pada 6 Disember 2006 dan perjanjian penswastaan GIRN telah ditandatangani pada 4 Januari 2007 dengan kos projek yang dianggarkan sebanyak RM2.7 bilion.

Jumlah tersebut adalah termasuk kos sewaan rangkaian sebanyak RM1,830 juta dan sebanyak RM956.1 juta kos penyelenggaraan bagi lima tahun pertama untuk tempoh konsesi selama 20 tahun. Tawaran pelaksanaan diberi tanpa tender terbuka itu ialah satu fakta yang tidak harus dipertikaikan, dan tawaran itu telah diberikan kepada Sapura Research Sdn. Bhd., Kumpulan Sapura, dan Kumpulan Sapura terkilan pula saya ia merupakan salah satu yang disebut sebagai *actors of influence* dalam pentadbiran Najib Razak dalam *diplomatic cable*...

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, boleh gulung Yang Berhormat.

Tuan Jeff Ooi Chuan Aun [Jelutong]: Kedutaan besar Amerika Syarikat Kuala Lumpur menerusi pendedahan *Wikileaks*.

Jadi saya mahu tahu bahawa GIRN itu adakah ia masih menggabungkan keperluan tujuh agensi keselamatan dan penguatkuasaan termasuk Polis Diraja Malaysia, Angkatan Tentera Malaysia, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Jabatan Imigresen Malaysia, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna dan juga Jabatan Kastam Diraja Malaysia dan juga Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia ataupun lebih daripada apa yang saya senaraikan tadi? Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Labuan.

2.47 ptg.

Datuk Haji Yusof Haji Mahal [Labuan]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin turut membahaskan sedikit sahaja Tuan Yang di-Pertua mengenai Majlis Keselamatan Negara (MKN). Apa yang kita lihat di sini, saya ingin menyuarakan apa yang berlaku di Labuan sebenarnya tentang status kedudukan IIM13 ataupun pelarian yang dahulunya diiktiraf oleh UNHCR yang mana pada dua tahun yang lalu kita mengalami satu kebakaran yang besar di Labuan di mana kebanyakannya adalah penduduk IIM13 dan buat sementara kita tempatkan mereka di kawasan perumahan yang dahulunya didiami oleh pegawai-pegawai ataupun pekerja-pekerja dari Angkatan Tentera Laut Diraja Malaysia di Kiangsam.

Jadi kalau kita tengok secara persefahamannya, mereka cuma tinggal di situ di antara tiga ke enam bulan sahaja. Akan tetapi apa yang kita lihat, sampai hari ini mereka masih tinggal di situ. Jadi penduduk Labuan merasakan seolah-olah 'kera di hutan disusukan, anak di rumah mati kelaparan'. Jadi seolah-olah benda ini MKN sendiri tidak mengambil satu langkah yang begitu baik. Kononnya dahulu mereka ini akan ditempatkan di satu tempat yang baru tetapi apa yang kita lihat sekarang, dengan rumah yang begitu bagus sedangkan orang tempatan sendiri masih mempunyai rumah yang begitu uzur. Jadi mereka ini ditempatkan rumah yang begitu istimewa sedangkan benda ini bersifat sementara. Apakah langkah-langkah kementerian sebenarnya mengenai penduduk-penduduk IIM13 ini dan juga sebahagian daripada penempatan-penempatan mereka ini adalah mempunyai status warganegara, mempunyai IC dan bergabung dengan IIM13.

■1450

Jadi kalau boleh yang sudah mempunyai IC itu mereka sudah tidak layak untuk tinggal di rumah-rumah penempatan tersebut. Kalau boleh kita usahakan supaya mereka yang bersifat sementara ini disediakan satu tempat yang telah pun dijanjikan oleh kerajaan supaya rakyat di Labuan tidak merasakan yang mereka ini diberikan hak istimewa kepada pendatang-pendatang daripada luar ini, bukan dikatakan pendatang tanpa izin, ini adalah pelarian-pelarian perang pada 20 tahun yang lalu. Akan tetapi mereka yang datang ke Labuan ini, seolah-olahnya bukan berkurangan tetapi bertambah. Jadi kita tidak mahu, sekarang ini tidak ada lagi pelarian-pelarian perang, apa yang kita lihat ialah pelarian-pelarian ekonomi yang mana dilihat di Malaysia ini mempunyai kedudukan yang cukup bagus. Walaupun mereka dikembalikan ke tempat asal mereka, tidak sampai satu bulan mereka akan datang balik sama ada ke Sabah ataupun ke Labuan.

Jadi oleh itu langkah-langkah *enforcement* itu harus kita perkuatkan kerana apa yang kita lihat benda ini berterusan dan terus berterusan. Jadi kita harapkan janganlah sampai mereka ini diberikan hak yang istimewa berbanding dengan penduduk-penduduk tempatan. Jadi apakah langkah-langkah yang seterusnya, adakah IMM 13 ini akan dijadikan warganegara satu hari nanti dan sebagainya. Kita pun tidak tahu kerana status mereka sehingga 20 tahun pun masih IMM 13. Jadi yang kita khuatir anak mereka yang lahir dalam tempoh 20 tahun, bayangkan kalau yang datang dulu 5,000 kalau anak mereka empat, bayangkanlah lima kali empat, sudah 20,000 di masa yang akan datang. Jadi apakah status anak-anak mereka ini juga akan menjadi IMM 13 atau bagaimanakah langkah kerajaan untuk mengatasi masalah-masalah tersebut.

Jadi kita mengharapkan kementerian harus turut bertanggungjawab dalam hal ini untuk memberi kepastian apakah status mereka yang akan datang, macam manakah cara kita untuk memulihkan mereka ini supaya menjadi warganegara, kita pulangkan ke tempat asalkah dengan cara yang lebih sempurna. Bukan kita mahu menggalakkan mereka jadi warganegara tetapi kalau berterusan sebegini, jadi status mereka itu tidak jelas, penduduk makin ramai, setiap tahun mereka beranak pinak. Jadi ini kita kena fikirkan, apakah status mereka sebenarnya di masa yang akan datang.

Jadi diharapkan kementerian yang berkaitan dapat memberikan perhatian yang lebih serius dalam hal ini kerana kita tidak mahu penduduk bertambah tetapi adalah penduduk yang tidak, istilahnya bukannya tidak bermanfaat tetapi bukannya warganegara kita yang kita beri keistimewaan lebih daripada orang tempatan.

Kedua ialah mengenai B.47 Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, kita masih di bawah Jabatan Perdana Menteri.

Datuk Haji Yussof bin Haji Mahal [Labuan]: Ya, kalau begitu, itulah yang saya harapkan supaya kementerian mempertimbangkan macam mana cara kita untuk memperbaiki atau mengatasi masalah-masalah pendatang IMM 13 ini supaya dapat kita tuntaskan apa jua masalah-masalah kerajaan di masa yang akan datang. Terima kasih.

2.53 ptg.

Tuan Saifuddin Nasution Ismail [Machang]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Di bawah Butiran 050000 – Jabatan Kemajuan Islam; 080000 – Jabatan Kehakiman Syariah Islam. Satu perkara *insya-Allah* dalam tempoh sepuluh minit ini Tuan Pengerusi. Latar belakangnya ialah Yang Berhormat Permatang Pauh ada membuat aduan kepada Jabatan Agama Islam Wilayah mengenai tuduhan *qazaf*. Jabatan Agama Islam Wilayah telah melengkapkan siasatan namun pendakwaan oleh pihak pendakwaraya Syarie tidak diteruskan. Ekoran daripada itu Yang Berhormat Permatang Pauh telah mengemukakan saman ke atas Menteri Jabatan Perdana Menteri yang bertanggungjawab ke atas hal ehwal agama dan Pengarah Jabatan Agama Islam Wilayah, Dato' Haji Che Mat Che Ali.

Kes itu telah didengar di mahkamah dan telah diputuskan bahawa permohonan saman Yang Berhormat Permatang Pauh telah ditolak. Isunya ialah Menteri yang berkenaan dan Pengarah Jabatan Agama Islam Wilayah telah mengguna pakai khidmat peguam dari Kumpulan Zainul Rijal Talha dan Amir. Peguam bila dipakai khidmatnya mesti dibayar. Saya ingin membangkitkan persoalan apakah boleh bayaran kepada peguam sebanyak RM31,500 ini dibayar dengan menggunakan wang zakat Majlis Agama Islam Wilayah? Ada dua perkara yang ingin saya timbulkan, dari sudut agama saya yakin ini salah. Namanya wang zakat itu adalah hak Allah, sebab itu ditentukan dalam agama kumpulan lapan asnaf yang layak terima; fakir, miskin, muafak, amil, pejuang fisabilillah dan sebagainya.

Sudah tentu peguam kepada Menteri dan Pengarah Jabatan Agama Islam Wilayah tidak masuk dalam kategori asnaf yang lapan tetapi wang zakat sejumlah RM31,500 telah dibuat bayaran. Majlis Agama Islam Wilayah, bank pembayarannya ialah Bank Islam Malaysia Berhad, Jalan Raja Laut, kumpulan wang; zakat, ini baucar bayarannya. Dari sudut urus tadbir yang baik, tata kelola, *good governance* pun salah. Pengarah Jabatan Agama Islam Wilayah, Dato' Haji Che Mat Che Ali ialah defendan, Setiausaha Majlis Agama Islam Wilayah ialah Dato' Haji Che Mat Che Ali, dia jugalah yang bertanggungjawab meluluskan permohonan bayaran ini. Pengarah Jabatan Agama Islam Wilayah, Dato' Haji Che Mat Che Ali mengemukakan permohonan kepada Setiausaha Majlis Agama Islam Wilayah, Dato' Haji Che Mat Che Ali untuk mendapatkan bayaran khidmat guam peguam sebanyak RM31,500.

Setiausaha Majlis Agama Islam Wilayah, Dato' Haji Che Mat Che Ali setelah menerima permohonan Pengarah Jabatan Agama Islam Wilayah, Dato' Haji Che Mat Che Ali telah meluluskan permohonan itu, kan tidak kena itu, Pengarah JAWI Dato' Haji Che Mat Che Ali ke muka permohonan kepada Setiausaha Majlis Dato' Haji Che Mat Che Ali. Dato' Haji Che Mat Che Ali telah meluluskan permohonan Dato' Haji Che Mat Che Ali. Dari sudut praktis amalan ini, tidak kena, dari sudut agama pun tidak boleh dipertahankan, tidak masuk kategori kumpulan asnaf lapan. Dari sudut urus tadbir pun tidak kena sebab dia luluskan duit untuk kepentingan dia pada ketika dia di saman kerana mempengaruhi tindakan supaya pendakwa raya Syarie tidak memulakan caj ke atas pihak yang menuduh dalam kes *qazaf*. Dari sudut politik lebih-lebih lagi, ini mengkhianati amanah namanya. Kalau wang zakat pun boleh dikhianati, apa jaminan wang rakyat tidak mereka khianati pada ketika wang zakat merupakan hak Allah SWT.

Tuan Pengerusi, mohon penjelasan daripada Menteri berkenaan. Terima kasih.

2.58 ptg.

Dato' Seri Haji Azmi Khalid [Padang Besar]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya hanya ingin menyentuh perkara Butiran 070000, sub Butiran 07300 iaitu Teknologi Maklumat dan Kerajaan Elektronik.

Tuan Pengerusi, saya terpanggil untuk menyentuh apa yang pernah saya bawa dalam Parlimen. Kerajaan telah memperkenalkan sistem *e-Government* iaitu penggunaan komputer dalam pentadbiran kerajaan, segala urusannya termasuk *filig* dan sebagainya. Saya pernah membawa di dalam Dewan ini mengenai sistem *filig* yang sudah tidak ada lagi berbentuk yang boleh dikatakan efisien yang mengikut aliran-aliran cara bekerja seperti mana yang ditinggalkan oleh British selepas merdeka.

Walaupun dulunya dibuat secara manual tetapi sistemnya begitu efisien hingga dikatakan dalam kerajaan sistem *filig* amat kemas. Kemudiannya kerana terlalu banyak dokumen yang terpaksa kita menggunakan bilik-bilik yang besar untuk menyimpan dokumen, maka kita katakan sistem *electronic government* ini lebih baik, mudah dan cepat. Akan tetapi malangnya pada hari ini sistem *filig*, cara kerajaannya memfailkan surat-surat tidak ada lagi sistem yang mengikut dikatakan *flow chart* seperti mana yang diperkenalkan dahulu semasa kita di bawah British dan peninggalan British. Selepas merdeka pun ada satu manual yang dipakai oleh semua anggota kerajaan. Memang daripada kerani sampai ke atas, setiap anggota kerajaan mesti lulus peperiksaan *Manual of Office Procedure*, saya tidak tahu dikenali sebagai apa sekarang.

Jadi banyak surat hari ini, surat ditulis oleh rakyat tidak berjawab, tidak ada rekod malah dalam kementerian sekalipun ada dokumen-dokumen yang hilang, dokumen perjanjian kerajaan dengan pihak satu penswastaan selama 20 tahun tetapi selepas 20 tahun dokumen pun hilang.

■1500

Jadi ini adalah satu perkara yang amat serius bukan sahaja dalam apa yang saya sebutkan tadi, banyak perkara lain dan didapati, maklumat-maklumat yang sepatutnya ada (dan dengan adanya kakitangan yang bertukar ganti, yang pencen diganti baru, yang ditransferkan), maka *institutional memory* tidak ada lagi dalam kerajaan. Maka sistem penyampaian kerajaan kepada rakyat berbanding dengan dahulu dari segi tindakan *follow up* nya memang agak lemah pada hari ini.

Begitu juga dengan cara kita memperkenalkan komputer. Saya sebutkan dahulu. Hospital-hospital yang baru dibina di Putrajaya, yang baru dibina di Selayang, yang baru dibina di Sungai Buloh sepatutnya diperkenalkan e-Medicine. Sepatutnya wujud rangkaian, di mana pesakit di Putrajaya boleh dirujuk kepada pakar di Selayang tanpa perlu dibuat secara manual. Hari ini tidak lagi. Tidak dipergunakan dan apa yang berlaku ialah apa yang dilaksanakan di Putrajaya, sistem yang lain, dan dilaksanakan di Selayang yang lain. Maka seseorang pesakit itu tidak mendapat rujukan dengan cepat. Maka *information* daripada satu hospital ke satu hospital tidak dapat diperoleh dengan cepat dan mudah.

Jadi inilah saya minta. Dulu saya pernah bawa perkara ini dalam Parlimen tetapi tidak ada jawapannya. Saya hendak minta hari ini pihak menteri memberi jawapan dengan khusus dalam perkara ini. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Rasah.

3.02 ptg.

Tuan Loke Siew Fook [Rasah]: Terima kasih Tuan Pengerusi kerana memberikan peluang kepada saya untuk membahaskan peruntukan tambahan ini di bawah B.6 – Jabatan Perdana Menteri. Saya merujuk kepada satu pertambahan perbelanjaan sebanyak RM110 juta adalah dikehendaki untuk penyelenggaraan Terminal Bersepadu Selatan, pengurusan *facility* KIK Bangunan Sultan Iskandar dan pengurusan *facility* JB Sentral.

Memang kita ada infrastruktur – pengangkutan awam berkelas pertama tetapi bagi saya pengurusan badan-badan pelesenan kenderaan ataupun pengangkutan awam di negara kita masih berkelas ketiga. Walaupun kita telah menubuhkan satu suruhanjaya yang baru iaitu Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) yang dipengerusikan oleh Yang Berhormat Kota Tinggi yang dikatakan untuk mengintegrasikan semua pengangkutan awam darat kita di Semenanjung Malaysia.

Akan tetapi saya melihat penubuhan suruhanjaya ini yang telah pun lebih enam bulan lebih bertumpu kepada hanya isu MRT tetapi keluhan-keluhan daripada sektor-sektor lain khususnya keluhan-keluhan dan aduan-aduan daripada kenderaan-kenderaan perdagangan, pemandu-pemandu teksi dan bas kurang mendapat perhatian daripada pihak SPAD. Baru-baru ini Pengerusi Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat telah mengeluarkan satu sekular yang menghendaki semua kenderaan perdagangan termasuk lori, bas, bas pelancong dan semua teksi untuk mendaftarkan semula kenderaan-kenderaan mereka. Saya melihat sekular itu mengatakan bahawa objektif untuk mendaftarkan semula kenderaan-kenderaan perdagangan dan teksi ialah:

- (i) mengenal pasti dan menghapuskan pelesen yang tidak aktif;
- (ii) mengemas kini pangkalan data pelesenan; dan
- (iii) membangunkan pangkalan data pemandu kenderaan perdagangan dan pelancongan.

Saya berasa amat dukacita kerana SPAD bukan ditubuhkan dengan satu tanggungjawab yang baru. Sebelum SPAD ditubuhkan, memang pun perkara-perkara ini telah ada tanggungjawab di bawah LPKP dan juga Kementerian Pelancongan. Tidak akan SPAD mencadangkan bahawa sebelum ini tidak ada pangkalan data kenderaan perdagangan, tidak ada penguatkuasaan untuk menghapuskan pelesen-pelesen yang tidak aktif. Adakah pihak SPAD mencadangkan bahawa Yang Berhormat Padang Rengas tidak menjalankan tanggungjawabnya dengan baik kerana LPKP semasa itu di bawah kementerian yang dijaga oleh Yang Berhormat Padang Rengas.

Kalau berkata bahawa bas pelancong itu tidak ada pangkalan data itu saya mungkin percaya kerana Menteri yang kurang kompeten. Akan tetapi tidak akan Yang Berhormat Padang Rengas kurang kompeten dan dicadangkan oleh SPAD. Mengapa perlunya satu *exercise* yang begitu besar ini yang melibatkan semua kenderaan perdagangan. Semua pemandu teksi untuk mendaftarkan semula. Ini bukan rakyat didahulukan kerana slogan kerajaan mengatakan “Rakyat Didahulukan”. Sepatutnya penubuhan sebuah badan baru iaitu ialah memudahcarakan pemandu-pemandu, pihak-pihak syarikat dan kenderaan perdagangan ini. Bukannya menyusahkan mereka kerana pendaftaran semula ini akan menyusahkan mereka. Melibatkan perbelanjaan yang lebih banyak dan sebagainya.

Walaupun dikatakan pendaftaran ini tidak melibatkan sebarang bayaran, tetapi kesusahan yang dikenakan kepada pemandu-pemandu ini amat berat sekali kerana ini melibatkan semua. Mungkin berpuluh ribu kenderaan perdagangan, teksi dan sebagainya. Bayangkan mereka kena pergi ke pejabat-pejabat Wilayah. SPAD bukannya ada pejabatnya di setiap bandar di setiap negeri. Hanya beberapa pejabat Wilayah. Bayangkan kalau ada pemandu teksi daripada Pokok Sena kena pergi ke tempat lain untuk mendaftarkan semula kenderaan perdagangannya. Jadi saya mengharapkan bahawa SPAD sepatutnya menghapuskan ataupun *cancel exercise* ini kerana ini memang telah – sekularnya memang telah dikeluarkan menghendaki semua kenderaan perdagangan untuk mendaftarkan semula daripada bulan April sampai ke 30 September tahun ini.

Syaratnya kalau tidak didaftarkan semula, lesen-lesen kenderaan ini akan ditarik semula. Akan luput serta-merta. Jadi saya meminta kepada pihak kerajaan khususnya kepada Jabatan Perdana Menteri dan Menteri yang bertanggungjawab ke atas SPAD ini untuk mengarahkan SPAD membatalkan keperluan ini. Saya rasa Ahli-ahli Yang Berhormat lain juga akan bersetuju dengan saya kerana ramai pemandu teksi yang telah mengeluh bahawa *exercise* ini amat menyusahkan mereka dan ini memberikan kesusahan kepada mereka.

Saya juga berharap SPAD boleh mengadakan sesi dialog dengan semua Ahli Parlimen kerana banyak isu-isu yang berkenaan dengan SPAD saya rasa kurang mendapat perhatian daripada SPAD dan penubuhan suruhanjaya yang baru ini saya harap mereka lebih *friendly* kepada pengadu-pengadu khususnya kepada kita, Ahli-ahli Parlimen. Saya rasa banyak isu yang kita hendak timbulkan dengan SPAD dan supaya ada satu *channel*, satu saluran yang lebih baik untuk kita berdialog dengan mereka dan saya mencadangkan supaya satu sesi dialog ataupun satu taklimat diberikan kepada Ahli-ahli Parlimen di Bangunan Parlimen. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Tuaran.

3.07 ptg.

Datuk Seri Panglima Wilfred Mojilip Bumburing [Tuaran]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya hanya menyentuh satu dua perkara memandangkan masa yang singkat untuk tajuk ini. Saya merujuk kepada B.6 – 040000. Pertamanya saya ingin menyentuh dan berkongsi dengan perkara yang disentuh oleh Yang Berhormat daripada Labuan mengenai dengan masalah pendatang tanpa izin dan mereka memang pengenalan MM13 yang sekian lama bermastautin di Sabah.

Tuan Pengerusi, saya faham bagaimana Yang Berhormat Labuan terasa tekanan dengan kehadiran yang ramai ini. Setidak-tidaknya ia mengakibatkan persaingan dari segi pekerjaan dan sebagainya. Dalam hal ini, di Tanah Besar Sabah juga masih bergelut dengan masalah ini. Sehingga hari ini ramai pihak yang telah menyuarakan kepada kerajaan agar kerajaan dapat mengambil tindakan yang konkrit untuk menyelesaikan perkara ini. Saya sendiri telah menyampaikan memorandum saya kepada Kementerian Dalam Negeri tahun lepas tetapi sehingga hari ini belum ada jawapan. Saya harap kerajaan dan kabinet dapat mengambil tindakan untuk menyelesaikan perkara ini dan saya tidak mahu memanjangkan secara *detail* kerana semuanya ini terkandung dalam memorandum yang saya sampaikan.

Tuan Pengerusi, dalam perkara yang sama, saya ingin menyatakan di sini bahawa pada masa ini cabaran bagi Majlis Keselamatan Negara bukanlah berbentuk cabaran daripada luar negara tetapi dalam negeri, *internal trap*. Saya menyentuh perkara ini di mana kebelakangan ini nampaknya ada pihak-pihak yang cepat untuk mengambil dan menggunakan isu-isu yang belum *confirm* ataupun dapat dipastikan untuk diketengahkan kepada masyarakat sehinggakan mengakibatkan perasaan marah di kalangan rakyat Malaysia yang berbilang suku dan juga keturunan dan agama.

■1510

Saya menyentuh tentang isu di mana dikatakan bahawa sekumpulan pemimpin-pemimpin Kristian di Penang telah bermesyuarat dan mengisytiharkan bahawasanya mereka inginkan bahawa agama Kristian ini menjadi agama rasmi Malaysia. Sekarang ini saya ingin bertanya apakah kesudahan siasatan pihak yang berkenaan tentang perkara ini dan kalau pun ada segelintir mereka yang beragama Kristian yang berkumpul dan berdoa yang dikatakan berdoa.

Tuan Pengerusi, dalam soal agama ini, agama Islam adalah termaktub dalam Perlembagaan Malaysia bahawa agama Islam adalah agama rasmi negara ini dan tidak boleh sesiapa yang mencabar perkara ini. Mana-mana pihak sama ada yang Kristian ataupun yang lain-lain, yang cuba untuk mengetengahkan pendapat mereka yang saya kira dan percaya bahawa ini sebenarnya tidak berlaku kerana pemimpin-pemimpin gereja Kristian telah berjumpa dengan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan menerangkan seterang-terangnya bahawa apa yang telah berlaku ini tidak diberi, *it is not condone by them*.

Kumpulan ini bukanlah satu kumpulan yang mendapat restu mana-mana pihak gereja Kristian di Malaysia ini dan saya harap pihak kerajaan harus mengambil tindakan yang tegas kepada semua pihak ...

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Boleh Yang Berhormat? Mencelah sedikit.

Datuk Seri Panglima Wilfred Mojilip Bumburing [Tuaran]: Pendek sahaja ya.

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Okey. Tuan Pengerusi, saya ingin bertanya pandangan Yang Berhormat tentang isu permasalahan di mana tempat-tempat ibadat ini kadang-kadang secara langsung atau tidak langsung, sedar atau tidak sedar digunakan untuk kepentingan politik. Langsung atau tidak langsung, sedar atau tidak sedar. Di dalam agama Islam Yang Berhormat, khutbah Jumaat selalunya dipantau oleh kerajaan oleh kerana satu sebab, sebabnya ialah kita tidak mahu khutbah itu digunakan sebagai membakar perasaan kerana agama itu begitu sensitif sekali kepada sesiapa pun. Oleh sebab itu saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat, apa pandangan Yang Berhormat kalau ada orang-orang politik menggunakan sama ada masjid ataupun gereja ataupun kuil ataupun menggunakan perjumpaan-perjumpaan seperti itu dengan mungkin boleh disalahertikan sebagai satu tindakan politik kerana ada ucapan-ucapan.

Saya tidak menyentuh tentang yang berlaku di Pulau Pinang tetapi di Sarawak dan sebagainya. Ada, di mana perjumpaan keagamaan itu mempunyai motif-motif politik kerana ada pemimpin-pemimpin politik berada dalam program tersebut. Ada yang pergi ke gereja contohnya, pemimpin-pemimpin ke gereja dan berjumpa dan bercakap mengenai politik. Ha! Ini saya minta pandangan Yang Berhormat.

Datuk Seri Panglima Wilfred Mojilip Bumburing [Tuaran]: Terima kasih Yang Berhormat Kota Belud. Tuan Pengerusi, kita menerima hakikat bahawa tempat-tempat ibadah ini adalah satu-satunya kawasan yang begitu suci tetapi agak sensitif yang kadang-kadang dipergunakan oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab. Saya bersetuju dengan Yang Berhormat Kota Belud. Saya tidak bersetuju kalau orang politik campur tangan dengan agama. Mana-mana pihak, sama ada pemimpin daripada kerajaan ataupun pembangkang masuk ke satu kumpulan untuk mencampuradukkan politik dengan agama. Tuan Pengerusi...

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, Yang Berhormat Sungai Petani bangun Yang Berhormat.

Dato' Johari Abdul [Sungai Petani]: Yang Berhormat Tuaran, satu minit.

Datuk Seri Panglima Wilfred Mojilip Bumburing [Tuaran]: Sekejap, habiskan ini dulu. Tuan Pengerusi, saya ingin menjelaskan di sini sebagai seorang Kristian bahawasanya di dalam agama Kristian ini banyak *sect*, banyak kumpulan-kumpulan. Ada yang *establish church* dan ada juga yang mendirikan kumpulan mereka dan mengenalkannya sebagai *church*. Banyak ini, serpihan-serpihan dan kemungkinan – saya tidak menunjuk jari kepada sesiapa tetapi mungkin ada kumpulan *an establish church* ini yang membiarkan elemen-elemen untuk masuk dan menyelitkan ucapan-ucapan politik. Ini sangat berbahaya, sangat berbahaya tetapi Tuan Pengerusi, penyiasatan yang menyeluruh harus dibuat dan saya mengambil perhatian tentang peranan *Utusan Malaysia* ini.

Sebelum pun perkara ini disiasat oleh kerajaan, ia di *sensationalizes, newspaper is very strong in – seeing the bad feeling of the people*. Jadi, selepas itu saya mengerti ada pihak-pihak yang membakar perasaan sehingga mengatakan perkataan jihad kepada orang Kristian. Saya rasakan perkataan ini *irresponsible*. Sebelum pun perkara ini disiasat, sudah terikut-ikut dengan perkara yang belum mendapat kepastian apa punca perkara ini. Sila.

Dato' Johari Abdul [Sungai Petani]: Terima kasih, Yang Berhormat Tuaran. Yang Berhormat Tuaran tadi menyebut bahawa ada pihak-pihak yang mengambil kesempatan untuk menyiarkan berita-berita fitnah dan tidak betul, seperti apa yang terjadi di Pulau Pinang malah mereka yang telah bertemu dalam perjumpaan di gereja pun menyatakan bahawa ini tidak betul. Ini menunjukkan bahawa ada tangan-tangan di sebalik *Utusan Malaysia* yang sengaja mensensasikan isu ini dengan tujuan akhirnya politik. Begitu juga baru-baru ini *Utusan Malaysia* juga mengeluarkan kononnya ada madrasah-madrasah, ada sekolah-sekolah agama yang menjadi tempat pembiakan JI. Ini menunjukkan *Utusan Malaysia* milik UMNO, sengaja memainkan isu ini. Adakah UMNO tidak terfikir bahawa ini akan membakar semangat rakyat Malaysia dan akhirnya memberikan tekanan buruk kepada orang lain. Minta pandangan Yang Berhormat Tuaran tentang ini...

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Boleh saya sambung Yang Berhormat, boleh?

Datuk Seri Panglima Wilfred Mojilip Bumburing [Tuaran]: Sila.

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Terima kasih. Saya sekadar hanya nak menarik perhatian Yang Berhormat sebab Yang Berhormat menyebut ada pihak-pihak tertentu membuat kenyataan apabila berlaku peristiwa perjumpaan pastor di Pulau Pinang. Yang Berhormat sedar atau tidak, Menteri Dalam Negeri ada buat kenyataan bahawa laporan yang berlaku di Pulau Pinang ada asasnya. Ini kenyataan Menteri Dalam Negeri. Kenyataan Menteri Dalam Negeri mengatakan ada asas mengenai dengan laporan yang dibuat oleh *Utusan* di Pulau Pinang. Ini sesudah seorang Ahli DAP bernama Razali membuat laporan polis. Susulan itulah, saya mengakui saya yang membuat kenyataan sebagai satu peringatan supaya perkara-perkara ini tidak boleh berulang berlaku sebab...
[*Dewan riu*]

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, habiskan Yang Berhormat.

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Sebab saya mahu ianya sebagai satu peringatan pencegahan. Kadang-kadang kalau kita ingat dengan cara yang baik, orang tidak ambil perhatian. Jadi, tujuannya untuk pencegahan, pokoknya perkara itu berlaku. Saya memang setuju dengan Yang Berhormat, saya hendak minta pihak Kementerian Dalam Negeri dedahkan hasil siasatan. Dedahkan hasil siasatan apa yang sebenarnya berlaku di Pulau Pinang. Itu yang penting. Kalau tidak benar, katakan tidak benar tetapi saya hendak tahu apakah Yang Berhormat bersetuju supaya kita sama-sama desak Kementerian Dalam Negeri keluarkan hasil laporan polis mengenai dengan peristiwa tersebut. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Tuaran boleh habiskan Yang Berhormat.

Tuan Jeff Ooi Chuan Aun [Jelutong]: Yang Berhormat Tuaran, Jelutong minta laluan.

Datuk Seri Panglima Wilfred Mojilip Bumburing [Tuaran]: Saya tiada masa.

Tuan Jeff Ooi Chuan Aun [Jelutong]: Satu minit sahaja.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Jelutong, tak ada masa Yang Berhormat... [Dewan riu]

Tuan Jeff Ooi Chuan Aun [Jelutong]: Satu minit sahaja. Jelutong jadi sasaran. Satu minit sahaja minta.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Habiskan Yang Berhormat Tuaran.

Datuk Seri Panglima Wilfred Mojilip Bumburing [Tuaran]: Minta maaf, minta maaf Yang Berhormat.

Tuan Jeff Ooi Chuan Aun [Jelutong]: Sebenarnya soalan saya untuk mendesak Menteri Dalam Negeri untuk mendedahkan laporan dan juga siasatan... [Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Jelutong, tidak bolehlah macam ini Yang Berhormat. Tidak boleh.

Tuan Jeff Ooi Chuan Aun [Jelutong]: ...Dijadualkan untuk esok. Saya minta itu. Soalan saya dijadikan *top ten question* supaya segala-gala itu dapat didedahkan dalam Dewan Rakyat ini.

Datuk Seri Panglima Wilfred Mojilip Bumburing [Tuaran]: Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Pengerusi, izinkan saya untuk respons kepada dua persoalan tadi lepas itu saya gulung.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, lepas itu habiskan Yang Berhormat.

Datuk Seri Panglima Wilfred Mojilip Bumburing [Tuaran]: Pertamanya, Yang Berhormat Sungai Petani. Pertama, saya tidak dapat memberi apa-apa pendirian tentang apa yang terjadi di Penang sebab saya tidak tahu apa yang terjadi. Okey, mengenai dengan *Utusan Malaysia* ini, saya tidak kira siapa punya *newspaper* tetapi saya kira kita sebagai kerajaan ini harus memantau peranan *responsible newspaper* dan terus kepada Yang Berhormat Pasir Mas. Pertamanya, tadi saya terangkan bahawasanya kita harus meminta kerajaan dedahkan kepada rakyat. Bagi makluman kepada kita siasatan sebenarnya.

Saya sekali lagi mengatakan saya tidak bersetuju yang ada orang politik campur tangan dalam soal-soal agama ini. Tentu sekali dengan izin, *I belong to the biggest church in the world, Catholic Church and we never allow politician speak on the... never! We never allow... [Tepuk]*

■ 1520

Tadi Yang Berhormat, saya sentuh tentang perkataan jihad. Yang Berhormat katakan tadi bahawa itu satu peringatan, tetapi saya kira perkataan itu silap *because you are directed* dengan izin, *to the whole Christian community... [Tepuk] The proprieties in only may be in small fragment* pecahan.

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Yang Berhormat saya celah. Itu kenyataan yang tidak betul sebab saya *refer* perkataan jihad itu apa yang berlaku di Pulau Pinang. Ini kerana Yang Berhormat baca dalam *The Malaysian Insider*. Portal-portal di *The Malaysian Insider* ini banyak mengelirukan, membuat kenyataan yang tidak betul. Saya bukan kata semua, malah saya hendak beritahu kepada Yang Berhormat untuk makluman Yang Berhormat ahli-ahli pastor daripada Kuala Lumpur ada menyebut hendak bertemu dengan saya. Saya sambut dengan baik. Saya tulis surat, saya hantar surat sampai hari ini pun diam... *[Disampuk]*

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat.

Datuk Seri Panglima Wilfred Mojilip Bumburing [Tuaran]: Yang Berhormat...

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Jangan kelirukan, jangan kelirukan apa yang saya kata.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat.

Datuk Seri Panglima Wilfred Mojilip Bumburing [Tuaran]: *I directed in what is reported.* Yang Berhormat, kalau Yang Berhormat ingin jelaskan apa Yang Berhormat katakan, *this is the best time to explain to the Member's of Parliament.*

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Ya, saya sudah *explain* sudah. Saya sudah *explain* sudah.

Datuk Seri Panglima Wilfred Mojilip Bumburing [Tuaran]: *Okey. But I respond it from what I read in the papers. Okay.*

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: *Yes, okey.*

Datuk Seri Panglima Wilfred Mojilip Bumburing [Tuaran]: *Okey? Alright?*

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: *I already explain it.*

Datuk Seri Panglima Wilfred Mojilip Bumburing [Tuaran]: *Alright?*

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: *Okey, thank you.*

Datuk Seri Panglima Wilfred Mojilip Bumburing [Tuaran]: Sebagai penggulungan. Tuan Pengerusi, dari mula pengucapan saya tadi, saya *retreated* saya ulang lagi. Bahawa cabaran Majlis Keselamatan Negara ini *is promote from outside, is internal. So, we have to very diligent to look at the elements of this day conflict within our country. This very important.* Ini harus diambil perhatian oleh kerajaan dan laporan yang *very sensitive* ini seperti di Penang itu, kita minta kerajaan dedahkan supaya *to ease the problem among people because it is very explosive.* Kalau ini perkataan ini disebut di Sabah, *I think all sectors of population of Sabah will reject it either is Muslim or Christian because keadaan di Sabah ini we are brothers and sisters. We respect it.*

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, *I have Muslim and Christian in the family.*

Datuk Seri Panglima Wilfred Mojilip Bumburing [Tuaran]: *Yes.*

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: *How to fight?*

Datuk Seri Panglima Wilfred Mojilip Bumburing [Tuaran]: So saya haraplah, saya harap episod ini akan reda dan dapat sama-sama kita mengambil tindakan untuk mengatasi. Ini kerana kita cintakan perpaduan di kalangan rakyat kita. Kita tidak mahu apa-apa yang mencetuskan perpecahan di kalangan masyarakat. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Pasir Mas.

Beberapa Ahli: Ya Allah... [Ketawa]

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Kalau Yang Berhormat Pasir Mas, dia suara.

3.22 ptg.

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Perangai. Hormatlah sedikit. Saya pun tidak ada ganggu Yang Berhormat yang lain. Inikah semua ini?... *[Disampuk]* Tuan Yang di-Pertua, saya ada satu perkara sahaja hendak bangkit di bawah 05000 - Jabatan Kemajuan Islam. Ini saya banyak ditanya oleh banyak pihak. Apabila Yang Berhormat Presiden PAS, Yang Berhormat Tuan Guru Haji Hadi Awang menyebut mengenai dengan hukum *qazaf* dan juga berkaitan dengan video. Beliau kata video ini besi, tidak ada telinga dan sebagainya. Jadi akibat daripada kenyataan ini, banyak pihak bertanya kepada saya. Saya hendak tanya pihak Jabatan Kemajuan Islam, apakah JAKIM tidak berusaha untuk memberi penjelasan dan penerangan bersabit dengan perkara yang berbangkit yang saya sebutkan tadi.

Ini kerana ada wanita datang bertemu dengan saya. Dia kata kalau saya duduk seorang di rumah ataupun suami saya tidak ada, anak saya ada dekat rumah, datang perompak merompak. kena rogol. Selepas itu dia bawa kes ini ke pengaduan di bawah *qazaf*, buat pengaduan. Akhir sekali dia tidak boleh bawa saksi empat orang, maka dia yang dikenakan hukuman rotan, 80 rotan. Jadi, saya hendak minta penjelasan itu supaya JAKIM memberi penjelasan kerana pihak wanita bertanya kepada saya. Saya tidak boleh hendak jawab. Ini bukan bidang saya. Saya hendak minta JAKIM jawab.

Dato' Seri Ir. Mohammad Nizar bin Jamaluddin [Bukit Gantang]: Yang Berhormat Pasir Mas, minta laluan.

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Tidak payahlah. Yang Berhormat pun sudah tidak jadi Menteri Besar sudah. Tidak payahlah, duduklah. Ini orang sakit jiwa tidak payahlah, tidak payah. Duduklah. Tidak payahlah. Tidak payahlah.

Dato' Seri Ir. Mohammad Nizar bin Jamaluddin [Bukit Gantang]: Yang Berhormat Pasir Mas tidak tahu rogol dengan zinakah?

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Tidak payahlah, tidak payahlah.

Dato' Ir. Seri Mohammad Nizar bin Jamaluddin [Bukit Gantang]: Apa beza jenayah rogol dengan zina?

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Tidak payah, tidak payah.

Dato' Dr. Mohamad Shahrum Osman [Lipis]: Masa jadi Menteri Besar pun bukan ada kuasa.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, Yang Berhormat Pasir Mas tidak bagi jalan Yang Berhormat.

Dato' Seri Ir. Mohammad Nizar bin Jamaluddin [Bukit Gantang]: Ayat Surah Annur ayat 4 itu untuk menerangkan berzina, bukan rogol. Tuduhan zina atau liwat mesti dengan empat orang saksi.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat.

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Ya lah.

Dato' Seri Ir. Mohammad Nizar bin Jamaluddin [Bukit Gantang]: Jangan mengelirukan Dewan ini.

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Yalah, saya hendak sampailah ke situ. Sudah. Kalau tidak jadi Menteri Besar, hendak sakit jiwa, relaxlah... *[Ketawa]*

Dato' Dr. Mohamad Shahrum Osman [Lipis]: Jadi Menteri Besar pun bukan ada kuasa.

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Rogol dan ada berzina, kalau dia berzina sekalipun, tunggulah sedikit saya habis. Ini belum cakap hu ha, hu ha, hu ha, hu ha. Perangai tidak senonoh... [Disampuk]

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, saya setuju dengan Yang Berhormat Pasir Mas, yang lain saya minta jangan mengganggu beliau.

Seorang Ahli: [Menyampuk]

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Tidak. Beliau tengah berucap Yang Berhormat.

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Saya Tuan Pengerusi, saya Tuan Pengerusi sudah lama sudah di Dewan Rakyat ini. Saya tidak mahu buat kecoh, tetapi kalau Yang Berhormat hendak buat kecoh, sila. Tidak ada masalah. Sila... [Disampuk] Kurang asam betul... [Ketawa] Saya minta supaya dibuat penjelasan, supaya jangan keliru jangan timbul kekeliruan soal zina, soal rogol. Ini ada kekeliruan. Kekeliruan di antara dua ini yang menimbulkan kekeliruan sehingga mereka bertanya kepada saya. Macam mana kita hendak jawab? Macam mana penjelasan, macam mana penerangan.

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: [Bangun]

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Sila Yang Berhormat.

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Terima kasih Yang Berhormat Pasir Mas. Tuan Pengerusi, ini berkenaan dengan video. Saya cuma ada satu soalan sahaja. Saya tidak mahu soal tentang sama ada dia versi *qazaf* kah, itu saya serahkan kepada Menteri. Cuma Yang Berhormat, apabila ada yang mengatakan rupa macam seseorang itu betul, gerak badan dan sebagainya ini, bolehkah Yang Berhormat minta Menteri ataupun Jabatan Kemajuan Islam ini bagi sedikit wang yang ada diperuntukkan dalam ini untuk mencari satu pertandingan. Ada tidak orang yang serupa dengan... [Disampuk] Saya sudah buat kajian Yang Berhormat, saya buat kajian Yang Berhormat, Elvis Presley ada 52,000 *in personator* di seluruh dunia ini. Gaya sebiji, orang boleh nampak. P. Ramlee macam-macam keluar, tetapi ini kalau boleh ambil duit ini buat satu dahulu, lihat ada tidak sama sebiji macam itu.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Yang Berhormat Pasir Mas. Ini hal video ini. Tuan Pengerusi, saya cuma hendak menceritakan kisah orang masuk hutan.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Panjangkah cerita itu Yang Berhormat?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Tidak.

Beberapa Ahli: [Ketawa]

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Pendek.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Ini hendak bertanya. Belang, belang harimau; tapak, tapak harimau; bau, bau harimau; misai, misai harimau. Hendak kata tapak musang tidak, hendak kata tapak gajah jauh sekali. Jadi apabila pemburu itu kata, ini tidak lain tidak bukan ialah harimau. Jadi, macam mana agak-agak Yang Berhormat Pasir Mas untuk menceritakan cerita ini?... [Ketawa] [Tepuk]

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Yang Berhormat Bukit Gantang hendak jawab?... [Ketawa] Tuan Pengerusi, saya jawab macam ini sahajalah. Ia sebenarnya *substantial evidence* ini boleh diguna di bawah kerena. Jadi Tuan Pengerusi, menjawab soalan daripada Yang Berhormat Kota Belud hendak cari orang yang..., susahlah. Akan tetapi saya hendak jawab pun susah sebab nanti ada orang... Nanti orang kecil hati pula, orang terasa pula. Jadi Yang Berhormat sendiri sedia maklum dan kita pun sedia maklum, cuma kalau orang yang pemimpin itu tidak pengecutlah, sesiapa yang tidak pengecut, dia buat dia tanggunglah, dia mengaku. Apa hendak sibuk-sibuk sangat. Hendak panjang-panjang buat apa sangat.

■1530

Jadi, semua orang tahu di mana bukti-bukti seumpama ini boleh digunakan. Jadi, soalnya Yang Berhormat Kota Belud tadi kata soal mirip, saya pun tidak tahulah. Yang Berhormat kena ingat, kalau ada kembar, ada mirip tau kembar. Kembar itu ada mirip sebab kalau yang kembar, banyak mirip. Akan tetapi yang dalam video Yang Berhormat maksudkan ini, fikir sendirilah. Masing-masing buat penilaian sendiri. Yang Berhormat Sri Gading kata, ini tapak harimau, harimaulah. Kalau tapak gajah, gajahlah. Kalau tapak tikus, tikuslah. Jadi, terpulanglah kepada pihak yang berkenaan.

Cuma saya membangkitkan perkara ini Tuan Yang di-Pertua, sebab perkara ini menjadi perbualan rakyat. Di surau, di madrasah, di kedai, di mana-mana saja dan kita mesti memperbetulkan persepsi ini. Selepas perkara ini heboh, heboh, heboh, heboh, kamu diam. Rakyat duduk bercakap di kampung. Apa sudahnya? Orang yang mendedahkan video ini kenapa tidak didakwa? Oleh sebab mengikut undang-undang katanya salah. Orang yang melakukan kerja ini, yang tiga orang 'Dato' trio' ini, tidak dibuat apa-apa pun. Apa keputusannya? Hasil daripada penyiasatan polis, katanya dihantar ke Amerika, dihantar ke Korea, dikatakan semuanya tulen, apa sudah jadinya?

Kalau tulen, apa hendak buat, apa sudahnya? Kemudian timbul pula kaset ada telinga, tidak ada telinga besi, macam-macam. Jadi, ini yang menimbulkan kekeliruan di kalangan rakyat yang saya minta pihak kerajaan perbetulkan persepsi ini. Kalau perlu ada tindakan, kena ambil tindakan. Ini yang pentingnya, ini yang saya hendak bangkitkan. Saya bercakap dengan serius. Saya tidak hendak ganggu dan bising tidak tentu arah macam sesetengah pihak. Apabila kena atas batang hidung sendiri, kena buah sendiri, bising. Kalau orang bercakap hal pihak dia, "hu ha, hu ha, hu ha", tak senonoh betul. Hendak kata tak belajar, belajar. Hendak kata tak mengaji, mengaji. Hendak kata tak ada kelulusan, ada kelulusan. Akan tetapi tidak mencerminkan dari segi pendirian yang konsisten...

Seorang Ahli: Cermin diri sendiri.

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Ha, tengok, tengok. Sikit pun tak boleh. Tidak konsisten. Jadi, inilah Tuan Yang di-Pertua, saya bangkitkan supaya pihak JAKIM memperbetulkan persepsi ini. Keduanya, apakah tindakan kerajaan selanjutnya? Jadi perkara-perkara lain saya tidak hendak bahas, saya tidak hendak ungkit, saya tidak hendak sebut sebab saya tahu kalau sebut banyak-banyak pun kadang-kadang tidak ada manfaat pun. Tidak memberi apa-apa faedah pun... *[Disampuk]* Bercakap dengan Yang Berhormat ini macam bercakap dengan dinding. Sekian, terima kasih... *[Ketawa][Dewan riuh]*

Beberapa Ahli: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Lipis.

3.32 ptg.

Dato' Dr. Mohamad Shahrum Osman [Lipis]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Jadi, bagi B.6, Butiran 07000. Jadi, kalau kita lihat dalam perbelanjaan tambahan itu, ada tambahan sebanyak RM35 juta untuk menampung pelaksanaan rangkaian radio bersepadu kerajaan (GRIN).

Jadi, saya hendak tahu setakat ini, sejauh manakah keberkesanan selepas diwujudkan sekitar akhir tahun 2008 dalam memudahkan komunikasi, membabitkan tujuh buah agensi penguatkuasaan undang-undang di negara ini. Saya melihat perkara ini amat penting kerana operasi GRIN mampu meningkatkan keberkesanan agensi yang terlibat dalam menguatkuasakan undang-undang sekali gus membantu memperkukuhkan usaha memastikan keselamatan dan kedaulatan negara.

Saya hendak tahu apakah ada lagi agensi yang akan ditambah dalam pelaksanaan GRIN selain tujuh buah agensi penguat kuasa terbabit iaitu ATM, Polis Diraja Malaysia, Kastam Diraja Malaysia, Jabatan Pengangkutan Jalan, Jabatan Imigresen, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna serta Jabatan Bomba. Saya juga hendak tahu apakah kita menggunakan pesawat tanpa pemandu (UAV) dalam memantau keselamatan persempadanan negara kita yang terbentang luas ini.

Bagi 04000, saya hendak menyentuh soal keselamatan negara. Saya melihat ada peruntukan tambahan sebanyak RM7,500,000 untuk menampung perkhidmatan sokongan keselamatan ICT untuk sektor awam dan penyelenggaraan perkakasan perisian dan aplikasi PRISMA. Saya hendak tahu setakat manakah kepakaran kita dalam menghadapi masalah penggadam yang mana berlaku minggu lalu dan sekarang ini yang dikenali sebagai kumpulan *Anonymous* dikatakan berpangkalan di negara ini yang menyerang hampir keseluruhan web Kerajaan Malaysia.

Jadi, kita hendak tahu setakat mana *damage*, dengan izin, yang telah dilakukan sama ada secara dirancang, disengajakan atau hanya sekadar main-main sahaja bagi menguji sistem keselamatan ICT negara. Saya dimaklumkan ancaman dan serangan itu ada juga menggelar diri mereka sebagai *Rilekscrew*, ini agak Pokok Sena itu kot nama itu dan *Dragoon Force Malaysia, h3x4 crew* dan seorang individu yang hanya dikenali sebagai *Syam92x*. Jadi, apakah strategi negara dalam menangani masalah seperti ini? Sekian, terima kasih.

Beberapa Ahli: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Pokok Sena.

Datuk Ismail Kasim [Arau]: Bukan sudah dapatkah tadi?

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Mana dapat lagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Dia seorang sahaja daripada PAS bangun Yang Berhormat.

3.35 ptg.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Ya, ya, ya. Terima kasih Tuan Pengerusi, yang bagi peluang untuk saya untuk terlibat dalam perbincangan di peringkat Jawatankuasa.

Untuk B1. Parlimen, 010000 – Urusan Parlimen. Kalau kita lihat di sini ialah peruntukan sebanyak RM11 juta untuk membiayai kerja-kerja penyelenggaraan bangunan yang saya lihat bahawa mohon penjelasan berkaitan dengan pembinaan ubah suai bangunan di belakang. Ini sebab ia ada kaitan.

Saya difahamkan bahawa Parlimen memohon sebanyak RM22 juta untuk penyelenggaraan ini tetapi diberikan untuk Belanjawan tambahan ini sebanyak RM11 juta dan saya difahamkan bahawa sekali lagi belanjawan tambahan pada tahun yang akan datang kalau tidak silap saya. Maka, akan diperuntukkan untuk tahun akan datang separuh lagi iaitu separuh daripada yang masih berbaki. Jadi, ini akan membabitkan beberapa pengubahsuaian khususnya bumbung yang sedang melindungi kita ini dan juga bangunan menara untuk memperbaiki seperti 'kulit nanas' seperti mana 'sisik ikan' yang di luar itu mengalami kerosakan. Akan tetapi apa yang saya hendak bangkitkan di sini ialah kenapa ada keperluan?

Saya bersetuju bahawa perlu diperbaiki tetapi isunya Tuan Pengerusi, kerajaan telah pun membuat melalui AP.55 untuk mengubahsuaikan bangunan di belakang dan juga sekali gus untuk membangunkan secara menyeluruh mengikut fasa. Fasa pertamanya ialah mengubahsuaikan bangunan yang di belakang itu kemudiannya akan disusuli fasa-fasa seterusnya iaitu fasa pertama, fasa kedua dan fasa ketiga termasuk untuk membuat baik pulih yang menyeluruh terhadap bangunan yang sedang kita duduki ini pada tahun yang akan datang iaitu fasa satu, fasa dua dan seterusnya fasa ketiga ada kaitan dengan pembinaan beberapa bangunan baru di sini.

Jadi, bermakna bahawa tahun ini kita membaiki sejumlah RM11 juta. Tahun hadapan sejumlah RM11 juta lagi. Kemudiannya akan lulus pula satu peruntukan untuk fasa seterusnya fasa kedua, fasa ketiga untuk baiki keseluruhan bangunan ini. Jadi, bagaimana peruntukan itu disediakan dalam keadaan kerajaan melalui Kabinet sudah pun bersetuju melalui menggunakan peruntukan AP.55 untuk memberikan projek baik pulih bangunan di belakang itu kepada syarikat TRC yang saya kira bahawa kerajaan perlu memberikan penjelasan.

Kita sudah hendak baik pulih di sana, ubah suai di sana. Kemudiannya akan disusuli dengan fasa pertama, fasa kedua dan fasa ketiga kepada keseluruhan.

Dalam keadaan yang sama kita hendak peruntukkan lagi sebanyak RM22 juta iaitu RM11 juta pada tahun ini dan kemudiannya pada tahun akan datang sejumlah RM11 juta lagi. Jadi, bermakna bahawa kita macam ada pertindihan. Oleh sebab itu daripada awal saya katakan bahawa sepatutnya tidak perlu kepada penggunaan AP.55 ini sebab kita bukan mengalami keadaan yang darurat, bangunan kita ini runtuh sehingga kita terpaksa memberikan secara runding terus kepada syarikat TRC Corporation ini. Dalam keadaan seperti saya bangkit di peringkat Jawatankuasa.

■1540

Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan]: Yang Berhormat Pokok Sena, bagi laluan sedikit.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Di peringkat Jawatankuasa saya mencadangkan...

Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan]: Yang Berhormat Pokok Sena ini seolah-olah membuat satu isu soal pembaikan Dewan kita ini. Cuba lihat di atas itu.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Di atas kepala Yang Berhormat Pokok Sena itu kalau jatuh.

Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan]: Tidak darurat Yang Berhormat Pokok Sena?

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Baguslah. Tidak mengapa. Duduk, duduk diam-diam.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: [Ketawa] Kita akan ada pilihan raya kecil lagi kalau tidak... [Ketawa]

Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan]: Lihat itu di atas kepala Yang Berhormat Pokok Sena.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, teruskan Yang Berhormat.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Dia tampal sahaja, dia tampal sahaja, dia tampal sahaja.

Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan]: Tidak darurat?

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Jadi kadang-kadang pemimpin UMNO Barisan Nasional, bukan berapa *clear* sangat. Orang bercakap secara lebih menyeluruh.

Seorang Ahli: [Ketawa]

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Kita katakan bahawa kita tidak perlu menggunakan AP55, ini yang belakang ini. Bermakna bahawa selepas ini kita akan membayar. Kita pun tidak tahu bahawa selepas ini fasa pertama, fasa kedua apakah TRC Corporation juga yang akan dapat, akan melalui runding terus. Ini perkara yang saya bangkit.

Datuk Ismail Kasim [Arau]: Saya mohon laluan, laluan sedikit Yang Berhormat.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Ya.

Datuk Ismail Kasim [Arau]: Sebab Yang Berhormat Pokok Sena adalah *committee* Dewan bersama saya, Yang Berhormat Pokok Sena tidak hadir dalam *meeting* yang pertama. Ini kerana Yang Berhormat Pokok Sena ada urusan. Sebenarnya, TRC saya difahamkan hanya projek di belakang sahaja.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Ya.

Datuk Ismail Kasim [Arau]: Yang ini melibatkan tender terbuka, yang bersebelahan ini.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Ya, tetapi kerajaan belum membuat pengisytiharan apa-apa.

Datuk Ismail Kasim [Arau]: Akan tetapi, dalam Mesyuarat Dewan mengikut keterangan yang dibuat oleh Pengarah JKR begitu keadaannya.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Ya.

Datuk Ismail Kasim [Arau]: Kalau ada perubahan saya tidak tahu yang dibentangkan oleh mereka sebelum.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Ini Yang Berhormat masuk mesyuarat ini tidak membawa soal pembinaannya.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Yang Berhormat Pokok Sena tidak masuk mesyuarat.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Saya tidak hadir kerana saya mewakili Parlimen bersama dengan Tuan Yang di-Pertua ke Panama tetapi Yang Berhormat Arau masuk mesyuarat tetapi tidak banyak mempersoalkan. Sebab itu saya mempersoalkan, saya mempersoalkan.

Beberapa Ahli: [Ketawa]

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Yang Berhormat pilih makan angin daripada masuk mesyuarat ya?

Datuk Ismail Kasim [Arau]: Yang Berhormat Pokok Sena, sebab sulit. Saya akur perkara-perkara yang boleh dibentangkan, yang tidak boleh bercakap dalam Dewan saya tidak akan bentangkan.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Ini yang payah ini pula.

Datuk Ismail Kasim [Arau]: Yang Berhormat Pokok Sena patut hadir di situ sebagai wakil.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Tidak, tidak, tidak. Saya mempersoalkan...

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Dia utamakan makan angin daripada menghadiri mesyuarat.

Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan]: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Tidak, dia pergi ke Panama pun atas urusan rasmi Parlimen.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Atas urusan Parlimen... [Dewan riuh] Ini saya kira maknanya Yang Berhormat Kinabatangan lama sama dengan saya juga tidak hormat Tuan Yang di-Pertua. Hormatlah Tuan Yang di-Pertua. Kita bukan pergi makan angin, hendak seronok macam pemimpin UMNO, Barisan Nasional ini hendak seronok sahaja. Janganlah macam itu. Jadi saya mempersoalkan....

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Jangan melibatkan UMNO Yang Berhormat. Kita cakap bukan soal melibatkan PAS, libatkan Yang Berhormat. Sopanlah sedikit.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Duduk, duduk, duduk, duduk. Petang-petang ini memang begitu kalau tidak mengantuk. Jadi saya hendak mempersoalkan yang mungkin tidak dibangkitkan oleh Yang Berhormat Arau, seperti yang saya bangkitkan di peringkat dasar bahawa harga-harga untuk ubahsuai bangunan belakang itu masih tidak ada satu ketetapan yang jelas. Ini kerana dimaklumkan kepada saya harga akhir adalah tertakluk kepada harga yang akan dimajukan oleh TRC kerana dikatakan di bawah - tidak mengapa. Duduk, duduk, duduk.

Datuk Ismail Kasim [Arau]: Yang Berhormat, ini kita hendak cerita benda sebenar. Saya dengan Yang Berhormat Putatan hadir. Kita pertikaikan lebih daripada tiga jam berkenaan perkara itu sahaja.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Sebab di bawah AP55 dikatakan tiada harga yang telah ditetapkan walaupun senarai kuantitinya. Jadi bagi saya sebab itu dari awal saya katakan bahawa tidak wajar untuk menggunakan peruntukan AP55 ini kerana daripada awal lagi seperti Yang Berhormat setuju semalam bahawa seperti saya katakan bahawa boleh dibuat secara *open tender*. Untuk memberikan peluang kepada mana-mana syarikat yang mendapat anugerah di bawah pertandingan yang dianjurkan oleh JKR sebagai kontraktor yang terbaik, arkitek yang terbaik.

Jadi kita panggil mereka, 10 kontraktor yang terbaik yang mendapat anugerah daripada JKR ini untuk buka tender siapa harga yang terbaik. Maknanya kita akan pasti akan dapat harga yang terbaik kemudian kita akan dapat kontraktor yang terbaik. Hari ini kita hanya beri kepada kontraktor-kontraktor yang kita rasa bahawa dia yang terbaik kerana dia mendapat anugerah sedangkan sepatutnya ada kontraktor yang lain yang mendapat anugerah yang lebih baik seharusnya diberikan kontrak tersebut untuk membina dan untuk memastikan bahawa kita mendapat harga yang lebih baik untuk kepentingan negara dan juga rakyat.

Jadi ini persoalan yang saya kira bahawa perlu diperjelaskan sebab peruntukan ini akhirnya walaupun penyelenggaraan ini sebab saya katakan bahawa RM11 juta tetapi dari segi ketentuan kontraktor dan sebagainya JKR yang akan menentukan. Ini kerana peruntukan belanja mengurus maknanya Parlimen akan mengeluarkan satu waran kepada JKR tetapi yang akan menentukan kontraktor buat pemilihan dan sebagainya ialah akhirnya JKR.

Jadi sebab itu bagi saya bahawa apa pun saya hendak cadangkan di sini yang berkaitan dengan Dewan Parlimen ini, bangunan ini, kepentingan Parlimen ini saya minta supaya satu Jawatankuasa Khas di peringkat Parlimen ini ditubuhkan. Walaupun akhirnya kata putus JKR yang bahagian teknikal, kepakaran ini yang akan menentukan tetapi Jawatankuasa Khas ini harus dirujuk untuk memastikan supaya kita meneliti, supaya perbelanjaan yang akan kita buat nanti ialah perbelanjaan yang betul-betul dapat memenuhi keperluan kepada Parlimen dan kita yang bertanggungjawab supaya memastikan bahawa perbelanjaan ini tidak berlaku sesuatu yang mencurigakan dan boleh mendatangkan kerugian kepada negara kita.

Jadi sebab itu saya minta bahawa satu jawatankuasa ini diwujudkan untuk memastikan penelitian terhadap program pembangunan yang besar yang akan membabitkan tiga fasa selepas ini kerana ini akan membabitkan seperti yang disebut oleh Yang Berhormat Arau tadi mengatakan bahawa selepas ini mungkin akan dibuat fasa pertama, kedua dan ketiga itu akan dibuat dalam bentuk *open tender*. Jadi biarlah Jawatankuasa Khas ini bersama dengan JKR untuk meneliti cara pengendalian tender dan sebagai serta akan membuat pemilihan yang lebih tepat. Jadi sebab itu saya mohon penjelasan ini.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Ya.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Akhir sekali, akhir sekali.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Masa pun sudah berakhir Yang Berhormat. Sudah habis.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Ya. Sedikit sahaja yang berkaitan dengan Jabatan Kemajuan Islam dan juga Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan. Saya minta supaya dikodkan Jabatan Kemajuan Islam ini kembali kepada ucapan saya di peringkat dasar yang tidak dijelaskan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan tadi berkaitan dengan soal kecurigaan jual beli bangunan Tabung Haji yang memakan belanja yang agak besar iaitu hampir setengah bilion di Platinum Park daripada TTDI. Saya difahamkan bahawa Tabung Haji beli lebih mahal daripada yang dibeli oleh FELDA di tempat yang sama sedangkan jarak waktu pembelian itu hanya dalam tempoh beberapa bulan sahaja. PAC jangan duduk sengkang mata sahaja. Ini kena ambil tahu ini. Ini masalah besar berkaitan dengan isu kepentingan umat Islam.

Yang kedua, Unit Pemodenan Tadbiran Perancangan dan Pengurusan Malaysia ini. Jadi saya hendak modenkan pentadbiran dan sebagainya perancangan tetapi masalah dalaman perkhidmatan awam ini perlu dilihat bagaimana kita ada Ketua Setiausaha Negara yang begitu lemah. Boleh buat pengumuman pemindahan Ketua Pengarah JKR, tiba-tiba sekarang tidak berlaku.

Tidak berlaku yang menyebabkan ada dua ketua pengarah. Seolah-olahnya ada dua ketua pengarah di peringkat JKR iaitu yang dahulu dan juga yang baru dan akhirnya berlaku ada macam *click camp* dalam JKR dan saya hendak minta penjelasan, saya mohon penjelasan daripada pihak kerajaan.

Kenapa ini boleh berlaku? Kenapa Ketua Setiausaha boleh buat pengumuman, tiba-tiba apa yang berlaku sebaliknya bahawa Ketua Pengarah yang lalu itu masih kekal berada di pejabatnya di situ. Saya hendak katakan apakah kesalahan dia, apa kesalahan jenayah rasuah yang dilakukan sedangkan saya katakan bahawa dia antara orang yang baik yang telah melakukan satu perubahan yang besar untuk perkhidmatan awam khususnya dalam JKR. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Batang Sadong.

3.48 ptg.

Puan Hajah Nancy binti Shukri [Batang Sadong]: Terima kasih Tuan Pengerusi.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Tadi Yang Berhormat Lipis. Sekarang sana juga Tuan Pengerusi.

Puan Hajah Nancy binti Shukri [Batang Sadong]: Saya hendak merujuk kepada Butiran 010100 di bawah Pentadbiran Am untuk Parlimen dan juga 010100 juga di bawah Pentadbiran Parlimen. Tuan Pengerusi, saya rasa saya hendak bawa perkara ini kerana saya perhatikan di Parlimen ini saya rasa Parlimen memerlukan lebih ramai lagi pegawai yang mempunyai kemahiran dalam bidang perundangan untuk membantu kita dalam *research* dengan izin. *Research* dan juga mereka yang khusus dilatih dalam bidang gender supaya kita dapat menguatkan lagi perkara-perkara berhubung dengan gender ini melalui mereka yang kita rekrut dalam bidang perundangan.

Saya mengharapkan agar melalui pertambahan ini adalah pegawai-pegawai tertentu direkrut untuk menjalankan tugas-tugas tersebut. Saya tahu sebab ini sering kali kita perhatikan memang Parlimen agak *short staff* dari segi itu, dengan izin Tuan Pengerusi. Seterusnya ialah Pentadbiran Parlimen. Kita tahu Parlimen ini sedang dalam proses untuk pembinaan bangunan yang baru, *renovation* Tuan Pengerusi.

■1550

Saya rasa kita perlu mengambil peluang ini. Kalau kita pergi ke luar-luar negara kita nampak bangunan Parlimen negara-negara lain di mana keadaan yang mempunyai galeri yang boleh melahirkan satu sejarah, fakta sejarah yang boleh dibawa balik oleh pelawat sama ada dari segi pelawat pelajar ataupun pelawat dalam negeri mahupun dalam negara. Jadi berbaloilah kalau kita berbelanja biarlah kita melakukan sesuatu yang berkualiti tinggi. Oleh itu saya hendak tahu sama ada ini ada dalam perancangan pentadbiran Parlimen supaya kita mempunyai sebuah Parlimen yang melambangkan sebuah Parlimen yang memperingati mereka yang telah menyumbang kepada negara kita melalui proses pentadbiran Parlimen dan juga pemimpin-pemimpin yang telah menyumbang ke arah negara kita.

Seterusnya saya hendak menyentuh kepada Butiran 040500 iaitu Keselamatan Negeri, untuk bantuan dari segi sekiranya berlakunya kebakaran ataupun bencana dalam sesebuah negeri. Ini saya tahu ia melibatkan seluruh negara tetapi khususnya kepada Sarawak dan mungkin juga negeri Sabah kita masih mempunyai banyak rumah yang dibuat dari papan di rumah kampung dan juga rumah-rumah panjang, di mana ianya kalau terbakar sebuah pintu ianya cepat merebak ke rumah-rumah jiran dan seterusnya ke rumah-rumah lain di kawasan berdekatan kerana rumahnya memang rapat dan memang mudah untuk terbakar.

Jadi saya hendak tahu berapa banyakkah peruntukan diperuntukkan untuk negeri Sarawak. Sebab kita hendak tahu, kerana kebelakangan ini terdapat banyak rumah panjang kebakaran dan memerlukan pembinaan semula. Jadi kita mengharapkan agar banyak peruntukan diberi kepada kita di negeri Sarawak dan juga di negeri-negeri yang banyak kawasan luar bandar yang melibatkan keadaan kampung dan rumah seperti mana yang saya nyatakan tadi.

Akhir sekali saya hendak sentuh B.8 iaitu Jabatan Peguam Negara, Butiran 010000 iaitu Perkhidmatan Peguam Negara. Pada akhir-akhir ini kita nampak banyak undang-undang kita saya rasa sudah lapuk dan banyak undang-undang yang perlu dipinda mahupun dibuat baru. Jadi itu memerlukan kakitangan yang berkemahiran dalam undang-undang. Saya percaya kalau Jabatan Peguam Negara ini merekrut lebih ramai mereka dalam bidang ini ianya boleh membantu kita untuk mengemas kini undang-undang kita agar ianya selaras dengan keperluan masa kini.

Ini kerana banyak teknologi baru yang mana ianya tidak *diincorporated*, dengan izin, termasuk dalam perundangan yang sedia ada kerana banyak undang-undang kita yang sudah begitu lama sekali dan tidak mengambil kira masa hadapan yang begitu *advance* Tuan Pengerusi. Jadi saya mengharapkan agar perkara seperti ini diambil kira dan kita ingin tahu, adakah Jabatan Peguam Negara mempunyai perancangan tersebut dan kalau ada berapa orangkah yang ada sekarang ini, yang menjalankan tugas-tugas *drafting*, dengan izin dan berapa ramai lagi yang hendak direkrut untuk membantu bagi mempercepatkan proses *drafting* bagi mengemaskinikan undang-undang kita. Sekian, terima kasih.

Beberapa Ahli: [*Bangun*]

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Ahli-ahli Yang Berhormat saya ingin memberi nota makluman awal bahawa perbahasan ini, kita akan habiskan dalam masa 20 minit. Jadi seorang atau dua sahaja yang boleh kita panggil. Saya hendak bagi untuk yang sekarang ini saya hendak panggil Yang Berhormat Kuantan.

3.55 ptg.

Puan Fuziah Salleh [Kuantan]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin membahaskan di peringkat Jawatankuasa ini dalam Butiran 070300 iaitu di bawah Jabatan Perdana Menteri. Saya ingin bertanya berkenaan dengan peruntukan sebanyak RM7.5 juta untuk PRISMA, satu perisian penyelenggaraan perkakasan ICT sektor awam. Kita lihat baru-baru ini bagaimana *website* agensi-agensi kerajaan telah digodam. Kita juga tahu bahawa *website* ini bukan *website* lama. Sebenarnya ianya baru dibina dan kita juga tahu bahawa di dalam perjanjian membina *website* agensi-agensi kerajaan ini antara syarikat-syarikat yang diberi kontrak ialah SKALI, dan di dalam kontrak tersebut menyebut bahawa *data recovery centre* ini merupakan salah satu daripada syarat di dalam kontrak.

Dengan adanya *data recovery centre*, apabila *website* itu digodam ia *zero down time* maksudnya dia akan *upload* semula *website* itu dalam masa *immediate*. Bukan sehari-hari macam sekarang. Jadi ada sesuatu yang tidak kena di sini kerana dalam kontrak sudah sebut tentang *DRC*, *data recovery centre* dan kenapa kita perlu lagi menggunakan sistem PRISMA. Sistem PRISMA ialah sistem yang lama yang tidak efisien. Kenapa kita perlu menambah bajet untuk *maintain* sistem PRISMA. Sedangkan dalam sistem yang diberikan kepada salah satu syarikat iaitu SKALI telah ada dalam kontrak itu untuk mewujudkan *data recovery centre*. Jadi saya harap kita tidak menghabiskan duit rakyat dengan membuat keputusan yang sebegini. Saya pohon penjelasan daripada Jabatan Perdana Menteri. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Tawau.

Datuk Ismail Kasim [Arau]: Arau atau Tawau.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Tawau. Ya, dekat-dekat sama Yang Berhormat tetapi... [*Ketawa*]

3.57 ptg.

Datuk Chua Soon Bui [Tawau]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya merujuk kepada Maksud B.1 Parlimen, Butiran 010000. Saya ingin tahu apakah kewajaran bagi peruntukan tambahan sebanyak RM11.3 juta bagi kerja *renovation* Dewan Rakyat Parlimen. Apakah skop kerja yang berkenaan dan apakah ianya juga mencakupi kerja penstrukturan dan perhiasan Parlimen serta kerja pemindahan semua alat perkakas termasuk komputer, *PA system*, TV dari Dewan Rakyat sekarang ke tapak baru nanti.

Dalam hubungan ini ingin saya memaklumkan Jabatan Parlimen bahawa kelengkapan komputer berupa desktop yang sedia ada bagi Ahli-ahli Parlimen sekarang tidaklah memuaskan sama sekali dan dari segi kelajuan, kecekapannya dan apakah kelemahan ini akan diatasi nanti. Jika ia bila dan jika tidak kenapa.

Demikian juga bilakah kerja *renovation* ini akan siap dan sedia diguna pakai kemudiannya. Pada masa sama apakah kerja-kerja baik pulih yang dilangsungkan sekarang juga dibiayai melalui peruntukan tambahan RM11.3 juta itu. Jika ia berapakah jumlah yang terbabit dan jika tidak mengapa semua kerja *renovation* sebegini tidak dapat dirancang sekali gus dalam peringkat awal.

Tuan Pengerusi saya merujuk juga kepada Maksud B.6 Jabatan Perdana Menteri, Butiran 040000 - Majlis Keselamatan Negara. Saya bersetuju dengan Yang Berhormat Labuan dan juga Yang Berhormat Tuaran mengenai masalah PTI atau pendatang tanpa izin dan IMM13 di Sabah. Parti kita iaitu parti SAPP telah menghantar memorandum kepada Jabatan Perdana Menteri untuk menubuhkan RCI atau *Royal Commission of Inquiry* tentang penyiasatan kenaikan populasi 390 peratus dalam 40 tahun di Sabah.

■1600

Memandangkan masih ada RM2 juta PTI di Malaysia pada masa kini, ini membuktikan masalah ini masih begitu serius dan rumit dan juga membuktikan banyak langkah-langkah diambil oleh kerajaan belum dapat menunjukkan kesannya. Saya mendesak sekali lagi kepada Jabatan Perdana Menteri, kerana hanya melalui penubuhan RCI masalah PTI akan dijelaskan dan diselesaikan. Dengan itu, sekian terima kasih.

Datuk Ismail Kasim [Arau]: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Arau.

4.01 ptg.

Datuk Ismail Kasim [Arau]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Hanya dua perkara pendek sahaja. Butiran 040000 – Majlis Keselamatan Negara (MKN). Saya pohon supaya ia dibuat semakan semula akibat dua gelombang yang melanda negeri Perlis baru-baru ini, bulan November dan April iaitu bantuan yang melibatkan kerosakan pertanian dan harta benda, kebanyakan rungutan yang dibuat oleh mangsa-mangsa banjir di seluruh negeri Perlis iaitu mereka tidak mendapat kedua-dua yang sepatutnya mereka dapat.

Jadi semakan semula perlu dibuat oleh MKN dalam pastikan bahawa dalam keadaan kesusahan hasil kerosakan harta benda dan pertanian yang berlaku secara berturut-turut selama dua kali. Jadi kita rakyat negeri Perlis yang terlibat dalam banjir sebahagian besarnya menjurus supaya MKN membuat semakan semula untuk bantuan yang diberikan kepada semua mangsa banjir di seluruh negeri Perlis.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Tuan Pengerusi, kedua iaitu berhubung peruntukan RM5 juta bagi membiayai kos operasi dan penyelenggaraan Pulau Sipadan. Kita mengetahui sekarang kedudukan di Pulau Sipadan hasil daripada tuntutan bertindih beberapa negara yang melibatkan negara China, Vietnam, Filipina, dan Malaysia sendiri khasnya Indonesia yang menyebabkan Taiwan yang terakhir yang menghantar kapal-kapal yang besar di kawasan berkenaan. Jadi, peruntukan RM5 juta ini bagi membiayai kos operasi dan penyelenggaraan saya rasa tidaklah begitu besar dengan kedudukan yang begitu panas yang berlaku di perairan berkenaan. Jadi, saya pohon penjelasan daripada pihak kerajaan akan kedudukan terkini. Apakah pendirian negara kita dalam kita menghadapi dan menyelesaikan konflik dan juga tuntutan bertindih yang berlaku di sekitar Pulau Sipadan dan Pulau Ligitan pada masa kini? Sekian, terima kasih Tuan Pengerusi.

Beberapa Ahli: [Bangun]

Tuan Pengerusi: Saya difahamkan seorang lagi selepas ini. *So, to be safe on my side, I go to call the person sitting in front. So, in that case, you Sir...* [Merujuk kepada Yang Berhormat Kuala Krai] Sila dan selepas ini saya mahu Yang Berhormat Menteri menjawab. Ikut senioriti sedikit, ikut konvensyen supaya yang lain tidak sakit hati.

4.03 ptg.

Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli [Kuala Krai]: Untung juga duduk depan sedikit ini, ya. Terima kasih Tuan Pengerusi. Ringkas sahaja. Saya ingin menyentuh dalam bab peruntukan tambahan untuk Jabatan Perdana Menteri B.06 sebanyak RM7.5 juta untuk menampung perkhidmatan sokongan keselamatan ICT. Ia telah disebutkan oleh beberapa orang Ahli Yang Berhormat sebentar tadi mengenai ancaman atau godaman terhadap laman-laman web kerajaan yang berlaku terhadap lebih 200 laman web.

Saya ingin bertanya mengenai bagaimana kaedah pemantauan oleh pihak berkenaan terhadap ancaman-ancaman ini? Sama ada, ada satu badan yang sentiasa memerhati sebarang bentuk ancaman yang cuba untuk masuk ke dalam laman web ini? Adakah pasukan pemantau ini kalau ada, mereka sendiri yang akan membuat suatu usaha menghalang penggodam-penggodam ini daripada berjaya, atau pun kalau ada tanda-tanda ancaman, mereka memaklumkan kepada pengendali laman web untuk ditangani? Jadi itu yang saya mahu tanya sama ada satu pihak sahaja yang mengendalikan atau pihak yang mengendali ini menyerahkan kepada pihak pengendali untuk mengawal?

Saya dimaklumkan ada maklumat-maklumat awal mengenai ancaman penggodam ini dan dimaklumkan kepada pengendali laman web tetapi ada pengendali laman web yang tidak sensitif dari segi kesegeraan untuk mengambil tindakan dengan mengatakan, *"Esoklah kot", "Kita akan cuba tengok"* ataupun *"Saya dalam kenderaan. Mungkin apabila tiba nanti kita akan tangani"*. Jadi, perkara seperti ini kalau diambil sambil lewa, usaha untuk menjaga keselamatan ICT kita dengan perbelanjaan yang begitu banyak tidak akan kesampaian. Jadi saya mohon penjelasan mengenai prosedur itu.

Keduanya, mengenai peruntukan sebanyak RM5 juta untuk Jabatan Perangkaan Malaysia menampung kekurangan peruntukan emolumen kepada kakitangan kontrak bagi Projek Banci Penduduk 2011.

Soalan saya yang pertama, banci ini telah berlalu tetapi saya tidak sedar bahawa rumah saya ada didatangi oleh pihak Jabatan Perangkaan ini untuk membuat banci. Ini kerana banci ini mengikut takrifannya ialah satu kajian ke atas populasi. Ia bukan ke atas sampel, ya. Jadi, ia sepatutnya menyeluruh ke setiap rumah. Ini yang dibuat saya rasa banci 20 tahun yang lalu apabila saya di Kementerian Kesihatan Malaysia di mana kita terlibat sama untuk dilatih dan menggerakkan pasukan banci ini. Jadi, di semua rumah dan semua populasi diambil maklumat. Jadi kali ini saya tidak perasan kawasan saya itu didatangi oleh mereka yang melaksanakan banci ini. Jadi soalannya adakah sekarang ini telah berubah cara atau pun bagaimana?

Keduanya soalan saya, adakah kekurangan peruntukan emolumen ini menyebabkan petugas-petugas kontrak ini tidak dibayar setakat ini? Atau pun telah dilakukan pindahan peruntukan atau pun daripada mana-mana peruntukan untuk dibayar dahulu? Atau pun memang mereka ini sampai hari ini masih menunggu Parlimen meluluskan kah atau bagaimana? Itu soalan saya yang kedua. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Sila Yang Berhormat Menteri.

4.02 ptg.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz]: Tuan Pengerusi, pertamanya izinkan saya untuk mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian di peringkat Jawatankuasa bagi Jabatan Perdana Menteri. Pertama sekali Yang Berhormat Tangga Batu. Beliau minta penjelasan apakah perancangan pada masa hadapan untuk dewan serba guna yang telah diubahsuai selepas ia digunakan sebagai Dewan bagi persidangan Dewan Rakyat dan Dewan Negara yang sementara.

Untuk makluman Yang Berhormat, ia akan dikekalkan untuk dijadikan dewan seminar ataupun dewan persidangan.

Kemudian, Yang Berhormat Tangga Batu juga menyarankan agar kemudahan-kemudahan yang sebelum ini sedia ada contohnya empat buah gelanggang badminton, sauna, bilik persalinan, dan gimnasium dipertimbangkan dalam perancangan pembangunan di dalam kawasan Parlimen, dan beliau juga menyarankan agar satu ruang untuk rawatan pergigian (*dentist*) disediakan di Parlimen dalam perancangan pembangunan pada masa hadapan. Beliau juga menyarankan agar satu ruang rehat yang selesa untuk Ahli-ahli Yang Berhormat diwujudkan. Ada juga cadangan supaya satu ruang mini muzium diwujudkan di Parlimen sebagai salah satu tempat untuk lawatan umum.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, semua perkara ini *insya-Allah* akan dilaksanakan di dalam pembangunan Parlimen akan datang dan ianya dilakukan *insya-Allah* di dalam fasa ketiga. Memorandum Jemaah Menteri untuk fasa ketiga ini daripada JKR setakat ini belum lagi dikemukakan untuk kelulusan Kabinet, tetapi selepas ini saya percaya apa yang disarankan oleh Yang Berhormat Tangga Batu untuk kepentingan Ahli-ahli Parlimen dan orang ramai, *insya-Allah* akan dimasukkan di dalam memorandum ini.

■1610

Yang Berhormat Rasah membangkitkan berkenaan dengan perkara berkaitan dengan SPAD. Jawapan saya di sini ialah Yang Berhormat telah membangkitkan perkara yang tidak tersenarai di dalam agensi yang memohon peruntukan di dalam Perbekalan Tambahan 2011, namun beberapa perkara yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat itu sebenarnya ada perkara yang relevan, yang mesti diambil kira oleh pihak SPAD, maka saya akan maklumkan terutama berkenaan dengan mengarahkan supaya mereka yang mengendalikan ataupun mempunyai permit bagi lori, bas persiaran, bas pelancongan, teksi, kereta sewa, van, berkenaan dengan arahan supaya mereka mendaftar semula setelah LPKP itu dibubarkan, kemudian diletakkan di bawah SPAD, saya beri jaminan itu bukan Ahli Parlimen Padang Rengas tidak menjalankan tugas, dia telah pun menjalankan tugas dengan baik. Jadi cuma mungkin saya rasa iaitu SPAD merupakan suruhanjaya yang baru dan saya kira kurang berpengalaman di dalam soal bidang pengangkutan darat terutamanya macam teksi ini semua dan apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat itu adalah betul...

Tuan Loke Siew Fook [Rasah]: [Bangun]

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Betul pun hendak berdiri juga, nanti sekejap, biar saya habiskan ayat dahulu. Adalah betul, kerana walaupun Yang Berhormat katakan dia tidak mengenakan kos kepada mereka yang mempunyai permit tetapi kos kepada kerajaan itu ada, itu juga merupakan kos. Saya percaya Yang Berhormat sabitkan tadi, cuma apa, puluh ribu? Sebenarnya hampir sejuta Yang Berhormat, permit-permit yang diberikan ini banyak dan saya rasa memang betul ini akan menyulitkan dan menyusahkan mereka untuk mendaftar semula walhal ia boleh digunakan dengan senarai pendaftaran yang lama, tukar sahaja.

Ini saya akan bangkitkan kepada SPAD kerana bimbang juga kalau hendak mendaftar semua mungkin setengah tahun ini tidak ada kerja lain melainkan untuk mendaftarkan mereka sahaja. Keduanya berkenaan dengan untuk memberikan taklimat kepada Ahli-ahli Parlimen, saya selaku Menteri yang bertanggungjawab kepada Parlimen, saya rasa itu adalah satu permintaan yang munasabah dan saya juga akan memaklumkan kepada mereka untuk sekurang-kurangnya memberikan taklimat berkenaan dengan MRT dan juga isu-isu lain yang merupakan isu rakyat biasa yang mana Ahli-ahli Yang Berhormat mewakili mereka.

Tuan Loke Siew Fook [Rasah]: Terima kasih Tuan Pengerusi, memang saya rasa kita yakin kemampuan Yang Berhormat Menteri, tidak ada sesiapa di dalam Dewan ini yang mempersoalkan kemampuan Yang Berhormat Padang Rengas. Akan tetapi LPKP sudah tentu mempunyai *database* tersendiri. Mengapakah SPAD yang mengambil alih tugas dan tanggungjawab daripada LPKP sebelum ini? Mengapakah tidak boleh SPAD mengambil alih keseluruhan pangkalan data ataupun *database* yang ada pada LPKP? Tidakkannya LPKP tidak ada *database*, mengapakah benda yang *simple* seperti ini tidak boleh dilakukan oleh sebuah suruhanjaya yang baru? Ambil alih sahaja dan *integrate* dalam sistem yang baru, yang akan dibina oleh SPAD, itu sahaja.

Seperti mana yang dikatakan oleh Yang Berhormat Menteri tadi, ia akan membuang masa, tenaga manusia dan juga membuang sumber kerajaan yang sekarang ini semakin terhad dan kita perlu optimalkan untuk benda-benda yang lebih berhasil. Saya berharap pihak Menteri mencadangkan kepada Kabinet untuk mengarahkan SPAD membatalkan sahaja *exercise* untuk mendaftarkan semula semua kenderaan perdagangan ini. Terima kasih.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Saya tidak ada apa-apa perbezaan pendapat dengan Ahli Yang Berhormat. Dahulu LPKP ini, kalau di bawah aktanya sememangnya ia mempunyai peruntukan di mana Menteri akhirnya juga bertanggungjawab di atas LPKP. Akan tetapi oleh sebab, SPAD ini merupakan satu suruhanjaya, maka ia bertindak bebas daripada Menteri dan saya cuma hadir di Dewan ini untuk menjawab soalan. Pada peringkat awal saya membaca di dalam akhbar bahawa mereka akan mendaftarkan semula, saya tidak ada hak untuk mengarahkan mereka untuk memfailkan semula ataupun apa yang mereka lakukan, saya tidak boleh halang. Akan tetapi oleh sebab sekarang ini sesuatu perkara telah dibangkitkan di dalam Dewan, maka ini saya akan sampaikan kerana telah dibangkitkan di dalam Dewan dan saya akan sampaikan kepada mereka untuk memberikan penjelasan berkenaan tentang perkara ini. Jadi saya akan maklumkan kepada mereka apa yang telah diminta Ahli Yang Berhormat sebentar tadi.

Berkenaan dengan Yang Berhormat Tuaran, Sungai Petani dan Pasir Mas, bercakap berkenaan dengan laporan *Utusan Malaysia* berkaitan dengan isu "*Kristian sebagai Agama Rasmi*", ia bukan di bawah JPM tetapi isu ini di bawah Kementerian Dalam Negeri dan saya berharap supaya dalam penggulungan jawatankuasa bagi Kementerian Dalam Negeri nanti bolehlah Yang Berhormat bangkitkan semula perkara ini.

Yang Berhormat Pokok Sena dia cukup konsisten, dia membangkitkan berkenaan dengan isu Ketua Pengarah Kerja Raya, Jabatan Kerja Raya, JKR. Seinggakan Yang Berhormat mengatakan ada dua orang ketua pengarah sekarang, jadi beliau ingin tahu apakah jenis jenayah ataupun rasuah yang telah dilakukan sehingga Ketua Pengarah JKR tersebut diarahkan bertukar. Saya tidak silap semalam perkara ini telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat sebagai soalan walaupun soalan tersebut yang ke 46. Jadi jawapan bertulis telah pun diberikan dan saya tidak berhajat untuk membaca jawapan itu, itulah merupakan jawapan dan saya tidak ada jawapan yang lain.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Terima kasih Tuan Pengerusi, memang jawapan tersebut diberikan kepada saya, tetapi jawapan ini bagi saya seperti ada sesuatu yang tidak kena bagi saya. Alasannya kerana kerajaan mengatakan bahawa pelantikan ini berlandaskan kepada kepakaran dan pengalaman Yang Dato' Sri Prof. Ir. Dr. Judin bin Abd. Karim, ini kepakaran dan pengalaman. Jadi tidakkanlah pengalaman yang besar itu terturun kepada CIDB yang kecil, yang duduk di bawah institusi JKR itu yang paling tinggi.

Jadi sepatutnya dia duduk di atas dan memantau keseluruhan institusi yang kecil dan berada di bawah kementerian, barulah kepakaran itu boleh dimanfaatkan kepada keseluruhan kementerian. Ini kita tukar, kita perturunkan dia daripada dia memantau CIDB kepada orang lain akan memantau dia, orang yang tidak cerdik boleh pantau dia, umpamanya begitu. Maaflah saya bukan bermaksud bahawa Datuk Mohd Noor ini tidak cerdik, seolah-olah apabila kita mengakui kepakarannya, kita bawa kepada CIDB kemudian kita melantik orang yang tidak berapa pakar untuk memantau kerja yang dibuatnya. Jadi saya kata ada benda yang tidak kena seperti yang saya katakan tadi bahawa jawatan di CIDB itu hanya bertaraf Jusa, sedangkan dia Turus III dan ketua pengarah yang baru iaitu Datuk Mohd Noor Mat Noor ini dia berpangkat Turus III.

Jadi saya mengatakan bahawa ada sesuatu yang tidak kena di dalam pentadbiran dan alasan yang diberikan seperti kerajaan cuba hendak menutup sesuatu apa sebenarnya yang berlaku. Apakah kerana dia ini bukan seorang yang jenis *yes man* kepada Menteri yang menjaganya ataupun apa? Jadi saya minta satu penjelasan yang tulus dan telus, bukan sekadar telus hanya hendak memberitahu ini jawapan telus kerajaan beritahu tetapi tulus itu tidak ada, tulus itu mesti datang daripada hati. Sebab saya kata tidak kena, dia pakar, dia pergi jaga apa yang dia selalu jaga dahulu. Kemudian nanti orang lain suruh jaga dia, suruh tengok orang yang pakar ini buat kerja betul kah tidak betul. Minta penjelasan.

■1620

Tuan Saifuddin Nasution Ismail [Machang]: Yang Berhormat Menteri boleh satu ayat sahaja. Pencelahan saya satu ayat. Penjelasan ini penting sebab difahamkan Ketua Setiausaha Negara hantar surat hari Jumaat untuk *remove* dia dan berkuat kuasa hari Sabtu penyerahan tugas pun tidak sempurna dilakukan, nampak macam tergesa-gesa. Tidak nampak macam hendak mengiktiraf kepakaran dia seperti mana jawapan rasmi diberikan. Pohon penjelasan.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Tuan Pengerusi, kalau Yang Berhormat sebut tentang kepakaran. Kepakaran ini merupakan pengkhususan. Jadi, kalau dia duduk sebagai ketua pengarah, dia umum dan tidak ada khusus. Jadi, bila letak di CIDB dia khusus kepada CIDB.

Jadi, ia tidak ada langsung soal penurunan jawatan kerana dalam JPA ini yang penting itu ialah JUSA 'C', Turus III itu yang penting bukan jawatan-jawatan yang lain. Kalau dia daripada Turus III, dia diturunkan ada kes yang diturunkan kepada JUSA 'B' kah, itu penurunan jawatan. Akan tetapi kalau tukar, rasionalisasi baru tentang pentingnya CIDB itu maka ia ditukar kerana kepakarannya khusus untuk jaga CIDB. Kalau dia ketua pengarah dia umum. Bukan CIDB, bukan *highway* kah apa kah, dia umum sahaja. Akan tetapi, saya hendak sebut dalam Jabatan Perkhidmatan Awam ini, kenaikan ataupun penurunan berdasarkan kepada gred kita, itu boleh dianggap sebagai penurunan. Kalau katakanlah *last* sekali dia JUSA 'A', maka dia pergi ke JUSA 'B', itu penurunanlah. Sila.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Terima kasih. Saya tidaklah bermaksud mengatakan dia itu turun pangkat, pangkat dia tidak turun dan dia tetap Turus III. Akan tetapi, jawatan yang diberi kepadanya jawatan itu hakikinya ialah hanya bertaraf JUSA. Ia bukan bertaraf Turus III, ia hanya bertaraf JUSA. Jadi, apa perlu kita letak orang yang taraf Turus III. Itu yang pertama. Keduanya, kepakaran. Saya sudah katakan tadi bahawa kepakaran itu umum disebut ini kepakaran dan pengalaman. Jadi, kepakaran dan pengalaman itu sepatutnya dimanfaatkan oleh keseluruhan. Ia bukan hanya hendak dikhususkan untuk sesuatu.

Oleh sebab saya telah sebut di perbincangan di peringkat dasar, ia telah berjaya mewujudkan berbagai-bagai *committee* yang membabitkan pegawai-pegawai kanan di peringkat Kementerian Kerja Raya yang satu ketika dahulu tidak ada dan ini satu perkara yang baiklah. Maknanya, selalu ada *meeting*, ada mesyuarat untuk buat pemantauan terhadap pelaksanaan tugas dan sebagainya.

Jadi, saya katakan sebagaimana yang disebut oleh rakan saya daripada Machang tadi bahawa hari ini keluar surat, makna esok berkuat kuasa. Maknanya ada sesuatu yang tidak kenalah sehingga menyebabkan keadaan tidaklah stabil di peringkat Kementerian Kerja Raya. Sedangkan Kementerian Kerja Raya hendak fokus kepada pembangunan Rancangan Malaysia Kesepuluh sehingga akhirnya kita tengok bangunan kita dibuat di belakang pun harga tidak menentu. Jadi, yang ini hendak kena ambil tahulah. Yang Berhormat cakap betul-betullah, jangan hendak selindung... [Ketawa]

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Saya tidak selindung, saya bukan tahu apa pun sebab JKR bukan di bawah saya. Kalau dalam Parlimen saya tahulah. Akan tetapi, sebenarnya itulah kepakaran maksudnya pengkhususanlah. Jadi, kalau dia diperlukan di CIDB untuk membangunkan – selama ini mungkin CIDB ini Yang Berhormat kena ingat tiap-tiap projek orang dapatkah apa, dia akan beri bantuan kepada CIDB. Jadi duitnya banyak. Jadi, mungkin dari segi program yang dilaksanakan tidak setimpal dengan duit yang diterima tidak setimpal dengan apa yang CIDB lakukan selama ini mungkin tidak mendapat pengkhususan. Jadi, mungkin kerana itu dia kerana kepakarannya dia diberikan tanggungjawab untuk *develop* CIDB supaya dapat menjadi institusi yang memainkan peranan seperti mana yang diharapkan. Itu dia, okey?

Mana Yang Berhormat Machang, tidak mengapalah Yang Berhormat Machang bersembang dengan Ketua Pembangkang, tidak mengapalah. Saya akan tanya soalan Yang Berhormat Machang iaitu hari Jumaat dihantar surat hari Sabtu. Jadi, saya tidak ada jawapan di sini saya akan minta KSN memberikan jawapan, ya. Kemudian Yang Berhormat Pokok Sena...

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Jadi, sekarang ini saya difahamkan bahawa Datuk Seri Ir. Dr. Judin ini tidak menerima tawaran tersebut dan walaupun Ketua Setiausaha Negara telah membuat surat perubahan pelantikan baru itu tetapi dia tidak menerima tawaran tersebut.

Saya difahamkan mengatakan bahawa JPA sendiri pun tidak tahu menahu tentang perubahan ini. Jadi, apa masalahnya sebenarnya? Ini yang saya hendak dapatkan penjelasan apa masalah sehingga JPA sendiri tidak tahu dan akhirnya tidak boleh hendak selesai masalahnya. Dia masih duduk di biliknya sebagai bilik ketua pengarah. Datuk Md. Nor Ketua Pengarah baru duduk di biliknya sebagai bilik timbalan ketua pengarah yang lama. Jadi, saya katakan macam saya katakan tadi kedua-dua ini orang baik belaka dan kita hendak pegawai-pegawai yang perkhidmatannya yang baik.

Apa yang sepatutnya saya katakan kepada Ketua Setiausaha Negara patut kena *settle* perkara itu secara baiklah. Akan tetapi, nampaknya Ketua Setiausaha Negara sendiri pun gagal tetapi dia disambung lagi. Persoalannya mengapa pula disambung Ketua Setiausaha Negara, dia yang keluar surat sudah itu sekarang benda itu tidak *settle*. Dia disambung setahun ke atau dua tahun ke sebagai Ketua Setiausaha Negara? Jadi ini yang saya katakan bahawa mengapa keadaan ini berlaku kalau Yang Berhormat kata kerana kepakaran dan sebagainya? Okey. Sekarang mengapa tidak selesai? Dia kata dia tidak terima kemudian JPA kata tidak tahu apa-apa. Apa sebenarnya yang berlaku ini?

Ini yang saya katakan bahawa ada sesuatu yang tersembunyi yang tidak kena dalam perubahan perjawatan ini. Saya mungkin saya katakan bahawa kalau ia dirunding secara betul-betul pada awalnya mungkin boleh tetapi ini menunjukkan bahawa ada satu benda yang tidak kena yang dibuat di luar pengetahuannya ataupun dibuat sesuatu yang menyebabkan ini soal maruah, soal moral. Kerajaan bolehlah berlindung di sebalik katakana kerana kepakaran hendak puji dia hendak *jack* dia dan sebagainya. Akan tetapi, hakikatnya saya percaya orang-orang JKR tahu apa yang sebenarnya berlaku.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Saya bukan Menteri JKR Yang Berhormat. Jadi, saya punya jawapan berdasarkan apa yang telah disebut dalam jawapan bertulis saya semalam. Akan tetapi, kalau Yang Berhormat ada tahu sesuatu yang saya tidak tahu, jadi bolehlah saya ingat macam Yang Berhormat Machang tadi, saya pergi balik kepada KSN saya beritahu kepada dia, bagilah jawapan yang betul seperti Yang Berhormat sebut.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Baik, saya minta beri balik kepada KSN. Pertama mengapa surat pelantikan dibuat kemudian tidak berlaku perubahan.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Itu Yang Berhormat Machang punya, janganlah ambil.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Tidak, surat pelantikan tadi saya sebut tadi daripada awal.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Tidak mengapalah, bagi muka pada Yang Berhormat Machang.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Kemudian dia tidak berlaku penyelesaian, maknanya dia disambung saya hendak tahu pasal apa.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Tidak mengapalah, Yang Berhormat Machang dia punya. Yang Berhormat, Yang Berhormat punya.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Jadi Yang Berhormat, kadang-kadang kononnya tidak tahu apa-apa bukan Menteri JKR, buat bangunan Parlimen Yang Berhormat Menteri Parlimen pun tidak tahu.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Memang tidak tahu. Memang betul saya tidak tahu.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Apa tepuk sahaja Yang Berhormat Menteri Parlimen sampai orang buat bangunan pun tidak tahu.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Memang betul, saya tidak tahu. Benda tidak tahu cakap tidak tahu.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Lemahlah... [Ketawa]

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Tidak mengapa. Lemah pun sudah 12 tahun Menteri lah... [Ketawa] Okey, saya akan maklumkan iaitu jawapan bertulis yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat semalam tidak memuaskan dan saya akan tanya kepada dia. Saya harap pegawai ambil maklum perkara ini, ya. Yang Berhormat mencadangkan agar Jawatankuasa untuk memantau pelaksanaan projek Parlimen. Jawatankuasa Dewan sedia ada telah dimaklumkan mengenai perkembangan projek ini dan untuk makluman Jawatankuasa Dewan ini telah diberi penerangan oleh pihak JKR pada 5 April 2011 berhubung pelaksanaan projek tersebut.

■1630

Saya rasa cadangan Yang Berhormat ini adalah cadangan yang baik. Sebagai Parlimen, di mana kita merupakan satu daripada cabang kerajaan yang bebas daripada masing-masing, kita ada tiga cabang iaitu eksekutif, legislatif dan juga kehakiman. Saya rasa apa juga perkara yang ada kaitan dengan Parlimen ini mesti diberi maklum. Kalau tidak sekali pun kepada kita, mesti kepada *House Committee* dan saya percaya Tuan Pengerusi setuju iaitu kita mesti dimaklumkan tentang perkembangan dan apa juga keputusan yang dibuat berkenaan dengan Parlimen ini kerana saya merasakan kita adalah bebas daripada – kita merupakan tiga cabang, satu, dua, tiga yang bebas antara satu sama lain. Apa juga keputusan yang dibuat oleh kita, apa juga keputusan yang hendak dilakukan berkaitan dengan Parlimen mesti dimaklumkan kepada kita...

Tuan Salahuddin Haji Ayub [Kubang Kerian]: [Bangun]

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Sudah setuju, okey lah itu.

Tuan Salahuddin Haji Ayub [Kubang Kerian]: Masa tidak cukup tadi.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Okey. Naib Presiden ya... [Ketawa]

Tuan Salahuddin Haji Ayub [Kubang Kerian]: Tuan Pengerusi, tidak sempat, masa begitu pendek tadi di peringkat jawatankuasa. Yang Berhormat Menteri sebut tadi tentang apa-apa yang berlaku dalam Dewan ini harus di bincang dengan sebaik mungkin dengan Tuan Pengerusi dan juga dengan berkaitan dengan Parlimen. Satu jawatankuasa telah ditubuhkan bagi kajian perundangan Parlimen di bawah Speaker sendiri dan dipengerusikan oleh Timbalan Speaker untuk mengkaji apa yang dikatakan Akta Ahli Parlimen (Saraan), yang dulunya saya difahamkan dalam jawatankuasa itu pada zaman Yang Berhormat Tun Zahir, jawapan Menteri semasa menggulung perbahasan itu adalah macam dipinjamkan, diambil sementara dan sampai masa akan diberikan kembali.

Jawatankuasa ini telah menjalankan tanggungjawabnya dan saya pun salah seorang daripada anggotanya. Akan tetapi apakah boleh diterima satu pandangan, ia hanya bertaraf jawatankuasa, kenapa tidak di *upgrade* menjadi satu *Select Committee* yang punya kuasa dan *locus standi* untuk panggil pegawai, boleh mengadakan mesyuarat yang standard *Select Committee*. Tidak cukup dengan kekuatannya sebagai jawatankuasa sahaja kerana ia membincangkan tentang hak dan kebebasan Dewan, *bottom-line* nya adalah mengembalikan Akta Ahli Parlimen (Saraan) kepada Parlimen untuk di lihat lebih *independent* pada masa akan datang. Adakah Yang Berhormat Menteri setuju tentang cadangan itu dan kalau boleh apa pun cadangan untuk kebaikan Parlimen ini. Terima kasih.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Sekejap, takut pergi jauh.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Nanti dulu, saya teringat apa yang dia cakap dulu, saya jawab dan kemudian saya beri Yang Berhormat ya. Yang Berhormat, apa juga keputusan yang dibuat untuk Ahli-ahli Parlimen, saya kira sekadar jawatankuasa sudah cukup kerana kalau kita buat *Select Committee*, kita perlu memanggil *members of public* untuk minta pandangan. Ini hendak naik gaji, elaun Ahli Parlimen ini macam mana? Saya ingat tidak perlu sebab kita bebas. Bila kita bebas, kalau hendak bincang tentang kita punya *privileges* atau apa, jawatankuasa kita sudah cukup dan tidak perlu *Select Committee*. Itu pandangan saya.

Apa perlu kita – kita kan bebas dan kita ini *independent*. Kita bukan hendak menyiasat satu perkara yang melibatkan kata macam undang-undang yang merupakan kepentingan orang ramai, itu adalah lain. Itu ialah *Select Committee* boleh tetapi saya kata kita berkemampuan dan berkeupayaan untuk membincang sesama kita tentang elaun kita dan kita pun tahu, kalau kita minta lebih-lebih pun rakyat tidak setuju.

Saya rasa kita bertanggungjawab untuk membuat satu keputusan yang sebenarnya tidak melampau tetapi munasabah untuk Ahli Parlimen. Oleh sebab itu saya rasa dalam hal ini kita punya *privileges* atau apa pun, jawatankuasa kita sudah cukup, kita putuskan.

Kemudian kalau di setengah-setengah negaralah, jawatan saya pegang ini ialah *Minister for Relations with Parliament* untuk berurusan dan berhubungan dengan Parlimen. Apa juga keputusan yang dibuat oleh jawatankuasa atau *House Committee* kita, maka kalau ia tidak disampaikan kepada saya, saya tidak berkeupayaan untuk membawa sendiri keputusan. Bukan hak saya, saya akan terima laporan jawatankuasa berkenaan dengan mengkaji semula elau kita dan *privileges* kita. Apabila sudah serah kepada saya, kerja saya sampaikan kepada eksekutif untuk membuat keputusan. Jadi, sebab itu kalau sudah pun siap laporan yang dibuat oleh jawatankuasa itu, saya minta sampaikan kepada saya supaya saya akan sampaikan kepada urus setia di Jemaah Menteri untuk kita membuat keputusan terakhir. Tuan Yang di-Pertua... Oh! Ya, sila.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Tuan Pengerusi bukan Tuan Yang di-Pertua, itulah terlalu lama jadi Menteri pun, tidak tahu Tuan Yang di-Pertua atau Tuan Pengerusi. Itulah terlalu lama sampai lupa... [Ketawa]

Baik Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Tadi, Yang Berhormat kata bersetuju bahawa kita seharusnya dimaklumkan untuk sebarang program pembangunan. Saya bersetuju, kita mesti letakkan bahawa bukan sekadar dimaklumkan tetapi suara kita itu perlu menentukan. Ini adalah sebab suara menentukan untuk buat apa yang di belakang itu, hendak pakai... atau AP55. Saya percaya Yang Berhormat Menteri pun mengatakan tidak wajar untuk pakai AP55, bukan dalam keadaan darurat, jadi tidak boleh.

Jadi, sebab itu bila suara kita ada, maknanya suara itu bukan suara Yang Berhormat yang menjaga Parlimen tetapi suara komiti. Kita mesti ada suara komiti yang boleh menentukan apa bentuk dan sebagainya dan sampai kepada peringkat walaupun tidak dinafikan kepakaran teknikal itu ada kepada JKR tetapi dalam hendak menentukan pemilihan, cara pemilihan tender atau tidak dan sebagainya mesti jawatankuasa ini menentukan. Kalau jawatankuasa ini kata tender, mesti tender. Itu jawatankuasa ini dan bukan sekadar dimaklumkan. Sudah buat keputusan baru dimaklumkan kepada kita.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Terima kasih Yang Berhormat. Betullah saya sekali sekala Tuan Yang di-Pertua, sekali sekala Tuan Pengerusi sebab saya lama. Akan tetapi yang jenis sekejap masuk, sekejap keluar dia masih ingat, kalau Tuan Pengerusi tetap Tuan Pengerusilah... [Ketawa]

Tuan Pengerusi saya bersetuju dengan apa Yang Berhormat sebut sebentar tadi dan saya akan sampaikan kepada Jemaah Menteri bahawa ini adalah merupakan pandangan daripada Ahli Parlimen bukan sahaja sana tetapi saya percaya di sini pun, *both divide* merasakan bahawa kita adalah Ahli Parlimen. Saya percaya juga Tuan Pengerusi pun tidak puas hati kalau hanya sekadar di maklum sebab beliau merupakan ketua di Dewan Rakyat dan mesti dirunding bukan sahaja maklum. Kita runding dan kalau kita bersetuju, okey sebab akhirnya ketelusan di dalam Dewan yang tertinggi mesti dilaksanakan. Saya akan sampaikan.

Yang Berhormat Arau tanya apakah tindakan kerajaan untuk menyelesaikan isu tuntutan bertindih di Pulau Sipadan dan Pulau Ligitan. Proses rundingan persempadanan maritim di kawasan perairan Pulau Sipadan dan Pulau Ligitan di Laut Sulawesi sedang dilaksanakan dengan Indonesia. Proses rundingan ini melibatkan aspek teknikal dan diplomasi yang memakan masa yang agak lama untuk diselesaikan. Jadi, Pulau Sipadan dan Pulau Ligitan kita punya sudah, cuma perairan maritim ini ia bertindih kerana setiap pulau itu dia ada dia punya – daripada situ kawasan zon EEZ, ia sudah tentu akan bertindih dan sudah tentu dia akan memakan masa untuk diselesaikan. Sudah tentu apa yang dimahukan oleh kita tidak dimahukan oleh pihak Indonesia dan apa yang dituntut oleh Indonesia tidak semestinya kita terima. Jadi, sudah tentulah ia akan memakan masa sedikit.

Kemudian, Yang Berhormat Batang Sadong bertanya berapa banyakkah peruntukan bencana kebakaran yang diperuntukkan di negeri Sarawak. Untuk pengetahuan Yang Berhormat, bantuan bencana hanyalah disalurkan apabila sesuatu bencana berlaku. Bantuan yang diberikan adalah RM500 untuk setiap keluarga.

Jadi, jumlah besarnya berkenaan dengan kebakaran yang berlaku di negeri Sarawak, kita akan beritahu lah cuma yang saya telah pasti kita akan beri apabila bencana itu berlaku dan kaedahnya ialah RM500 untuk setiap keluarga.

■1640

Yang Berhormat Batang Sadong juga minta supaya Parlimen perlu lebih ramai pegawai dalam bidang perundangan dan fokus berkaitan gender. Untuk makluman Yang Berhormat, perbelanjaan tambahan yang dibincangkan ini adalah mengenai penyelenggaraan bangunan Parlimen dan bukan berkaitan sumber manusia. Akan tetapi walau bagaimanapun, apa yang dibangkitkan itu kita akan ambil perhatian mengenai perkara ini. Bangunan baru perlu ada galeri. Ini telah saya jawab sebentar tadi.

Kemudian, Yang Berhormat Lipis, sejauh mana keberkesanan pelaksanaan GIRN ini. Adakah lebih banyak agensi yang akan terlibat dengan GIRN pada masa akan datang? Keberkesanan GERN jelas terbukti apabila ia menjadi medium komunikasi utama intra agensi dalam operasi keselamatan dengan peningkatan penggunaan GIRN daripada tujuh agensi kepada 13 agensi. GIRN tidak memberikan kesan kepada Telco lain kerana ia menggunakan gelombang yang berasingan daripada Telco sedia ada.

Jadi Tuan Pengerusi, itu sahaja jawapan yang saya ada. Jadi...

Tuan Jeff Ooi Chuan Aun [Jelutong]: Yang Berhormat Menteri.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Ya.

Puan Teo Nie Ching [Serdang]: Minta penjelasan.

Tuan Jeff Ooi Chuan Aun [Jelutong]: Yang Berhormat Jelutong dahulu, mungkin. Tuan Pengerusi, soalan saya rasanya tidak terjawab sebab saya minta itu, hendak tahu sangat. Kalau pada tahun 2008, apabila Menteri yang sama menjawab dalam Dewan Rakyat ini kepada Yang Berhormat Seputeh yang mengatakan anggaran pelaburan dan perbelanjaan untuk projek GIRN sebanyak RM2.7 bilion. Sekarang minta pula RM35 juta. Kita hendak tahu sangat, apakah kegunaan RM30 juta yang termasuk dalam rang undang-undang yang kita sebut sekarang.

Kedua pula, saya juga minta tahu bahawa terdapat bantahan daripada pihak PDRM kerana sebelum ini mereka menggunakan satu teknologi dan rangkaian yang berteraskan APCO-25. Adakah APCO-25 masih berjalan selari dengan GIRN yang itu boleh dianggap sebagai satu pembaziran sebab tujuan utama GIRN ialah untuk menyatupadukan semua sistem dan rangkaian komunikasi antara agensi-agensi kerajaan terutama sekali agensi yang memainkan peranan *mission critical*. Jadi, kedua-dua soalan itu nampaknya belum terjawab dan saya minta penjelasan Yang Berhormat Menteri.

Puan Teo Nie Ching [Serdang]: Saya hendak tambah sedikit, boleh Yang Berhormat Menteri?

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Tuan Pengerusi, kalau Yang Berhormat izinkan saya habiskan ayat saya, Yang Berhormat fahamlah mengapa soalan Yang Berhormat tidak dijawab. Saya hendak sebut iaitu saya menjawab di sini berdasarkan pada jawapan yang telah diberikan oleh pegawai-pegawai Jabatan Perdana Menteri. Kalau sekiranya ia tidak dijawab, saya akan berikan jawapan secara bertulis. Ini kerana apa Yang Berhormat tanya itu merupakan soalan yang memerlukan jawapan yang tepat, yang tidak mungkin di sini, secara tiba-tiba kita boleh menjawabnya sebab kita perlu balik, lihat semula apa ucapan saya. Kalau RM35 juta ini diminta sekarang, Yang Berhormat bertanya saya, saya pun tidak tahu. Jadi, biarlah kita balik ke...

Tuan Jeff Ooi Chuan Aun [Jelutong]: [Bangun]

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Dan saya kata kalau saya beri jawapan bertulis, saya beri jawapan bertulis.

Tuan Jeff Ooi Chuan Aun [Jelutong]: Jadi, saya anggap itu sebagai satu janji Yang Berhormat Menteri akan minta penjelasan yang selengkap-lengkapnya untuk...

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Bila yang saya mungkir janjinya? Yang Berhormat ini... [Disampuk]

Tuan Jeff Ooi Chuan Aun [Jelutong]: Dianggapkanlah.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Baru satu penggal di sini, ya?

Tuan Jeff Ooi Chuan Aun [Jelutong]: Ini kerana saya rasa soalan saya tidak terjawab dan saya rasa Yang Berhormat Menteri pun begitu bertanggungjawab sehingga hendak sampaikan kepada pihak yang berkenaan.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Bukan tidak berjawab, tidak dijawab sekarang. Kalau tidak terjawab maknanya sampai bila-bila pun saya tidak jawab. Maknanya tidak dijawab. Saya akan jawablah. Saya akan dapatkan daripada pegawai saya, mereka mencatat.

Tuan Jeff Ooi Chuan Aun [Jelutong]: Ini kerana saya rasa soalan pokok itu ialah bagaimana kesemua RM35 juta itu akan digunakan.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Tahu. Tahu. Kita perlu senaraikanlah dan saya pun tidak tahu apa yang dalam senarai itu. Jadi, kalau saya jawab ini menipulah. Jadi, Tuan Pengerusi itulah...

Puan Teo Nie Ching [Serdang]: Satu lagi. Satu lagi Yang Berhormat Menteri.

Tuan Er Teck Hwa [Bakri]: Soalan pendek.

Puan Teo Nie Ching [Serdang]: Satu lagi. Yang Berhormat Menteri, pendek sahaja. Saya hendak bertanya tentang iaitu tentang...

Tuan Pengerusi: Silakan.

Puan Teo Nie Ching [Serdang]: Suruhanjaya siasatan kematian Teoh Beng Hock. Sama ada itu laporan suruhanjaya akan didedahkan kepada awam?

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat.

Puan Fuziah Salleh [Kuantan]: [Bangun]

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat.

Puan Teo Nie Ching [Serdang]: Satu ayat sahaja.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Menteri sudah duduk. Sama ada Menteri mahu menjawab atau tidak, saya tidak boleh mengarahkan Menteri.

Puan Fuziah Salleh [Kuantan]: Tuan Pengerusi, saya punya soalan pun tidak dijawab.

Tuan Pengerusi: Saya tahu Ahli-ahli Yang Berhormat. Saya tahu.

Puan Teo Nie Ching [Serdang]: [Disampuk] Ini kerana saya tidak ada kesempatan untuk ucap ini dalam perbahasan itu. Jadi, saya hendak minta satu jawapan sahaja sama ada laporan suruhanjaya siasatan kematian Teoh Beng Hock akan didedahkan kepada awam? Itu sahaja. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Silakan.

4.45 ptg.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon]: Tuan Pengerusi, saya ucapkan terima kasih kepada tiga orang Ahli Yang Berhormat iaitu dari Lipis, Kuantan dan Kuala Krai yang telah mengambil berat dan membangkitkan isu-isu mengenai penggodaman laman-laman web kerajaan baru-baru ini. Bersangkut paut dengan peruntukan tambahan yang diminta bagi MAMPU ataupun Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan di bawah teknologi maklumat dan kerajaan elektronik.

Izinkan saya memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini bahawa serangan menggodam beberapa laman web kerajaan Malaysia adalah lanjutan daripada serangan yang dilakukan ke atas negara Turki pada 9 Jun dan *Spain* pada 11 Jun. Selanjutnya pada 14 Jun, satu amaran oleh bakal penggodam atau *hacker* telah dipamerkan dalam Youtube terhadap negara Malaysia. Oleh itu, sebuah pasukan petugas khas atau *special taskforce* telah ditubuhkan pada hari itu juga iaitu 14 Jun untuk memantau keadaan.

Sememangnya pada 16 Jun telah berlaku serangan menggodam 15 laman web kerajaan dan diikuti oleh lima lagi laman web pada 17 Jun. Pada 18 Jun tidak ada serangan. Maka, pada 19 Jun dan 20 Jun masing-masing hanya satu serangan.

Ini menunjukkan bahawa pasukan petugas yang ditubuhkan itu memang berkesan untuk memulihkan semula laman-laman web ini dengan cepatnya dalam masa tiga jam secara purata. Serangan yang dibuat itu merupakan cara untuk melakukan lebih daripada sejuta *hits* berturut-turut dan dengan itu, menjadikan *jammed* kepada laman web. Akan tetapi, sistem kita memang berkesan, bukan sahaja untuk memantau tetapi untuk memulihkan dengan cepatnya. Oleh itu, nampaknya dalam dua hari atau tiga hari ini, serangan ini telah pun reda dan kita masih terus memantau.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, pasukan yang ditubuhkan oleh Majlis Keselamatan Negara ini adalah terdiri daripada MAMPU, Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia (SKMM) dan juga *Cyber Security* di bawah MOSTI bersama dengan MINDEF.

■1650

Saya ingin mengambil kesempatan di sini untuk mengucapkan tahniah kepada para pegawai dari agensi-agensi ini yang dapat mengendalikan ancaman ini dengan berkesannya dan untuk menjamin supaya laman-laman web kita terus selamat. Untuk makluman Yang Berhormat, permohonan yang diminta – peruntukan yang dipohon dalam belanjawan tambahan, sebanyak RM7.5 juta adalah untuk tujuan terus menyelenggarakan dan mengoperasikan serta memantau keselamatan sistem Prisma yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat Kuantan.

Sistem Prisma ialah perkhidmatan pemantauan rangkaian ICT sektor awam Malaysia yang dilaksanakan mulai tahun 2000. Sekarang masih terus berfungsi. Sememangnya terdapat teknologi-teknologi yang lebih baru dan canggih tetapi MAMPU sedang mengkaji kemungkinan untuk menaik taraf dan juga beralih kepada sistem teknologi yang lebih baru dan canggih itu.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: [Bangun]

Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon: Walau bagaimanapun kita haruslah mengambil kira kos untuk membuat demikian. Itulah jawapan saya kepada Yang Berhormat dari Kuantan. Ya, nanti saya dengan Yang Berhormat Kuantan dululah.

Puan Fuziah Salleh [Kuantan]: Terima kasih Tuan Pengerusi dan terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya difahamkan bahawa salah satu daripada syarikat yang mendapat kontrak daripada MAMPU ialah syarikat SKALI. Saya juga difahamkan bahawa RM260 juta telah dibelanjakan untuk membina *software* dan membina *website* ini. Saya juga maklum bahawa di dalam keadaan ada *data recovery center*, *down time* dia ialah *almost zero*. Jadi, di sini Yang Berhormat menteri boleh tidak jelaskan kenapa dalam keadaan sekarang ini kita memerlukan masa berhari-hari untuk menyelesaikan, sedangkan kalau betul-betul mereka mengikut kontrak, mereka seharusnya boleh selesaikan dengan *zero down time* dengan menggunakan *data recovery centre*. Terima kasih .

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Sekali ya, sekali, sekali. Tadi Yang Berhormat dalam penjelasan Yang Berhormat berkaitan dengan laman web kita yang digodam ini. Yang Berhormat sebut tadi bahawa ada kaitan dengan apa yang berlaku di luar negara, di Turki membabitkan penggodam-penggodam di sana. Akan tetapi yang saya hairan, wakil Jelevu, Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan kata, ini dilakukan oleh mereka yang terlibat dengan BERSIH.

Seorang Ahli: Version.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Jadi, saya tidak tahu mana *version* ini, maknanya saya percayalah Yang Berhormat sudah tentu Yang Berhormat buat kenyataan tadi itu, penjelasan Yang Berhormat itu bukan berasaskan emosi. Akan tetapi berasaskan kepada fakta. Akan tetapi Yang Berhormat Jelevu dia buat. Jadi, saya minta Yang Berhormat seharusnya menasihati Yang Berhormat Jelevu supaya tidak mengeluarkan kenyataan-kenyataan yang tidak sewajarnya untuk membuat tuduhan-tuduhan kononnya ada penglibatan daripada kumpulan yang hendak menganjurkan perhimpunan Bersih dan sebagainya.

Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon: Tuan Pengerusi, mengenai apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Kuantan tadi, angka yang diberi itu saya perlu untuk menyemak sama ada sebenarnya berjumlah RM260 juta tetapi mungkin itu termasuk juga kos penyelenggaraan selama 11 tahun kebelakangan ini.

Walau bagaimanapun, *down time, zero down time* itu memang sesuatu yang menjadi sasaran atau *target* untuk mana juga perkhidmatan yang diberi. Akan tetapi sekiranya berlaku serangan yang besar, maka proses pemulihan itu mungkin mengambil masa. Akan tetapi saya mengatakan bahawa pada puratanya adalah di lingkungan tiga jam. Ada yang lebih cepat daripada itu. Akan tetapi ada yang mengambil masa yang lebih panjang kerana ada faktor-faktor yang tertentu yang menyebabkannya, bukanlah dari segi teknologi.

Oleh itu MAMPU dan juga Majlis Keselamatan Negara sentiasa memantau dan mengkaji sebarang serangan dan juga apakah bentuk dan keberkesanan tindak balas kita terhadap serangan ini. Mengenai apa yang dibangkitkan tadi, memang saya tidak bermaksud bahawa ada kaitan secara langsung. Akan tetapi saya kata ini memang sudah berlaku di Turki dan Spain. Sama ada, ada kaitan atau tidak, kita memerlukan siasatan. Akan tetapi berkemungkinan ada juga punca-punca dalam negeri yang mungkin mengakibatkan apa yang berlaku. Terima kasih. Itulah jawapan saya.

Tuan Pengerusi: Sila.

4.56 ptg.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim]: Tuan Pengerusi, terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan Perbekalan Tambahan 2011 di peringkat Jawatankuasa yang menyentuh isu yang berkaitan dengan tanggungjawab JAKIM dan juga lain-lain agensi iaitu MAWIP dan Lembaga Tabung Haji walaupun tidak termasuk dalam Perbekalan Tambahan ini, Tuan Pengerusi. Sesungguhnya Jabatan Perdana Menteri menghargai pandangan dan cadangan serta saranan Ahli-ahli Yang Berhormat itu.

Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Machang membangkitkan isu saman Yang Berhormat Permatang Pauh kepada Yang Berhormat Menteri JPM dan Pengarah JAWI di mana ia menggunakan wang zakat untuk bayaran kepada peguam Zainul Rijal. Untuk makluman Yang Berhormat, peruntukan bagi pembayaran yuran guaman di Unit Undang-undang adalah menggunakan wang zakat. Akan tetapi ianya adalah disebabkan sebelum ini pihak MAWIP tidak mempunyai sebarang perolehan. Bagaimanapun pada tahun ini mulai Januari 2011, pihak Unit Undang-undang telah menerima geran kerajaan sebanyak RM500,000 dan segala pembayaran kos berkaitan guaman akan dibiayai melalui wang geran ini. Pembayaran yang telah didahulukan daripada wang zakat akan diganti.

Seterusnya dengan menggunakan geran kerajaan ini segala pembayaran akan digunakan melalui geran dan bukan daripada wang zakat. Yang Berhormat Pokok Sena...

Tuan Saifuddin Nasution Ismail [Machang]: Boleh minta celahan sebelum ke Yang Berhormat Pokok Sena. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Sudah jelas Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi mengesahkan bahawa ada digunakan wang zakat untuk membayar khidmat guaman, apakala ianya membabitkan saman ke atas JAWI dan sebagainya.

Penjelasan. Ketika membangkitkan perkara ini, hal yang saya timbulkan ialah apakah wajar dari sudut agamanya. Alasan saya ialah zakat ini hak Allah, Yang Berhormat Timbalan Menteri lebih arif. Saya mengaji pertanian, Yang Berhormat Timbalan Menteri mengaji sampai peringkat PhD.

Asnaf lapan itu tidak terkalih dan tidak berubah sampai bila-bila. Apakah boleh dijelaskan dari sudut prinsip hukumnya, tang mana sebenarnya yang dibolehkan bayaran zakat ini dibayar kepada orang yang di luar daripada asnaf yang ditetapkan dalam agama. Soal *administrative* bahawa selepas daripada itu sudah pun diperuntukkan RM500,000 mulai Januari 2011, itu tidak apa, *administrative*.

Akan tetapi soalnya sekarang, perkara yang jelas salah, salah. Bagaimana hendak boleh kita *justify* atau lunakkan penggunaan wang zakat dalam kes yang macam ini. Itu perkara yang saya mohon penjelasan sejujurnya. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Timbalan Menteri, Yang Berhormat Machang, perkara-perkara seperti akademik seperti begini, yang meminta Menteri untuk memberi penjelasan di luar lingkup pentadbiran, saya tidak boleh benarkan lagi. Kecuali Yang Berhormat Timbalan Menteri sendiri sanggup menjawab.

Tuan Saifuddin Nasution Ismail [Machang]: Tuan Pengerusi, hal yang saya bangkitkan itu sebab perkara itu memerlukan penjelasan. Sebab itu...

Tuan Pengerusi: Saya...

Tuan Saifuddin Nasution Ismail [Machang]: Yang disebut tadi adalah dari sudut *administrative*. Saya terima.

■1700

Tuan Pengerusi: Saya tahu.

Tuan Saifuddin Nasution Ismail [Machang]: Yang saya bangkitkan tadi ialah hujah agama.

Tuan Pengerusi: Saya tahu Yang Berhormat Machang, tetapi dalam soal-soal prosedur Parlimen yang cuma boleh dibenarkan untuk dijawab oleh Yang Berhormat Menteri adalah soal-soal dalam ruang lingkup bidang kuasa dia sebagai Yang Berhormat Menteri. Jadi apa Yang Berhormat Menteri jawab ini adalah dalam soal pentadbiran. Jadi kalau saya benarkan soalan tadi soalan akademik mengenai dengan soal agama, itu sudah di luar ruang lingkup peraturan mesyuarat dan pentadbiran sebagai tanggungjawab beliau sebagai Yang Berhormat Menteri.

Tuan Saifuddin Nasution Ismail [Machang]: Tuan Pengerusi, saya faham. Cuma apabila bab zakat, kita tidak boleh cakap bab pentadbiran sahaja. Ia pasti menyentuh agama dan Yang Berhormat Menteri mana lagi? Saya tidak boleh tanya Yang Berhormat Menteri Belia dan Sukan, saya tidak boleh tanya Yang Berhormat Menteri...

Tuan Pengerusi: Jadi mungkin persoalan seperti itu boleh ditanya di luarlah. Kalau Yang Berhormat Menteri sanggup jawab, tidak apa saya benarkan.

Tuan Saifuddin Nasution Ismail [Machang]: Saya kenali Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya fikir dengan ilmu yang dia ada, dia tidak akan mengelak dari menjawab perkara spesifik, silakan.

Tuan Pengerusi: Sila.

Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim: Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Machang. Kita sedia maklum bahawa asnaf yang lapan salah satu daripada asnaf tersebut adalah termasuk amil. Apabila kita bercakap tentang pengurusan dan pentadbiran di dalam MAIWP itu sendiri maka dia termasuk di bawah asnaf amil. Jadi saya kira pengurusan dengan menggunakan asnaf amil di mana ketika itu Yang Berhormat Menteri dan juga Pengarah melaksanakan tugasnya sebagai salah seorang daripada melaksanakan tanggungjawab agama. Saya kira dengan menggunakan asnaf di bawah amil bukanlah sesuatu yang ditegah dan ini diperakui sendiri oleh mufti salah seorang daripada Ahli Majlis MAIWP itu sendiri. Terima kasih.

Tuan Saifuddin Nasution Ismail [Machang]: Maksudnya Menteri Agama dan Pengarah JAWI termasuk dalam asnaf amil begitu?

Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim: Tidak, tidak, tidak Yang Berhormat. Pengurusan. Yang Berhormat kena faham. Bukan kata Yang Berhormat Menteri itu termasuk di bawah asnaf amil. Sekarang ini pembayaran kepada yuran guaman itu dikira sebagai pembayaran pengurusan dan pentadbiran. Jadi pembayaran atas pengurusan dan pentadbiran Yang Berhormat boleh dimasukkan di bawah asnaf amil.

Tuan Saifuddin Nasution Ismail [Machang]: Yang saya faham ialah di bawah akaun Majlis Agama Islam Wilayah di ada jalur-jalur yang lain. Selain daripada jalur wakaf, akaun zakat, akaun pentadbiran.

Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim: Kita cuma ada dua sahaja...

Tuan Saifuddin Nasution Ismail [Machang]: Tetapi dalam banyak-banyak jalur itu dia pilih zakat, kemudian kemusykilan ini kemusykilan yang pada saya jelas atau penjelasan itu, saya tidak mengajilah bab itu, ya.

Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim: Jadi Yang Berhormat kena dengarlah sebab saya mengaji bab itu jadi Yang Berhormat.

Beberapa Ahli: [Ketawa]

Tuan Saifuddin Nasution Ismail [Machang]: Saya sempat tanya dengan Imam Masjid Negara...

Tuan Pengerusi: Tolong, tolong Ahli Yang Berhormat duduk dulu. Duduk, duduk, duduk.

Tuan Saifuddin Nasution Ismail [Machang]: Saya sempat tanya Imam Masjid Negara, saya tadi sempat bertanya bekas Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Machang, Yang Berhormat Machang...

Tuan Saifuddin Nasution Ismail [Machang]: Ya?

Tuan Pengerusi: Duduk Yang Berhormat Machang.

Seorang Ahli: [Menyampuk]

Tuan Pengerusi: Itu makanya saya tidak benarkan persoalan begitu ini kerana bab-bab itu di luar bab saya. Jadi saya tidak boleh beri fatwa. Jadi sebab itu saya kata perkara begitu janganlah dipersoalkan kerana ia menyingkap perkara-perkara yang di luar peraturan mesyuarat dan pengertian saya. Jadi kalau saya biarkan kedua-dua Ahli Yang Berhormat untuk berdialog antara begini, tidak ada kesimpulan dia. Jadi saya rasa Yang Berhormat Menteri beredar ke satu soalan lagi.

Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya menyambung kepada apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Pokok Sena mengenai keraguan urus niaga pemilik hartanah yang dibeli. Tuan Pengerusi, pembangunan hartanah di jalan Stonor merupakan sebuah projek yang berprestij yang dikenali sebagai Platinum Park dan dimajukan oleh NAZA TTDI Sdn. Bhd. Melalui perjanjian jual beli, Tabung Haji bersetuju membeli sebuah bangunan pejabat 38 tingkat gred 'A' daripada pemaju yang dijangka siap dibina pada tahun 2014. Pembelian bangunan ini telah melalui proses kelulusan Tabung Haji di mana harga pembelian adalah di dalam lingkungan penilaian oleh perunding bebas yang dilantik dan pembayaran berperingkat bagi pembangunan adalah dibuat berdasarkan kepada perjanjian yang ditandatangani dengan pemaju. Yang Berhormat Pasir Mas membangkitkan isu...

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Tuan Pengerusi. Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya bukan hanya membangkitkan persoalan itu sahaja, tetapi saya membangkitkan bahawa kenapa perjanjian-perjanjian ini sangat mencurigakan. Iaitu perjanjian menunjukkan bahawa di mana TTDI sebagai penjual dan juga sebagai kontraktor utama ini tidak tertakluk untuk memulakan atau menyiapkan kerja-kerja seperti dalam jadual 8 *schedule of work* selagi kerja itu tidak merupakan asas untuk pembinaan bangunan. Ini termasuk dalam 10.2 dalam perjanjian tersebut. Begitu juga dalam 10.3 bahawa dalam perjanjian jual beli itu menyatakan setiap tuntutan pembayaran akan disokong oleh sijil akuan oleh arkitek TTDI. Sijil ini adalah bukti kemajuan kerja, agen pengawasan bagi Tabung Haji oleh TH boleh mengesahkan sijil tersebut tetapi pengesahan dari agen pengawasan tidak boleh dijadikan syarat tuntutan pembayaran. Jadi maknanya agen Tabung Haji ini tidak boleh bagi kata putus.

Maknanya, apa yang dikata putus oleh agen yang dilantik oleh TTDI itulah sedangkan tuan punya bangunan ialah Tabung Haji, sedangkan TTDI itu adalah kontraktor utama dalam pembinaan. Jadi kita lihat bahawa ada suatu yang tidak kena. Tetapi jawapan yang masih belum terjawab juga ialah Tuan Pengerusi berkaitan bagaimana saya lihat ada satu *conflict of interest* dalam urus niaga ini di mana Datuk Johan merupakan pengarah urusan TTDI ini juga merupakan Lembaga Pengarah Bebas bagi dua anak syarikat Tabung Haji iaitu TH Properties Sdn. Bhd. dan TH Technology Sdn. Bhd.

Jadi saya katakan bahawa seolah-olah macam mana ada suara mempengaruhi untuk membuat pembelian daripada TTDI dan kemudiannya buat satu perjanjian yang tidak memihak kepada Tabung Haji.

Sepatutnya, dalam masa yang sama dia harus menjaga kepentingan Tabung Haji. bukan menjaga kepentingan TTDI. Akan tetapi, oleh kerana dia merupakan Pengarah Urusan TTDI sudah tentulah dari segi *businessnya* dia kena menjaga TTDI daripada menjaga kepentingan TTDI Tabung Haji. Jadi ini saya katakan bahawa ada suatu yang tidak kena. Sebab saya baca perjanjian-perjanjian yang terkandung yang saya lihat berat sebelah sudah tentu tidak memberikan keuntungan kepada Tabung Haji khususnya kepada penyimpan-penyimpan Tabung Haji ini.

Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim: Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Pengerusi, kalau kita lihat kalau hendak bangkitkan soal *conflict of interest* ini, lihat kepada nilai pasaran pun sebenarnya ia dibuat oleh juru perunding yang bebas dan satu daripadanya dibuat oleh pihak pemaju dan satu lagi dibuat oleh penilaian bebas oleh pihak Tabung Haji di mana kita melantik jurunilai hartanah (Hons) di sini. Jadi tidak ada kena mengena hendak sebut kata ada keuntungan daripada mana-mana pihak. Apabila kita bercakap tentang mengapa pembayaran itu dibuat begitu. Jadi pembayaran ini sebenarnya memang dipantau oleh arkitek dan walaupun dikatakan bahawa mengikut kepada program beberapa *percent*, tetapi sebenarnya apabila kita membuat pembayaran tersebut, pembayaran itu akan dipantau oleh pihak arkitek dan dia sendiri yang akan memastikan bahawa program ataupun *progress* daripada pembangunan itu diteruskan. Jadi Yang Berhormat, saya rasa tidak timbul soal apa Yang Berhormat sebutkan tadi.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: [Bangun]

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Perjanjian jual beli pula ditandatangani setelah Datuk Johan sendiri meletak jawatan dalam bulan Mac 2009 dan sedangkan perjanjian itu dibuat pada bulan April 2009 Yang Berhormat.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Baik Tuan Pengerusi, saya sebut tadi dalam para 10.3 dalam jual beli tersebut bahawa sijil akuan daripada arkitek TTDI yang akan dijadikan syarat tuntutan dalam pembayaran ini, *agent* pengawasan daripada TH ini dia hanya boleh mengesahkan sijil itu sahaja. Dia hanya boleh mengesahkan tetapi dari segi tidak boleh dijadikan syarat tuntutan pembayaran. Jadi ini yang saya katakan bahawa satu yang agak mengelirukan. Yang keduanya, saya telah difahamkan bahawa harga yang diberi oleh Tabung Haji dalam rundingan pada waktu itu lebih mahal daripada yang dibeli oleh FELDA.

Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim: Pembayaran sebenarnya masih tertakluk kepada perjanjian di mana bayaran tidak akan dibuat sekiranya tidak ada sebarang *progress* dalam binaan. Kalau Yang Berhormat sebut kenapa ada satu perbezaan yang agak jauh daripada hartanah yang dibeli oleh FELDA, sebenarnya Yang Berhormat FELDA membeli pada tahun 2008 dalam bulan Januari dan pihak Tabung Haji membelinya pada tahun 2009 bulan April. Di situ ada perbezaan selama satu tahun tiga bulan. Dari segi hartanah dan melihat kepada lokasi yang agak strategik adalah munasabah kita melihat satu peningkatan harga yang agak ketara di dalam penilaian tersebut kerana tempat itu begitu strategik di hadapan KLCC. Jadi harga yang naik itu Yang Berhormat tidak boleh bandingkan dengan apa yang telah dibeli pada satu tahun tiga bulan yang lalu. Sebab memang ada satu peningkatan yang agak ketara dalam harga tersebut.

Yang Berhormat Pasir Mas membangkitkan isu mengenai video sebagai bahan bukti kes rogol ataupun zina yang mana merujuk kepada pandangan Yang Amat Berhormat Menteri Besar Kelantan bahawa video itu adalah besi.

■1710

Jadi menurut undang-undang keterangan Islam, seseorang yang menuduh orang lain berzina hendaklah mendatangkan empat orang saksi yang adil sebagai bukti dan bukti ini dikenali sebagai *primary evidence*. Walau bagaimanapun, jika tidak dapat mengemukakan empat orang saksi, penuduh boleh mendatangkan bukti dan dalam hal ini bukti boleh terdiri daripada laporan DNA, laporan perubatan oleh doktor, rakaman audio ataupun rakaman video.

Namun begitu, sama ada dia boleh diterima sebagai bukti tanpa siasat terlebih dahulu semuanya adalah terpulang kepada pihak mahkamah untuk menilai kesahihan bukti-bukti tersebut.

Dalam kes ini, kita lihat dengan penerangan ini video boleh dijadikan sebagai bahan bukti di bawah *qarinah*. Walau bagaimanapun, ia perlu diselidiki terlebih dahulu sesuai dengan firman Allah SWT dalam surah Al-Hujrat ayat yang keenam, "Apabila datang seseorang fasik di antara kamu membawa sesuatu berita, maka hendaklah kamu selidiki terlebih dahulu." Tuan Pengerusi, saya rasa itulah sahaja perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat.

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Yang Berhormat saya ingin bertanya, Yang Berhormat mengatakan tadi bahawa perlu diselidiki dahulu. Perkataan, "Perlu diselidiki dahulu" saya hendak tahu sejauh mana perkataan sejauh mana diselidiki itu sudah dibuat mengenai dengan satu video yang membabitkan kekecohan baru-baru ini, yang saya tidak perlu sebutlah yang Yang Berhormat Timbalan Menteri sedia maklum. Sebab saya diberitahu, saya baca di dalam akhbar, kenyataan daripada Ketua Polis Negara mengatakan pihak polis sudah mengesahkan ianya tulen, dan kemudian telah dihantar kepada Amerika, telah dihantar kepada Korea, yang mengatakan juga tulen. Apakah tidak cukup lagi dari segi selidiki, jadi sesudah diselidiki apa tindakan selanjutnya dalam konteks JAKIM dalam hal ini. Sekian, terima kasih.

Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim: Tuan Pengerusi apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Pasir Mas itu, saya tidak di dalam situasi untuk menjawab kerana ia adalah di bawah bidang kuasa mahkamah untuk menentukan kesahihan video tersebut. Terima kasih.

Tuan Saifuddin Nasution bin Ismail [Machang]: Minta penjelasan sedikit. Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi menyebut berkenaan dengan dari segi hukum Islam, yang menuduh mesti membawa empat orang saksi yang adil yang tidak fasik itu yang saya faham. Makna dia ini tidaklah melakukan dosa besar dan dia sentiasa berusaha meninggalkan dosa kecil. Bolehkah seorang yang isytihar hendak perang jihad, hendak bunuh orang di sana sini, hendak bunuh orang Kristian, Cina hendak jadi Salahuddin Al-Ayubi, bolehkah orang jenis ini boleh menjadi saksi.

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Itu persoalan yang jahat.

Tuan Saifuddin Nasution Ismail [Machang]: Boleh menjadi saksi orang jenis seperti ini? Tidak.

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Itu persoalan yang jahat, dan yang dipolitikkan.

Tuan Saifuddin Nasution Ismail [Machang]: Ini tidak ada kena-mengena dengan yang hidup ataupun yang mati.

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Satu soalan yang jahat, yang kotor.

Tuan Saifuddin Nasution Ismail [Machang]: Bolehkah, saya ingin bertanya.

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Yang tidak ada modal, yang tidak malu yang dah jahanam. Maka telah mengeluarkan kenyataan yang memutarbelitkan kenyataannya.

Tuan Saifuddin Nasution Ismail [Machang]: Salahuddin Al-Ayubi tidak pernah tinggal solat Jumaat. Tidak pernah tinggal solat Jumaatnya. Ya, Salahuddin Al-Ayubi. Salahuddin Al-Ayubi harta yang ditinggalkan tidak cukup untuk kebumikan dia.

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Ini kenyataan yang jahat.

Tuan Saifuddin Nasution Ismail [Machang]: Salahuddin Al-Ayubi ini 25 juta saham MARA Holding. Ini hendak menjadi Salahuddin Al-Ayubi.

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat, Ahli Yang Berhormat.

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Apa yang hendak diputar-belitkan kenyataan ini.

Tuan Saifuddin Nasution Ismail [Machang]: Ini yang hendak menjadi Salahuddin Al-Ayubi.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Machang, Machang.

Tuan Saifuddin Nasution Ismail [Machang]: Ya, macam ini Salahuddin Al-Ayubi.

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Ya. Ini Salahuddin.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Machang dan Yang Berhormat Pasir Mas.

Tuan Saifuddin Nasution Ismail [Machang]: Ini Salahuddin Al-Ayubi, kiamat dunia... [*Dewan riuh*]

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, sudah.

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Orang tidak menidakkan kamu siapa.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, itu sebab saya membenarkan persoalan-persoalan yang berkaitan dengan tanggungjawab Menteri sebagai pentadbir. Luar daripada itu, mengenai dengan persoalan-persoalan akademikkah, pendapat mengenai sesuatu perkarakah, walaupun yang berkenaan itu boleh menjawab, saya tidak benarkan, pasal sebeginilah.

Jadi bagi saya jawapan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri itu, bahawa bukti seperti yang disebutkan itu boleh terpulang kepada mahkamah nanti yang membicarakan hal tertentu sama ada menerima ataupun tidak. Cuma itu persoalannya. Tidak lebih dan tidak kurang daripada itu. Tidaklah perlu bertengkar, berteriak, menunjuk-nunjuk. Itu boleh Ahli-ahli Yang Berhormat buat di luar sana. Itu saya tidak peduli, kalau Yang Berhormat buat di luar itu lain yang menghakimi, tetapi saya yang duduk di sini Yang Berhormat saya minta bantuan pada Ahli-ahli Yang Berhormat tolonglah, jangan tambahkan lagi tanggungjawab dan tekanan yang ada pada saya. Saya bukan macam Ahli-ahli Yang Berhormat yang boleh dapat tekanan yang hebat-hebat. Tolonglah.

Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim: Tuan Pengerusi, saya rasa jika begitu, itu sahajalah perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat mengenai Maksud B.6 yang berkaitan dengan JAKIM dan JKSM yang telah dijawab dan mana-mana perkara yang tidak sempat dijawab akan dicatat dan diambil tindakan yang sewajarnya oleh Jabatan Perdana Menteri. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Terima kasih. Seorang lagi Menteri di Jabatan Perdana Menteri. Yang Berhormat Dato' Devamany a/l S. Krishnasamy sila.

5.16 ptg.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Devamany a/l S. Krishnasamy]: Terima kasih kepada Tuan Pengerusi. Cuma ada satu sahaja soalan daripada Yang Berhormat Kuala Krai mengenai Butiran 331400 mengenai banci. Untuk maklumat Yang Berhormat Kuala Krai beliau menanyakan adakah banci ini dilakukan secara jitu dan mungkin ada kekurangan.

Untuk maklumat Yang Berhormat Kuala Krai, kaedah banci yang dibuat untuk memastikan supaya kejituan pungutan data dilakukan secara sempurna adalah tiga iaitu:

- (i) *drop off dan pick-up* di mana borang itu akan dihantar ke rumah, kalau tidak ada orang tinggalkan di situ untuk diisi dan kemudiannya diambil;
- (ii) melalui *sensors* iaitu *online*, dengan cara *online* di mana si tuan rumah itu ataupun isi keluarga itu boleh memasuki data-data dalam borang yang ada dalam komputer; dan
- (iii) satu lagi adalah secara *face-to-face* iaitu bersemuka.

Maka ada tiga kaedah ini yang telah digunakan dahulu yang telah disempurnakan sekarang yang efektif. Bagi seorang pegawai banci itu, lapan sehingga seratus rumah diamanahkan untuk banci itu mengikut tempat kediaman yang dilakukan secara terperinci seluruh negara. Selepas itu ada pula, tindakan susulan untuk kembali kepada rumah-rumah yang belum dibanci kalau sekiranya si tuan rumah itu tidak ada di situ. Selama dua bulan dilakukan.

Seterusnya untuk makluman Yang Berhormat Kuala Krai tadi, lepas habisnya banci ini, untuk mendapat tahu adakah ianya jitu, dan menyeluruh banci ini maka akan dibuat penilaian liputan banci (*random sampling*) dan dilakukan siasatan oleh satu lagi kumpulan lain, pegawai pembanci lain ke kawasan daerah-daerah tertentu yang sebegitu. Dengan cara ini, kita pastikan bahawa sebanyak 27 juta orang sudah dibanci. Maka itulah jawapan yang diberi dan dengan itu saya ucapkan terima kasih kepada Tuan Pengerusi dan tidak ada soalan lain yang dipertanyakan.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM11,305,000 untuk Maksud B.1; RM317,383,200 untuk Maksud B.6 dan RM1,000,000 untuk Maksud B.8 di bawah Jabatan Perdana Menteri jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM11,305,000 untuk Maksud B.1; RM317,383,200 untuk Maksud B.6 dan RM1,000,000 untuk Maksud B.8 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Maksud B.11 [Jadual] –

Tuan Pengerusi: Maksud Bekalan B.11 di bawah Kementerian Kewangan terbuka untuk dibahas. Sila Yang Berhormat Rembau.

5.19 ptg.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin berbahas Maksud B.11 Perkhidmatan Am Perbendaharaan, Butiran 20000 Program 020500 - Subsidi Gas Cecair (LPG), Diesel dan Petrol.

Pertamanya, saya ucapkan tahniah, terima kasih kepada kerajaan kerana tidak mengurangkan subsidi bagi harga petrol RON95 memandangkan kadar inflasi yang meningkat bagi rakyat yang ini menunjukkan bahawa Kerajaan Barisan Nasional mendahulukan rakyat. Satu keputusan yang baik. Cuma saya ingin bertanya kepada pihak kementerian bahawa memandangkan penangguhan penundaan kenaikan ataupun kekurangan subsidi RON95 ini, sudah pasti akan menambah beban kepada kerajaan.

■1720

Kalau sekiranya kita melihat kepada dasar baru iaitu untuk menstrukturkan semula subsidi, kita perlu melihat kepada prinsip subsidi ini diberi kepada mereka yang layak menerima. Jadi dalam soal subsidi untuk petrol ini, sudah lama kita cari kaedah bagaimana kita dapat salurkan subsidi itu kepada kumpulan yang hak menerima, sama ada diukur mengikut pendapatan atau pun harga kenderaan dan sebagainya. Akan tetapi kita masih lagi tidak jumpa suatu formula yang terbaik. Dahulu kita pernah cuba formula rebat mengikut saiz kapasiti enjin kenderaan yang ada tetapi ini juga ada kelemahan yang tertentu.

Jadi soalan di sini, memandangkan bahawa beban kita tambah, kita terpaksa tambah dalam hampir RM6 bilion bil subsidi kebanyakannya adalah untuk petrol, apakah perancangan yang terkini, *current thinking*, dengan izin, dalam kerajaan mengenai *targeted subsidies* untuk soal petrol? Itu yang pertama.

Keduanya Tuan Pengerusi, mengenai isu gas dan penjualan gas kepada sektor tenaga. Saya rasa kekeliruan ini perlu kita perjelaskan sebab banyak pihak yang tidak memahaminya menganggap bahawa penjana bebas ini mendapat subsidi daripada kerajaan padahal mereka tidak mendapat subsidi, iaitu satu *pass through*. Jadi perkara ini walaupun dijelaskan beberapa kali, malah akhirnya tidak dapat diterima oleh sesetengah pihak yang mungkin tidak memahaminya, tetapi saya tidak ingin bangkitkan perkara itu di sini. Saya cuma ingin bangkitkan dari segi *planning* sebab ini soal perbekalan tambahan mengenai subsidi.

Di sini Yang Berhormat Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air mengatakan bahawa ini bukan subsidi tetapi *forgone profit* kepada Petronas. Walaupun jelas di sini bahawa ini bukan subsidi untuk IPP tetapi ini adalah *forgone profit* untuk Petronas yang juga secara langsung *forgone revenue* untuk kerajaan.

Ini kerana apabila ada *forgone profit* untuk Petronas dan baru-baru ini Petronas telah memberi *profit* atau pun *royalty guarantee* 30 peratus kepada kerajaan, maka oleh sebab itu akan ada kesan kepada pendapatan kerajaan.

Jadi di sini saya hendak tanya sama ada subsidi yang diberi ini iaitu penjualan gas mentah kepada sektor tenaga yang akhirnya di *pass through* kepada *consumer* akan dikaji semula seperti mana yang diumumkan oleh kerajaan? Ini kerana pendapatan kerajaan itu lebih penting daripada pemberian subsidi terus kepada *consumer* dalam bentuk bil elektrik mereka. Itu yang pertama.

Keduanya Tuan Pengerusi, kalau kita ambil isu IPP ini, isu IPP bukan sangat dari segi subsidi gas yang tidak wujud. Isunya adalah terma-terma PPA yang akan dikaji semula dalam tempoh masa yang terdekat terutamanya generasi pertama yang akan habis tempoh PPAnya dalam tiga atau empat tahun lagi. Akan tetapi dari segi kecekapan IPP tersebut, ada satu kajian yang dibuat yang mengatakan sekiranya gas itu dijual pada harga pasaran kepada IPP dan IPP terus *pass through* kepada TNB dan akhirnya kepada *consumers*, maka IPP tempatan terpaksa menjual harga *power* ataupun jana kuasa mereka daripada 25 sen *per kwh* sampai naik kepada 74 sen *per kwh*. Ini oleh kerana elemen gas itu disubsidikan kepada TNB terus. Maknanya, apa yang kajian ini dibuat adalah untuk menunjukkan sekiranya gas itu dijual pada dasar atau pun pada kadar pasaran semasa, maka IPP tempatan akan terpaksa jual gas atau tenaga itu pada kadar 74 sen *per kwh*.

Kesimpulan di sini adalah bahawa kecekapan IPP yang ada pada hari ini tidak ada di tahap yang tinggi (*inefficient production*) dan mereka bersandarkan kepada perjanjian yang ada dengan TNB yang merupakan *take-or-pay*, dan ini tidak menggalakkan mereka menjadi lebih cekap.

Saya bangkitkan perkara ini sebab dalam usaha kerajaan melihat semula perjanjian dengan IPP ini, PPA yang baru yang akan dimeterai dengan IPP, saya harap bahawa isu kecekapan ini dapat ditangani supaya IPP ini dilihat lebih cekap. Saya rasa ini lebih penting isunya sebab isu subsidi sampai RM19 bilion itu sebenarnya tidak wujud dan adalah satu perkara yang *misleading*. Itu sahaja Tuan Pengerusi.

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Yang Berhormat, boleh?

Tuan Khairy Jamaluddin [Rembau]: Ada?... Sedikit sahaja, ya.

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Tuan Pengerusi, ini sebab RM19 bilion ini tidak wujud, ia adalah *pass through*. Saya ingin tanya Yang Berhormat, selalu dikatakan bahawa pihak pembangkang terutamanya Yang Berhormat Permatang Pauh yang selalu mengatakan ini rasuah, ini adalah kroni dan sebagainya, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat, sewaktu PPA ini ditandatangani, saya rasa beliau adalah Menteri Kewangan. Sebagai Menteri Kewangan yang kita semua sedia maklum dalam UMNO dahulu, dalam Barisan Nasional, *it was half bit away to become a Prime Minister* dengan izin, jadi *all powerful* Menteri Kewangan.

Pada pandangan Yang Berhormat, apakah beliau bersetuju ataupun mengetahui tentang terma-terma PPA ini tetapi tidak menunjukkan bantahan? Itu bermakna beliau bersetuju dengan terma-terma PPA ini?...

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: [Menyampuk]

Tuan Khairy Jamaluddin [Rembau]: Terima kasih Yang Berhormat Kota Belud. Kalau sekiranya kita melihat kepada PPA generasi pertama ini, ia banyak dimeterai sewaktu beliau menjadi Menteri Kewangan dan tidak pun ada sebarang bantahan, tidak pun tergerak hati beliau untuk meletak jawatan kerana bantah PPA, kalau betulah kononnya PPA ini terlalu teruk, berat sebelah, menyusahkan rakyat tetapi cuma hari ini dibangkitkan dengan kekeliruan bahawa IPP dapat subsidi dan sebagainya. Sampai hari ini saya cari dan kaji bagaimana IPP ini dapat subsidi gas, saya pun tidak dapat. Dia kosong sebab dia *pass through*.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: [Bangun]

Tuan Mohd. Yusmadi Mohd. Yusoff [Balik Pulau]: [Bangun]

Tuan Khairy Jamaluddin [Rembau]: Sekejap, saya hendak jawab dahulu. Jadi saya setuju dengan apa yang Yang Berhormat Kota Belud cakap.

Dari segi pemutus dasar tidak ada bantahan, malah tidak ada apa-apa. Jadi kita boleh rumuskan bahawa mungkin *silence is acquiescence*.

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Ada tidak beberapa syarikat itu juga dekat ataupun Yang Berhormat Permatang Pauh mengenali syarikat-syarikat ini dan ada juga orang yang mengatakan seolah-olah seperti kroni kepada Yang Berhormat Permatang Pauh. Apa pendapat Yang Berhormat?

Tuan Khairy Jamaluddin [Rembau]: Tidak tahulah saya tetapi yang saya tahu ada IPP yang diberi pada waktu itu kepada syarikat MRCB yang dikuasai oleh beberapa orang yang dikatakan rapatlah dengan Yang Berhormat Permatang Pauh. Akan tetapi ini terkandung dalam buku Profesor Jomo dan Terence Gomez, *Malaysia's Political Economy* yang menyebut bahawa ada beberapa IPP yang diberi kepada mereka yang rapat dengan terma-terma generasi pertama... Yang Berhormat Pokok Sena.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Ya, terima kasih Tuan Pengerusi. Terima kasih rakan saya dari Rembau. Saya doa selamat pergi selamat kembalilah. Yang Berhormat dari Jerlun, Timbalan Menteri MITI ada menyebut satu kenyataan berkaitan dengan perjanjian IPP. Beliau mengatakan tidak boleh dibentangkan kepada *public* kerana ia merupakan satu rahsia kecuali hanya untuk Ahli-ahli Parlimen. Jadi memang saya bersetuju dengan cadangan Yang Berhormat. Adakah Yang Berhormat bersetuju bahawa sepatutnya perjanjian yang dikatakan sulit itu harus dibentangkan dan dikemukakan kepada Ahli-ahli Parlimen untuk kita melihat di mana perjanjian dikatakan berat sebelah ini?

Tuan Khairy Jamaluddin [Rembau]: Setuju.

Tuan Mohd. Yusmadi Mohd. Yusoff [Balik Pulau]: Yang Berhormat Rembau, sedikit. Mohon penjelasan.

Terima kasih Yang Berhormat Rembau kerana cuba melihat isu dasar di situ. Saya ingin bertanya dari segi aspek termeterai, dari segi masanya ia dimeterai, secara faktanya betul ketika mana Yang Berhormat Permatang Pauh menjadi Menteri Kewangan, tetapi isunya dari segi komitmen kepimpinan di dalam menerajui dasar itu, kita tengok banyak dasar penswastan ketika itu, PLUS dan sebagainya, kita tahu secara fakta kepimpinan yang ditunjukkan, tol tidak naik.

■1730

Kebetulan saya secara peribadi pernah membantu menjadi peguam kepada TNB pada ketika itu terlibat di dalam 'Kappa Powertech' dan sebagainya. Secara asasnya yang saya faham *privatization* ini secara asasnya bukan untuk membebaskan kerajaan sehinggakan kerajaan dilihat sebagai *subservient* kepada swasta. Oleh sebab itu struktur-struktur pilihan yang diberi pelbagai dari segi penswastan seperti BOO, BOT dan sebagainya. Akan tetapi di sini dari segi aspek menerajui dasar itu terutama sekali apabila kerajaan selaku pemegang amanah Khazanah Negara kelihatan agak lemah di dalam membuat keputusan yang menguntungkan di kala rakyat dibebani dengan bebanan ekonomi. Itu persoalan saya.

Dari segi fakta saya boleh terima sebab itu saya kata Ahli Yang Berhormat Permatang Pauh orang yang terbaik untuk menjelaskan apa yang berlaku dalam mesyuarat tersebut. Akan tetapi kita mahu melihat sejauh mana perjanjian itu akan membawa rakyat ini ke masa depan. Saya rasa itu yang perlu. Mohon penjelasan Menteri.

Tuan Khairy Jamaluddin [Rembau]: Baik. Terima kasih Yang Berhormat Balik Pulau dan terima kasih kerana menyokong supaya Yang Berhormat Permatang Pauh dapat bagi penjelasan mengenai peranan beliau dalam PPA yang pertama itu. Akan tetapi pada dasarnya saya cuma ingin nyatakan bahawa kalau sekiranya disebut bahawa perjanjian dimeterai ini menyusahkan rakyat mungkin saya setuju dari segi pertama PPA (*Power Purchase Agreement*) generasi pertama (*first generation*) amat berat sebelah sampai dibangkitkan oleh Tan Sri Dr. Ani Arope bekas Ketua Pegawai Eksekutif TNB yang menyatakan ini adalah perjanjian yang tidak diterima oleh pengurusan TNB pada waktu itu.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar)
mempengerusikan Jawatankuasa]

Akan tetapi kalau kita melihat dari segi generasi kedua, ketiga dan keempat saya rasa pemain industri pun mengatakan bahawa perjanjian ini jauh lebih adil daripada perjanjian pertama. Jadi untuk mengatakan bahawa kerajaan tidak belajar daripada pengalaman yang pertama itu saya rasa tidak betul tetapi berbalik kepada perkara yang pokok dan saya bagi rumusan bahawa saya harap saya setuju dengan Yang Berhormat Pokok Sena kalau sekiranya kita hendak mengatasi segala masalah dan kepincangan dari segi maklumat dan sebagainya kita bentang kepada semua dan kita tengok supaya kita dapat pastikan bila kita meterai perjanjian yang baru untuk membaharui perjanjian yang lama kita dapat buat dengan cara yang lebih baik dan adil kepada rakyat. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Dato' Johari Abdul [Sungai Petani]: Yang Berhormat Rembau sedikit lagi boleh Yang Berhormat Rembau?

Tuan Khairy Jamaluddin [Rembau]: Tak apalah, saya sudah habis sudah.

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Sudah habis? Allah... [Ketawa]

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Ya, Yang Berhormat Batu Gajah.

5.32 ptg.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin merujuk kepada B.11 sebanyak...

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Ya, saya peringatkan lagi Yang Berhormat. Tadi saya sudah bagi tahu pagi tadi saya bagi tahu sepuluh minit sahaja Yang Berhormat.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Sepuluh minit?

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Ya.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Saya cuba ringkaskan. Berkenaan RM150 juta untuk menampung pembayaran subsidi bagi pengecualian bil elektrik tahunan bagi penggunaan RM20 dan ke bawah.

Tuan Pengerusi, orang ramai begitu tidak puas hati dengan pengumuman kenaikan *tariff electricity* baru-baru ini yang mula dilaksanakan pada 1 Jun yang lalu. Walaupun CEO menyatakan bahawa memerlukan kenaikan tersebut disebabkan oleh kenaikan harga gas ia dapat membantu menutup atau mengurangkan kos bebanan TNB tetapi ini tidak akan memuaskan hati orang ramai dengan kenyataan sedemikian sebab TNB memonopoli pembekalan elektrik di Semenanjung ini dan orang ramai sedang mempersoalkan adakah benar laporan menyatakan bahawa gaji CEO telah dinaikkan sehingga RM1.2 juta, pada masa kini apabila TNB menyatakan memerlukan kenaikan tarif elektrik ke atas pengguna disebabkan kenaikan harga gas dan untuk mengurangkan beban TNB.

Tuan Pengerusi, apa yang saya ingin bangkitkan sekarang adalah berkenaan tarif yang baru ini di mana orang ramai terutamanya di kawasan saya sangat marah kerana mereka berpendapat mereka akan dibebankan dengan lebih daripada kadar kenaikan yang diumumkan sebab menurut kenyataan bahawa kadar tarif yang dikenakan ke atas domestik adalah kenaikan di antara 0.1 peratus hingga 10 peratus sahaja.

Akan tetapi masalah yang timbul adalah seperti yang pernah saya bangkitkan semasa ucapan penangguhan saya tahun lalu, pada 9 Jun tahun lalu penduduk kawasan saya ada di kalangan mereka, ada menerima bil secara *alternate meter reading*. Bulan ini bulan bil 'O', bulan akan datang adalah bulan bil 'N' di mana ini dinyatakan sebagai pembacaan meter dwi bulanan. Kenaikan tarif ini akan menjadikan kadar tarif yang mereka kena bayar jatuh kepada blok tarif yang lebih tinggi Tuan Pengerusi. Jadi mereka kata mereka dibebankan dengan tambahan kenaikan tarif yang telah diluluskan untuk pelaksanaan bulan ini.

Jadi bagaimanakah atau apakah kerajaan bersedia untuk membatalkan pembacaan bil dwi bulanan ini agar pembacaan bil dijalankan setiap bulan seperti di kebanyakan kawasan, agar mereka dikenakan caj yang betul seperti yang tertera dalam laman web TNB ini, mengikut kadar yang ditetapkan tersebut. Ini kerana apabila bulan kedua baru datang membaca meter kadar catatan dalam meter adalah berjumlah dua bulan. Jadi ia dengan seterusnya akan jatuh pengiraan mereka tarif yang dikenakan ke atas kategori yang lebih mahal.

Jadi saya rasa tidak boleh diterima alasan bahawa TNB ini perlu menjimatkan kos operasinya agar penjimatan ini dapat membantu mengukuhkan sistem pembekalan elektrik seperti yang diberitahu sebelum ini ketika saya membangkitkan ucapan penangguhan, sebab orang ramai tidak seharusnya dibebankan dengan caj yang lebih tinggi tambahan. Saya ingin menarik perhatian pihak kerajaan sebab dalam laman web TNB ada satu kolom yang membenarkan pengiraan bil, bil kalkulator. Saya rasa bil kalkulator itu hanya merujuk kepada pengiraan kepada mereka menerima bil bulanan, pembacaan bil meter setiap bulan.

Akan tetapi dalam kes-kes dwibulanan seperti di kalangan penduduk kawasan saya dan saya dimaklumkan ia dilaksanakan dalam 10 peratus pengguna di Semenanjung ini, bagaimana pengiraan ini dijalankan pula? Pengiraan dijalankan di antara sebahagian bil bagi bulan Mei pada kadar yang lama atau bil 'O' bagi bulan Mei. Jadi saya rasa ini perlu diperjelaskan. Saya rasa tiada alasan lagi bagi TNB untuk meneruskan pengiraan bil secara dwibulanan ini. Ini jelas ia adalah membebankan pengguna dan saya juga dimaklumkan bahawa jika 'N' bil boleh diserahkan dari rumah ke rumah atau pembacaan bil boleh dijalankan pada bulan yang kedua oleh pegawai TNB, oleh itu saya tidak boleh terima kenyataan bahawa kakitangan adalah tidak mencukupi untuk memastikan pembacaan bulanan meter ini boleh dijalankan setiap bulan. Buat masa ini saya hendak tahu bil 'O' yang dikirim atau diserahkan oleh Pos Malaysia berapakah kos yang dikenakan ke atas TNB ini? Saya rasa kos lebih rendah ditanggung oleh TNB dengan menjalankan pembacaan meter bulanan di setiap rumah daripada penghantaran secara pos. Dengan demikian, ia mengelakkan pengiraan atau pembayaran bil yang lebih tinggi terhadap penghuni-penghuni domestik ini.

Akhirnya berkenaan dengan bil tarif domestik yang disiarkan dalam laman web TNB ini saya pohon penjelasan sebab dalam laman web ini saya rasa perlu diperjelaskan bahawa pada penggunaan 401 hingga 500 kilowatt sejam untuk sebulan mengapakah ia dicatatkan sebagai dengan izin, *for the first 100 kilowatt* sejam bagi 401 hingga 500 kilowatt sejam *per month* dikira sebagai kadar 40.2 sen.

■1740

Jadi, saya rasa mungkin pihak kerajaan atau TNB boleh menjelaskan mengapa ia menjadi *first 100 kilowatt* dan bukannya *next 100 kilowatt* ini. Saya rasa ini adalah antara perkara, saya memohon suara-suara penduduk kawasan saya yang menerima bil dwi bulanan ini dapat dibatalkan dan melaksanakan kembali pembacaan meter tiap-tiap bulan agar tidak dikenakan kos pembayaran bil yang lebih tinggi. Terima kasih.

5.40 ptg.

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya juga ingin mengambil bahagian dalam perbahasan ini dan menyentuh semula tentang beberapa perkara tentang subsidi. Saya menyambut baik saranan daripada Yang Berhormat Balik Pulau dan Yang Berhormat Rembau supaya kita meminta Yang Berhormat Permatang Pauh menerangkan peranan beliau di dalam termeterainya perjanjian IPP generasi pertama ini kerana kebanyakan IPP ini ditandatangani sewaktu beliau menjadi Menteri Kewangan. Kita tidak mahu beliau menggunakan hujah-hujah politik sehingga mengelirukan rakyat dengan mengatakan bahawa ada RM19 bilion subsidi yang diberikan kepada IPP.

Ini adalah satu perkara yang tidak bertanggungjawab. Semua orang tahu bahawa IPP RM19 bilion itu adalah *pass through* yang akan di *pass* kan untuk meringankan beban *consumer* atau pengguna. Jadi, janganlah kita minta kalau boleh supaya Yang Berhormat Permatang Pauh, kalau boleh jelaskan dengan terperinci kedudukan beliau semasa menandatangani perjanjian tersebut.

Tuan Mohd. Yusmadi Mohd. Yusoff [Balik Pulau]: Sedikit Yang Berhormat Kota Belud, memandangkan dikaitkan Yang Berhormat Balik Pulau tadi. Saya tadi bersetuju di atas kata dasar tadi sebab secara faktanya itu perkara yang kita telah panggil, dengan izin, *stating the obvious*, memang ketika itu dialah Menteri Kewangan. Akan tetapi isu yang lebih saya rasa penting adalah segi aspek kepimpinan kerana ada fakta yang mengatakan bahawa yang akan menentukan implikasi perjanjian tersebut adalah pihak-pihak yang terlibat. Kita ada terma di mana kita boleh menaikkan tarif, hendak atau tidak menaikkan tarif. Perkara itu adalah perkara yang kita panggil ada secara terma-terma kontrak. Perkara itu yang saya minat hendak ambil tahu kerana dinamika pasca perjanjian tersebut kita tidak tahu tetapi yang kita lihat trendnya ialah ke arah beban kepada rakyat. Saya ada contoh-contoh yang lain di mana kalau komitmen kepimpinan ditunjukkan, tol pun tidak boleh naik. Datanglah Halim Saad kah, datanglah PLUS, tidak naik tetapi kalau tidak ada kepimpinan, ia jadi *subservient* kepada syarikat dan yang beban ialah rakyat. Itu soalan yang lebih penting.

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Terima kasih Yang Berhormat Balik Pulau. Saya ingin membawa semula mungkin kita kembali kepada senario tahun 1990-an. Saya rasa semua kita berada di dalam Dewan ini mengetahui pada waktu itu kita mempunyai krisis tenaga. Kita mendapati bandar raya Kuala Lumpur mengalami putus bekalan elektrik yang memalukan dan kita sedang berada pada waktu itu untuk maju ke tahun 2020. Kerajaan terpaksa mencari satu kaedah yang cepat untuk menyelesaikan masalah tenaga pada waktu itu. Walaupun mungkin ada orang mengatakan bahawa Tenaga Nasional, TNB boleh melakukannya tetapi pada waktu itu kerajaan mengambil pendirian bahawa IPP di bawah pihak swasta perlu diberi peranan yang besar untuk menyelesaikan masalah ini.

Soal tentang sama ada belajar, pada sayalah Tuan Pengerusi, yang penting sama ada kerajaan belajar daripada kalau boleh dikatakan episod tersebut. Kerajaan belajar sebagaimana yang dikatakan oleh Yang Berhormat Rembau, generasi kedua, ketiga dan keempat tinggal tulang, tidak ada lagi, kalau ada untung pun, untung yang agak kecil. Saya ingin mengambil sedikit pengalaman, saya diberitahu di negara-negara Indo China sekarang ini yang mana pembangunan begitu pesat, penduduk begitu ramai, IPP kerajaan di sana sekarang ini cuba untuk membina IPP.

Mereka juga terpaksa untuk memberi terma-terma yang agak lumayan kepada pelabur-pelabur swasta di negara tersebut untuk memulakan sesuatu yang belum pernah diadakan di dalam negara mereka. Mungkin begitu juga senarionya pada waktu itu di Malaysia pada tahun 1990-an kerana kita meminta pihak swasta untuk berbelanja ratusan juta ringgit, bilion ringgit. Pada waktu itu, sesiapa yang mempunyai kewangan mungkin boleh melabur kepada sektor-sektor ekonomi yang lain yang boleh menjana keuntungan dan mereka diminta untuk membuat IPP dan kerana itu mungkin kerajaan terpaksa memberi terma-terma yang agak lumayan sedikit.

Dato' Johari Abdul [Sungai Petani]: Yang Berhormat Kota Belud, masuk sedikit.

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Saya akan bagi, sekejap Yang Berhormat Sungai Petani. Ini yang berlaku di negara-negara Indo China sekarang ini Tuan Pengerusi, IPP-IPP yang hendak dibuat sekarang ini, generasi pertama di negara-negara tersebut mempunyai terma-terma yang cukup lumayan malah ada dikatakan seakan-akan terma-terma yang diberi kepada IPP generasi pertama di Malaysia pada tahun 1990-an. Jadi, ini *to kick start the industry*. Sikit sahaja Yang Berhormat Sungai Petani.

Dato' Johari Abdul [Sungai Petani]: Okey, terima kasih Tuan Pengerusi dan terima kasih Yang Berhormat Kota Belud. Yang Berhormat Kota Belud ada menyebut tadi meminta kalau boleh Ketua Pembangkang juga menyebut apakah peranan beliau semasa IPP *first generation* ini telah pun dimeterai perjanjiannya. Setujukah Yang Berhormat Kota Belud kalau kita juga minta supaya Ketua Pembangkang, Yang Berhormat Permatang Pauh menyatakan sebuah syarikat bernama Baraktif Sdn. Bhd. yang mendapat 20 peratus syer kosong dalam IPP tersebut yang menjadi *nominee* syarikat yang berpusat di Hong Kong dan syarikat ini milik anak Perdana Menteri. Jadi, setujukah kalau itu juga diminta supaya disebutkan oleh Yang Berhormat Permatang Pauh? Terima kasih.

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Terima kasih Yang Berhormat Sungai Petani, itu pun sudah jadi *public domain*, tidak ada masalah.

Apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Sungai Petani itu sudah menjadi *public domain*, dalam *Hansard* dan kalau itu ingin diketengahkan oleh Yang Berhormat Pematang Pauh dalam penjelasannya, biarkan, saya rasa perlu dijawab. Saya cuma ingin mengatakan Tuan Pengerusi, yang penting kerajaan belajar daripada episod tersebut. Saya beri contoh Tuan Pengerusi, di mana kerajaan belajar daripada episod-episod kelemahan seperti ini. Contohnya, seperti penswastaaan antara DBKL...

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Ya Yang Berhormat, boleh kita balik kepada Jawatankuasa di bawah Maksud B.11 dalam ini sebab saya tidak jumpa pun, saya cuba-cuba cari tetapi tidak ada langsung. Peraturan kita cukup jelas Yang Berhormat, 67(9) mengatakan hanya butiran-butiran yang terkandung dalam ini. Jadi, minta tolonglah Yang Berhormat ya, ia masih terkongkong dengan peraturan ini juga, sila Yang Berhormat.

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Terima kasih Tuan Pengerusi kerana mengingatkan. Saya cuma ingin bertanyakan kepada Yang Berhormat Menteri tentang RM150 juta menampung pembayaran subsidi bagi pengecualian bil elektrik bulanan ini. Kita telah membuat satu tindakan dan saya amat memuji tindakan kerajaan. Kita bukan memotong subsidi secara rambang begitu sahaja, kita akan membantu rakyat yang memerlukan subsidi. Tidak perlu kita memberi subsidi orang yang mempunyai rumah, saya selalu katakan di sini, yang mempunyai rumah besar, banglo yang mempunyai 300 buah lampu. Kita tidak perlu atau orang yang membawa kereta yang besar-besar. Oleh sebab itu dalam subsidi yang telah dipotong oleh TNB ini, TNB telah mengatakan bahawa sebahagian besar daripada rakyat yang membayar, saya kurang pasti RM20 atau RM30 bil sebulan, tidak akan mendapat kesan negatif daripada pemotongan subsidi ini.

Akan tetapi yang saya terkilan sedikit Yang Berhormat Tuan Pengerusi, ialah apabila kita membelanjakan RM6 bilion tambahan ini, wang ini boleh digunakan untuk perkara yang lain. Sekolah di tempat saya, jalan raya, air, *sanitation*, dengan izin, di Sabah, di Sarawak yang sekarang ini terpaksa pula ditangguhkan kerana kita terpaksa membayar subsidi kepada orang yang tidak perlu. Ini sebabnya kenapa kita di Sabah dan Sarawak ini cuba untuk memahami apa sebenarnya tujuan kerajaan kerana RM6 bilion yang diminta ini boleh kita gunakan untuk sekolah, masalah air yang selalu dikritik oleh pihak pembangkang sewaktu mereka melawat Kota Belud contohnya. Ini duit yang boleh digunakan untuk lebih produktif. Jadi, sebab itu saya mengucapkan terima kasih kepada kerajaan kerana memikirkan ini tetapi masih lagi tambahan sebanyak RM6 bilion diperlukan untuk membiayai dan kita harus melihat di masa yang akan datang bagaimana cara yang terbaik untuk menangani subsidi tanpa ada retorik politik daripada kedua-dua belah pihak. Sekian, terima kasih.

■1750

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Ya, Yang Berhormat Machang. Saya memperingatkan semualah Yang Berhormat ya. Ada lima Kepala yang dibincangkan. Subsidi kepada *Multimedia Development Corporation*, Skim Rumah Pertamaku, memotong kos perjalanan program latihan kemahiran di seluruh negara dan satu lagi pengecualian bil elektrik bulanan, petroleum 2011. Itu sahaja dalam tafsiran ini. Terima kasih Yang Berhormat.

5.50 ptg.

Tuan Saifuddin Nasution Ismail [Machang]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya hargai atas peringatan itu. Tajuk saya masih lagi di bawah Butiran 020500 – Subsidi Gas Cecair (LPG), Diesel dan Petrol.

Tuan Pengerusi, saya mendengar penghujahan Yang Berhormat Rembau dan juga Yang Berhormat Kota Belud bahawa yang sebenarnya bukan subsidi kepada IPP tetapi satu *passing through mechanism*. Yang mengganggu fikiran saya Tuan Pengerusi ialah Petronas membekalkan gas kepada IPP. Sebanyak 30 peratus daripada gas yang Petronas peroleh, dia terpaksa beli daripada luar negara dan gas yang dibeli ini dibeli dengan harga pasaran iaitu RM47.42 sen. Oleh kerana terikat dengan perjanjian PPA, Petronas jual kepada IPP dengan harga RM10.

Ini yang menyebabkan yang disebut *forgone profit*, apa punlah istilahnya. Ceritanya, Petronas beli gas daripada luar negara di samping bekalan dalam negara dengan harga pasaran tetapi jual dengan harga yang jauh lebih rendah dan ketara sangat rendahnya. Beli RM40 dan jual RM10.

Jadi, akibatnya kehilangan hasil yang begini tinggi. Kita tidak mahu guna istilah subsidi pun tidak apalah. Keuntungannya kepada siapa? Selalu disebut kalau IPP dapatkan gas dengan harga yang rendah, maka tenaga elektrik yang dijanakan itu adalah tenaga yang dihasilkan daripada kos yang rendah. Kemudian, pengguna akan menikmati tarif elektrik yang rendah. Itu pandangan umum kita. Sebenarnya tidak. Saya merujuk kepada kajian Jeff Rector dari Stanford University, tahun 2005 berkenaan dengan pengguna elektrik di negara kita.

Pengguna residen atau pengguna isi rumah cuma 19 peratus, pengguna industri 50 peratus dan pengguna sektor peniaga iaitu kedai dan sebagainya 31 peratus. Maknanya sasaran subsidi tadi dari sudut ini pun cuma 19 peratus sampai kepada isi rumah atau pengguna rumah. Yang lain adalah sektor peniaga. Yang lain adalah sektor industri. Bermakna model IPP ini waktu dimulakan dulu dengan perjanjian PPA, ia lebih fokus kepada segmen peniaga, segmen korporat, segmen tauke. Bukan *centered* atau fokus kepada rakyat.

Di sana dikatakan juga bahawa barangkali kerana kos mereka itu rendah, maka harga barangan yang dikeluarkan oleh pengilang ini, industri ini menjadi rendah. Pun tidak juga. Seperti mana Persatuan FMM yang mengeluarkan kenyataan bahawa tarif elektrik di Malaysia ini tidak langsung kompetitif. Bahkan kita lebih mahal dari Thailand. Thailand tidak dapat subsidi tetapi tarif elektriknya lebih rendah berbanding dengan kita. Berapa? RM18.04 sen bagi setiap kilometer jam seunit. Di Malaysia RM21.08 sen bagi setiap kilometer jam seunit. Maknanya tarif elektrik di Malaysia itu tinggi walaupun IPP menikmati potongan harga subsidi. Pengguna tidak dapat menikmati harga yang lebih murah, hasil pengeluaran sektor industri ini.

Jadi, tertolak andaian yang mengatakan bahawa tidak perlulah kita bertekak, berbalah soal istilah ini kerana akhirnya pengguna teramailah yang mendapat manfaat. Terbukti tidak betul. Saya kemukakan tadi satu-satu kajian setakat yang saya baca. Tidak tahulah kalau Tuan Pengerusi sudah jumpa banyak. Saya tahu Tuan Pengerusi kaki buku. Akan tetapi setakat yang saya baca kajian Jeff Rector ini yang terbaru tentang Malaysia bahawa 81 peratus adalah pengguna industri dan perniagaan. Sebanyak 19 peratus sahaja pengguna elektrik adalah pengguna isi rumah.

Maknanya IPP tidak boleh kita sangkal lagi pada ketika harga pasaran gas RM47.42 sen, mereka cuma membeli dengan harga RM10. Akibatnya, Petronas kehilangan hasil RM21 bilion. Ini bukan soal Yang Berhormat Permatang Pauh hendak kena bagi penjelasan kah apa semua. Itu cerita lama punya. Semua orang tahu EPU peranannya bagaimana. Bagaimana Lim Goh Tong, Tan Sri Ananda, Syed Mokhtar, Francis Yeoh dan sekarang ini kelompok ini dengan izin, sudah *cash rich* dan *their venture* perniagaan di luar negara. Di England, di Indonesia, di Australia, di Singapura. Dia bukan melabur balik sini, dengan hasil, menikmati modal perniagaan yang sangat menguntungkan mereka. Jadi pada saya:

- (i) saranan untuk dikaji semula dan dijadikan ia sebagai maklumat umum. Butiran perjanjian tenaga itu sudah sampai masanya dan tidak perlu di tangguh-tangguh lagi;
- (ii) bahawa perjanjian sekarang yang jelas lebih menguntungkan IPP adalah berpunca daripada modal perniagaan yang lebih memberikan fokus kepada tauke besar. Bukan fokus kepada kepentingan rakyat; dan
- (iii) kos kenaikan tarif elektrik baru-baru ini menunjukkan bahawa model perniagaan TNB itu sudah tidak lagi *viable* untuk diteruskan kerana terikat kiri dan kanan. Perjanjian itu terang-terang menunjukkan bahawa jika berlaku kenaikan kos pada bahan api, ia bukan ditanggung oleh IPP tetapi ditanggung oleh TNB dan sekarang oleh pengguna.

Jadi Tuan Pengerusi, saya akhiri dengan mempertahankan hujah bahawa Petronas kehilangan hasil itu bukan sekadar *forgone profit* seperti yang kita istilahkan tetapi kehilangan hasil ini adalah kerana subsidi yang dinikmati oleh IPP kerana pembelian tenaga jauh lebih rendah daripada kadar harga semasa. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Ya, Yang Berhormat Jasin.

5.57 ptg.

Datuk Wira Haji Ahmad Hamzah [Jasin]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya terus kepada Butiran 020500 iaitu tambahan sebanyak RM5.6 bilion untuk menampung pembayaran tuntutan subsidi barangan petroleum tahun 2011.

Kita dapat lihat jumlah ini adalah menyerupai lebih daripada 4 peratus daripada keseluruhan peruntukan tambahan pertama tahun 2011 bagi menampung subsidi barangan petroleum untuk tahun 2011. Satu daripada sebab untuk kerajaan memperkenalkan peruntukan tambahan adalah untuk membantu kumpulan sasaran. Misalnya petani, penternak, nelayan dan juga kumpulan sasaran apabila satu-satu perkembangan berlaku, terutamanya apabila harga minyak dunia meningkat dengan begitu tinggi sekali.

Saya mohon kepada pihak kementerian kalau boleh berikan perincian tentang butiran ini daripada semua barangan petroleum iaitu terdiri daripada petrol, diesel dan gas. Kita mahu melihat siapakah sebenarnya benefisiari daripada barangan petrol ini kerana baru-baru ini kita dapat lihat tunjuk perasaan oleh nelayan-nelayan laut dalam. Sebelum ini kerajaan telah menstrukturkan semula ataupun rasionalisasi subsidi yang diberikan nelayan laut dalam dan juga sembilan jenis pengangkutan ini. Seharusnya, kerajaan mengkaji dan janganlah hendaknya kita tunduk kepada tekanan mereka. Apa sebab saya sebut begini? Kerana kita dapat lihat pengguna-pengguna pada ketika ini menghadapi tekanan dengan kenaikan harga ikan yang begitu tinggi sekali.

Keduanya, elemen subsidi ini adalah bantuan kerajaan yang disalurkan oleh kerajaan. Bantuan kewangan yang disalurkan oleh kerajaan supaya pada akhirnya kebajikan isi rumah dan juga pengeluar dapat dimaksimumkan apabila wujud keperluan untuk berbuat demikian.

■1800

Jadi, yang RM5.6 bilion ini kita mahu tahu sama ada sebelum ini banyak daripada penghujah-penghujah mengatakan ada elemen daripada IPP. Sekurang-kurangnya pada ketika ini telah mendapat penjelasan. Apa yang saya hendak sebut di sini, angka ataupun kadar yang telah ditetapkan oleh pemimpin kita untuk dibayar. Gas-gas yang disalurkan oleh Petronas ini ditetapkan supaya tarif elektrik mampu dibayar oleh pengguna. Bukanlah maknanya apa yang dituduh oleh banyak daripada pembahas-pembahas kononnya ada udang di sebalik batu.

Keduanya, saya hendak sebut di sini bahawa Petronas menyalurkan gas terus kepada IPP dan wang tersebut dibayar terus oleh TNB. Jadi, yang mendapat keuntungan sebenarnya bukan IPP tetapi adalah TNB. Akan tetapi, TNB mengenakan tarif yang berpatutan supaya pengguna-pengguna tidak terbeban. Jadi, kita mahu kalau boleh penjelasan ini dapat dihuraikan supaya tidak ada tohmahan-tohmahan seolah-olah kerajaan ada mempunyai satu agenda tertentu. Apa yang saya hendak sebut di sini, saya pun terperanjat apabila Yang Berhormat Machang kata tadi Petronas dibekalkan sebanyak 30 peratus gas keperluan negara untuk menyalurkannya kepada IPP. Kita hendak penjelasan tersebut sama ada benar ataupun tidak. Ini kerana apa yang saya lihat di sini, pada Petronas, ia hanyalah *opportunity loss* kerana kerajaan tidak menanggung apa-apa bayaran. Jadi kalau subsidi ini kepada rakyat, itu memang patut. Itu menunjukkan sebuah kerajaan yang cukup prihatin.

Tuan Saifuddin Nasution Ismail [Machang]: Boleh minta penjelasan sikit? Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Jasin. Saya rujuk laman web Petronas bagi setiap 100 peratus keperluan gas Petronas. Kedudukan sekarang ialah 30 peratus beli daripada luar termasuk daripada Latuna. Itu faktanya, yang pertama. Kedua, bagaimanakah kita boleh menjelaskan Thailand, dia tidak ada pun subsidi bahan api, tetapi kadar tarif elektriknya itu 18 sen.

Kita pula dengan segala macam subsidi tadi, kita bayar 12.4 sen. Kita lebih tinggi. Itu yang menjadi rungutan sektor pengilang FMM. Itu yang saya hargai pandangan daripada Yang Berhormat Jasin.

Datuk Wira Haji Ahmad Hamzah [Jasin]: Terima kasih Yang Berhormat dari Machang. Sebenarnya kalau kita buat perbandingan, tarif elektrik yang paling rendah sekali pada ketika ini adalah di Korea kerana mereka menggunakan kuasa nuklear. Bukan menggunakan daripada bahan petroleum. Tentang negara Thailand ini, saya tidak faham sangatlah. Akan tetapi, apa pun kita hendak lihat kalau boleh apa yang telah dicadangkan...

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: [Bangun]

Datuk Wira Haji Ahmad Hamzah [Jasin]: Sila.

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Yang Berhormat Jasin, Tuan Pengerusi. Merujuk kepada kenyataan Yang Berhormat Machang, ini berkenaan dengan dikatakan bahawa kajian menunjukkan bahawa yang mendapat faedah daripada subsidi ini ialah sektor perniagaan bukannya orang kebanyakan ataupun pengguna, individu. Akan tetapi, saya mendengar seolah-olah itu menjadi satu permasalahan dan seolah-olah menuduh kerajaan pro perniagaan, tetapi Yang Berhormat adalah seorang yang arif tentang ekonomi. Apabila kita membantu sektor perniagaan, tentunya sektor perniagaan itu tadi akan dapat memberi peluang pekerjaan kepada rakyat dan juga mampu untuk mendapat keuntungan yang lebih yang mungkin juga boleh memberi pulangan daripada segi *income tax*.

Ia bukan bulat-bulat diberi kepada perniagaan begitu sahaja, tetapi banyak lagi kebaikan-kebaikan yang kita dapati daripada pemberian subsidi kepada sektor perniagaan itu. Jangan anggap itu sebagai satu dosa yang cukup besar sedangkan ia juga boleh memberi banyak lagi *spillover effect*, dengan izin. Minta pandangan Yang Berhormat.

Datuk Wira Haji Ahmad Hamzah [Jasin]: Saya bersetuju dengan sahabat saya daripada Kota Belud. Kalau boleh masukkan dalam teks ucapan sayalah. Ini kerana dalam perniagaan, apa pun kita hendak lihat sama ada kadar yang dikenakan oleh Petronas kepada TNB itu, adakah ianya di bawah paras *cost of production*, itu yang mustahak. Ini kerana apa yang kita hendak sebut tadi, kalau pun dia rugi berbanding dengan dia jual kepada pasaran terbuka, itu hanya adalah *opportunity loss* dan kadar yang ditetapkan tadi mungkin telah dibuat oleh pemimpin kita kerana supaya ia tidak membebankan rakyat kita.

Tuan Pengerusi, kita hendak kalau boleh pihak kementerian dapat memberikan penerangan yang jelas supaya kita dapat benar-benar menerangkan kepada semua pihak, kepada semua rakyat. Jangan hendaknya pihak pembangkang menyampaikan benda-benda yang boleh mengelirukan rakyat seolah-olah kerajaan kita tidak telus. Saya yakin apa yang dibuat oleh kerajaan pada ketika ini adalah semata-mata bagi memastikan supaya negara kita bukan sahaja pro kepada perniagaan, bahkan kita nak lihat pelabur-pelabur akan terus datang menanam modal dan menjadikan Malaysia sebagai...

Tuan Mohd. Yusmadi Mohd. Yusoff [Balik Pulau]: Yang Berhormat Jasin, boleh sikit?

Datuk Wira Haji Ahmad Hamzah [Jasin]: Destinasi pelaburan yang menguntungkan. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Mohd. Yusmadi Mohd. Yusoff [Balik Pulau]: Sudah duduk, habis?

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Mana satu Yang Berhormat Jasin? Sudah habiskah itu atau beri laluan?

Datuk Wira Haji Ahmad Hamzah [Jasin]: Sudah habis.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Sudah habis ? Ya, Yang Berhormat Pasir Mas.

6.06 ptg.

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Terima kasih Tuan Pengerusi. B.11 mengenai dengan RM150 juta bagi menampung pembayaran subsidi untuk pengecualian bil elektrik bulanan bagi penggunaan RM20 dan ke bawah bagi tahun 2011. Fikiran saya tidak terganggu, tetapi yang terganggunya ialah rakyat. Saya hendak minta Yang Berhormat terutamanya dalam kes ini ialah penerangan yang sejelas-jelasnya kepada rakyat. Ini yang paling pokok sekali sebab saya mengatakan demikian Yang Berhormat, mengikut apa yang saya dimaklumkan dan kita semua tahu bahawa sewaktu bil elektrik ini diselaraskan baru-baru ini, dimaklumkan bahawa golongan berpendapatan rendah dikecualikan. Inilah peruntukan disediakan RM150 juta ini di mana kalau kita kira 100 kilowatt satu jam ke bawah, anggarannya lebih kurang RM70 sebulan digunakan untuk satu keluarga, satu buah rumah yang miskinlah, yang kira berpendapatan rendah.

Dengan subsidi RM20, maka dia bayar RM50. Ini dijangkakan 75 peratus, tetapi Yang Berhormat, sebenarnya daripada segi hakikatnya betul atau tidak 75 peratus ini? Setahu saya, jumlah 75 peratus ini yang disebut di sini, tetapi daripada segi hakikatnya pelaksanaan dari segi kenaikan harga bil elektrik ini melibatkan banyak pihak dari segi angkanya Yang Berhormat, saya tidak tahu yang daripada segi *detail*nya. Cuma saya hendak maklum kepada Yang Berhormat, ini menjadi kemarahan rakyat sebenarnya. Amat-amat menjadi isu yang cukup besar, malah saya berani mengatakan ianya juga sebahagian daripada yang boleh menjadi *silent killer* kepada sokongan rakyat kepada kerajaan Barisan Nasional. Jadi penjelasan kepada rakyat penting kerana kita lihat dari segi casnya 100 kilowatt, 101 kilowatt kepada 500 kilowatt, ia naik 1 peratus setiap kilowatt satu jam dan bagi 500 kilowatt ke atas, ia naik berganda. Kalau daripada RM40, dia terima bil yang baru RM80. Kalau dia terima bil sekarang RM80, jadi RM160. Jadi, yang marah sekarang ini bukan sahaja rakyat berpendapatan rendah, itu okeylah sebab mereka ada subsidi, tetapi rakyat yang ramai ini pun, yang sederhana ini, ini yang menjadi beban kepada rakyat.

Pada rakyat pula, satu perkara Tuan Pengerusi, pada rakyat pula, dia tidak kisah kita asyik sebut, kerajaan sebut kalau kita boleh selamatkan wang ini untuk pembangunan, untuk lain-lain rancangan, dia tidak akan faham ataupun kalau dia faham pun tidak penting bagi mereka. Ini kerana bagi mereka, kalau mereka ada pendapatan lebih kurang RM1000 ke RM2000 sebulan, dahulu asyik bayar bil elektrik RM120, kalau sekarang ini perlu bayar RM200, bertambah RM80, bertambah RM100 kos hidup satu-satu bulan. Ini yang menjadi beban kepada mereka ini. Ini yang menjadi masalah kepada mereka. Kita boleh cakaplah untuk kebaikan itu, untuk kebaikan ini. Selepas itu ditambah pula dengan kempen-kempen pihak tertentu mengatakan lihat, walaupun katanya harga naik kerana komoditi naik, di peringkat dunia harga minyak naik, tetapi Petronas umum keuntungan berbilion-bilion ringgit.

■1810

Ini yang rakyat keliru, rakyat tidak faham. Hal ekonomi ini pasti di kalangan rakyat di bawah tidak faham. Mereka kelirukan fakta-fakta ini, maka sudah tentu ianya menjadi beban kepada rakyat dan kepada negara. Saya minta supaya perkara ini diberi perhatian dan macam mana boleh diberi penerangan yang sejelas-jelasnya. Akan tetapi kalau beri penerangan sejelas-jelasnya pun, kalau mereka kena bayar, mereka merungut juga. Bagi mereka yang tidak ada pendapatan yang lumayan seperti setengah-setengah orang, jadi tentu dia marah. Jadi, inilah yang menjadi tidak payah hendak berbahas panjang lebar kerana bagi saya Yang Berhormat, akhirnya sekali, *bottom linenya*, rakyat kena gembira.

Kerajaan hendak kena tanggung macam mana, berapa banyak subsidi apa pun, rakyat kena gembira. Kalau rakyat tidak gembira, rakyat tidak senang hati, maka tentu rakyat akan—tentangan rakyat ini boleh berlaku dalam banyak bentuk. Jadi, sebab itu saya minta kalau boleh diberi penjelasan ataupun yang pentingnya kalau boleh diselaras balik supaya rakyat tidak beban dengan bil yang mereka terima sekarang ini sebab dari segi teorinya lain, praktikalnya lain, apa yang berlaku sekarang ini. Jadi, itu sahaja Tuan Pengerusi, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Kuala Selangor.

6.11 ptg.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Telah banyak diperkatakan tentang subsidi, mungkin saya memberi sedikit fokus kepada Maksud B.11 ini atas tajuk ketiga itu sebanyak RM100 juta yang diperuntukkan untuk menampung kos menjalankan program latihan kemahiran di seluruh negara ini. Tuan Pengerusi, ini adalah perkara yang langsung berhubungan dengan mengangkat modal insan. Hampir 15 tahun sudah program seumpama ini dijalankan dan sewajarnya kita tidak boleh lakukan perkara ini secara apa yang dikatakan mengulangi kerja yang sama, mengharap nati jah yang berbeza. Kalau kita buat kerja yang sama, maka keputusannya akan sama Tuan Pengerusi.

Maka, saya minta supaya kementerian memberikan sedikit *pendetailan* supaya ia tidak merupakan satu yang mungkin pada sifatnya sudah menjadi rutin dan generik. Maka, saya minta supaya perkara ini diberi faham apakah faktor-faktor kritikal dalam kejayaannya? *What are the critical success factors* yang saya juga mendekati mereka yang terlibat dalam bidang ini pelbagai masalahnya Tuan Pengerusi. Jadi, kalau boleh saya mahu dengar penjelasan daripada kementerian untuk menerangkan dengan RM100 juta ini. Ataupun dalam bidang latihan program kemahiran ini dikatakan bahawa antara lainnya mereka yang terlibat itu mengalami pelbagai masalah. Contohnya, tentang pembayaran yang lambat, kalau ada perolehan-perolehan yang mereka buat tentang contohnya, mesin dan sebagainya, enam bulan tidak sampai, sampaikan tutup.

Kaedahnya adalah mentor mentee tetapi pada akhirnya, yang terlibat juga adalah MARA, PUNB, Kementerian Sumber Manusia sendiri. Akan tetapi program yang telah berjalan selama 15 tahun tidak ketara nampak boleh melahirkan modal insan yang baik yang pada akhirnya yang meningkatkan apa yang merupakan *the greatest bottle neck* dalam membawa negara kita negara berpendapatan tinggi. Itu satu yang saya minta untuk diberikan. Begitu juga dalam peruntukan yang kelima itu, program yang dijalankan sudah hampir tujuh tahun Tuan Pengerusi, meningkatkan dalam Latihan Multimedia *Development Corporation* (MDeC) itu dalam bidang ICT khususnya. Sekali lagi saya minta supaya bukan sahaja peruntukan ini dibuat RM50 juta itu tetapi dapatkah kementerian menjelaskan apakah yang mereka telah dapat atasi dari sudut kekangan dan *the various tumbling block* dan *bottle necks* nya. Supaya pada akhirnya mereka yang melalui program latihan dan kemahiran ini benar-benar dapat dipertingkatkan dari sudut keupayaan mereka. *The choice of people*. Mereka yang dipilih itu pun adalah penting. Pada akhirnya, mereka mesti *marketable* dan perlu ada juga mereka yang membantu *marketing* kebolehan mereka ini dari sudut Matradenya dan sebagainya.

Saya kira begitu sahaja Tuan Pengerusi, kecuali saya ingin tahu macam mana pula dalam maksud B.11 itu, dalam peruntukan tambahan RM150 juta untuk menampung pembayaran subsidi bagi pengecualian bil elektrik bulanan bagi penggunaan bawah RM20 ke bawah itu untuk tahun 2011. Sepatutnya telah pun diperuntukkan dalam bajet asal kerana perkara ini tidak ada perubahan kerana itu telah berjalan seperti ataupun itu telah dilaksanakan sekian lamanya. Berakhirnya ini adalah selepas daripada 2011, jadi saya dapati secara umumnya peruntukan-peruntukan dalam bajet ini tidak sepatutnya datang dalam bentuk anggaran tambahan perbelanjaan. Sepatutnya telah diambil perhitungan. Ini yang menjadikan kita bertanya-tanya, apakah sebenarnya tujuan untuk mengadakan anggaran ini kecuali perkara-perkara yang terbit dan bangkit selepas daripada perbelanjaan asal belanjawan dibuat. Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin mendapat penjelasan semua ini.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Ya Yang Berhormat Balik Pulau.

6.17 ptg.

Tuan Mohd. Yusmadi Mohd. Yusoff [Balik Pulau]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya secara ringkasnya, Yang Berhormat menteri tadi banyak teman-teman, rakan-rakan Ahli-Ahli Parlimen menimbulkan isu kebertanggungjawaban kerajaan, dari Yang Berhormat Jasin mengenai isu ketelusan. Saya ingin mencadangkan dan saya rasa Menteri boleh memberi komitmen di dalam Dewan yang mulia ini.

Ini kerana banyak pendekatan yang boleh rakyat menilai sikap telus dan sikap objektif kerajaan itu. Contohnya, Kerajaan India secara komitmen penuh meluluskan di Parlimen mereka, *rights to information* jadi kita dapat secara langsung. Kerajaan Selangor sebelum tiga tahun kita telah lulus *Freedom of Information Act*.

Benda-benda ini akan mendidik rakyat dan di sini saya secara tegas mengatakan di sini harta kerajaan, harta pembangkang, parti politik, bukan lagi merupakan monopoli kita terhadap maklumat-maklumat yang mana akan menjadi kepentingan rakyat. Rakyat akan punya hak dan di sini pada pandangan saya, saya rasa Menteri Kewangan memandangkan dari tadi juga kita membicarakan, saya menyoalkan tadi tidak putus-putus mengenai isu *assess*, kita panggil *impact assessment*. Mana mungkin satu keputusan yang baik dapat dibuat tanpa satu asas penilaian yang objektif.

Sehingga hari ini, Yang Berhormat menteri arif saya rasa perkara ini, seorang yang punya pengalaman dengan bank-bank pembangunan dan bantuan-bantuan pembangunan. Ini yang mana menggariskan, menetapkan apa yang dipanggil *indicator* yang mana sebenarnya akan memberi satu kedudukan yang lebih objektif. Contohnya di sini dengan izin Tuan Pengerusi, kita membicarakan mengenai peruntukan RM5 bilion untuk pembayaran subsidi dan kita membicarakan mengenai pembayaran bil. Saya ingin mengatakan agak terkejut ramai kawan-kawan saya, perlu saya mengatakan ada lagi orang dalam Parlimen Balik Pulau yang tidak ada bantuan elektrik, apatah lagi memberi cara mengenai hendak bayar bil. Mereka kata mustahil, ini di Pulau Pinang, di pulau. Saya rasa ada.

Kebetulan saya rasa perkara ini kalau saya yakin, saya mengambil kesempatan ini menarik perhatian, menteri mungkin melalui CEO TNB kebetulan orang Parlimen Balik Pulau, saya bangga. Mana mungkin orang dalam kawasan Parlimen dia sendiri tidak ada elektrik dan saya bagi secara khusus di Bukit Titisorong, di atas bukit.

Jadi Yang Berhormat menteri, soalan pertama sekali saya mencadangkan bagi membuktikan ketelusan kerajaan itu. Pertama sekali, bentangkan di Dewan yang mulia ini apa yang dipanggil sebagai *Rights to Information Act* ataupun rang undang-undang. Ataupun *Freedom of Information Act* dan kita boleh berusaha sama di antara Kerajaan Negeri Selangor atau dan juga Kerajaan Negeri Pusat.

■1820

Di situ kita bukan yang menentukan bila atau bagaimana sekarang, Ahli Parlimenakah yang akan dapat dokumen itu. Ini kerana Yang Berhormat Menteri, saya rasa Yang Berhormat Menteri Kewangan di sini Timbalan Menteri punya pengalaman penuh dengan TNB. Terma-terma PPA itu Yang Berhormat Menteri, tidak ada langsung pun yang boleh terjumlah di dalam dengan izin, OSA, tidak ada. Tidak ada *national security* pun di situ. Tidak ada sebab kenapa ia perlu kita mengatakan hanya Ahli Parlimen boleh, rakyat tidak boleh. Ini kerana kita tahu apa terma-terma dan secara kebetulan saya terlibat secara *detail*. Saya rasa Yang Berhormat Menteri boleh katakan tidak ada sebab kenapa ianya perlu disembunyikan ataupun dilindungi Yang Berhormat Menteri, ya. Itu pertama mahu penjelasan mengenai perkara tersebut.

Kedua, *Assessment Impact Report*. Itu penting kerana saya dapat tahu daripada Bank Pembangunan. Tadi kebaikan ADB apabila berurusan dengan Bank Industri dan sebagainya, Kerajaan Malaysia tidak bersetuju apabila ia menetapkan okey, hendak perkara ini, ini *assessment*, tidak bersetuju. Jadi saya terkejut kerana negara sekecil-kecil Laos, lima juta lebih populasinya mahu perkara itu diadakan supaya ketelusan. Apa yang dinamakan dengan izin *towards very democratic nation* dibuat.

Seterusnya, Yang Berhormat Menteri dari segi aspek cadangan RM100 juta untuk menampung dana jaminan bagi program Skim Rumah Pertamaku (SRP). Yang Berhormat Menteri saya secara peribadi dan bagi pihak Balik Pulau, kita menyokong penuh. Akan tetapi, di sini Yang Berhormat Menteri, kita patut ingat dan saya yakin yang kita sasarkan kemungkinan golongan muda, golongan graduan yang baru keluar. Akan tetapi, kita patut ingat juga kekangan-kekangan mereka. Contohnya PTPTN, keluar-keluar sudah kena *blacklisted*. Jadi macam mana hendak mohon pinjaman?

Jadi saya mohon penjelasan Yang Berhormat Menteri. Bagaimanakah kedudukan-kedudukan mereka ini apabila esok di mana mereka sudah ada hutang, *blacklisted*. Kemungkinan tidak dapat bayar atas sebab-sebab tertentu. Jadi hendak meminjam bantuan daripada bank-bank yang ditetapkan ini tidak layak. Jadi, hendak bantu tetapi tidak sampai.

Seterusnya, Yang Berhormat Menteri saya juga ingin memohon penjelasan Yang Berhormat Menteri, bagaimana agenda Skim Rumah Pertamaku ini dapat dicadangkan dengan sebegitu rupa kerana soalan dalam Dewan yang mulia ini di mana saya pernah bertanya kepada Yang Berhormat Menteri Perumahan.

Sehingga hari ini tidak ada data pun secara tepat pemilikan rumah. Hatta audit yang perlu dibuat kerana kita mendapat aduan kononnya ada sindiket *money laundering*, kelompok-kelompok yang mengambil kesempatan membeli rumah secara 'amblok' sehinggakan menafikan kelompok-kelompok yang perlu. Ingin saya tegaskan di sini Yang Berhormat Menteri, banyak projek kerajaan di atas nama PERDA, JKP dan sebagainya yang kalau kita tengok contohnya di Balik Pulau kalau kita pergi tengok, orang beli rumah tetapi tidak duduk hingga naik semak samun. Ada satu kertas yang dibuat oleh Profesor Goh Ban Lee daripada USM yang agak pakar dalam perumahan. Apa yang memeranjatkan saya dia kata secara statistik, *demand* dengan *supply* rupanya berlebihan. Akan tetapi, hanya di kawasan-kawasan yang tertentu. Kalau kawasan daerah Barat Daya Pulau Pinang itu pula tidak ada data. Yang ada di sebelah Seberang Perai dan sebagainya.

Jadi di sini Yang Berhormat Menteri saya rasa, kalau tidak punya data dan kalau tidak punya *Assessment Impact Report*, mana mungkin suatu skim yang berjumlah besar ini dapat dinilai dengan objektifnya dan apatah lagi dapat dipantau agar ianya berjaya.

Akhir sekali, saya juga bersetuju mengenai agenda ICT ini. Akan tetapi, Yang Berhormat Menteri, kita tahu agenda ICT ini bermula seawal-awal siber koridor dan sebagainya. Akan tetapi, perkara itu dari segi kadar iaitu kita panggil digital literasi pun masih lagi rendah. Saya rasa Yang Berhormat Menteri tolong perjelaskan kepada Dewan yang mulia ini sebelum jumlah yang besar ini digunakan dan di manakah *report-report* tersebut agar ianya dapat diberi kepada kita Ahli Parlimen dan kita dapat meyakinkan rakyat kita bahawa ini ada asasnya. Bukan satu perkara bersifat yang saya panggil satu *conjecture* ataupun agak-agak hendak pakai. Jadi Yang Berhormat Menteri, saya mohon satu penjelasan yang objektif dan spesifik untuk meyakinkan rakyat bahawa kita ke arah kerajaan yang lebih telus. Terima kasih.

Beberapa Ahli: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Ya, Yang Berhormat Rantau Panjang.

6.24 ptg.

Puan Siti Zailah Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingat Tuan Pengerusi lupa nama saya sudah... [Ketawa]

Menyentuh Maksud B.11 – Perkhidmatan Am Perbendaharaan. Yang mana saya ingin menyentuh Tuan Pengerusi berkaitan dengan tambahan sebanyak RM6 bilion yang telah diperuntukkan untuk menampung pembayaran tuntutan subsidi petroleum sebanyak RM5.6 bilion. Ini merupakan satu beban yang besar kepada negara. Kita dapati 45 peratus daripada perbelanjaan kerajaan Malaysia adalah bergantung pada hasil minyak. Kita melihat sekarang ini kedapatan hasil minyak telah berkurang 10 peratus setahun. Ini merupakan satu perkara yang amat membimbangkan. Negara kita akan menuju kebangkrapan sekiranya sumber baru tidak diterokai oleh kerajaan.

Jadi oleh sebab itulah saya mencadangkan supaya, maknanya perkara-perkara yang membebankan negara sepatutnya sebagaimana yang telah disebut oleh ramai rakan saya tadi seperti subsidi kepada IPP, pampasan kepada konsesi tol dan sebagainya yang menelan belanja puluhan berbilion ringgit ini seharusnya dikaji balik dan ditetapkan supaya perkara ini tidak lagi terus membebankan negara. Kita perlu melihat kepentingan rakyat sebagaimana slogan yang diutarakan, "Rakyat Didahulukan...". Sepatutnya rakyat dikurangkan beban. Sekarang ini keadaan hidup rakyat semakin tertekan dengan kenaikan bahan bakar dan membawa kepada kenaikan barangan harian.

Begitu juga saya ingin penjelasan daripada pihak kementerian iaitu bagaimanakah usaha untuk menangani isu kenaikan bahan bakar ini iaitu supaya memperbanyakkan lagi depot-depot gas NGV ini terutama di kawasan Pantai Timur. Ini kerana penggunaan gas kereta ini lebih murah berbanding dengan minyak. Jadi sejauh manakah tindakan yang telah dibuat untuk memberi peluang terutamanya negeri di sebelah Pantai Timur dapat menikmati peluang ini supaya dapat mereka terutamanya pemandu-pemandu teksi dan pemandu-pemandu kereta sewa yang cukup terbeban dengan kos petrol yang mahal.

Saya ingin juga penjelasan iaitu berkenaan dengan usaha membanteras penyeludupan. Saya dapati di sempadan sekarang diletakkan pasukan RELA untuk membantu kerajaan bagi mengawal penyeludup-penyeludup minyak. Jadi soalnya sekarang, sejauh manakah dan apakah keberkesanannya telah dibuat? Yang kita tengok - walaupun RELA ditetapkan di stesen-stesen petrol yang berisiko berlakunya penyeludupan tetapi banyak lagi lorong-lorong tikus iaitu maksud saya kawasan-kawasan yang memang masih digunakan oleh mereka ini. Kenapakah kerajaan tidak menetapkan bahawa semua kereta warga asing yang datang ke negara kita sepatutnya mereka tidak menikmati bayaran subsidi. Ini sebab kita lihat betapa banyak kenderaan asing setiap hari di semua pintu masuk negara kita menggunakan minyak bersubsidi.

Jadi seharusnya kerajaan memberi langkah yang lebih tepat supaya mereka iaitu warga luar daripada negara kita ini seharusnya tidak mendapat nikmat subsidi yang hanya diperuntukkan untuk rakyat negara kita. Seterusnya, saya ingin penjelasan juga iaitu tentang kalau kita melihat bagaimana kerajaan memperuntukkan berbilion-bilion ringgit untuk subsidi barangan petroleum ini, kenapa royalti minyak di Kelantan tidak dibayar? Ini satu persoalan dan saya ingin juga merupakan satu bala juga apabila hak rakyat kita tidak tunaikan. Sedangkan perkara ini telah termaktub dalam Akta Pembangunan Petroleum menyebabkan kesan ini sangat besar kepada negara dan rakyat. Begitu juga saya ingin penjelasan berkaitan dengan masalah pengecualian iaitu sumbangan subsidi sebanyak RM150 juta untuk menampung pembayaran subsidi bagi pengecualian bil bulanan. Kita dapati banyak lagi kampung-kampung dan kawasan yang masih ada lagi tidak mempunyai bekalan elektrik sebagai terutama di pedalaman Sabah dan Sarawak.

Jadi sejauh manakah usaha yang telah dibuat untuk menangani, untuk memberi perkhidmatan yang terbaik untuk rakyat? Ini sebab kita ingin rakyat dapat hidup dengan sempurna, dapat menikmati taraf hidup sesuai dengan kemajuan negara yang ada pada hari ini. Saya juga ingin menyentuh soal iaitu peruntukan sebanyak RM100 juta yang diperuntukkan untuk Program Latihan Kemahiran seluruh negara. Begitu juga dengan kursus-kursus yang diberi kepada kakitangan awam.

Jadi saya ingin tahu, apakah modul yang telah ditetapkan dan berapakah program serta apakah jenis-jenis program yang telah dilaksanakan? Ini sebab kita mendapat maklumat ada di kalangan kakitangan awam yang memberi maklum kepada kita iaitu di antara modul-modul yang diberi kepada mereka yang mendapat kursus-kursus dan latihan ini ada yang dimaklumkan bagaimana dibawa dalam penerangan kursus itu, perkara-perkara yang memburuk-burukkan kepimpinan Pakatan Rakyat termasuklah filem, video seks dan sebagainya. Ini dimaklumkan oleh kakitangan awam yang menghadiri kursus-kursus yang dianjurkan oleh kerajaan. Jadi sejauh mana? Apakah sebenarnya tujuan dan seharusnya perkara ini dinilai balik di mana sebenarnya demokrasi yang ada di dalam negara kita.

Begitu juga saya ingin menyentuh berkenaan dengan RM100 juta untuk dana pembelian rumah kali pertama yang mana di bawah Skim Rumah Pertamaku ini. Kita melihat ini juga satu lagi beban yang akan membawa kepada lebih ramai lagi golongan muda akan berhadapan dengan isu bankrap.

■1830

Ini sebab kita lihat bagaimana negara kita di antara negara mempunyai hutang isi rumah tertinggi di Asia, iaitu sebanyak RM577 bilion sebagaimana yang dinyatakan oleh Tan Sri Zeti Aziz. Jadi ini merupakan satu perkara yang amat membimbangkan dan kita bimbang akan lahirnya generasi-generasi yang berhutang. Sudahlah berhutang dengan PTPTN, berhutang pula dengan pinjaman peribadi hendak kahwin, berhutang pula beli kenderaan, berhutang rumah. Akhirnya mati dalam hutang. Jadi itulah yang kita bimbang apabila budaya berhutang ini menyebabkan rakyat akan terus terbeban. Itulah sahaja Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Indera Mahkota dan selepas itu Menteri menjawab.

6.30 ptg.

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Saya rasa tambahan belanjawan ini memang sebenar tujuannya untuk tajuknya pasal subsidi sahaja sebab semuanya menyentuh pasal subsidi. Kalau Maksud B.11, selepas itu hak yang lain semuanya berkenaan subsidi, minyak masak, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani semua pasal subsidi. Maksud B.11 sahaja pun RM6 bilion ini lebih daripada 41 peratus daripada belanjawan keseluruhan yang diminta.

Walaupun nampak masa dihadkan tetapi saya tidak tahulah, saya rasa antara isi yang paling banyak sekali berkenaan dengan subsidi ini duduk pada Maksud B.11 dan juga B.20. Saya hendak tahu berkenaan dengan Butiran 020000, 020500 berkenaan dengan diesel walaupun yang lain semua petrol sudah banyak diceritakan. Saya hendak tahu pasal diesel.

Baru minggu lepas kecoh berkenaan dengan isu penyelewengan diesel bersubsidi terutamanya yang dinikmati oleh nelayan ataupun orang yang terlibat dalam industri perikanan terutamanya laut dalam yang lesennya kata C2 dan setengahnya disebut sebagai penyelewengan C2 kerana dia tipu kononnya kata bot dia C2, tetapi sebenarnya dia ini berpakat dengan agensi-agensi penguatkuasaan semua sebenarnya dia dapat kategori C0 atau 'C' sahaja.

Apa yang berlaku, C2 ini telah mencero boh perairan untuk C0 dan akhirnya bukan sahaja subsidi diesel ini yang diselewangkan malah hasil tangkapan juga diselewangkan dan juga hak-hak nelayan kecil yang lain juga diselewangkan. Orang ini semua masih lagi menuntut untuk mendapatkan subsidi dan kerajaan melayan dengan elok untuk beri subsidi diesel kepada orang-orang yang mencero boh ini yang dianggap sebagai penyangak ini.

Jadi saya hendak tahu untuk RM6 bilion termasuk dengan subsidi dalam petrol dan selain daripada itu termasuk yang mustahaknya diesel ini, adakah kerajaan hendak buat keputusan sekarang, hendak minta Dewan luluskan subsidi untuk membela atau membela golongan penyangak ini. Saya rasa tidak munasabah sama sekali sebab kita tahu masalah sebenar. Sudahlah kata ikan jadi mahal kerana ikan dijual ke tempat lain yang sepatutnya semasa pemberian lesen dan kita tahu siapa punya lesen ini.

Kalau kita berani, kementerian yang bertanggungjawab cuba dedahkan siapa empunya lesen C2 dalam Malaysia ini kalau ada beberapa ribu lesen dikeluarkan siapa pemunya lesen ini yang menikmati diesel bersubsidi malah bukan sahaja menikmati diesel bersubsidi, bahkan menjual pula diesel ini dan mendapat keuntungan serta penjualan ini yang buruk lagi bukan dijual dalam negara tetapi luar negara.

Jadi subsidi diesel ini yang dinikmati oleh kumpulan ini bukan sahaja khianat kerana jual, mendapat keuntungan tetapi mereka tidak berminat hendak tangkap ikan tetapi lebih minat hendak jual diesel bersubsidi kerana lebih untung. Selisih harga lebih kurang 83 sen satu liter menjadikan diesel bersubsidi ini cukup lumayan untuk diniagakan terutama apabila dijual kepada orang asing.

Sudahlah kita beri subsidi kemudian subsidi itu tidak ada manfaat kepada rakyat kita bahkan dijual pula kepada orang asing. Ini pengkhianatan yang patutnya kita hukum dengan hukuman yang seberat-beratnya secara mandatori dan pihak penguasa yang dikatakan saya tidak tahu, ada Timbalan Menteri mengatakan perkara ini sudah lama berlaku tetapi tidak ada tindakan. Saya hendak tanya pihak Timbalan Menteri, adakah Timbalan Menteri mendengar berkenaan perkara ini untuk satu *fleet card subsidy* diesel yang diberi untuk kapal atau bot C2 sebanyak 40,000 liter sebulan. Kebanyakannya hanya menggunakan 10,000 ke 15,000 liter sahaja sebulan dan selebihnya dijual.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat, Yang Berhormat Lembah Pantai.

Puan Nurul Izzah Anwar [Lembah Pantai]: Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Indera Mahkota.

Saya hendak tambah satu sahaja perkara berkait dengan isu pembaziran ini bukan sahaja dari segi penyalahgunaan diesel, tetapi kerajaan juga membelanjakan wang yang banyak untuk memantau menerusi kontrak yang telah diberikan kepada sebuah syarikat hendak laksana teknologi *nanotech*, digunakan untuk membuat penandaan 10 bilion liter penggunaan diesel. Kontrak ini nilainya Yang Berhormat sebanyak RM117 juta setahun.

Apabila subsidi diesel, super subsidi yang diberikan kepada beberapa kategori seperti Yang Berhormat sebut ditarik semula bermula dengan Jun, bagaimana pula dengan kontrak yang diberikan kepada syarikat ini untuk memantau. Pemantauan yang gagal tetapi kontrak masih lagi berjalan. Saya mohon komen daripada Yang Berhormat. Terima kasih.

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: *Double jeopardy*, kemusnahan berganda. Kita korek lubang, tutup lubang. Isu sebenar memang tidak akan selesai kerana akibat penyelewengan. Terima kasih Yang Berhormat Lembah Pantai. Inilah sebahagian daripada yang ditegur bertahun-tahun dikatakan kebocoran ini. Orang yang tegur ini, tidak tahulah. Kalau saya jadi dia, saya sudah berhenti lama. Ketua Audit Negara, tidak ada siapa yang endah apa yang dia tegur. Tegur tiap-tiap tahun tegur tidak jadi apa pun, berterusan perkara yang sama dan saya rasa teguran yang berkenaan dengan kita duduk berbincang sampai malam macam ini, kerana hendak benarkan penggunaan wang untuk menampung subsidi seibarat macam subsidi kita hendak beri dihantar ke orang asing.

Saya secara peribadi saya tidak sokong langsung dan saya mengatakan perkara utama yang hendak buat kementerian kena pastikan dahulu mekanisme untuk menutup kebocoran ataupun penyelewengan subsidi diesel ini. Ini yang mustahak dan berapa banyak pun, kita faham hendak bagi subsidi untuk meringankan beban rakyat tetapi kalau *percentagena* lebih daripada 70 peratus diselewengkan, taruk berapa pun, masalahnya tidak selesai.

Saya minta supaya perkara ini dilihat kerana isu penyelewengan subsidi diesel ini dikatakan memang kerajaan takut hendak sentuh isu ini. Takut sebab sentuh sahaja isu ini, hendak beri kira tarik balik atau apa, kerana jika ada golongan yang berkepentingan tertentu akan memberi amaran dan *ransom*. Jadi kerajaan takut, jadi tidak buat apa-apa.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Boleh sedikit sahabat ku?

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Boleh.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Tuan Pengerusi, saya seronok dengar sahabat saya Yang Berhormat Indera Mahkota ini. Bagi sayalah, pada saya mungkin saya silap, kalau silap tegur saya. Kerajaan beri subsidi hendak membantu, hendak meringankan beban. Antaranya hendak membantu nelayan C2 ini. Nampaknya tidak tahu Yang Berhormat Indera Mahkota hendak marah siapa, hendak marah kerajaan atau hendak marah nelayan. Tiba-tiba pertolongan kerajaan yang berniat ikhlas ini seperti Yang Berhormat Indera Mahkota katakan diselewengkan oleh nelayan C2 ini, dijual di tengah laut.

Pihak Jabatan Pertanian, perikanan supaya dapat didaratkan ikan yang lebih banyak, diberikan insentif 10 sen, 20 sen satu kilo tetapi tidak juga kerana itu dijual di tengah laut. Oleh sebab itu kerajaan baru-baru ini menyekat subsidi ini. Jadi maknanya kerajaan sudah bertindak dengan betul. Saya tidak tahu Yang Berhormat Indera Mahkota ini marah kerajaan atau marah nelayan, saya tidak tahu. Pasal pada pendapat saya, tindakan kerajaan menyekat subsidi ini adalah satu tindakan yang betul dan sebab itu nelayan C2 laut dalam ini marah, hingga hendak memboikot, tidak mahu jual lagi ikan, ikan tengah mahal. Balik, susah balik pada rakyat. Jadi saya tidak tahu Yang Berhormat Indera Mahkota marah kepada siapa, marah kerajaan kah marah nelayan?

■1840

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Nanti saya hendak beritahu, saya hendak marah kepada siapa.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: [*Ketawa*] Sahajalah petang-petang begini bergurau sedikit dengan Yang Berhormat Indera Mahkota. Yang Berhormat Indera Mahkota ini orang yang baiklah. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Terima kasih. Ikut mana pun, ikan pun mahal sekarang ini. Jangan kita nafikan. Dahulu ikan kembung sekilo RM2 sahaja, sekarang sudah RM12. Itu satu perkara yang tidak payah jadi genius pun boleh tahu di pasar. Saya pergi setiap minggu ke pasar, sebab saya makan ikan sahaja.

Apa yang saya hendak kata cabarannya ialah pertamanya – saya tidak mahu marah tetapi saya minta daripada kerajaan senaraikan siapakah orang-orang yang diberi lesen C2 ini. Tolong senaraikan dan jadi permintaan dalam Dewan ini untuk kita senaraikan. Maka saya bimbang juga sebab saya tahu ada pegawai tinggi kerajaan, bekas ketua polis pun yang ada lima lesen C2, tetapi bukan dia pergi jadi nelayan, dia sewakan kepada pendatang asing dan mendapat kad subsidi minyak diesel.

Saya rasa ini barang kali kita tidak mahu senaraikan pemilik ini sebab perkara ini akan tempelak diri kita sendiri. Bukan diri kita, diri kerajaan. Saya tidak tahu. Oleh sebab itu saya kata, kalau hendak tengok satu mekanisme menyelesaikan perkara ini, tidak mengapa tarik. Tarik dahulu pun tidak apa. Strukturkan semula supaya yang penting kita hendak tengok ikan itu biar jadi murah di pasaran atau di pasar kerana inilah yang berkenaan dengan manfaat yang rakyat sepatutnya dapat. Berkenaan dengan...

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Masa Yang Berhormat sudah habis Yang Berhormat.

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Ya, satu perkara sebab saya fikir saya kata tadi kalau ini lebih daripada 43 peratus yang kita hendak luluskan, saya rasa patut ada dua atau tiga minit lagi saya hendak sebut. Terima kasih.

Pengecualian bil. Satu soalan yang mudah, RM150 juta untuk bawah RM20. *Simple calculation* kalau dibahagikan, bermakna ada 7.5 juta isi rumah yang bawah daripada RM20 yang di bawah ini. Ini RM150 juta ini kerajaan bagi kepada TNB kerana TNB mengecualikan bayaran itu. Bermakna TNB terima RM150 juta. Siapakah 7.5 juta isi rumah yang terima manfaat pengecualian bil ini? Takkan lah satu rumah ada dua bil. Tidak munasabah. Satu rumah ada satu bil. Satu bil elektrik yang RM20 ke bawah dapat manfaat ini.

Kalau jumlah RM150 juta, bermakna 7.5 juta isi rumah dalam Malaysia. Siapa dia yang tujuh juta rumah ini yang dapat ini, siapa? Ada atau tidak? Yang Berhormat Menteri baru jawab golongan miskin tegar tidak ada. Daripada 40,000 jadi 100 sahaja miskin tegar. Ini tujuh juta isi rumah yang miskin, yang elektrik dia ini bawah daripada RM20. Wujud atau tidak? Saya hendak tahu ada atau tidak ini? Yang Berhormat Sri Gading, ada atau tidak tujuh juta rumah dalam Malaysia kita ini yang bil elektrik dia ini bawah daripada RM20? Ini kalau ikut perkiraan ini. Kelayakan duit RM150 juta ini untuk rumah yang bil elektrik dia bawah RM20. Ini kita hendak bagi duit ini kepada TNB. Kerajaan hendak bagi, sebab itu kita minta bajet tambahan ini kerana hendak beri kepada TNB dan TNB telah kecualikan bil RM20 ke bawah ini. Tujuh juta rumah.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat, masa Yang Berhormat sudah habis itu.

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Satu lagi, iaitu skim Rumah Pertamaku. Tuan Pengerusi, saya terima jawapannya hari ini yang diberikan oleh kementerian kepada saya. Sebenarnya, dia kata skim ini untuk siapa datang dahulu. *First come first serve basis*. Sehingga hari ini sudah tidak ada peluang, sudah habis. Kerajaan hendak guna 10 peratus sahaja. Katakan bayaran semua 100 peratus, kerajaan guna untuk jamin 10 peratus sahaja, bukannya 100 peratus. Kalau harga rumah RM200,000, kerajaan jamin bayaran pertama 10 peratus sahaja dan 90 peratus kena buat pinjaman. Ini yang maksudnya orang tidak faham atau kebayakan kawan-kawan saya yang bersorak gembira kononnya dapat rumah, dia tidak faham. Sebenarnya kerajaan jamin 10 peratus sahaja bayaran deposit itu yang kerajaan bagi. Bukan bagi, pinjam dan dimasukkan di dalam pinjaman 10 peratus. Apa yang paling mustahak di sini ialah pembeli bebas memilih jenis lokasi kediaman dan syarat-syarat peminjam boleh, betul atau tidak ini?

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat, saya rasa macam orang bodohlah cakap di sini Yang Berhormat. Saya cakap masa sudah habis, habislah itu.

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: [Duduk]

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Sila Yang Berhormat Timbalan Menteri.

6.45 ptg.

Timbalan Menteri Kewangan I [Datuk Dr. Awang Adek Hussin]: Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya peringatkan jugalah. Mana-mana soalan yang terkeluar daripada tajuk perbincangan ini tidak payah jawablah.

Datuk Dr. Awang Adek Hussin: Saya sempena dengan peringatan itu Tuan Pengerusi, saya ingin nyatakan bahawa boleh dikatakan hampir 80 peratus perbincangan kita pada hari ini terkeluar, kerana IPP ini tidak termasuk langsung. Walaupun subsidi petroleum, produk itu disebut sebagai RM5.6 bilion, ia tidak ada kena-mengena langsung dengan IPP. Ia melibatkan subsidi ke atas diesel, petrol, dan gas yang orang guna masak itu. Jadi gas yang hendak jana elektrik ini tidak ada masuk langsung dalam ini. Jadi bermakna, kalau hendak ikut yang itu Tuan Pengerusi, saya tidak payah jawablah yang IPP. Saya ada jawapannya tetapi takut terkeluarlah... [Disampuk] Ya?

Dato' Shamsul Anuar Nasarah [Lenggong]: Yang Berhormat Timbalan Menteri elok jawab, bagi dia tahu.

Datuk Dr. Awang Adek Hussin: Ya lah tetapi saya patuh kepada Tuan Pengerusi. Saya menghormati dia punya ini. Cuma yang subsidi diesel tadi, betullah Yang Berhormat Indera Mahkota sebutkan tadi diesel C2, memang termasuk dalam kita punya ini. Oleh sebab itu kerajaan tarik balik yang super subsidi seperti mana yang Yang Berhormat Sri Gading cakap itu memang tepat. Itu pun ada orang marah. Akan tetapi hari ini nampaknya Yang Berhormat Indera Mahkota menyokong penuh langkah kerajaan itu sampaikan saya tidak pernah tengok dia marah-marah beitu. Biasanya Yang Berhormat Indera Mahkota tidak marah, tetapi pasal subsidi diesel C2 tadi, dia begitu marah. Itu yang pertama.

Keduanya Yang Berhormat Kuala Selangor ada sebut pasal latihan. Betullah sebab dia menyebut sesuatu yang tidak banyak orang bercakap. Kemahiran seluruh negara ini melibatkan pelbagai kementerian dan agensi. Kementerian Sumber Manusia, Kementerian Belia dan Sukan melalui Institusi Kemahiran Belia Negara, Kementerian Pengajian Tinggi, koleh komuniti, ini termasuk juga Giat MARA, 206 buah pusat Giat MARA. Bilangan pelatih yang menikmati dan sedang menikmati dan akan menikmati sehingga akhir tahun ini ialah 296,104 orang pelatih.

Ia pelbagai kursus. Kursus mekanikal, kursus elektronik, kursus sivil, percetakan, program perintis industri. Dari segi kolej komuniti ini meliputi bidang bahasa, multimedia, automotif, pelancongan, *culinary*, masakan, fesyen. Giat MARA kursus antaranya ICT, fesyen dan pembuatan pakaian, hiasan dalaman, fotografi. Sebenarnya kursus-kursus ini jangka masa pendek dan ini merupakan latihan kepada lepasan sekolah SPM yang dia tidak melanjutkan pelajaran ke tempat ataupun ke peringkat yang lebih tinggi. Maka apabila mendapat kursus-kursus seperti ini, mereka dapat sedikit kemahiran dan senang dapat kerja. Macam IKBN, saya dimaklumkan ramai yang dapat kerja. Jadi memang ada gunanya, ada bagusnya. Oleh sebab itu kerajaan menambahkan peruntukan RM100 juta lagi ini supaya kursus-kursus ini dapat diteruskan sehingga akhir tahun.

Keduanya *point* yang mengenai bil elektrik. Yang Berhormat Indera Mahkota sudah keluar. Dia tanya kita kalau berdasarkan RM20 bil ini, 7.5 juta rumah kah dia kata.

■1850

Sebenarnya congak dia itu tidak berapa betul. Sejumlah RM20 sebulan, setahun RM200, RM240 begitu, kira RM200lah. Jadi kalau RM200 setahun, satu juta isi rumahlah RM200 juta atau pun kurang kerana RM150 juta. Apa yang dia dapat 7.5 juta itu macam mana dia kira? Saya pun tidak tahu, tetapi dia tidak ada. Kalau tidak saya hendak perjelaskan sebab dia biasa bagus dengan nombor-nombor atau angka-angka ini, *auditor* katakan, tidak juga... [Ketawa]

Akan tetapi tidak tepat. Jadi sebenarnya mengikut TNB angkanya adalah 1,00,83,868. Maknanya congak saya itu dekat dengan sasaran. Congak Yang Berhormat Indera Mahkota jauh daripada sasaran. Sejumlah 7.5 juta, Yang Berhormat Kuala Selangor perlu pesan kepada dia esok, dia tersasar.

Yang Berhormat Pasir Mas ada sebut tentang kenaikan tarif ini. Tarif yang naik ini adalah golongan yang mengguna elektrik yang tinggilah, yang guna lebih daripada 300 kilowatt *hour*. Sebentar tadi sahabat kita Yang Berhormat Machang kata kilometer *hour*. Bagaimana pula elektrik boleh jadi kilometer itu?... [Ketawa] Beberapa kali dia sebut di Thailand kilometer *hour*. Mungkin sebab itu kadar dia lain sebabnya kilometer *hour*... [Ketawa] Kita kilowatt *hour*, lebih munasabahlah kalau elektrik kilowatt *hour*. Kilometer *hour* itu sudah jadi marathonkah atau jogathonkah... [Ketawa]

Sebenarnya, yang tidak terlibat dengan kenaikan tarif ini mengikut TNB ialah seramai 4.4 juta orang atau pun pengguna. Kalau yang bawah RM20 sebulan itu satu juta akaun lebih dan yang kurang daripada 300 kilowatt jam ini adalah 4.4 juta akaun. Jadi, jumlah kesemuanya ialah RM5.94 juta. Bermakna yang perlu bayar mengikut kadar baru ini hanyalah RM1.94 juta, adalah yang perlu bayar.

Kalau Yang Berhormat Pasir Mas kata yang perlu bayar itu dia marah munasabahlah dia perlu bayar, mungkin dia marah. Akan tetapi itu kalau kita ambil pula pandangan Yang Berhormat Machang dia kata hapuskan subsidi ini, gaskah supaya TNB terpaksa tanggung lebih gas kerana Petronas telah naikkan, maka apatah lagi yang akan berlaku kepada tarif elektrik?

Tuan Pengerusi, kita banyak salah faham mengenai subsidi kepada IPP ini. Sebenarnya subsidi ini ialah kepada TNB. Saya tahulah saya dahulu *Chairman* TNB. Subsidi ini kepada TNB kerana dalam Perjanjian PPA ini *fuel cost* ini diambil keluar dan diserahkan kepada TNB untuk menguruskan. Hatta atau maka, pembelian arang batu pun semuanya diuruskan oleh TNB. TNB *fuel*. Ia tidak oleh syarikat yang menggunakan arang batu. Begitu juga pembelian gas diuruskan oleh TNB kerana ini adalah bidang kuasa yang diserahkan kepada TNB supaya perjanjian tidak pening kepala pada peringkat awalnya mahu masuk kos yang disebabkan oleh *fuel* dan sebagainya.

Memang betul Yang Berhormat Kota Belud sebut sebentar tadi dalam suasana di mana negara mengalami kegelapan beberapa hari, perlunya penjanaan kuasa yang mencukupi tetapi penjanaan kuasa tidak boleh dibuat oleh satu-satu badan seperti TNB pada masa itu. Kalau pun TNB kata dia mampu boleh buat, dia tidak akan boleh buat sebab penjanaan kuasa ini memerlukan banyak.

Oleh sebab itulah diberi kepada beberapa buah syarikat. Lima generasi pertama. Sememangnya pada masa itu kita tidak tahu pun harga gas hendak naik tinggi dan harganya pada masa itu murah. Petronas banyak gas dan beratus tahun, dia kata pada satu masa. Kita dahulu diingatkan gas yang kita ada beratus tahun dan tidak tahu hendak kena import 30 peratus. Jadi, bermakna okeylah, kita *carve out*. Jadi sekarang timbul masalah. Betullah! Masalah kita perlu hadapi, kita tidak boleh hendak *blame*, seolah-olah senang sangatlah, "Rumah siap, pahat berbunyi" Macam kita ada *crystal ball* pula, *should have done this and should have done that*. Akan tetapi dalam pada masa kita berada dalam kegelapan pada masa itu...

Tuan Mohd. Yusmadi Mohd. Yusoff [Balik Pulau]: Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Datuk Dr. Awang Adek Hussin: Ya.

Tuan Mohd. Yusmadi Mohd. Yusoff [Balik Pulau]: Sedikit sahaja. Apakah sebabnya menghalang untuk kerajaan atau pun pihak TNB memberi dokumen ini sebagai satu dokumen awam kerana mengikut penjelasan Yang Berhormat Timbalan Menteri sebentar tadi perkara itu ialah satu perkara yang tidak perlu dan malah rakyat lebih perlu difahamkan lagi.

Datuk Dr. Awang Adek Hussin: Tidak ada masalah.

Tuan Mohd. Yusmadi Mohd. Yusoff [Balik Pulau]: Boleh?

Datuk Dr. Awang Adek Hussin: Saya minta dengan TNBlah. Saya bukan jaga TNB.

Beberapa Ahli: *[Ketawa]*

Datuk Dr. Awang Adek Hussin: Akan tetapi saya boleh beri penjelasan kepada Yang Berhormat. Selepas ini pun boleh, tidak ada masalah. Saya tidak...

Puan Siti Zailah Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]: *[Bangun]*

Datuk Dr. Awang Adek Hussin: Yang Berhormat Rantau Panjang, tidak perlulah, cukuplah sebab IPP ini pun saya sebut sebagai...

Puan Siti Zailah Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]: Satu minit sahaja Yang Berhormat.

Datuk Dr. Awang Adek Hussin: *By the way* sahaja, sebab saya tahu ini di luar bidang. Akan tetapi oleh sebab ingatkan kehausan dan kedahagaan kepada sesuatu yang benar, tidak ada yang lain melainkan yang benar! Maka saya berilah sedikit.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Minta penjelasan atau apakah benar...

Datuk Dr. Awang Adek Hussin: Batu Gajah sebab kampung isteri saya, boleh.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Sebentar tadi saya ada bangkitkan berkenaan dengan pembacaan bil *alternate meter reading* dwi bulanannya sekarang ini dengan kenaikan tarif elektrik. Saya pohon agar kerajaan memohon agar TNB boleh membatalkan pendekatan yang digunakan ke atas 10 peratus pengguna di Semenanjung ini di mana pembacaan meternya adalah *alternate meter reading* sebab ini mengakibatkan pengguna dicajkan dengan bayaran tarif yang lebih tinggi sebab mereka akan datang baca meter dua bulan sekali selepas itu baru potong jumlah yang direkodkan dalam *old bills* mereka itu iaitu *office bills*.

Jadi, saya haraplah ini kerajaan boleh ambil tindakan minta TNB hentikan pendekatan sedemikian sebab sebelum ini TNB kata mahu jimat kos dan dia akan kurangkan tenaga pekerja. Ada ramai orang juga bertanya apakah benar CEO TNB diberi gaji RM1.2 juta untuk tahun lalu iaitu tahun 2010 kenaikan daripada RM600,000? Terima kasih.

Datuk Dr. Awang Adek Hussin: Permintaan Yang Berhormat supaya bil dua bulan sekali ini diberhentikan akan saya sampaikan kepada pihak TNB. Saya minta TNB supaya pertimbanglah. Cuma saya hendak jawab satu sahaja, Yang Berhormat Kuala Selangor sekejap. Saya mahu jawab Yang Berhormat kata sebentar tadi kalau boleh datang baca satu bulan, apa salahnya baca satu bulan lagi? Sebenarnya pekerja itu bukan semesti dia tidak buat kerja bulan itu, dia pergi baca di tempat lain. Jadi, kita jimat pekerja. Maknanya katalah pekerja sekarang, dahulu seribu sekarang 500 orang. Jadi bulan ini dia baca setempat dan bulan depan dia baca setempat lain. Jadi 500, 500 dia jadi seribu. Begini, kos TNB ini pun bila TNB tidak buat untung dan apabila TNB mahu naik tarif kita marah. Jadi kita kata *make it more efficient. You must be efficient. So*, dia pun perlu cari jalanlah bagaimana mahu kurangkan kos dan masalah juga TNB ini, apabila dia ambil TNB yang ramai sebab mahu baca meterlah dan panjat tiang, dan sebagainya. Apabila pekerja ini sudah berumur, mahu panjat tiang itu sudah susah sebab maklumlah orang...

Tuan Loke Siew Fook [Rasah]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, jangan kelirukanlah. Mana ada panjat tiang. Boleh atau tidak?

Seorang Ahli: Jangan jadi jurucakap TNB.

Datuk Dr. Awang Adek Hussin: Apa pula tidak panjat. Dia naik 'benda' itu dia angkat, bukannya dia panjat tiang macam naik pokok kelapa! Orang tua-tua naik tinggi-tinggi dia gayat. Tanya Yang Berhormat Sri Gading, berapa kali dia gayat satu hari.

Tuan Loke Siew Fook [Rasah]: Jangan mengelirukan Dewan seperti inilah Yang Berhormat Timbalan Menteri. Baca meter, dia boleh baca daripada luar rumah.

Datuk Dr. Awang Adek Hussin: Saya tidak kata panjat tiang baca meter, baiki...

Tuan Loke Siew Fook [Rasah]: Janganlah kelirukan Dewan seperti ini Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Datuk Dr. Awang Adek Hussin: Baiki Yang berhormat. Saya bukan kata naik baca meter di tiang.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: [Bangun]

Datuk Dr. Awang Adek Hussin: Apa ini! Meter mana ada di atas tiang! Saya kata panjat tiang sebagai *maintenance* kerja, ini *work force* of TNB. Saya cukup kecewa dengan Yang Berhormat.

■1900

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: [Ketawa] Sedikit Timbalan Menteri, terima kasih Tuan Pengerusi. Penjelasan Timbalan Menteri sebenarnya memanggil saya untuk bertanya dan mengimbuai sedikit sejarah di mana satu masa dahulu Tenaga Nasional menjana tenaga pada kadar yang munasabah akan tetapi tatkala Unit Perancangan Ekonomi ataupun EPU memaksa ke atas TNB yang dahulunya menjana tenaga pada kos 8 sen seunit per kilowatt *hour* kemudian dipaksa membeli daripada IPP pada harga 14 sen per kilowatt *hour* yang dengan *take or pay mechanism* itu pada akhirnya kos transmisi dan pengedaran berakhir dengan mereka terpaksa membayar IPP pada kos 23 sen per kilowatt *hour*. TNB ketika itu saya masih ingat Tan Sri Ani Arope menyatakan bahawa mereka mampu menjana tenaga pada harga 17 sen seunit atau per kilowatt *hour* (termasuk transmisi dan pengedaran).

Kesemua inilah yang mendatangkan akhirnya kedudukan pada hari ini yang tatkala dipaksa akan PPA kepada generasi pertama IPP mengakibatkan TNB seperti mana juga program-program penswastan mega pada gelombang yang pertama dahulu pihak swasta digamit ataupun dilibatkan dengan janji antara lainnya tarif yang tinggi kerana *the capital outlay* dan masa untuk mengambil balik *investment* itu *the payback time* adalah agak panjang. Maka akhirnya kesemua ini adalah dengan janji-janji konsesi yang menjanjikan tarif dan pelbagai pampasan begitu pada sektor air, elektrik dan begitu juga pada sektor lebuhraya dan sebagainya.

Perkara ini sebagai kesilapan dasar yang mesti diakui oleh kerajaan Barisan Nasional dan ini yang dipertikaikan pada hari ini. Kalau benar-benar ia boleh dibuka dan diletakkan untuk penelitian, paling tidaknya di Parlimen ini, mengapa tidak ada ketelusan dan *transparency* serta pertanggungjawaban itu sehinggakan Tan Sri Ani Arope terpaksa meletakkan jawatan ataupun bantahan beliau dengan perjanjian PPA yang cukup *lop sided*, dengan izin. Itu perkara yang menjadi rakaman sejarah sehingga ke hari ini, menyebabkan Tan Sri Ani Arope menyebutkan EPU itu sebagai *Economic Plundering Unit*, dengan izin. Jadi Tuan Pengerusi, kesemua ini adalah rakaman sejarah yang tidak boleh dipadamkan dengan apa juga cara, terima kasih.

Datuk Dr. Awang Adek Hussin: Tuan Pengerusi ini sudah terkeluar jauh, tadi terkeluar sedikit. Ini sudah terkeluar jauh dengan macam-macam pula.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Timbalan Menteri memulakannya.

Datuk Dr. Awang Adek Hussin: Cuma kalau disebut tentang Tan Sri Ani Arope meletakkan jawatan kerana percaya dengan pendiriannya, kita tidak nampak pemimpin lain meletakkan jawatan kerana percaya kepada pendiriannya. Hatta Menteri Kewangan pada masa itu mengatakan bahawa dia tidak bersetuju dan saya perlu memperingati saudara kita di sini bahawa Kabinet itu adalah kolektif. Tidak guna menjadi Ahli Kabinet kemudian keluar dan mengatakan bahawa dia tidak bersetuju, disebabkan itu saya tidak masuk ke Kabinet awal-awal lagi, saya duduk di luar.

Seorang Ahli: [Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]

Datuk Dr. Awang Adek Hussin: Jangan memperlekehkan benda ini, kalaulah kita seorang Ahli Kabinet dan kita mengatakan bahawa kita tidak bersetuju, kita tidak meletakkan jawatan dan lima tahun atau 10 tahun kemudian barulah kita mempersoalkan, ini dari segi integriti kita boleh dipersoalkan.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Beliau meletakkan jawatan Timbalan Menteri dan Tuan Pengerusi.

Datuk Dr. Awang Adek Hussin: Tidak ada.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: *That is a saying in management if you and your boss don't have anything to disagree one of you are not required.* Kalau anda dan bos anda semuanya pakat bersetuju, pakat angguk sahaja salah seorang daripada anda adalah tidak diperlukan, bos anda perlu tapi anda mungkin yang tidak diperlukan.

Datuk Dr. Awang Adek Hussin: Tidak ada, saya bercakap...

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: *You must...*

Dato Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Bukan Tan Sri Ani Arope lah...

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: *Your principal...*

Dato Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Tan Sri Ani Arope bukan dalam Kabinet.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Kolektif ya betul, tetapi kalau ada perkara yang salah dari segi dasarnya, seorang Ahli Kabinet perlu menyatakan pendiriannya secara prinsip, Tuan Pengerusi terima kasih.

Datuk Dr. Awang Adek Hussin: Itu yang saya...

Timbalan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat saya ingat tidak payahlah bahas itu.

Datuk Dr. Awang Adek Hussin: Ya.

Timbalan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Jauh sangat macam Yang Berhormat sebutkan tadi terkeluar.

Datuk Dr. Awang Adek Hussein: Memang sudah jauh, nanti selepas ini kita bahas dekat luarlah, macam yang dinar emas kita tidak habis lagi bahas. Yang Berhormat dahulu saya hantar gambar barulah dia percaya, bukan dinar emas hendak membuat *investment*, dinar emas ini untuk membuat perniagaan bayar gaji apa ini bukan.

Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]: *[Bangun]*

Datuk Dr. Awang Adek Hussin: Jadi dia kena menerima hakikat...

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: *[Menyampuk]*

Datuk Dr. Awang Adek Hussin: Walaupun daripada Kelantan kena menerima hakikat.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Kalau mahu bahas di luarlah Timbalan Menteri bab dinar emas ini.

Datuk Dr. Awang Adek Hussin: Okey, kita bahas dekat luar.

Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]: Timbalan Menteri.

Datuk Dr. Awang Adek Hussin: Jadi saya hendak mengucapkan terima kasih kepada...

Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]: Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Datuk Dr. Awang Adek Hussin: Yang Berhormat Kota Melaka tidak tanya pun tadi, tiba-tiba hendak bangkit lagi sudah tidak boleh, dia kena beri pada orang-orang yang bercakap tadi Yang Berhormat Kota Melaka. Yang Berhormat Kota Melaka hendak di luar saya akan *entertain*.

Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]: Bukan, sedikit sahaja.

Puan Siti Zailah Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]: Soalan saya belum dijawab.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: *[Menyampuk]* *[Dewan riuh]* Terangkan gaji CEO.

Datuk Dr. Awang Adek Hussin: Soalan Yang Berhormat Rantau Panjang saya boleh jawab. CEO TNB yang RM1.2 juta saya *honestly sincerely* saya tidak tahu. Kalau mahu saya boleh minta penjelasan daripada TNB, tetapi saya tidak tahu, saya tidak mahu bercakap sesuatu yang saya tidak tahu tetapi saya rasa kalau dia dapat RM1.2 juta, dia patut belanja kita sedikit... *[Ketawa]*

Yang Berhormat Rantau Panjang, saya bersetuju tentang penyeludupan. Yang Berhormat Rantau Panjang memang kawasan dia, dia tahu penyeludupan banyak dan kita tahu dan kerajaan sekarang ini juga tidak membenarkan orang asing menggunakan minyak RON95, dia mesti membeli RON97. Kalau masih ada lagi bermakna penguatkuasaan itu perlu diperketat, sudah ada RELA barangkali *slowly* sebab kadang-kadang di sempadan ini dia punya *observation* kepada undang-undang ini kurang sedikitlah, kita tahu. Jadi itu saya bersetuju Yang Berhormat Rantau Panjang, ada lagi?

Puan Siti Zailah Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]: Sebenarnya yang saya tanya tadi, di antaranya ialah 45 peratus daripada pendapatan negara berpunca daripada hasil minyak, sekarang dengan penyusutan 10 peratus setiap tahun hasil minyak ini, apakah sumber-sumber lain untuk menambahkan hasil pendapatan negara. Saya ingin bertanya secara rasional kenapa royalti rakyat Kelantan tidak dibayar kepada kerajaan negeri, itu adalah satu perkara yang di bawah bidang kuasa Yang Berhormat.

Datuk Dr. Awang Adek Hussin: Wah garangnya!

Seorang Ahli: ...Ketua wanita yang baru.

Datuk Dr. Awang Adek Hussin: Oh tahniah ketua wanita, tahniah, tahniah. Tahniah itu ikhlas tetapi tidak perlulah garang sangat, takut saya jadinya. Tadi Yang Berhormat Pokok Sena, takut saya dibuatnya. Di sebelah sana sekarang ini semua jadi garang, dahulu yang di sebelah sini tetapi yang di sini sudah tidak garang, yang di tengah-tengah ini sudah garang sekarang ini.

Royalti ini kita tidak perlu bincang sebab di mahkamah tidak kanlah hendak bincang, biarlah mahkamah yang menentukannya, saya pun tidak mahu mempertahankannya...

Puan Siti Zailah Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]: Untuk kepentingan rakyat.

Datuk Dr. Awang Adek Hussin: Tahu.

Puan Siti Zailah Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]: Kata rakyat didahulukan.

Datuk Dr. Awang Adek Hussin: Tahu.

Puan Siti Zailah Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]: Yang Berhormat orang Kelantan di mana lagi hendak membela kalau Yang Berhormat tidak membela rakyat Kelantan.

Datuk Dr. Awang Adek Hussin: Tuan Pengerusi...

Puan Siti Zailah Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]: Kalau pegang jawatan...

Datuk Dr. Awang Adek Hussin: Tuan Pengerusi, itu mahkamah kita tidak perlulah. Satu lagi mengenai 45 peratus, itu dividen, *you know* hasil royalti dan sebagainya, itu memang kita berterima kasih, syukur kita mendapat faedah daripada minyak dan yang pentingnya faedah daripada minyak ini kita gunakan kepada kegiatan-kegiatan ekonomi yang produktif. Siapa ada ambil duit minyak ini buat seperti di setengah-setengah negara lain, kekayaan minyak ini dibawa dan disimpan di luar, di Malaysia ini tidak ada, itu yang penting. Tidak ada seseorang yang...

Seorang Ahli: [Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]

Datuk Dr. Awang Adek Hussin: Bawa lari duit minyak, tidak ada orang minyak di Malaysia ini. Jadi kita bersyukur *Alhamdulillah*, tetapi yang lain kita bangunkanlah, kita binakanlah, kita menjadi negara yang akan menjadi negara maju berpendapatan tinggi, sudah tentu kita tidak bergantung kepada minyak secara keseluruhannya, bergantung kepada kegiatan lain. Okey kita bagi Yang Berhormat Kota Melaka lah.

Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi, saya ingin minta Yang Berhormat Menteri mungkin dapat menggunakan Dewan ini untuk lebih menerangkan tentang iaitu keputusan TNB untuk membuat satu *alternate month billing* dalam pejabat. Oleh sebab saya difahamkan oleh kakitangan dari TNB dikatakan melalui *post* iaitu buat bil secara *office bil* iaitu sepucuk surat 60 cent, dengan izin. tetapi baru buat *meter reading* dianggap hanya 40 cent.

■1910

Adakah ini benar? Jikalau tidak anggaran TNB dapat jimat melalui sistem atau cara ini iaitu hanya *alternate month*, buat dalam *meter reading*. Saya ingat dalam Dewan ini yang paling Yang Berhormat Menteri dapat terangkan kepada orang awam bahawa mengapa TNB masih mengikut keputusan dari awal iaitu akan terus meluaskan kawasan untuk *alternate billing*. Terima kasih.

Datuk Dr. Awang Adek Hussin: Terima kasih Yang Berhormat. Memang saya tahu persoalan yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat ini serupa dengan Yang Berhormat Batu Gajah juga dan saya akan sampaikan. Cuma oleh sebab soalan ini timbul semasa ini, jadi saya pun tidak dapat maklumat macam mana, berapa sen pos dan berapa sen buat secara *physical presents*, dengan izin. Jadi, saya minta maaf.

Memang rakyat, saya tahu kadang-kadang kompelin bila dua perkara ini. Sepatutnya tidak menjadi masalah kerana dua bulan ini pun dia akan *rectify* balik, dengan izin, tetapi mungkin kerana bagi orang kampung kadang-kadang sebulan itu pun sudah banyak. Hendak tunggu dan hendak perbetulkan balik itu pun banyak. Jadi, saya faham. Cuma saya rasa kalau tidak silap saya sekarang ini macam Yang Berhormat Batu Gajah sebut juga *calculator meter reading* ini banyak juga dibuat. Mungkin itulah yang akan menjadi dalam jangka masa lama sedikit.

Jadi, Yang Berhormat terima kasih, saya minta maaf kalau terkasar sedikit, Yang Berhormat Kuala Selangor bergurau, jangan ambil hati. Saya takut ambil hati juga macam Yang Berhormat Pokok Sena tadi dan juga Yang Berhormat Rantau Panjang. Terima kasihlah semua, sekian Tuan Pengerusi, saya...

Tuan Mohd. Yusmadi Mohd. Yusoff [Balik Pulau]: Yang Berhormat Menteri...

Datuk Dr. Awang Adek Hussin: Saya sudah hendak habis ini Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Sudah habis Yang Berhormat.

Tuan Mohd. Yusmadi Mohd. Yusoff [Balik Pulau]: Yang Berhormat Menteri, sedikit sahaja.

Datuk Dr. Awang Adek Hussin: Terima kasih.

Tuan Mohd. Yusmadi Mohd. Yusoff [Balik Pulau]: Yang Berhormat Menteri, saya ingat hendak habiskan fasal minyak lepas itu masuk dalam isu item yang lain lagi? Isu perumahan atau skim perumahan tidak jawab. Perumahan itu penting itu.

Datuk Dr. Awang Adek Hussin: Bolehlah satu sahaja. Rumah Pertamaku.

Tuan Mohd. Yusmadi Mohd. Yusoff [Balik Pulau]: Terutama sekali nasib 51 peratus peminjam PTPTN yang tidak bayar secara automatik *blacklisted*, nanti sama ada mereka ini layak atau tidak mendapat skim tersebut? Ramai ini yang berhutang.

Datuk Dr. Awang Adek Hussin: Okey macam ini, pertamanya ini untuk skim yang bekerja swasta kerana yang bekerja kerajaan dia sudah dapat pinjaman perumahan kerajaan. Jadi, skim ini sebenarnya untuk swasta. Jika yang pinjam PTPTN, dia bekerja swasta dan mendapat pendapatan, ini boleh dan tidak ada masalah. Kes PTPTN ini saya juga tidak tahu, yang *blacklisted* ini saya tidak tahu dari segi *detailnya*. Akan tetapi saya rasa sepatutnya kerajaan pun prihatin macam mana dapat membantu mereka dan kalau pinjaman perumahan 100 peratus ini kalau difikirkan layak untuk mereka saya kira boleh. Akan tetapi mereka kena kerjalah kalau tidak bekerja itu macam mana hendak bayar. Mereka kena bekerja, mendapat *income* RM3,000 ke bawah.

Jadi, yang 10 peratus tadi itu memanglah betul 10 peratus seperti Yang Berhormat Indera Mahkota kata tadi dan RM100 juta ini ialah dana gerenti. Dana gerenti ini bukan bererti RM100 juta itu yang ada, yang 10 peratus itu pun melebihi RM100 juta kerana RM100 juta ini untuk orang yang tidak bayar atau *default*. Jadi, bermakna ruang lingkup bagi pinjaman ini Yang Berhormat Sri Gading banyak. Pertamanya, 90 peratus diberi oleh bank, 10 peratus dijamin dan yang RM100 juta ini untuk jaminan yang *default*. Bermakna yang tidak *default* mungkin yang RM900 juta kalau kita ambil *default rate* 10 peratus. Jadi, kalau RM900 juta jaminan, darab dengan 90 peratus lagi berapa? Ataupun sembilan darab dengan sembilan, 81, RM81 bilion, banyak itu. Maknanya banyak boleh dibuat.

Tuan Mohd. Yusmadi Mohd. Yusoff [Balik Pulau]: Yang Berhormat Menteri sedikit supaya perkara ini betul-betul membantu pelajar-pelajar PTPTN ini. Semalam Menteri Perumahan secara jelas mengatakan kepada projek-projek terbengkalai boleh dapatkan surat supaya mereka tidak diganggu oleh institusi kewangan lah maksudnya dari segi tuntutan.

Di sini kalau boleh, kalau kerajaan betul-betul begini dasarnya, kalau pelajar-pelajar yang disenaraihitamkan ini mungkin boleh dapatkan surat pelepasan dan sebagainya supaya apabila mereka bertemu dengan pihak kewangan, skim ini dapat dinikmati supaya tidak orang kata bantu tetapi tidak sampai. Itu pada pandangan saya, kalau boleh dilanjutkan sehingga ke tahap itu.

Datuk Dr. Awang Adek Hussin: Saya ingin tambah sedikit supaya mereka juga boleh mendapat bantuan daripada AKPK, agensi kaunseling dari Bank Negara, dari segi kewangan ia boleh nasihat macam mana. Biasanya kaunseling ini juga boleh membantu dari segi berurusan dengan bank dan sebagainya. Jadi, ada ruang-ruangnya dan kita sepatutnya membantu kerana mereka ini masih muda, keluar dan kita tidak boleh *condemn* mereka oleh sebab tidak mampu membayar balik hutang. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM6,000,000,000 untuk Maksud B.11 di bawah Kementerian Kewangan jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM6,000,000,000 untuk Maksud B.11 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Maksud B.48 [Jadual] –

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Kepala Bekalan B.48 di bawah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat terbuka untuk dibahas.

Baik, saya memperingatkan Yang Berhormat bacakan buku butiran, ia hanya berhubung dengan kebajikan bulan Ogos hingga Disember 2011. Jadi, apa sahaja persoalan lain cerita itu ia terkeluar Yang Berhormat. Sila Yang Berhormat Ampang.

7.16 mlm.

Puan Hajah Zuraida Kamaruddin [Ampang]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin menyentuh tentang Butiran 080800, 080900, 081000, 081100 dan 081200 yang khususnya adalah mengenai golongan kurang upaya. Malaysia telah menandatangani Akta OKU pada tahun 2008. Dari tarikh Akta OKU mula berkuat kuasa, pelbagai wakil daripada golongan OKU telah meminta pihak kerajaan untuk membuat beberapa pindaan yang terutama sekali adalah permohonan golongan OKU agar Akta OKU memastikan bahawa terdapat *sanction clause* agar pihak-pihak yang ingkar untuk menerima pakai prinsip-prinsip undang-undang yang diperkenalkan menerusi akta tersebut dapat dihukum atau diberikan denda yang sewajarnya.

Sehingga ini langsung tidak ada apa-apa pengumuman dari pihak kerajaan berkenaan isu ini. Kami sesungguhnya berpendapat bahawa selagi *sanction clause* tidak dimasukkan dalam akta tersebut, Akta OKU akan kekal sebagai *toothless tiger*.

Perkara kedua mengenai *Convention on Rights of Person with Disabilities*, Malaysia telah menyertai konvensyen tersebut pada 6 Julai 2010. Berikutan daripada itu Menteri ada mengeluarkan kenyataan bahawa tujuan Malaysia menyertai konvensyen tersebut adalah kerana Malaysia mengambil berat terhadap OKU dan memastikan bahawa tiada diskriminasi terhadap golongan OKU di negara ini. Namun begitu, kita ingin mengambil perhatian Menteri bahawa kegagalan Malaysia menandatangani *Optional Protocol* di mana *Optional Protocol* tersebut, individu OKU mempunyai hak untuk membawa tindakan terhadap kerajaan mereka sekiranya prinsip-prinsip di bawah konvensyen tersebut kepada *International Supervisory Committee*.

Jadi, ada beberapa penulisan daripada saudara Lim Chee Wee berkenaan isu ini. Jadi, kita tidak mahu seolah-olah kita menandatangani Akta OKU tetapi kita tidak bersungguh-sungguh untuk melaksanakannya, untuk melindungi mereka yang kurang upaya di dalam negara kita. Kita janganlah hanya untuk bertopeng di peringkat *international*, seolah-olah kita ini sebuah negara yang prihatin kepada OKU tetapi pada hakikatnya bila implementasi, kita tidak bersungguh. Ini akan membuat golongan OKU ini rasa kerajaan ini bukanlah kerajaan cakap serupa bikin dan rakyat didahulukan. Jadi, kita minta Menteri mengambil perhatian terhadap isu OKU ini.

■1920

Selain daripada itu perkara yang kedua, kita lihat penambahan belanjawan keseluruhannya yang telah dibentangkan adalah sebanyak RM459 juta. Pada belanjawan yang lepas yang dibentangkan pada bulan Oktober 2010, kategori yang sama menunjukkan bajet sebanyak RM536 juta dan ini penambahan sebanyak 87 peratus daripada jumlah yang diperuntukkan dalam kategori ini. Jadi kita hendak tanya kepada Yang Berhormat Menteri, tidakkah Menteri merancang dan tidakkah Menteri ada butiran banciaan mengenai mereka yang dalam golongan kurang upaya, mereka dalam golongan miskin, mereka warga emas dan mereka yang memerlukan bantuan am.

Jadi, ini tidak harus satu bajet ad hoc yang tiap-tiap kali ada tambahan ada yang kita hendak berikan kepada OKU, warga emas dan sebagainya. Perangkaan ini patut sudah ada dalam perancangan. Jadi, sepatutnya bajet ini digunakan lebih untuk membangunkan wanita di Malaysia dalam perspektif-perspektif gender, pendedahan dari segi politik, pelibatan mereka dalam politik negara dan memberikan mereka lebih ilmu untuk memartabatkan kedudukan mereka serta kualiti hidup mereka. Jadi kita tidak mahu, yang kita ragukan Tuan Pengerusi adalah bajet ini digunakan oleh..., bajet kerajaan ini digunakan oleh juara-juara lucah, skuad-skuad lucah untuk turun padang dan memberikan gula-gula ini kepada rakyat kononnya UMNO, BN yang memberikan pula sedangkan mereka menggunakan bajet yang diperuntukkan di sini. Jadi bajet ini mudah di seleweng dan di manipulasi. Saya minta Menteri berikan perincian tentang wang-wang yang telah dibelanjakan untuk kepala-kepala yang telah dibentangkan dalam belanjawan tambahan ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Tuan.

7.22 m.m.

Datuk Seri Panglima Wilfred Mojilip Bumburing [Tuaran]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ringkas sahaja.

Kementerian ini memohon untuk diberi tambahan peruntukan sebanyak RM458 juta. Saya perhatikan bajet untuk 2011 ialah RM1.06 bilion. Saya kira permohonan tambahan ini adalah untuk menampung bayaran bantuan kebajikan yang bertambah setelah semakan pendaftaran yang baru.

Tuan Pengerusi, saya hanya ingin mengambil perhatian kementerian. Ini bukan terjadi hanya di kawasan saya, tetapi kita mendapat maklumat ada beberapa kebajikan ini yang telah diluluskan dalam program Cari dahulu setelah – itu pun lambat menerima penerimaan pertama. Setelah menerima bantuan ini beberapa bulan, mereka tiba-tiba tidak menerima lagi. Oleh kerana pembayaran itu melalui bank, apabila mereka ini yang orang susah pergi ke bank, wang tidak sampai-sampai. Apabila bertanya dengan pegawai kebajikan, bantuan telah diberhentikan.

Saya faham Tuan Pengerusi bahawa dasar dan juga prinsip bantuan ini bukan berkekal. Apabila seorang penerima atau keluarga itu keluar daripada kepompong kemiskinan tegar ini, bantuan ini diberhentikan. Akan tetapi apabila bantuan itu diberhentikan, sepatutnya ada kajian kepada keluarga yang berkenaan. Namun apabila saya menemu ramah keluarga atau penerima berkenaan, tidak ada pegawai yang telah menyiasat keadaan sama ada mereka ini telah baik atau bertambah baik daripada keadaan ekonomi mereka atau tidak. Tiba-tiba tidak menerima. Jadi, saya harap Yang Berhormat Menteri mengambil perhatian tentang perkara ini.

Satu lagi sama ada benar atau tidak, kita dimaklumkan bahawa tidak lama lagi, mungkin mulai bulan Julai ini mereka suami isteri yang dulunya diluluskan menerima akan dilucutkan satu antara mereka. Ini bererti mulai bulan Julai, salah seorang daripada *couple* ini tidak akan diberikan bantuan lagi sama ada betul atau tidak. Yang Berhormat, mungkin kita boleh menerima hakikat bahawa kalau suami isteri mendapat bantuan, maka itu adalah keistimewaan yang lebih Tuan Pengerusi. Akan tetapi, kalau kita kaji sedalam-dalamnya, pergi *underground* keadaan keluarga yang luar bandar yang tidak mempunyai pendapatan ini, keadaan daif antara suami isteri itu harus dipertimbangkan. Jangan semata-mata pro rata, apabila dasar itu dijalankan, maka semua suami isteri yang telah mendapat itu terus diberhentikan. Kita harus ada kajian di peringkat akar umbi.

Tuan Pengerusi, ini adalah sebab kita di luar bandar ini ada orang-orang kita ini, masyarakat ini kalau tidak ada bantuan, mereka bergantung pada nasinya isi ubi kayu, sayurnya atau lauknya daun ubi kayu mungkin dengan ikan bilis atau ikan masin, ini kenyataan. Jadi apabila melaksanakan satu dasar itu harus ada kajian di akar umbi, jangan melaksanakan begitu sahaja. Jadi, ini saya minta perhatian daripada Yang Berhormat Menteri.

Satu lagi mengenai dengan bantuan material ini Yang Berhormat Menteri seperti tilam dia, bantal dia. Untuk makluman Yang Berhormat Menteri di kawasan saya Tuaran, pegawai kebajikan di sana tidak ada tempat menyimpan sementara semua tilam-tilam, jadi saya tawarkan dua buah rumah kosong saya untuk tempat menyimpan. Akan tetapi saya perhatikan harga tilam yang diberi itu mungkin RM25 RM30, tetapi penerima itu diminta datang sendiri. Di kawasan saya ini besar dan belanja tambang kereta dari rumah mereka ke tempat mengambil tilam ini lebih daripada RM25. Jadi, banyak yang tidak menerima tilam ini. Jadi tilam pun tidak begitu tebal Tuan Pengerusi. So, apa yang terjadi ialah barang-barang ini terlonggok sampai sekarang.

Jadi, saya telah menyarankan kepada pegawai kebajikan tempatan, mengapa tidak kumpulan ini atau mukim ini hantar ke sana, panggil penerima dan beri, tetapi tidak mahu. Pegawai berkenaan kata tidak boleh, mesti datang sendiri. Jadi, sekarang ini mereka tidak menerima bantuan ini sebab tilam ini harga RM25, tambang RM40, *it doesn't click to logic* Tuan Pengerusi. So, saya ingat sistem pembahagian ini harus dirombak.

Satu lagi, penghabisan Tuan Pengerusi. Saya difahamkan sama ada benar atau tidak, tilam yang sedemikian ini dibeli di Semenanjung dan dihantar ke Sabah. Kenapa tidak beli di Sabah sendiri atau di Sarawak? Kalau semuanya dibeli di Semenanjung, tidak berbaloi. Jadi saya minta penerangan sebab ini semua kita dengar Tuan Pengerusi, dia bilang barang-barang ini bantal, tilamnya di *shipping from* Semenanjung. Mengapa tidak beri peluang peniaga tempatan. Jadi saya rasa itu sahajalah. *I'm direct to the point* Tuan Pengerusi. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Kota Raja.

7.28 mlm.

Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin turut membahas Maksud B.48, Butiran 080000. Tertera di atas ini Yang Berhormat Menteri ialah *one-off*, maknanya sekali, bagi sahaja *one-off* kepada kategori-kategori yang disebutkan di sini. Saya juga agak tertanya juga bagaimanakah boleh bantuan ini diberikan *one-off* begitu kepada kumpulan-kumpulan ini sedangkan yang saya tahu, apabila diberi, biasanya dalam jangka masa enam bulan apabila diperlukan, mereka perlu memohon semula.

Jadi ada *projection* dia, ada anggarannya berapa yang diperlukan oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat ini. Dahulu kita telah meluluskan lebih kurang tadi disebut oleh Yang Berhormat Ampang lebih kurang sebanyak RM570 juta juga. Sepatutnya bertahan 12 bulan sehingga akhir 2011. Akan tetapi, sekarang kita menambah lagi hampir RM500 juta juga. Kalau saya bilang – saya tidak berapa pandai matematik ini, tetapi saya bundarkan angkanya, kita ada 222 kawasan Parlimen. Jadi, bermakna satu kawasan anggaran RM2 juta hanya untuk empat bulan.

Maknanya satu bulan satu kawasan Parlimen lebih kurang RM500 ribu. Ini adalah satu jumlah yang besar Yang Berhormat Menteri. Akan tetapi kalau disebut *one-off*, maka ia menunjukkan bahawa sesuatu keluarga itu menerima sekali dan selepas itu tidak ada lagi kesinambungan penerimaan bantuan ini.

■1930

Jadi, apakah rasionalnya apabila Kementerian memohon lagi hampir RM500 juta hanya untuk empat bulan? Secara kebetulannya lima bulan ini; Ogos, September, Oktober, November, Disember. Lima bulanlah, ya. Ini kita jangka-jangka ini adalah masa tempoh pilihan raya. Adakah ini peruntukan yang hendak diturunkan semasa pilihan raya? Bagi kempen skuad SAYANG kah dan sebagainya. Kita rasa kita perlu, Dewan ini perlu diberikan perincian berapa ramai yang bakal menerima dan siapa kerana *ad hoc* ini amat orang kata butiran sangat meragukan.

Minta maaf banyak-banyak menteri kalau kami di sini bertanyakan sebegitu sebab *it is too suspicious. Nearly RM500,000* untuk jangka masa yang begitu pendek sedangkan kita telah membuat peruntukan yang begitu banyak pada masa kita meluluskan bajet. Itu sahaja soalan saya. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Ya, Yang Berhormat Rantau Panjang.

7.31 mlm.

Puan Siti Zailah Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Terima kasih Yang Berhormat. Saya juga ingin menyentuh dalam Butiran B.48 Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat iaitu yang kita lihat bagaimana mendapat peruntukan hampir pada RM500 juta untuk tahun ini, untuk penambahan dalam masa bulan Ogos hingga bulan Disember.

*[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Ronald Khandee) **mempengerusikan Jawatankuasa]***

Ini adalah satu peningkatan yang besar dan seharusnya perkara ini, bajet ini dirancang lebih awal. Mengapakah, apakah bajet yang dirancang sebelum ini sehingga Julai, sehingga apabila bulan Ogos dan Disember terpaksa minta bajet lain? Apakah dalam perancangan awal hanya setakat bulan Julai? Itu adalah satu perkara yang pelik, yang saya ingin penjelasan daripada pihak Kementerian.

Kedua, iaitu kita melihat bagaimana krisis yang sedang berlaku dalam negara kita termasuk dengan institusi keluarga, keruntuhan institusi keluarga, sebagaimana dalam statistik setiap 15 minit berlaku penceraian di Malaysia dan kita lihat bagaimana keruntuhan institusi moral. Kita melihat ini adalah satu perkara yang sepatutnya menjadi fokus Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, pembangunan keluarga untuk menangani isu-isu masyarakat yang sedang menular dalam negara. Akan tetapi dalam bajet tambahan ini, kita tidak nampak perkara-perkara yang menjurus ke arah perkara-perkara yang saya sebutkan tadi. Akan tetapi di sini saya nampak secara jelas Yang Berhormat menteri, seolah-olah ini adalah bajet pilihan raya untuk memberikan ruang kepada Wanita UMNO turun berjumpa dengan pengunci.

Ini saya nampak cukup jelas yang mana kita melihat apabila peruntukan *one-off* ini diberikan dengan peruntukan dalam bulan Ogos dan bulan Disember dan dijangka tarikh pilihan raya pun antara bulan Ogos dan bulan Disember, dengan peruntukan yang melibatkan orang miskin, orang kurang upaya, warga emas, ini adalah jelas untuk turun kepada sasaran. Jadi, saya harap supaya janganlah dijadikan peruntukan negara ini untuk kepentingan politik UMNO dan Barisan Nasional. Ini disebabkan wang ini adalah wang rakyat, wang negara yang dibayar oleh pembayar-pembayar cukai, bukan wang Barisan Nasional.

Saya ingin juga penjelasan berkenaan dengan apa yang saya terima daripada jawapan dalam Dewan ini iaitu bagaimana pengurangan penerima bantuan. Maknanya, sepatutnya apabila pengurangan penerima bantuan kewangan, bermakna sepatutnya bajet dapat dikurangkan. Akan tetapi yang peliknya Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat semakin banyak bajet. Saya baca statistik yang dikeluarkan oleh kementerian sendiri. Pada tahun 2008, bagaimana Jabatan Kebajikan Masyarakat telah menamatkan perkhidmatan bantuan kewangan kepada 19,588 orang penerima bantuan. Tahun 2009 - 47,135 kes dan pada tahun 2010, pengurangannya sebanyak 118,345 kes telah ditamatkan daripada menerima sumbangan wang bantuan di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat.

Jadi, kalau pengurangan ratusan ribu kes, sepatutnya banyak juta wang negara dapat dikurangkan. Akan tetapi, yang sekarang ini ditambah sampai hampir sama banyak dengan bajet asal, ini mengapa berlaku? Ini terang yang saya nampak Tuan Pengerusi, ini adalah bajet pilihan raya untuk Wanita UMNO turun kepada rakyat. Terima kasih.

Tuan Er Teck Hwa [Bakri]: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Sibuti.

7.35 mlm.

Tuan Haji Ahmad Lai Bujang [Sibuti]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya juga ingin hendak memperkatakan pasal B.48 ini yang mana kita tahu bahawa penambahan RM400 juta lebih ini adalah *one-off* sahaja tetapi kita mengharapkan oleh kerana di negeri Sarawak terutama sekali di kawasan saya Sibuti telah pun ketinggalan daripada banyak bantuan daripada kebajikan ini oleh kerana kekangan kekurangan pegawai-pegawai untuk turun ke padang untuk menyiasat dari satu tempat ke satu tempat. Ini kerana kawasan kami di Sarawak ini bertaburan.

Di kawasan Sibuti juga ramai yang OKU dan terima kasihlah kepada Yang Berhormat Menteri, turun padang, melihat sendiri, yang telah memberikan keutamaan pada Rumah Penyayang untuk membantu mereka supaya peruntukan setiap tahun akan diberikan. Saya harap dengan ada penambahan kewangan ini akan membantu kami di kawasan Sibuti. Boleh atau tidak Kementerian Yang Berhormat Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat ini membuat pemberian penyelarasan di antara Semenanjung dan Sarawak agar ia sama rata? Ini kerana di negeri Sarawak pada masa ini masih memberi bantuan sebanyak RM80 ataupun RM60 sedangkan dari Semenanjung ini pemberian itu melebihi RM200, RM300 dan ada yang mendapat sehingga untuk tiga orang anak itu, RM600.

Kali ini kita mengharapkan apa-apa bantuan daripada peruntukan-peruntukan yang ada dalam senarai ini sampai juga ke kawasan kami di negeri Sarawak. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Serdang.

7.37 mlm.

Puan Teo Nie Ching [Serdang]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya hendak bertanya sedikit tentang bantuan kebajikan ini. Saya hendak bertanya, sekarang berapa banyak bantuan kebajikan yang kita beri kepada ibu tunggal dan juga kepada anak-anak mereka?

Saya rasa undang-undang tentang nafkah kepada ibu tunggal atau bekas isteri ini sekarang adalah amat tidak mencukupi kerana sekarang walaupun bekas isteri itu dapat satu perjanjian daripada bekas suami bahawa setiap bulan mereka boleh dapat nafkah tetapi sekiranya bekas suami itu tidak bayar kepada bekas isteri, bekas isteri ini perlulah bawa kes ini ke mahkamah. Sekiranya bekas suami ini dihukum, dihantar ke penjara tetapi sebaliknya bekas isteri ini haruslah bayar untuk makanan bekas suami itu di penjara. Jadi, saya rasa ini adalah satu aspek yang sepatutnya diperbetulkan secepat mungkin.

Jadi, saya hendak bertanya sama ada Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat berniat untuk menubuhkan satu agensi untuk mengutip nafkah untuk bekas isteri ini untuk memastikan bahawa mereka bolehlah menjaga anak-anak mereka dengan baik. Itu satu.

Kedua, untuk anak-anak. Setakat ini seksyen 95 menyatakan bahawa anak hanya berhak untuk menuntut nafkah daripada ayah mereka sampai umur 18 tahun. Saya rasa ini adalah amat tidak mencukupi kerana untuk seorang yang berumur 18 tahun, mereka hanya baru habis SPM sahaja. Mereka perlulah ataupun berniat pergi ke kolej dan universiti tetapi pada saat itu, ayah mereka telah menghentikan pemberian nafkah kepada anak-anak tersebut. Jadi, saya pun tahu bahawa memang Kementerian sudah lama berniat untuk mengubah, meminda undang-undang berkenaan tetapi sampai ke hari ini, tiada perkembangan. Jadi, saya hendak mintalah Yang Berhormat Menteri untuk memberikan sedikit penjelasan. Terima kasih.

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Boleh?

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kota Belud. Selepas itu, Yang Berhormat Bakri, kemudian, Yang Berhormat Menteri menjawab.

7.39 min.

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya sedikit sahaja Tuan Pengerusi. Saya tadi mendengar dengan begitu hebat Yang Berhormat Rantau Panjang. Pada masa yang sama, beliau meminta supaya Kerajaan Pusat memberikan royalti pada Kelantan.

■1940

Akan tetapi, daripada hujah yang dibawa dalam kementerian ini nyata sekali beliau tidak mahu kerajaan ini membantu orang-orang miskin mempertikaikan satu jumlah yang begitu besar yang dibawa atas keprihatinan Yang Berhormat Menteri untuk membantu orang susah. Orang yang perlukan subsidi bantuan. Kalau saya mendengar hujah itu begitu baik sekali. Sayang sekali.

Saya pun tidak tahu kenapa Yang Berhormat Rantau Panjang mempunyai masalah kalau kerajaan membantu rakyat. Ini tidak ada soal politik, tidak ada soal pilihan raya. Ini soal apabila keadaan ekonomi kita begitu meruncing...

Puan Hajah Zuraida Kamaruddin [Ampang]: Mencelah sedikit.

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Ada keruncingan, kita ada masalah dari segi inflasi maka kerajaan datang sekali lagi. Yang Berhormat Menteri bertanggungjawab datang minta kepada Kementerian Kewangan untuk tambahan kepada program-program ini. Janganlah kita setiap kali dipolitikkan Yang Berhormat. Inilah masalahnya.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Hendak bagi jalan Yang Berhormat?

Puan Hajah Zuraida Kamaruddin [Ampang]: Isu... Yang Berhormat Kota Belud. Ha! Yang Berhormat Kota Belud.

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Saya bagi, saya bagi sedikitlah Yang Berhormat.

Puan Hajah Zuraida Kamaruddin [Ampang]: Okey, Yang Berhormat Kota Belud, Yang Berhormat Kota Belud... terima kasih Tuan Pengerusi. Yang Berhormat Kota Belud tidak dengar. Apa yang kita persoalkan kegagalan kementerian untuk merancang pemberian kepada golongan-golongan tersebut. Jadi kalau satu tahun kita sudah ada banciaan, sudah tahu apa unjurannya dan sudah tahu apakah *projectionnya* dan tahu kita beri *allowance* sedikit. Tidaklah tiap-tiap setiap enam bulan kita bentangkan bajet tambahan untuk mendapatkan wang untuk memberikan lebih sedikit...

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: [Bangun]

Puan Hajah Zuraida Kamaruddin [Ampang]: Seolah-olah negara ini memberanakkan OKU, memberanakkan itu setiap masa.

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Okey, Yang Berhormat.

Puan Hajah Zuraida Kamaruddin [Ampang]: Jadi inilah kalau kita sebagai kementerian yang bertanggungjawab tidak harus membuat keputusan sedemikian.

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Okey... [Ketawa]

Puan Hajah Zuraida Kamaruddin [Ampang]: Ada banyak perkara lain yang harus membangunkan isu-isu wanita.

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Okey, Yang Berhormat.

Puan Hajah Zuraida Kamaruddin [Ampang]: Jadi Yang Berhormat Kota Belud jangan rasa, jangan fikir kita ini tidak bertimbang rasa. Kita bertimbang rasa. Akan tetapi, cara pelaksanaan itu banyak meragukan.

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Tidak payah ragu. Okey, Yang Berhormat, terima kasih.

Puan Hajah Zuraida Kamaruddin [Ampang]: Kita tidak mahu juara-juara UMNO, juara-juara lucah, skuad lucah turun padang...

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Yang Berhormat, Yang Berhormat tidak payah...

Puan Hajah Zuraida Kamaruddin [Ampang]: Gunakan harta kerajaan untuk berikan kepada mereka-mereka untuk sebagai gula-gula untuk mendapatkan undi.

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Yang Berhormat...

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, ya.

Puan Hajah Zuraida Kamaruddin [Ampang]: Ini yang kita persoalkan.

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Tuan Pengerusi, boleh?

Puan Siti Zailah Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Rantau Panjang bangun Yang Berhormat.

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Ya, sekejap. Saya, saya...

Puan Siti Zailah Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]: Saya hendak berucap sedikit.

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Tidakkanlah satu-satulah. *I can only handle one woman at the time* dengan izin, Tuan Pengerusi.

Puan Siti Zailah Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]: Yang Berhormat Kota Belud kalau berani bagi... [Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara].

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: *I can handle one woman at the time. I hopefully...* [Ketawa] Saya jawab dululah kalau boleh Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Ya.

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Tuan Pengerusi, baru juga tadi Yang Berhormat Menteri Kewangan mengatakan zaman bos Yang Berhormat Ampang pun empat kali belanjawan tambahan dalam masa dia ini. Ini bukan soal – ini soal biasa. Akan tetapi, saya tidak mahu pergi ke sana sebab yang saya pertikaikan ini ialah satu tohmahan itu yang mana kita – Yang Berhormat Menteri cuba untuk mendapatkan belanjawan yang lebih tetapi diputarbelitkan menjadi satu tindakan politik.

Ini saya amat, ini saya amat-amat kecewa. Itu sahaja yang saya katakan. Jadi Tuan Pengerusi...

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Rantau Panjang bangun Yang Berhormat.

Puan Siti Zailah Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]: Minta laluan Yang Berhormat Kota Belud.

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Saya mahu meminta satu lagi, kalau boleh...

Puan Siti Zailah Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]: Yang Berhormat Kota Belud, minta laluan.

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Menteri...

Puan Siti Zailah Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]: Ini satu fitnah juga kepada saya.

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Memang fitnahkah apa? Tadi baru juga Yang Berhormat bercakap tadi.

Puan Siti Zailah Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]: Saya minta, saya hendak bagi penjelasan.

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Yang Berhormat bercakap tadi bahawa Yang Berhormat mengatakan bajet ini ialah...

Puan Siti Zailah Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]: Yang Berhormat Kota Belud menuduh saya putar belit.

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Bajet politik. Bajet, bajet apa ini...

Puan Siti Zailah Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]: Saya kena beri penjelasan.

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Bajet pilihan raya.

Seorang Ahli: [Menyampuk]

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Ini untuk orang miskin Yang Berhormat. Ini untuk orang yang miskin. Tidak apalah. Yang Berhormat boleh minta maaf dengan orang Kelantan...

Puan Siti Zailah Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]: Tuan Pengerusi...

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Kerana tidak mahu bantuan ini...

Puan Siti Zailah Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]: Yang Berhormat Kota Belud.

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Diberikan kepada mereka.

Puan Siti Zailah Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]: Yang Berhormat Kota Belud.

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Tuan Pengerusi, saya cuma minta satu pandangan, satu cadangan. Saya ingin beri satu cadangan kepada Yang Berhormat Menteri. Oleh kerana saya merasakan wakil-wakil rakyat adalah mungkin individu-individu yang selalu turun ke bawah dan dapat mengetahui secara dekat masalah ataupun kes-kes yang memerlukan perhatian Jabatan Kebajikan Masyarakat.

Akan tetapi, banyak kali apabila kita membawa kes ini mungkin terlepas pandang oleh jabatan, akhirnya ianya terpaksa melalui proses-proses birokrasi.

Puan Hajah Zuraida Kamaruddin [Ampang]: Sedikit lagi, boleh?

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Saya rasa, kalau boleh Yang Berhormat Menteri, kalau boleh Yang Berhormat Menteri, kalau ianya datang daripada cadangan Yang Berhormat – daripada wakil-wakil rakyat harus diberi pertimbangan kalau boleh *fast track* kan.

Sebab kalau dibandingkan kita dengan pegawai-pegawai kerajaan saya rasa semua Ahli Parlimen di sini yang paling rajin turun ke bawah. Termasuk juga Yang di-Pertua Speaker yang setiap minggu, hujung minggu turun mencari mendengar masalah.

Puan Hajah Zuraida Kamaruddin [Ampang]: Okey, Yang Berhormat Kota Belud. Sedikit, sedikit *overlook, overlook* sikit.

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Biar Yang Berhormat Menteri yang menjawablah Yang Berhormat.

Puan Hajah Zuraida Kamaruddin [Ampang]: Sikit. Ya lah.

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Saya Yang Berhormat Menteri kalau saya jawab dengan Yang Berhormat pun sampai kiamat pun tidak habis.

Puan Hajah Zuraida Kamaruddin [Ampang]: Kenapa hendak sibuk pula hendak jawab *on behalf* Menteri.

Puan Hajah Zuraida Kamaruddin [Ampang]: Kenapa? Memanglah kalau Yang Berhormat Kota Belud pun sampai kiamat pun tidak habis juga, sama juga.

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Yang Berhormat, sudahlah Yang Berhormat.

Puan Hajah Zuraida Kamaruddin [Ampang]: *No*, saya hendak perjelaskan di sini.

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Saya – Yang Berhormat sudahlah. Saya sudah tidak ada masa Yang Berhormat.

Puan Hajah Zuraida Kamaruddin [Ampang]: Ini bukan masalah *over look*. Perkara ini telah terjadi pada tahun 2010...

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Masalahnya Yang Berhormat tidak mahu...

Puan Hajah Zuraida Kamaruddin [Ampang]: Juga bajet tambahan malahan lebih daripada bajet asal, bajet awal.

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Supaya kerajaan ini memberi bantuan kepada orang miskin. Itu masalahnya. Semua dipolitikkan! Semua dipolitikkan. Ini masalahnya.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, cukup Yang Berhormat.

Puan Hajah Zuraida Kamaruddin [Ampang]: Ini menjadi kebiasaan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat untuk menggunakan platform ini untuk menyampaikan gula-gula kepada rakyat...

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Saya meminta kepada rakyat dapat, dapat...

Puan Hajah Zuraida Kamaruddin [Ampang]: Untuk meraih undi. Ini dia punya tujuan asalnya. Okey, tidak mengapa saya tunjuklah. Okey, tuduhlah!

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Menilai, menilai, nilai Yang Berhormat dengan Yang Berhormat Rantau Panjang. Ada masa kita berpolitik, tidak ada masalah.

Puan Siti Zailah Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]: Yang Berhormat Kota Belud.

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Tidak ada masalah. Tidak ada masalah untuk kerajaan saya rasa Yang Berhormat Senator Menteri, tidak ada masalah berdepan dengan sesiapa pun lah. Sama ada Yang Berhormatkah Yang Berhormat Ampangkah, Yang Berhormat Rantau Panjang, *no problem!*. Akan tetapi, pada masa yang sama...

Puan Siti Zailah Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]: Yang Berhormat ini bukan soal, ini bukan soal. Ini soal rakyat.

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Dalam ketika kita perlu menyokong hasrat kerajaan, hasrat Yang Berhormat Menteri untuk membantu orang-orang miskin. Tidak payahlah kita terlampau berpolitik Yang Berhormat. Itu sahaja saya minta. Sudahlah! Saya nanti kalau saya marah nanti susah. *So*, saya minta Yang Berhormat Menteri kalau boleh *fast trackkan*...

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Tidak bagi jalan Yang Berhormat.

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Bantuan-bantuan yang diberi yang telah kes-kes yang dibawa oleh wakil-wakil rakyat ke perhatian jabatan.

Ini sebab kalau dibandingkan dengan pegawai daerah, dibandingkan dengan pegawai-pegawai jabatan, saya rasalah Ahli-ahli Parlimen ini yang selalu turun ke bawah setiap minggu untuk bertemu dengan rakyat.

Kalau boleh kes-kes yang betul-betul cun orang kata, ada gambar, ada bukti tolonglah proseslah dengan cepat supaya dapat dipertimbangkan bantuan kebajikannya. Terima kasih, saya menyokong.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Bakri.

7.46 mlm.

Tuan Er Teck Hwa [Bakri]: Maksud B.48. Saya ingin meminta penjelasan kementerian mengenai bantuan kebajikan Butiran 080800 kepada fakir miskin dan Butiran 080900 orang kurang upaya yang telah tidak menerima bantuan bermula dari tahun Mei 2011.

Mengapakah perkara ini sering berlaku dan apakah tindakan kementerian untuk mengatasinya. Ini kerana kebanyakan daripada penerima ini sememangnya memerlukan bantuan ini untuk perbelanjaan kehidupan seharian mereka. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, sila Yang Berhormat Menteri.

7.47 mlm.

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Dato' Sri Shahrizat binti Abdul Jalil]: *Bismillaahir Rahmaanir Rahiim. Assalammualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh.*

Seorang Ahli: *Walaikumsalam warahmatullaahi wabarakaatuh.*

Dato' Sri Shahrizat Abdul Jalil: Terima kasih kepada Tuan Pengerusi. Saya bagi pihak Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat khususnya untuk agensi di bawah kami menjaga kebajikan iaitu Jabatan Kebajikan Masyarakat ingin mengucapkan terima kasihlah kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah membahaskan isu-isu berkaitan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan 2011 di bawah Kepala B.48 di mana kementerian ini telah diberikan peruntukan sebanyak RM458,750,000 untuk bantuan keluarga miskin, orang kurang upaya, warga emas, bantuan am dan juga bantuan sosio ekonomi.

Seperti mana Yang Berhormat sedia maklum, isu kebajikan di dalam Perlembagaan Persekutuan adalah di bawah senarai bersama atau dengan izin *concurrent list*. Ia merupakan tanggungjawab bersama Kerajaan Persekutuan dan juga Kerajaan Negeri. Mewakili kerajaan Barisan Nasional Persekutuan, saya ingin maklumkan bahawa kami Barisan Nasional sentiasa prihatin terhadap masalah dan kesulitan yang dihadapi oleh rakyat khususnya mereka yang miskin, berpendapatan rendah dan mereka yang ditimpa musibah. Dalam hubungan ini Jabatan Kebajikan Masyarakat telah dipertanggungjawabkan oleh kerajaan sejak 65 tahun yang lalu...

Seorang Ahli: Oh!

Dato' Sri Shahrizat Abdul Jalil: Bukan baru setahun dua tahun jagung ini baru hendak memperhebatkan kebajikan. Sejak 65 tahun Tuan Pengerusi ya, melalui agensi barisan hadapan Jabatan Kebajikan Masyarakat. Kitalah orang yang menguruskan hal ehwal kebajikan di Malaysia ini.

Dengan izin, ada sesetengah itu dengan izin, *jointly came lately*, betul tidak? Baru hendak cakap pasal kebajikan. Sehingga kini Jabatan Kebajikan Masyarakat mempunyai lebih kurang 6,300 orang pegawai dan kakitangan yang bertungkus lumus siang dan malam memastikan penyampaian perkhidmatan kebajikan sampai kepada kumpulan sasar di seluruh pelosok negara...

Seorang Ahli: Ya.

Dato' Sri Shahrizat Abdul Jalil: Termasuklah di negeri-negeri pentadbiran pembangkang.

Seorang Ahli: Oh!

Dato' Sri Shahrizat Abdul Jalil: Untuk makluman Yang Berhormat, misalnya pada tahun...

Puan Hajah Zuraida Kamaruddin [Ampang]: *[Bangun]*

Dato' Sri Shahrizat Abdul Jalil: 2008.

Puan Hajah Zuraida Kamaruddin [Ampang]: Boleh sudah? Sekejap lagi.

■1950

Dato' Sri Shahrizat binti Abdul Jalil: Minta maaf Yang Berhormat Ampang.

Puan Hajah Zuraida Kamaruddin [Ampang]: Kenapa pula.

Dato' Sri Shahrizat binti Abdul Jalil: Masa Yang Berhormat nanti saya akan bagi, sila duduk.

Puan Hajah Zuraida Kamaruddin [Ampang]: Saya hendak tanyalah dahulu. Kalau boleh Yang Berhormat tanyalah... *[Ketawa]*

Dato' Sri Shahrizat binti Abdul Jalil: Kerajaan telah membelanjakan...

Puan Hajah Zuraida Kamaruddin [Ampang]: Belum apa-apa sudah tidak boleh tanya. 65 tahun memerintah.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Tidak bagi jalan Yang Berhormat.

Dato' Sri Shahrizat binti Abdul Jalil: Yang Berhormat, *please* Yang Berhormat.

Puan Hajah Zuraida Kamaruddin [Ampang]: Sekejap lagi ya. Sekejap lagi, okey.

Dato' Sri Shahrizat binti Abdul Jalil: *Please* Yang Berhormat, apabila hendak berucap saya hormat.

Puan Hajah Zuraida Kamaruddin [Ampang]: Okey, okey. Saya hendak mencelah. Hendak tanya, hendak mencelah.

Dato' Sri Shahrizat binti Abdul Jalil: Tidak payah hendak mencelah dengan saya, duduk.

Puan Hajah Zuraida Kamaruddin [Ampang]: Selama 65 tahun memerintah sudah bijak pandai buat...

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat...

Puan Hajah Zuraida Kamaruddin [Ampang]: ...Kebajikan, tetapi setiap enam bulan kena ada bajet tambahan.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Menteri tidak bagi jalan Yang Berhormat.

Puan Hajah Zuraida Kamaruddin [Ampang]: Apa 65 tahun punya pengalaman ini?

Dato' Sri Shahrizat binti Abdul Jalil: Misalnya, pada tahun 2008, kerajaan...

Puan Hajah Zuraida Kamaruddin [Ampang]: Pengalaman apa 65 tahun.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat...

Dato' Sri Shahrizat binti Abdul Jalil: Pada tahun 2008 kerajaan telah membelanjakan peruntukan sebanyak RM371,200,000 itu tahun 2008. Pada tahun 2009 kita naik lagi kerajaan yang amat prihatin sejumlah RM758,800,00 kita ini hendak bantu orang miskin dan bagi tahun 2010 naik lagi Dato' Sri Mohd Najib Perdana Menteri kita kata, "Okey, *no problem*" kita prihatin jaga rakyat. Kita dapat sebanyak RM1.195 bilion hendak tolong orang miskin. Bilangan penerima mungkin sesetengah Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak dengar atau tidak tahu, bilangan penerima yang mendapat faedah daripada peruntukan ini Kerajaan Barisan Nasional - 424,526 orang. Ini membuktikan komitmen dan keprihatinan Kerajaan Barisan Nasional Persekutuan khususnya membantu golongan yang kurang bernasib baik di negara ini.

Tuan Pengerusi, berdasarkan pada fakta di atas saya hendak jawab sekali harunglah beberapa soalan yang dibawa. Dengar sini okey, dengar sini. Jelas bahawa kerajaan kita memang ada hati budi. Sebab apa, kita hendak tolong orang kita ikhlas kerana Allah. Kalau hendak ikut hati saya, apabila saya hendak bagi kelulusan terutamanya untuk negeri pembangkang yang kata hebat hendak jaga rakyat..

Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Yang Berhormat Menteri, duit bukan duit Barisan Nasional Yang Berhormat Menteri, duit rakyat.

Puan Siti Zailah Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]: Jangan cakap macam itu Yang Berhormat Menteri.

Dato' Sri Shahrizat binti Abdul Jalil: Saya kata, kalau ikut tidak payah bagi.

Datuk Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Ini memang sesiapa pun boleh.

Puan Hajah Zuraida Kamaruddin [Ampang]: Duit rakyat, harta rakyat. *You don't have the right to say that man. Please tarik balik.*

Puan Siti Zailah Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]: Ini duit rakyat.

Puan Hajah Zuraida Kamaruddin [Ampang]: Duit rakyat untuk rakyat.

Dato' Sri Shahrizat binti Abdul Jalil: Peruntukan bantuan kebajikan...

Puan Hajah Zuraida Kamaruddin [Ampang]: Duit rakyat untuk rakyat.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat...

Dato' Sri Shahrizat binti Abdul Jalil: Yang Berhormat, dengar sini Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Kerajaan lain pun duit rakyat juga tetapi tidak buat seperti Barisan Nasional di Malaysia ini.

Dato' Sri Shahrizat binti Abdul Jalil: Pulau Pinang kata hebat, saya luluskan peruntukan...

Puan Hajah Zuraida Kamaruddin [Ampang]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Yang Berhormat Menteri, dia orang tidak tahan apa yang kita sudah laksanakan.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, dengarlah Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Dia orang tidak boleh terima kerana dia orang tidak boleh tindih kita punya program...

Puan Hajah Zuraida Kamaruddin [Ampang]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Bisingslah, bukan boleh percaya pun.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: ...Dia orang tidak hendak dengar.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Ahli-ahli Yang Berhormat...

Puan Hajah Zuraida Kamaruddin [Ampang]: ...Tahu, tidak apa.

Dato' Sri Shahrizat binti Abdul Jalil: Tuan Pengerusi...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Duduklah, duduklah Yang Berhormat.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Ampang...

Puan Hajah Zuraida Kamaruddin [Ampang]: Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Menteri menyeleweng ke mana-mana. Kita tanya soalan beri rasional kenapa ada bajet tambahan untuk golongan tersebut.

Dato' Sri Shahrizat binti Abdul Jalil: Yang Berhormat Ampang duduklah okey, duduk, duduk.

Puan Hajah Zuraida Kamaruddin [Ampang]: Sedangkan awal-awal tahun setengah juta, duduk pasal Yang Berhormat tidak pandai buat kerja. Kita hendak tanya.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Ampang...

Datuk Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: *[Menyampuk]*

Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan [Hulu Selangor]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Puan Hajah Zuraida Kamaruddin [Ampang]: *Sit down, sit down.* Yang Berhormat Hulu Selangor kalau hendak bercakap, bangun. Tidak nampak kepala.

Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan [Hulu Selangor]: Penipu...

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat...

Puan Hajah Zuraida Kamaruddin [Ampang]: Siapa penipu? Tarik balik, Tuan Pengerusi. Tarik balik. Tarik balik Tuan Pengerusi.

Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan [Hulu Selangor]: Penipu.... *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Puan Hajah Zuraida Kamaruddin [Ampang]: Tuan Pengerusi dengar tidak apa dia cakap.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Bukan saya tarik balik Yang Berhormat.

Puan Hajah Zuraida Kamaruddin [Ampang]: Okey, Tuan Pengerusi dengar tidak apa dia cakap.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Hulu Klang, saya rasa tidak sesuai kita tunjukkan kepada seseorang...

Beberapa Ahli: Hulu Selangor.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Hulu Selangor. Tidak sesuaihah Yang Berhormat.

Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan [Hulu Selangor]: Akan tetapi memang benar dia menipu.

Puan Hajah Zuraida Kamaruddin [Ampang]: Ah, tengok!

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Perkataan "menipu" jangan dituju arahkan pada seseorang.

Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan [Hulu Selangor]: Akan tetapi memang benarkan dia menipu Tuan Pengerusi?

Puan Hajah Zuraida Kamaruddin [Ampang]: Tarik balik Yang Berhormat Hulu Selangor. Apa ini, berdiri betul-betul.

Datuk Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Bagi peluang untuk Yang Berhormat Menteri menjawab.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Hulu Selangor, saya rasa tidak sesuai dan saya minta Yang Berhormat tarik balik.

Puan Hajah Zuraida Kamaruddin [Ampang]: Berdiri betul-betul Yang Berhormat Hulu Selangor.

Datuk Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Yang Berhormat Ampang, sabar.

Puan Hajah Zuraida Kamaruddin [Ampang]: *No, no..*, tidak apa...

Datuk Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: *[Menyampuk]*

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, yang lain itu diamlah.

Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan [Hulu Selangor]: Okey, kalau apa yang saya kata itu salah, saya minta maaf.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Terima kasih Yang Berhormat.

Dato' Shamsul Anuar Nasarah [Lenggong]: Tuan Pengerusi, wanita UMNO...

Datuk Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: *[Menyampuk]*

Puan Hajah Zuraida Kamaruddin [Ampang]: Yang Berhormat Kota Belud duduk, Yang Berhormat Hulu Selangor jawab dahulu.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Ampang, dia sudah tarik balik.

Puan Hajah Zuraida Kamaruddin [Ampang]: Saya tidak dengar Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, saya dengar Yang Berhormat. Sudah masuk *Hansard* itu.

Datuk Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Saya rasa Yang Berhormat Ampang paling lawa.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Ahli-ahli Yang Berhormat...

Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan [Hulu Selangor]: Yang Berhormat Ampang mengugut *to be careful*, boleh?

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya minta Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain duduk Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Menteri telah menjawab secara menyeluruh. Saya rasa cukup kita sampai di sini, terus undi sahajalah pasal Yang Berhormat Menteri telah pun lengkap jawapannya menjawab semua persoalan.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Menteri tidak habis lagi Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Kita tamatkan di sini.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Menteri, sila teruskan.

Datuk Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Saya setuju, saya menyokong.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Saya pun sokong jugalah.

Dato' Sri Shahrizat binti Abdul Jalil: Tuan Pengerusi, boleh tidak saya minta berhemahlah di dalam membahaskan ini. Beri laluan kepada saya untuk menjawab secara sempurna.

Dato' Seri Haji Azmi Khalid [Padang Besar]: Boleh saya tanya soalan?

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat hendak bagi jalan Yang Berhormat, Yang Berhormat Padang Besar?

Dato' Seri Haji Azmi Khalid [Padang Besar]: Yang Berhormat Menteri, saya hendak buat permintaan yang rasional. Saya tidak ada benda yang tidak rasional. Saya minta kalau boleh dipertimbangkan Yang Berhormat, satu peraturan di mana satu rumah hanya seorang sahaja yang boleh dapat bantuan (iaitu RM300) tetapi ada keadaan di mana dalam satu rumah itu, ibunya sudah tua sakit, kakaknya sakit kanser. Yang menjaganya ialah ibu tunggal, tidak ada kerja tetapi tidak ada bantuan, hanya seorang. Bolehkah diadakan peraturan ataupun kelonggaran, kerana di bawah sana pegawai-pegawai tidak berani membuat keputusan. Itu saya minta pertimbangan. Terima kasih.

Dato' Sri Shahrizat binti Abdul Jalil: Yang Berhormat Padang Besar *insya-Allah*, sebenarnya kita memberi kelonggaran.

Walaupun secara umum oleh kerana kita hendak menentukan seramai mungkin dapat bantuan daripada kebajikan, sebab itu secara umum kita minat satu keluarga satu tetapi kalau ada kes-kes seperti mana Yang Berhormat lagi satu tanya, kalau ada kes yang betul-betul layak, *insya-Allah* kuasa itu akan diturunkan kepada pengarah negeri dan juga kepada PKMD-PKMD yang ada.

Dato' Seri Haji Azmi Khalid [Padang Besar]: Terima kasih banyak-banyak.

Dato' Sri Shahrizat binti Abdul Jalil: Tuan Pengerusi, berdasarkan kepada fakta yang saya katakan tadi, jelaskan bahawa Kerajaan Persekutuan telah membelanjakan sejumlah peruntukan yang besar bagi tujuan kebajikan rakyat. Ini termasuklah negeri-negeri yang bukan di bawah pentadbiran Barisan Nasional. Sebagai contoh peruntukan Bantuan Kebajikan Persekutuan bagi negeri Pulau Pinang misalnya. Kita sudah belanja sejumlah RM21.7 juta pada tahun 2008 bertambah pula naik sehingga RM77 juta pada tahun 2010 negeri Pulau Pinang.

Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Laluan Yang Berhormat Menteri.

Dato' Sri Shahrizat binti Abdul Jalil: Kejap, saya hendak habiskan. Negeri Kelantan misal kata menerima peruntukan sebanyak RM34.1 juta pada tahun 2008. tetapi kerana kita ini murah hati telah bertambah di Kelantan kepada RM77.6 juta.

Puan Siti Zailah Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]: Minta laluan Yang Berhormat.

Dato' Sri Shahrizat binti Abdul Jalil: Bagi negeri Selangor pula...

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Sebentar Yang Berhormat, sebentar.

Dato' Sri Shahrizat binti Abdul Jalil: ...Peruntukan sebanyak RM27.3 juta pada tahun 2008. Sudah tambah sampai RM85.7 juta pada tahun sudah. Begitu juga negeri Kedah, menerima peruntukan dari Kerajaan Persekutuan sebanyak RM28.4 juta pada tahun 2008 telah berlipat ganda kepada RM101.6 juta pada tahun lepas. Ini kerana kita prihatin dan kita tidak pilih sesiapa politik atau tidak politik kerana secara prinsip kita membantu mereka yang layak diberi bantuan. Kalau kita mempunyai motif politik yang jahat Tuan Pengerusi, percayalah negeri-negeri ini mungkin tidak akan kita masukkan di dalam senarai. Sebab kalau hendak ikut kebajikan sebagaimana saya kata adalah tanggungjawab bersama. Kerajaan negerilah jaga, betul tidak? Kerajaan negeri di Kelantan, Pulau Pinang, Selangor, Kedah jagalah rakyat dengan baik.

Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Yang Berhormat Menteri, saya minta laluan sedikit.

Dato' Sri Shahrizat binti Abdul Jalil: Kita, macam duit yang saya hendak minta ini...

Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Sedikit sahaja.

Dato' Sri Shahrizat binti Abdul Jalil: Macam duit yang saya hendak minta ini...
No, no. No laluan.

Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Tidak, kita tidak persoalkan...

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Menteri tidak bagi laluan Yang Berhormat. Duduk dahulu.

Dato' Sri Shahrizat binti Abdul Jalil: Nanti-nanti.

Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Yang Berhormat Menteri tidak jawab soalan.

Dato' Sri Shahrizat binti Abdul Jalil: Tidak apa kejap, kejap.

Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Yang Berhormat Menteri, saya hendak tanya soalan.

Puan Siti Zailah Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]: Yang Berhormat Menteri...

Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Kami hendak minta *justification*, kami hendak tahu macam mana di dalam perancangan tidak dimasukkan daripada awal. Kenapa ianya *ad hoc*. Kalau saya ikut *calculation* saya ini Yang Berhormat Menteri, RM458,750,00 bahagi dengan 22 kawasan, setiap kawasan dapat RM2 juta lebih. Bahagi dengan lima bulan satu kawasan dapat RM413,288 sebulan. Secara puratanya RM400 satu keluarga ataupun satu orang maknanya dalam satu kawasan ada 1,000 lebih orang yang miskin tetapi persoalan kita, Yang Berhormat Menteri tidak patut menjawab...

■2000

Dato' Sri Shahrizat binti Abdul Jalil: Ya, saya faham. Saya hendak menjawab.

Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Yang Berhormat Menteri tidak patut menjawab mengatakan, "*Bagi kerana ini rakyat yang sepatutnya Pakatan Rakyat bagi*". Itu bukan jawapan yang profesional Yang Berhormat Menteri. Itu bukan jawapan. Saya kecewa dengan Menteri hari ini.

Dato' Sri Shahrizat binti Abdul Jalil: Okey, saya hendak jawab ini. Tuan Pengerusi...

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, sila Yang Berhormat Menteri.

Dato' Sri Shahrizat binti Abdul Jalil: Saya hendak kata, kita Jabatan Kebajikan Masyarakat memang kita ada perancangan kita.

Pertamanya kementerian membuat perancangan yang teliti dan terperinci berhubung dengan peruntukan bantuan yang melalui unjuran kenaikan 5 peratus setiap tahun. Walau bagaimanapun, peruntukan bagi bulan Ogos hingga Disember adalah berasaskan kepada pengiraan semula dan kajian semula bagi kes-kes yang baru terutama dari negeri-negeri di bawah pentadbiran pembangkang. Oleh sebab itu, kerana kita belas kasihan, kita datang hendak minta duit ini kerana kita tengok di bawah negeri-negeri di bawah pentadbiran pembangkang, saya nampak bahawa kebajikan untuk golongan rendah dan miskin diabaikan dan tidak ada pembelaan.

Puan Hajah Zuraidah Kamaruddin [Ampang]: Bagi kita statistik selepas ini. Bagi kita statistik dan bukti.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Ampang, kita ikut peraturan mesyuarat Yang Berhormat.

Puan Siti Zailah Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]: Minta laluan Yang Berhormat Menteri.

Puan Hajah Zuraidah Kamaruddin [Ampang]: Kita minta statistik *in writing* Yang Berhormat Menteri, yang mengatakan *you* beri kepada kerajaan Pakatan Rakyat kononnya.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Ampang, Yang Berhormat Ampang.

Puan Hajah Zuraidah Kamaruddin [Ampang]: ...Menteri tidak menjawab soalan, tidak payah merewang-rewang. Jawab soalan sahaja.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Ampang.

Puan Hajah Zuraidah Kamaruddin [Ampang]: Tidak menjawab soalan, tidak payah panjang-panjang lebar cakap yang bukan-bukan.

Dato' Sri Shahrizat binti Abdul Jalil: Jawapan saya tadi sudah cukup untuk merangkumi dan menjawab semua soalan yang diberikan tadi oleh Yang Berhormat. Maka saya mengucapkan terima kasih lah di atas keprihatinan mereka. *Insyaa-Allah...*

Puan Hajah Zuraidah Kamaruddin [Ampang]: Tidak menjawab soalan.

Puan Teo Nie Ching [Serdang]: Belum menjawab soalan saya.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Tidak menjawab soalan pun, buat tuduhan sahaja. Buat tuduhan sahaja, bukan jawab soalan.

Dato' Sri Shahrizat binti Abdul Jalil: Sebab, apabila saya hendak menjawab, Yang Berhormat hendak mencelah sana sini. Kalau Yang Berhormat tidak hendak jawapan, saya boleh duduk, bagilah Menteri yang lain hendak menjawab, betul atau tidak?

Kalau hendak suruh saya jawab satu persatu, duduk senyap-senyap sebentar baru saya boleh jawab, boleh tidak? Kalau duduk senyap-senyap, saya boleh jawab satu persatu... *[Disampuk]* Tidak, tidak, sudahlah.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Amboi, tadi tegur saya buat perangai elok tetapi di dalam ini dia pula membuat perangai yang tidak elok.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, *simple*. Yang Berhormat Pokok Sena...

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Ini masalahnya Yang Berhormat Pokok Sena. Yang Berhormat Pokok Sena, ini masalahnya kita sekarang. Yang Berhormat Menteri tidak bagi jalan, Yang Berhormat Pokok Sena terus mencelah.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Ya, saya minta dengan cara yang baik sebab dia ini memang baik dengan saya.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Kalau kita mengikut peraturan mesyuarat, saya rasa Yang Berhormat Menteri boleh bagi jalan. Ikut peraturan mesyuarat.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Saya hendak sebut, tadi dengan Menteri-menteri yang lain tidak ada masalah, tetapi bila datang Menteri 'wanita' ini yang jawab, dia jadi kelam kabut.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Tengoklah ini Yang Berhormat Pokok Sena. Speaker bercakap pun Yang Berhormat tidak mendengar. Menteri menjawab pun Yang Berhormat tidak mendengar.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Inilah dia Pakatan Rakyat.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Saya hendak beritahu, maknanya Menteri lain jawab semuanya okey, *steady*, tetapi bila datang Menteri ini, ya Allah, dia datang buat perangai.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Cukuplah Yang Berhormat Pokok Sena.

Dato' Sri Shahrizat binti Abdul Jalil: Tuan Pengerusi, saya mengucapkan terima kasih di atas semua maklum balas yang diberikan. Kepada soalan daripada Yang Berhormat Serdang...

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Ketua Wanita PKR takut.

Dato' Sri Shahrizat binti Abdul Jalil: Memang kita akan terus memperjuangkan dan *insya-Allah* saya percaya dalam masa yang terdekat, isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Serdang akan dapat perhatian. Sekian, saya ucapkan terima kasih kepada semua. *Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakatuh*.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM458,750,000 untuk Maksud B.48 di bawah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM458,750,000 untuk Maksud B.48 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Maksud B.20 [Jadual] –

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Kepala B.20 di bawah Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi terbuka untuk dibahas.

[Tiada perbahasan]

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM786,200,000 untuk Maksud B.20 di bawah Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujukan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Wang sebanyak RM786,200,000 untuk Maksud B.20 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Maksud B.21 [Jadual] –

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Kepala bekalan B.21 di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani terbuka untuk dibahas.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Pokok Sena.

8.05 mlm.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya percaya bahawa kementerian ini akan menjawab dengan cara yang tenang kerana Yang Berhormat Timbalan Menteri pun baik, tenang. Dia tidak gopoh seperti Yang Berhormat Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. Senyum dia sahaja manis tetapi dia punya dalam itu tidak manis. Nampak senyum memang manis tetapi di dalamnya tidak jadi manis. Tentang itu dia rosak sedikit itu. Sepatutnya senyum manis, dalamnya harus manis.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Tuan Pengerusi, keluar tajuk daripada Jawatankuasa.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Senyum tidak masuk dalam pertanian Yang Berhormat.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Lebih baguslah daripada Ketua Wanita PKR tadi. Hendak dibandingkan dengan Ketua Wanita PAS dan PKR tadi, seratus kali lebih baiklah.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Baik, terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin membahaskan berkaitan dengan peruntukan atau pembayaran yang diberikan kepada BERNAS ini. Berkaitan dengan ST15 yang saya katakan bahawa satu perkara yang sangat penting untuk dilihat dari segi kerana dasar pelaksanaan program beras ST15 ini masih diteruskan oleh pihak kerajaan dengan anggaran kasar bayaran subsidi yang perlu dijelaskan iaitu setiap satu metrik tan kepada syarikat BERNAS iaitu sebanyak RM650.

Parlimen perlu diberikan satu penjelasan berapakah tanggungan bulanan subsidi oleh kerajaan terhadap BERNAS. Ini kerana bagi saya, ini merupakan perkara yang penting untuk dilihat secara yang lebih menyeluruh. Ini kerana, apakah BERNAS sekadar mengendalikan subsidi ini sedangkan bagi saya bahawa BERNAS juga ada menerima peruntukan-peruntukan subsidi-subsidi lain yang diperolehi oleh syarikat daripada BERNAS. Jadi, perlu Parlimen dimaklumkan berapakah jumlah kuantiti metrik tan beras gred ini yang telah diberikan setiap bulan sejak dari tahun 2008 hingga Jun 2011 kepada pihak-pihak seperti berikut:

- (i) Syarikat Modern Trip (anak syarikat BERNAS);
- (ii) pengilang-pengilang beras;
- (iii) kontraktor yang mendapat tender kerajaan;
- (iv) pemborong beras swasta; dan
- (v) pemborong beras Program Anak Payung BERNAS.

Senarai syarikat-syarikat bumiputera anak syarikat BERNAS tidak berubah, ada di tangan saya. Sehingga 5 Mei baru-baru ini, satu *circular* telah dikeluarkan oleh Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani. Senarai ini tidak berubah sejak program ini dilaksanakan dan seolah-olahnya ia dimonopoli oleh pihak-pihak tertentu sahaja. Sejak daripada pelaksanaannya tahun 2008 sampai sekarang tidak berubah. Syarikat itu sahaja yang dapat. Jadi saya perlu kepada penjelasan sebab apa tidak diberi peluang kepada orang lain. Seolah-olahnya hanya mereka sahaja berhak untuk monopoli dan mendapat kuota ini.

Contohnya, syarikat 'A' menjadi pengampit yang tersenarai di bawah sebagai penumpang yang mendapat kuota beras ini juga sebahagiannya adalah terdiri daripada syarikat keluarga mereka. Saya ada senarainya. Sepatutnya dia jadi payung tetapi hakikatnya, yang payung itu ialah keluarga dia. Dia payung keluarga dia semua. Dia payung keluarga sahaja, dia bukan payung orang lain.

Amat tidak logik ada syarikat yang hanya mendapat kuota 10 metrik tan untuk mengampit dan mengedar beras ST15 dan yang jelas berlaku kuota mereka dijual untuk mendapat keuntungan segera. Maknanya ini adalah anugerah politik. Saya difahamkan anugerah politik kepada orang-orang tertentu dapat 10 metrik tan dan kemudian mereka ini menjual kepada pengilang-pengilang yang lain untuk mereka mendapat duit segera.

Jadi, sejauh manakah mereka melaksanakan tanggungjawab mereka sebagai penerima kemudahan menjadi tanda tanya semua rakyat pelbagai lapisan masyarakat. Pengawasan dan penguatkuasaan oleh kawal selia lemah dan seolah-olah berlaku satu persekongkolan. Cuba bayangkan jika 40,000 metrik tan beras ST15 ini telah disenaraikan di pasaran, bermakna kerajaan perlu membelanjakan RM26 juta setiap bulan. Sejak program ini, berapakah jumlah baki tanggungan hutang kerajaan terhadap BERNAS? Parlimen perlu dimaklumkan secara jujur dan ikhlas oleh Yang Berhormat Menteri tanpa ada perselindungan.

■2010

Baru-baru ini Yang Berhormat Menteri dan Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani membuat pengumuman khas semasa merasmikan Mesyuarat Agung Penaja Penubuhan Persatuan Pemborong Beras Bumiputera di Shah Alam bahawa pengampit beras ST15 sudah boleh mengampit beras berjenama sendiri di dalam gudang yang sama. Ini pengumuman yang dibuat secara ucapan.

Persoalannya di sini bermakna sebelum ini mana-mana syarikat yang telah dilantik menjadi pengampit beras ST15 tidak boleh mengampit beras berjenama di dalam gudang yang sama sedangkan perkara seperti ini telah dilakukan dengan sewenang-wenangnya tanpa sebarang pengawasan kementerian-kementerian sendiri, Yang Berhormat Timbalan Menteri. Apakah Yang Berhormat Menteri bersubahat dan bersekongkol dengan mereka kerana mereka inilah mungkin daripada kroni pihak-pihak tertentu. Subsidi yang dibelanjakan oleh kerajaan tidak sampai kepada kumpulan sasaran. Pemborong beras mengaut keuntungan yang berlipat ganda. Mohon pihak Lembaga Hasil Dalam Negeri membuat pemeriksaan semula ke atas peniaga-peniaga berkenaan. BERNAS dikatakan sebuah syarikat GLC yang hebat.

Oleh sebab itu konsesi mereka telah disambung. Jadi Parlimen juga perlu dimaklumkan kenapa beras yang dijenamakan oleh BERNAS sendiri tiada di pasaran dan kenapakah pasar raya BERNAS iaitu *Save More* di sekitar Lembah Klang seperti ditutup? Jadi saya hendak tahu kenapa ini berlaku? Sepatutnya inilah yang dapat memberikan kemudahan dan kebajikan kepada masyarakat dan rakyat untuk mendapat beras yang lebih berkualiti dengan harga yang lebih baik untuk membantu masyarakat.

Anak-anak syarikat serta syarikat beras yang lainnya berlumba-lumba menghasilkan beras jenama masing-masing dan tidak hairanlah ada sebahagian pemborong beras yang mendapat kuota beras ST15 telah memproses beras tersebut menjadi jenama beras 1Malaysia dan diketahui oleh Yang Berhormat Menteri sendiri kerana mereka mahu mengaut keuntungan yang besar. Jadi ia jadi beras 1Malaysia, beras ST10, ST5 peratus dan sebagainya. Ini maknanya mereka dapat beras subsidi tetapi mereka tidak jual beras ST15.

Yang Berhormat Menteri memuji bahawa inilah contoh peniaga yang hebat dan pandai mempelbagaikan jenama beras di dalam gudang yang sama pada hal mereka inilah sebenarnya penipu-penipu yang terpaksa ditanggung oleh kerajaan dan rakyat. Mempelbagaikan jenama beras di dalam gudang yang sama walaupun sebelum ini jika mereka mengampit beras ST15 mereka tidak boleh menggredkan beras lain di dalam gudang yang sama. Jelas terbukti dengan kerjasama Yang Berhormat Menteri bahawa bermula bulan Jun 2011 mereka yang mengampit ST15 sudah boleh mempelbagaikan beras lain pula.

Kenapa ini terjadi kalau tiada satu muslihat? Mohon SPRM menyiasat keseluruhan program beras ST15 sejak mula dijalankan hingga sekarang agar hak rakyat dapat dipertahankan. Difahami bahawa perniagaan dan hala tuju BERNAS hanya bergantung sepenuhnya kepada perniagaan sedia ada oleh anak-anak syarikat dan tidak dinafikan bahawa BERNAS hanya GLC yang makan komisen sahaja.

Amatlah rugi jika kerajaan telah menyambung semula tempoh pemilikan permit atau pun AP kepada BERNAS ini dan dicadangkan agar pihak kerajaan perlu menubuhkan semula LPN dan menamatkan peranan BERNAS. Ini sebab saya lihat bahawa lanjutan kontrak untuk BERNAS ini dibuat untuk sepuluh tahun yang akan datang dan akan berakhir pada 2021 sedangkan keputusan hasil kajian BERNAS yang dijanjikan di Parlimen pada 7 Julai 2008 tidak diumumkan kepada kami tetapi BERNAS telah disambung semula. Sepatutnya dijanjikan untuk itu maknanya diumumkan kepada Parlimen tentang apa hasil kajian sebab walaupun jawapan yang diberikan kepada saya bahawa kerana kata mereka BERNAS telah pun memenuhi dan melaksanakan tugas obligasi yang mengikut perjanjian di dalam program penswastan dahulu. Akan tetapi saya tidak nampak pun apakah yang telah dilaksanakan oleh BERNAS. Antaranya ialah untuk membantu pengilang-pengilang bumiputera tetapi hari ini berapa kerat sahaja pengilang bumiputera yang tinggal dalam seluruh negara kita ini? Berapa kerat pengilang bumiputera yang tinggal?

Saya percaya bahawa Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh bersetuju dengan saya malah dalam program ST15 ini hanya tiga kilang bumiputera sahaja yang dapat bermakna seolah-olah macam tidak ada kilang bumiputera, seolah-olah hanya ada tiga walaupun saya tahu ada lebih sedikit daripada itu. Hanya tiga sahaja yang dapat tetapi jumlah kilang bumiputera sejak penubuhan BERNAS ini telah terhakis maknanya telah dibubar, ditutup dan sebagainya kerana BERNAS tidak dapat membantu kilang-kilang bumiputera ini. Begitu juga dalam konteks untuk membantu petani. Saya tidak nampak apa yang dilakukan oleh BERNAS. BERNAS gagal untuk membantu petani dalam usaha untuk meningkatkan kemampuan dan keupayaan petani itu sendiri dan juga dari segi untuk memastikan pendapatan petani itu dapat bertambah.

Jadi sebab itu bagi saya bahawa keputusan kerajaan menyambung semula untuk sepuluh tahun sehingga tahun 2021 ini, saya tidak dapat lihat bagaimana satu penyelesaian kepada masalah krisis beras yang sedang berlaku sebelum ini dan akan berlaku selepas ini. Inilah yang akan menjadikan kita sebagai masyarakat pengguna ini sebagai mangsa kepada monopoli BERNAS ini sedangkan bagi saya bahawa dalam perjanjian asal 1996 tidak menetapkan hak import tunggal eksklusif untuk satu-satu syarikat. Begitu juga bahawa dalam perjanjian asal Januari 1996 memperuntukkan sambungan hanya untuk lima tahun sahaja tetapi sekarang ditambah lagi sepuluh tahun. Sebelum itu telah pun ditambah beberapa tahun dan sekarang ditambah untuk sepuluh tahun sedangkan perjanjian asal hanya untuk lima tahun.

Ini sebab saya percaya bahawa perjanjian lima tahun itu untuk memastikan dan membolehkan supaya kita membuat semakan semula dalam tempoh lima tahun tetapi tempoh sepuluh tahun kita kena tunggu dalam keadaan bahawa kalau dia buat silap pun kita boleh mengambil apa-apa tindakan kepada dia. Jelas sekali yang penting bagi saya bahawa sehingga sekarang walaupun dijanjikan kepada kita bahawa kerajaan berjanji bahawa untuk mengemukakan hasil kajian yang dibuat terhadap BERNAS sampai sekarang tidak...

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat habiskan.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Dikeluarkan. Jadi kita hendak tahu apakah hasil penemuan tersebut supaya kita dapat mengetahui dan kita dapat memberikan input sebelum keputusan dibuat untuk menyambung.

Akan tetapi sehingga hari ini sudah disambung kemungkinan selepas ini Yang Berhormat boleh bagi pada saya tetapi apa boleh buat? Bagi pun selepas BERNAS telah disambung.

Sepatutnya perlu ada satu jawatankuasa khas yang membabitkan satu Jawatankuasa Parlimen untuk memastikan kepentingan makanan ruji negara kita ini dapat diberikan kepada mereka yang benar-benar bertanggungjawab. Jadi sebab itu saya mohon persoalan-persoalan ini dapat diperjelaskan khususnya persoalan dalam negara kita iaitu kilang-kilang beras bumiputera yang semakin berkurangan sedangkan kita katakan bahawa kerajaan hendak membantu bumiputera, bercakap soal Melayu, soal bumiputera, PERKASA bercakap soal Melayu, akhirnya ada Timbalan Pengerusi PERKASA dia dapat AP kereta. Bercakaplah Melayu, Melayu, bang, bang dia dapat AP kereta! Padahal dia tidak berniaga kereta, dia berniaga kertas. Ini yang saya katakan bahawa perlu dilihat dan mengikut senarai pemborong beras yang mendapat tender kerajaan juga dibantu antaranya ialah Koperasi Kaum Ibu Kubang Pasu Kedah, Cahaya Piramid Jerjih. Bolehkah beras ST15 ini dikekalkan..

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat masa sudah habis Yang Berhormat.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Untuk makanan penghuni penjara, hospital ataupun asrama sekolah. Rumusannya bahawa beras nasional ST15 gagal dan saya minta bahawa satu siasatan harus dibuat bagi menyelamatkan kepentingan negara dan juga kepentingan makanan utama kita dan juga kepentingan wang yang sangat besar dibelanjakan. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, Yang Berhormat.

8.18 mlm.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Tuan Pengerusi macam lupa kawasan saya, Ledang... [Ketawa]

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Ya Yang Berhormat Ledang.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: [Ketawa]

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: / tidak panggil Ledang. Saya tidak panggil, sudah tahu itu. Ia *direct* ya.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Terima kasih, saya bergurau. Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya cuma hendak bertanya tentang Perkara 6 dalam Maksud B.1 iaitu sebanyak RM5 juta untuk membiayai keperluan perbelanjaan mengurus untuk merancang, membangun dan mengurus Pusat Penyelidikan Antarabangsa Tanaman Masa Hadapan. Walaupun cuma RM5 juta tetapi nampak ini adalah satu program besar kerana namanya adalah Pusat Penyelidikan Antarabangsa Tanaman Masa Hadapan.

■2020

Tuan Pengerusi, saya ingin bertanya kepada pihak Yang Berhormat Menteri, kita sudah ada MARDI, MPOB, kita ada berbagai-bagai lagi pusat penyelidikan pertanian termasuk di peringkat universiti. Jadi saya hendak tanya, apa kaitan pusat penyelidikan antarabangsa tanaman masa hadapan ini dengan semua pusat penyelidikan yang berkaitan dengan tanaman dan makanan yang berada dalam negara kita? Ertinya Tuan Pengerusi saya ingin bertanya tentang manfaat yang boleh kita dapat daripada pusat penyelidikan ini kepada semua pusat yang sudah kita ada termasuk di peringkat universiti kerana Tuan Pengerusi saya yakin ini adalah satu projek ataupun program yang besar yang memberi keuntungan kepada negara kita. Walaupun ini adalah peringkat antarabangsa tetapi sudah pasti ia memberi pulangan yang besar kepada kita.

Justeru saya ingin bertanya sebenarnya yang sudah berjalan ini apakah hasil yang kita sudah dapat ataupun dapatan daripada pusat penyelidikan tersebut. Misalnya mungkin sudah ada satu penemuan baru. Itu yang saya ingin tanya dan kalau boleh Tuan Pengerusi saya juga ingin bertanya adakah ia melibatkan sumber manusia kita. Dalam erti kata kita mempunyai ramai pakar. Kalau kita boleh melibatkan pakar-pakar ataupun kita boleh melibatkan graduan-graduan kita dalam bidang pertanian saya rasa itu yang terbaik.

Jadi itu yang saya ingin bertanya dan saya harap ada penjelasan daripada pihak Menteri. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Hulu Langat.

8.22 m/m.

Dr. Che Rosli Che Mat [Hulu Langat]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya merujuk kepada Maksud B.21. Saya ingin mendapat sedikit penjelasan iaitu sebanyak RM959 juta diperuntukkan melibatkan subsidi padi dan beras. Jadi soalan saya yang pertama mungkin saya sudah dapat penjelasan sedikit daripada ucapan Yang Berhormat Pokok Sena tadi, saya ingin mendapat penjelasan dari segi subsidi ST15 peratus itu. Yang saya faham adakah benar subsidi ini diberi kepada rakyat yang mendapat kupon yang ada di dalam senarai e-Kasih dan adakah projek ini terus berjalan atau diberhentikan sebab saya difahamkan senarai e-Kasih pun belum jelas.

Yang kedua, berapa banyak subsidi baja yang diperuntukkan untuk setiap ekar atau hektar sawah padi. Yang ketiga, apakah bentuk insentif dalam meningkatkan hasil padi itu dan sebanyak RM400 juta untuk subsidi menstabilkan dasar sekuriti makanan negara. Saya ingin mendapat penjelasan sedikit dari segi aspek mana yang diperlukan RM400 juta itu dan sejauh mana kenaikan harga beras antarabangsa itu.

Yang terakhir saya juga ingin mendapat penjelasan RM10 juta untuk membiayai keperluan projek sistem antipenyeludupan produk daging beku halal. Saya fikir pada peringkat awal peruntukan ini digunakan untuk meningkatkan lagi penghasilan daging lembu atau kambing tempatan dan saya juga ingin mendapat penjelasan apakah status ladang ternakan benih kambing boer yang dibuat di Bukit Merah. Sekian sahaja, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Tuaran.

8.24 m/m.

Datuk Seri Panglima Wilfred Mojilip Bumburing [Tuaran]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ringkas sahaja. Saya ingin menyentuh tiga perkara secara ringkas. Pertama sekali ini berkaitan dengan insentif peningkatan hasil padi. Seperti Yang Berhormat Ledang katakan tadi kerajaan memang selama ini telah mengadakan program-program penyelidikan untuk meningkatkan hasil padi dan berbagai-bagai badan yang telah ditubuhkan dan kita tidak boleh nafikan bahawa setakat ini memang kita telah membuat penemuan-penemuan baka padi yang menghasilkan yang lebih tinggi daripada yang lalu.

Saya hanya ingin mengambil perhatian kementerian bahawa ada satu sistem penanaman padi yang dikenal sebagai SRI iaitu *System of Rice Intensification*. Sistem ini bermula di Madagascar dahulu dan sekarang ini telah dipraktikkan dan diguna pakai sebanyak 48 buah negara dunia ini termasuklah Indonesia di mana Presiden Susilo Bambang telahpun turun padang menyaksikan penuaian hasil padi SRI ini dan ianya mempunyai beberapa aspek yang agak menarik terutamanya hasilnya didapati dalam satu hektar ini boleh menghasilkan ke maksimum 12 tan. Sistem ini tidak menggunakan air hanya menggunakan dalam beberapa waktu dan bukan seperti apa yang kita amal sekarang iaitu kita bentungkan air dalam sawah padi dan ianya juga tidak menggunakan penggunaan serangga dan baja kimia.

Untuk pengetahuan Yang Berhormat Menteri pihak yang berkenaan ini telah pun memulakan eksperimen di Sabah dan telah terbukti bahawa ia dapat menghasilkan 10 tan dan sistem ini Tuan Pengerusi ialah menggunakan sebiji padi ditanam dan didapati ianya menghasilkan, di Sabah ini kita telah dapat menghasilkan 80 pokok daripada satu biji dan di Indonesia rekod yang telah dicatat ialah sebanyak 220 pokok daripada sebiji padi dan ini sistemnya agak unik.

Saya difahamkan sekarang ini sistem ini telah pun mendapat perhatian Yang Amat Berhormat Perdana Menteri melalui IRIS dan pelopornya yang telah membawa teknologi ke Malaysia sedang bertugas di Semenanjung dan telah pun dapat berbincang dengan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Jadi saya minta kementerian supaya studi teknologi ini sebab ini adalah mempunyai potensi untuk merubah nasib petani padi.

Satu perkara lagi saya ingin bertanya mengenai dengan sistem subsidi harga beras dan kementerian telah pun melancarkan sistem kupon baru-baru ini tapi atas perundingan antara Ahli-ahli Yang Berhormat dengan Menteri kupon itu ditarik balik dan oleh kerana pada mulanya ia hanya berasaskan kepada senarai e-Kasih yang mempunyai permasalahan. Jadi terima kasih kepada Menteri yang begitu prihatin ke atas cadangan daripada Ahli Yang Berhormat kupon ditarik dan satu penyenaian baru kepada mereka yang tidak termasuk dalam e-Kasih tapi memerlukan bantuan beras kita memikirkan kalau kupon ini diberi dahulu seperti yang dijadualkan maka ianya menarik beberapa masalah di *underground*. Jadi saya harap penyenaian baru ini telah siap dan dapat dilaksanakan secepat mungkin kerana rakyat apabila kita masuk kampung rakyat tanya mana kupon beras.

Akhir sekali Tuan Pengerusi mengenai LKIM. Saya telah mengutarakan satu pertanyaan hari ini sama ada kerajaan mempunyai rancangan untuk membina kompleks pendaratan ikan moden di Sabah iaitu di Sandakan. Jawapan yang saya terima ialah belum lagi ada cadangan tapi Tuan Pengerusi saya menarik perhatian bahawa mengikut apa yang diterangkan oleh Jabatan Perikanan di Sabah dari pengarahnya sendiri pihak LKIM telah pun mengumumkan projek ini pada 2009 iaitu ditempatkan di Sandakan tetapi nampaknya pengumuman itu ditarik balik dan sekarang ini apa yang saya dapat daripada jawapan ini ialah bahawa kementerian tidak mempunyai cadangan.

■2030

Jadi saya bertanya, apakah jadinya pengumuman yang dibuat pada 2009 di Sandakan? Sekarang ini penangkapan ikan, *deep sea fishing* tidak dapat diadakan di Sabah kerana tidak ada kemudahan pendaratan moden *deep sea fishing* di Sabah ini. Sandakan, saya ingat adalah sebaik-baik tempat mendirikan kompleks ini kerana di situlah tempat ikan yang banyak iaitu merangkumi Tawau, Lahad Datu dan Sandakan. Jadi saya rasa Tuan Pengerusi, itu sahaja yang ingin saya sampaikan. Terima kasih.

8.30 mlm.

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya rasa Maksud B.21, kita hendak tambah RM1.383 bilion. Kalau mengikut penerangan yang diberi oleh Menteri Kewangan ataupun Kementerian Kewangan, setiap RM1 perbelanjaan yang kerajaan guna, ia menghasilkan kesan berganda sehingga RM100. Maknanya RM1 jadi RM100. Ini bermakna kalau RM1.3 bilion kita hendak belanjakan tambahan, boleh menghasilkan produk ataupun nilai dalam industri pertanian, asas tani ini berjumlah hampir RM100 bilion. Kalau RM100 bilion maksudnya kita dah selesai masalah apa-apa yang ada berkaitan dengan makanan, barang pertanian, perikanan dan sebagainya, sepatutnya begitu.

Saya nampak juga tambahan ini, saya teringat masa kita bincang untuk mendapatkan belanjawan tambahan untuk tahun 2010 tiga bulan yang lepas, perkara yang sama juga katanya untuk menyelesaikan beberapa perkara termasuk secara langsung untuk membiayai subsidi dan sebagainya di bawah perkara HRP yang dikatakan sebagai *high risk profiling* untuk anti penyeludupan daging beku. Memang banyak dibincangkan, saya pun cuba dapatkan fakta daripada penulisan-penulisan dalam *internet* yang mengatakan bahawa perkara ini memang berlanjutan dan tidak pernah ada inisiatif. Saya tidak tahu sama ada dengan RM10 bilion ini kita berjaya untuk membangunkan sistem menyelesaikan perkara berkenaan dengan penyeludupan ini. Inilah di antara yang menjadi *shortage* atau kekurangan begitu besar kepada *supply* makanan untuk rakyat kita.

Kita tahu antara tujuan untuk membangunkan sistem ini adalah untuk mencegah daripada berlakunya pengimportan daging-daging yang sepatutnya tidak menepati mutu ataupun standard makanan yang sepatutnya dinikmati oleh rakyat kita. Perkara ini saya tidak mahu panjangkan cuma saya berharap ada penerangan daripada pihak Menteri. Sebanyak RM4.7 juta yang hendak dibelanjakan berkenaan dengan menguruskan 41 buah jeti, satu pasar dan 63 buah kompleks pemeriksaan ikan di bawah LKIM. Saya hendak tanya Timbalan Menteri, masalah Yang Berhormat Tuaran sebutkan tadi saya rasa berkaitan sebab soal pendaratan ikan, soal penangkapan ikan, soal kuantiti ikan yang semakin menurun, yang sepatutnya jadi sumber makanan utama rakyat kita termasuk di Sabah dan Sarawak.

Di antara perkara yang disebut ialah kegagalan ataupun tidak tersedianya industri yang berkaitan, *all related industry*, dengan izin, yang berkaitan dengan aktiviti pendaratan ikan. Sebagai contoh, di kesemua 41 jeti ini, saya rasa hanya beberapa buah jeti sahaja yang menyediakan kompleks ataupun industri-industri yang berkaitan di dalam kompaun atau kawasan yang berkaitan. Maknanya penangkapan ikan yang ada kelebihan dan sebagainya tidak boleh dimaksimumkan *utilization* nya, kegunaannya sehinggakan benda ini menjadi barang buangan, ikan baja dan sebagainya.

Oleh sebab itu saya diberitahu dan juga carian yang saya buat menunjukkan bahawa kita gagal untuk mewujudkan prasarana yang munasabah kerana industri yang berkaitan dengan ikan ini sebenarnya begitu besar tetapi kita tidak sediakan prasarana yang betul. Kita masih belum ada, jeti hanya dilihat sebagai untuk mendaratkan ikan tetapi tidak mampu untuk menanggung ataupun memaksimumkan, memproses bahan-bahan makanan sehingga sekarang ini hendak beli makanan ikan pun kita kena import sedangkan bahan-bahan ini boleh diguna, diproses sekiranya kita ada industri-industri yang berkaitan di kawasan-kawasan jeti. Sekarang ada 41 jeti dan RM4.7 juta walaupun tidak besar, ini menunjukkan bahawa kita tidak ada satu perancangan untuk membangunkan satu industri yang berkaitan dalam kawasan jeti yang diselia oleh LKIM itu sendiri.

Oleh sebab itu isu berkenaan dengan LKIM yang menguruskan satu perkara yang begitu spesifik. Persatuan Nelayan menguruskan *fleet card* untuk menguruskan diesel, ada satu persatuan ini kata menguruskan air batu. Nampak seolah-olah industri perikanan kita di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani ini nampak macam hanya *inherit* dengan izin, satu norma yang lama, yang tidak ada pembaharuan langsung.

Sekarang kita berhadapan dengan kekurangan kuantiti ikan yang dapat dinikmati oleh rakyat kita sekali lagi. Maknanya, tujuan kita meletakkan tambahan ini bukan hendak menyelesaikan masalah yang sedia ada tetapi cuma hendak menunjukkan inisiatif kita untuk cuba hendak menyelesaikan dengan RM4.7 juta lebih tetapi langsung tidak ada cadangan yang saya tengok untuk mempromosi atau mempertingkatkan kesedaran untuk wujud industri lain. Jadi, sebab itu bila nelayan hendak mogok, industri yang berkaitan dengan perikanan hendak mogok, menyatakan marah mereka. Kita tidak dapat menawarkan satu remedi kepada mereka, setakat untuk kita jangan mogok, perkara ini akan diselesaikan, akan diambil tindakan tetapi secara logiknya kita tidak boleh memberi *confidence* kepada mereka, keyakinan.

Kita dah ada satu dasar untuk menguruskan ataupun untuk menyelesaikan masalah ini, dah bertahun-tahun. Jadi, sebab itu saya kata, saya pun tidak mahu mewujudkan fikiran ataupun cadangan yang membuatkan orang marah, saya pun tidak mahu begitu tetapi subsidi untuk minyak diesel ini bukanlah perkara yang tepat tumpuannya. Sebenarnya aktiviti-aktiviti yang berkaitan dengan perikanan itu sendiri kita dah abaikan terlalu lama. Jadi, kita dilihat tidak kompetitif dari segi menguruskan hasil laut kita sehingga macam-macam hal timbul, sehinggalah kepada nelayan itu sendiri kita tidak dapat selesaikan, menyebabkan mereka ini duduk dalam suasana yang sediakala, sampai bila pun saya tidak tahu apa penyelesaiannya.

Akhir sekali, saya berharap Pusat Penyelidikan Antarabangsa Tanaman Masa Hadapan ini, saya berharap ada cadangan daripada kerajaan walaupun kosnya cuma RM5 juta, disebut di sini. Saya berharap kementerian boleh cadangkan untuk membawa inisiatif-inisiatif baru atau insentif untuk menggalakkan pelabur asing supaya berminat semula, kembali berminat kepada pelaburan-pelaburan yang berasaskan pertanian dan perikanan. Jadi, daripada situlah kita boleh mendapat sekali lagi teknologi baru, teknologi luar yang dibawa masuk dan sebagainya. Kalau kita tidak ada tawarkan apa-apa insentif, siapa pun tidak mahu datang untuk *venture* dalam industri berbentuk makanan moden dan perikanan moden, kita duduk macam itu sahaja sampai bila-bila. Saya harap dipertimbangkan. Terima kasih.

Beberapa Ahli: [*Bangun*]

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Hendak panggil semuakah ini Yang Berhormat?

Seorang Ahli: [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kuala Krau.

8.38 mlm.

Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said [Kuala Krau]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Pertamanya, saya ingin merujuk kepada Butiran 120700 iaitu Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM). Pada tahun ini nampaknya tidak seperti tahun 2010, walaupun kita ada Perbekalan Tambahan RM1.3 bilion iaitu untuk kemudahan jeti di kawasan masing-masing. Kalau dahulu kita dapat RM100 ribu untuk kemudahan jeti, RM200 ribu untuk infrastruktur bagi pertanian, jalan-jalan pertanian dan RM100 ribu untuk Majlis Pembangunan Pertanian tetapi nampaknya pada tahun ini untuk kemudahan jeti tidak ada dan saya mohon ICU dapat memberikan peruntukan ini semula, tambah kepada kementerian ini bagi kita memesatkan lagi, memperkasakan lagi sektor pertanian di dalam kawasan masing-masing.

Pada tahun 2010 juga, dua pembinaan jeti yang telah diluluskan di bawah kawasan saya iaitu di jeti. Akan tetapi apabila kita rujuk kepada Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia, peruntukan ini walaupun telah diselesaikan tetapi nampaknya Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia di Pahang ini dikatakan tidak ada peruntukan diturunkan, cuma surat kelulusan sahaja.

■ 2040

Ini yang menghairankan. Pelantikan kontraktor telah dibuat bagi pembinaan dua buah jeti. Saya harap Yang Berhormat Timbalan Menteri dapat menyelidik dan menyiasat perkara ini kenapakah perkara ini boleh berlaku.

Keduanya, saya merujuk kepada 131700 – Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA). Saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada FAMA kerana di dalam lawatan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 7 Julai di Bandar Tun Razak, di atas pengisytiharan Bandar Pusat Jengka sebagai Bandar Tun Razak dan juga Hari Peneroka Kebangsaan di mana kompleks FAMA bernilai RM3 juta akan dibina di Bandar Pusat Jengka. Saya mengucapkan ribuan terima kasih. Saya berharap FAMA ini juga diberikan peruntukan yang lebih, latihan-latihan teknikal kepada pegawai-pegawai pemasaran kita kerana penting. Sekarang ini petani-petani dia bertani, bercucuk tanam secara kecil-kecilan dan khidmat nasihat untuk bagaimana mengenal pasti tanah yang sesuai, tanaman yang sesuai dan seterusnya kita dapat pasarkan kepada pasaran yang cukup baik dan secara *contract farming* juga perlu dilakukan oleh petani-petani di dalam kawasan kita.

Ketiga akhirnya, 132400 - Perkhidmatan Veterinar. Saya mengucapkan ribuan terima kasih juga kepada kementerian kerana ada bantuan-bantuan atau pinjaman kepada penternak-penternak di dalam negara kita sama ada ingin menternak lembu, kerbau, kambing biri-biri dan sebagainya. Cuma baru-baru ini di dalam majlis dialog, saya cukup terperanjat apabila Pegawai Veterinar Daerah Temerloh mengatakan baka-baka lembu yang dibekalkan oleh Jabatan Pertanian di Persekutuan ini, nampaknya lembu ini tidak membiak dan juga tidak boleh mengawan. Saya harap perkara ini dapat diteliti dan akhirnya bantuan geran daripada Persekutuan ini diberhentikan. Saya percaya bahawa peruntukan ini adalah sangat penting bagi masyarakat di luar bandar dapat memperkasakannya dalam bidang ternakan. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Saya rasa cukuplah, Yang Berhormat. Saya panggil Yang Berhormat Sibuti. Selepas itu Yang Berhormat Maran. Kemudian Yang Berhormat Menteri menjawab.

Tuan Er Teck Hwa [Bakri]: Tuan Pengerusi, satu ayat sahaja. Satu ayat sahaja.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Cukuplah Yang Berhormat.

8.42 mlm.

Tuan Haji Ahmad Lai Bujang [Sibuti]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin membahaskan B.21 – Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani berkaitan dengan perkara yang ketujuh iaitu sebanyak RM4.7 juta menampung kos pengurusan 41 buah jeti dan satu borong dan 63 buah kompleks pemeriksaan ikan di bawah LKIM.

Di Sarawak, pemeriksaan ikan di bawah LKIM di Tanjong Manis perlu diselenggarakan sebab di sana sajalah yang ada besar di kawasan Sarawak yang masih belum diguna pakai sepenuhnya. Kalau boleh digalakkan semua nelayan-nelayan menggunakan jeti yang terancang ini.

Kita juga mengharapkan bahawa 41 buah jeti itu - Kita terima kasihlah kepada Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani ini kerana memberi peluang juga kepada jeti-jeti kita dibaiki dan untuk menampung nelayan-nelayan kita untuk mendaratkan ikan-ikan mereka. Jadi, kita mengharapkan bahawa semua yang dibantu oleh kementerian ini memanfaatkan kepada nelayan-nelayan kita dan akan meneruskan apa bantuan-bantuan itu supaya rakyat kita dapat makan ikan yang lagi *fresh* daripada ia dibekukan dua minggu hingga tiga minggu di dalam kapal besar di laut ataupun ikan-ikan yang kita import daripada Thailand. Sekian, terima kasih.

Datuk Ismail Kasim [Arau]: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Maran. Yang Berhormat, sudah tutup, Yang Berhormat.

8.44 mlm.

Dato' Ismail bin Abd. Muttalib [Maran]: Sudah tutup, Yang Berhormat. Baru masuk. Terima kasih Tuan Pengerusi kerana mengizinkan saya untuk membahaskan Maksud B.21 – Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani ini. Saya sikit sahaja, Tuan Pengerusi iaitu Perkara 3, RM400 juta peruntukan untuk keperluan pemberian subsidi bagi tujuan menjamin bekalan makanan negara.

Saya Tuan Pengerusi, di samping Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, kita dapat juga agensi-agensi lain di negara kita seperti FELDA, FELCRA, RISDA dan juga agensi-agensi pembangunan wilayah seperti KETENGAH, KESEDAR dan sebagainya. Saya ucapkan tahniah kepada mereka ini kerana telah banyak memainkan peranan dalam membangunkan FELDA umpamanya peneroka-peneroka. FELCRA dengan peserta-peserta FELCRA. RISDA dengan pekebun kecil dan sebagainya. Akan tetapi dalam masa yang sama Tuan Pengerusi, mereka ini juga menjalankan aktiviti pertanian dan juga menyumbang kepada pertambahan makanan negara kita.

Kalau kita lihat umpamanya tiga agensi wilayah yang ada di negara kita seperti FELCRA, RISDA dan agensi wilayah yang lain, mereka ini terletak di bawah Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah. FELDA di bawah Jabatan Perdana Menteri. Sudah tentulah peruntukan-peruntukan yang disalurkan oleh kementerian ini terus kepada agensi berkenaan. Akan tetapi, sumbangan mereka tidak kecil kepada pembangunan pertanian kita di samping yang telah memang dilakukan oleh agensi-agensi di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani sendiri.

Jadi saya hendak tahu daripada kementerian, kita hendak supaya kalau boleh penyelarasan ini dilakukan oleh Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani sebagai agensi utama dalam aspek pertanian dan dalam masa yang sama mereka membantu agensi yang lain, GLC yang lain dan juga agensi wilayah yang lain dalam membangunkan sektor pertanian. Ini kerana mereka juga menyumbang walaupun mungkin tidak di peringkat antarabangsa, tetapi peringkat *locality* atau tempatan. Di perkampungan, rakyat luar bandar, petani-petani dan sebagainya. Sudah tentulah mereka ini perlukan sokongan daripada kementerian.

Jadi saya hendak tanya Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, berapakah jumlah peruntukan sokongan yang diberikan oleh kementerian ini kepada agensi-agensi yang berkenaan? FELDA umpamanya. FELDA salah sebuah agensi ataupun GLC yang menjalankan, merancang untuk menjadi gedung makanan negara. Ini cukup besar. Kalau saya lihat peranan FELDA ini, saya ingat sudah peringkat antarabangsa. Akan tetapi, berapakah sumbangan yang dimainkan oleh Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani sendiri dalam membantu FELDA dan sebagainya umpamanya dari segi kajian, penyelidikan yang dilakukan oleh Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani dan disumbangkan kepada FELDA ini ataupun agensi lain yang juga berperanan bagi mengeluarkan bekalan makanan negara.

Saya hendak tahu juga berapakah *percent* sumbangan yang diberikan. Berapa peratus? Jadi saya harap perkara ini dapat diberikan perhatian supaya usaha kolektif kita, bersama kita antara agensi utama pertanian ini dengan agensi-agensi lain termasuk agensi pembangunan wilayah dapat jalan serentak dalam memastikan supaya kekurangan bekalan makanan negara kita dapat dipertingkatkan dan dapat mengatasi masalah mengimport barang-barang makanan daripada luar.

Saya juga hendak bertanya kepada kementerian, berapakah sumbangan daripada agensi tadi yang menyumbang kepada pengeluaran bekalan makanan negara terutamanya keperluan tempatan dan apatah lagi untuk keperluan antarabangsa. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Sila, Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Tuan Er Teck Hwa [Bakri]: Tuan Pengerusi, satu soalan yang pendek sahaja.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Bakri.

Tuan Er Teck Hwa [Bakri]: Dalam Maksud B.21, sebanyak RM4.7 juta untuk menampung keperluan... [*Dewan riu*]

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, cukuplah Yang Berhormat. Ya, sila Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Tuan Er Teck Hwa [Bakri]: [*Pembesar suara ditutup*] ...Dalam bajet tambahan ini.

8.49 mlm.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani I [Dato' Wira Mohd. Johari bin Baharum]: Terima kasih kepada Yang Berhormat-Yang Berhormat yang turut berbahas mengenai perkara-perkara yang telah dibangkitkan tadi.

Saya yang pertama sekali berkenaan dengan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Pokok Sena berkenaan dengan ST15 ini. Jadi ST15 ini memanglah kita di pihak kementerian kita tahu bahawasanya semasa pelaksanaan ST15 ini ia mempunyai banyak dia punya pembocoran, masalah penyelewengan, masalah dan segala-galanya yang disebut oleh Yang Berhormat itu memang saya akui ada perkara-perkara yang berlaku semasa perkara ini dilaksanakan. Maka sebab itulah kita sekarang ini kerajaan telah mencadangkan kepada pihak kementerian untuk kita melaksanakan sistem SUBUR ini supaya beras ST15 ini yang diperuntukkan kepada orang miskin ini akan sampai kepada sasarannya.

■2050

Akan tetapi malangnya apabila kita hendak melaksanakan sistem SUBUR ini, ia mempunyai banyak perkara-perkara yang tidak dapat diupdate, umpamanya berkenaan dengan e-Kasih iaitu sebenarnya e-Kasih ini ia sebenarnya banyak lagi perkara yang mesti kita update kerana dalam senarai itu tidak ramai yang sebenarnya orang miskin yang terlibat tetapi apabila kita buat bancian, kita dapati lebih ramai. Hampir-hampir berlipat ganda daripada jumlah yang sebenarnya. Maka itu, pelaksanaan SUBUR itu tidak dapat dilaksanakan. Jadi, itu ialah di antara perkara langkah-langkah kerajaan untuk menyelesaikan masalah-masalah atau yang disebutkan tadi oleh Yang Berhormat kerana kita tahu sebahagian besar daripada beras yang ST15 itu tidak sampai ke sasarannya.

Maka, kita telah melancarkan SUBUR itu ialah untuk menyelesaikan masalah itu. Jadi, sekarang ini SUBUR ini di peringkat pelaksanaannya. Sebaik sahaja senarai nama yang kita telah putuskan dan telah sampai kepada jawatankuasa yang akan mendapat kelulusan daripada pihak ICU, maka SUBUR ini akan dilancarkan dan selepas itu mengenai beras ST15 ini akan dirombak semula dan satu mekanisme baru akan dibuat dan akan diumumkan oleh kementerian supaya beras-beras ST15 ini akan sampai kepada pihak yang berkenaan supaya apa yang disebut oleh Yang Berhormat, penyelewengan dan sebagainya tidak akan dapat berlaku lagi pada masa-masa yang akan datang.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat sahabat saya timbalan menteri. Saya kira bahawa inilah juga jawapan diberikan beberapa bulan dulu oleh Yang Berhormat menteri bila saya mendedahkan senarai yang menunjukkan bahawa berlaku satu unsur penyelewengan yang sangat besar. Jadi, nak tunggu pelaksanaan SUBUR supaya beras itu betul sampai ke pasaran, sekarang mereka telah *manipulate*. Kita telah memberikan satu peruntukan yang sangat besar untuk program ini Tuan Pengerusi. Jadi, maknanya kita berikan mereka ini untuk bina kekayaan sedangkan sebenarnya wang itu adalah untuk siapa? Untuk kepentingan rakyat yang miskin, yang berpendapatan rendah dan sebagainya tetapi mereka tak dapat beras tersebut. Kita beri kepada syarikat-syarikat besar, kepada pasar raya dan sebagainya untuk mendapat kuota kepada ST15 sedangkan mereka tak jual ST15.

Sebab itu saya katakan bahawa apakah tidak boleh untuk kita *stop* terus benda ini daripada kita membelanjakan wang, tak dapat kepada rakyat. Saya fikir Yang Berhormat Sri Gading boleh bersetuju. Rakyat tak dapat, yang dapat hanya ini, senarai yang dikeluarkan oleh Kementerian Pertanian pada 5 Mei 2011. Kelulusan kuota beras nasional ST15 bulan Mei 2011 di bawah program *modern trade*, program bumiputera BERNAS, pemborong swasta dan kontrak mengikut senarai agihan. Ha ini.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Pencilahan kena ringkaskan Yang Berhormat. Ringkaskan.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Ya, ya. Ini kepentingan rakyat yang sepatutnya kita kena berikan perhatian.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Saya tahulah Yang Berhormat, saya tahu tetapi kena dengar juga. Ikut peraturanlah ya.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Betul, betul. Tak apalah, kita boleh tunggu sampai pukul 10 pun tak apa tetapi sayang tadi, saya boleh tunggu. Yang Berhormat menteri tadi umum sampai pukul 9 tadi, saya kata sampai pukul 10 pun tak apa, sebab ini benda yang sangat penting sebab saya dah berkali-kali cakap benda ini tetapi macam tak serius.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, saya tak boleh tegur kah Yang Berhormat?

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Jadi, saya nak katakan bahawa kenapa keadaan ini masih berterusan? Diberikan kepada orang yang sama sejak daripada pelaksanaan pada 2008, mereka inilah yang monopoli untuk membina kekayaan sedangkan orang kampung tak dapat apa... [*Dewan riu*] Apa dia? Saya nak membela orang miskin. Pemimpin UMNO ini kenapa, ada dapat kah, ada senarai kah? Saya nak tengok ada senarai ke anak-anak keluarga yang dapat kuota ini. Saya minta Yang Berhormat bawa. Isu dalam Kementerian Pertanian ini cukup banyak. Isu benih, isu benih pun sama. Dapat kepada orang tertentu monopoli. Jadi, sebab itu saya katakan bahawa perlu disekat benda ini untuk tidak kita membazirkan wang negara, wang rakyat yang rakyat tak dapat.

Saya kalau rakyat dapat tak apa, berilah. Tak apa, tak ada masalah tetapi rakyat tak dapat. Bila rakyat dapat pun, kalau dapat pun, kalau ada di pasaran pun Tuan Pengerusi, beras ini

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, Yang Berhormat Pokok Sena. Yang Berhormat, sebentar Yang Berhormat, sebentar menteri. Saya minta bantuan daripada Yang Berhormat Pokok Sena, jangan buat macam ini Yang Berhormat. *You don't bother somebody* yang duduk kat atas ini. Saya tegur pun Yang Berhormat tak nak tengok.

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Lain kali

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Jangan buat macam ini Yang Berhormat. Ya, sila Yang Berhormat menteri.

Dato' Wira Mohd. Johari bin Baharum: Saya faham apa Yang Berhormat cakap tadi. Memanglah, sebab itulah kita nak laksanakan sistem yang kita katakan tadi. Yang Berhormat menteri jawab itu sama dengan saya jawab ini. Makna, kita konsisten dalam soal ini. Kalau menteri jawab lain, saya jawab lain, itu memang tak betul.

Jadi, maknanya memang hasrat kita untuk menyelesaikan masalah penyelewengan yang berlaku ini supaya fitnah-fitnah ini tak timbul. Jadi, kadang-kadang benda yang dibagi itu ialah mengikut kemampuan syarikat-syarikat tertentu yang telah diagihkan-agihkan kepada mereka untuk mengedarkan beras-beras ini kepada pihak-pihak yang tertentulah iaitu kepada rakyat miskin tetapi malangnya kita ada berlaku penyelewengan dan sebagainya. Sebab itulah yang saya katakan tadi, sebab itulah kita nak supaya sistem SUBUR ini akan dilaksanakan dan sistem SUBUR ini akan dilaksanakan secepat mungkin.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat menteri. Yang Berhormat mengaku bahawa berlaku penyelewengan. Apa tindakan yang dibuat dan berapa syarikat yang telah pun disenaraihitamkan kerana mereka telah melakukan penyelewengan, mereka tidak kempitkan ST15, sebaliknya mereka guna peluang kuota yang mereka dapat ST15 dengan harga yang murah, RM650 sedangkan patut harganya RM2,000 lebih. Mereka untung. Patutnya satu tan RM2,000 lebih, mereka hanya bayar RM650 tetapi mereka tak kempit beras ST15 sebaliknya mereka proses kempitkan beras ST10 dan juga ST5. Berapa syarikat yang diambil tindakan sedangkan saya katakan tadi bahawa semua syarikat ini daripada tahun 2008, tidak pernah berubah.

Dato' Wira Mohd. Johari bin Baharum: Okey Yang Berhormat, memang kita ada ambil tindakan. Pihak kawal selia bila kita tahu berlakunya perkara ini, kita memang ambil tindakan dan ada syarikat-syarikat yang kita telah tarik balik kuota ini, memang ada. Saya sendiri ada dapat rayuan daripada mereka-mereka yang telah diambil tindakan kerana mereka datang jumpa saya....

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Takkan tindakan hanya tarik balik kuota? Dia mesti ada peruntukan undang-undang. Apa tindakan kerana dia melakukan penyelewengan.

Dato' Wira Mohd. Johari bin Baharum: Memanglah, kita tak bekalkan beras-beras kepada merekalah.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Tuan Pengerusi, mana boleh macam ini Tuan Pengerusi.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Tarik balik kuota, itu untuk masa akan datang tetapi kuota yang dia dah dapat, dia telah melakukan penyelewengan.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Tuan Pengerusi, macam ini ke pembangkang?

Dato' Wira Mohd. Johari bin Baharum: Umpamanya macam syarikat A, bila kita tahu dia dapat beras ST15, katalah contohnya 100 tan tetapi kita tahu bahawa ia telah membuat penyelewengan, maknanya tukar bajulah, istilah beras ini dia tukar baju dan bila kita tahu, memang kita tamatkan, kita tak bagi dah. *Next time* dia tak dapat dah.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Tapi..... [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*] Yang dapat 100 tan itu dia dapat juga tetapi apa tindakan undang-undang ke atas dia yang menyeleweng, tidak mengempitkan beras ST15 dan saya nak minta penjelasan, syarikat itu nama apa, syarikat apa? Tolong bagi tahu.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Yang Berhormat, ikutlah peraturan mesyuarat. Kalau macam ini, ini bukan cara dia.

Dato' Wira Mohd. Johari bin Baharum: Saya tak boleh bagi *off hand* sekarang ini tetapi saya tahu dan kita ada. Ada syarikat-syarikat yang kita kenakan tindakan, maknanya kita batalkan dia punya kuota yang kita bagi kepada syarikat tersebut, ada. Saya tahu dan syarikat-syarikat berkenaan ada yang datang jumpa saya apabila mereka ditangkap oleh kawal selia melakukan perkara-perkara yang disebutkan oleh Yang Berhormat itu. Jadi, *the next round* dia tak dapatlah beras ST15 itu. Kita bagi kepada syarikat-syarikat lain... [*Dewan riuh*] Yang Berhormat tanya saya tadi, adakah tindakan kita ambil, memang kita ambil tindakan. Takkan tak ambil tindakan...

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

Dato' Wira Mohd. Johari bin Baharum: Memanglah, kita batalkan dia punya permitlah. Macam kalau kita tarik permit dia, habislah. Maknanya, kita tidak akan bekal lagi.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Ikutlah peraturan. Itu tindakanlah itu, peraturanlah itu.

Dato' Shamsul Anuar Nasarah [Lenggong]: Apa Yang Berhormat Pokok Sena, tak faham kah?

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Peraturan ada undang-undang, *punishment* yang perlu dibuat ke atas dia, hukuman... [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*] [*Dewan riuh*]

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, Yang Berhormat Pokok Sena, jangan beginilah Yang Berhormat. Saya minta bantuan kepada Yang Berhormat untuk berbahas ikut peraturan.

Dato' Wira Mohd. Johari bin Baharum: *Punishment* dia ialah dia tak akan dapat lagi membekalkan beras ST15, *that's all* lah. Itu yang kita buat.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Betul, saya bersetuju dia tak akan dapat lagi tetapi yang sebelum itu... [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*] [*Dewan riuh*] Tindakan yang dia dah dapat, yang dah dapat apa dia..., geleng kepala?

Dato' Wira Mohd. Johari bin Baharum: Tak ada, bukan geleng kepala. Maknanya, saya bagi tahu tadi, Yang Berhormat minta nak tahu apa tindakan dia. Memang kita ambil tindakan. Jadi, tindakan kepada syarikat-syarikat ini ialah saya akan tengok mana syarikat-syarikat mana yang kena tindakan dan saya akan bagi tahu kepada Yang Berhormatlah secara bertulis. Okey?

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Sikit, sikit sahaja, boleh?

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Ahli-ahli Yang Berhormat, Yang Berhormat menteri, sambung esok Yang Berhormat.

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Okey, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, minta seorang Menteri membacakan usul.

■2100

USUL

MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 16(3)

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan I [Dato' Tan Lian Hoe]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 16(3), Mesyuarat ini ditangguhkan sekarang.”

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi [Datuk Haji Fadillah bin Yusof]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

UCAPAN-UCAPAN PENANGGUHAN

Adik Menteri Menguasai Kementerian

9.01 m.m.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Ya, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, Zamri bin Yaakob nombor kad pengenalan 520325-06-5099 merupakan adik kepada Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob, Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan.

Zamri Yaakob merupakan seorang Pengarah Syarikat Newtech Resource Sdn. Bhd. sejak 10 Julai 2010. Syarikat Newtech merupakan sebuah syarikat pembekal utama pemain video PSP di Lembah Klang bahkan seluruh Malaysia. Zamri Yaakob menggunakan perhubungan adik-beradik dengan Yang Berhormat Menteri, Zamri telah mengarah Pegawai Penguatkuasaan KPDNKK merampas dan menyaman pembekal yang menjual permainan video selain daripada pembekal dari Newtech. Tindakan ini seolah-olah adik Yang Berhormat Menteri yang berkuasa untuk mengarah pegawai KPDNKK.

Perkara ini telah diketahui oleh penjual-penjual permainan video di Lembah Klang bahkan Pegawai Penguat Kuasa KPDNKK sendiri. Akibat daripada Pegawai Penguat Kuasa KPDNKK telah menjalankan operasi terhadap pembekal Syarikat Newtech maka seorang pegawai telah ditukar ke cawangan lain dan diturun pangkat. Manakala seorang pegawai lagi telah menerima *warning letter* dari kementerian. Ini telah menunjukkan betapa berkuasa adik Yang Berhormat Menteri campur tangan dalam hal ehwal kerajaan bahkan cuba menguasai pasaran permainan video ini. Saya difahamkan, permainan video di pasaran tidak mempunyai sebarang hak cipta atau dikenali sebagai *authorized distributor*. Walaupun, kesemua pembekal adalah diimport dari pembekal-pembekal yang diberi kuasa.

Persoalan pertama saya ialah, sama ada adik Yang Berhormat Menteri terlibat dari Syarikat Newtech yang merupakan pembekal permainan video. Apakah peranan adik Yang Berhormat Menteri memberi arahan sedemikian kepada pegawai penguat kuasa untuk beroperasi terhadap kedai-kedai yang menjual selain daripada produk Newtech.

Persoalan kedua saya, adalah pihak KPDNKK mempunyai kuasa untuk merampas atau menyaman pembekal? Jika ada, maka apakah undang-undang yang diperuntukkan untuk membuat demikian? Sekian, terima kasih.

9.04 mlm.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan I [Dato' Tan Lian Hoe]: Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya meneruskan penjelasan saya berhubung isu-isu yang telah dibangkitkan semasa sesi penangguhan sidang Parlimen terdahulu. Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih di atas persoalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Batu. Ini secara tidak langsung menunjukkan keprihatinan Yang Berhormat terhadap apa yang berlaku di sekeliling. Untuk mengetahui sama ada ia benar atau semata-mata hanya sekadar tuduhan tanpa asas kukuh atau tohmahan yang sengaja dilemparkan. Bagi menjawab persoalan yang diutarakan, saya ingin jelaskan di sini bahawa berdasarkan maklumat Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), Syarikat Newtech Resources Sdn. Bhd. nombor pendaftaran syarikat 769967 adalah sebuah syarikat yang benar wujud dan beroperasi.

Manakala Encik Zamri bin Yaakob memegang jawatan sebagai Pengerusi syarikat bermula pada 10 Julai 2010. Segala pelantikan serta perjalanan syarikat berkenaan adalah menepati peraturan-peraturan yang telah ditetapkan oleh SSM. Berhubung soalan berkaitan penjualan alat permainan video secara khususnya dalam hal ini. Alat permainan video PSP di pasaran ianya bergantung kepada kontrak yang telah dimeterai antara pihak yang mengeluarkan atau empunya perisian atau hak cipta produk terbabit dengan pihak yang mengedar alat permainan tersebut. Sekiranya pihak pengeluar alat permainan terbabit telah melantik sesebuah syarikat sebagai pengedar tunggal bagi sesuatu kawasan yang telah dipersetujui.

Maka pihak pengedar tunggal berkenaan boleh mengambil tindakan sekiranya pihak pengeluar tersebut melanggar perjanjian apabila melantik pengedar lain untuk pengedaran di kawasan yang sama. Namun demikian, dalam hal ini ianya tidak patut menjadi persoalan memandangkan perniagaan yang dijalankan oleh syarikat berkenaan langsung tidak mempunyai sebarang hubungan dengan kementerian ini. Apatah lagi kementerian ini juga tidak mengeluarkan apa-apa bentuk permit atau lesen berkaitan penjualan alat permainan tersebut di pasaran.

Tuan Yang di-Pertua, dalam aspek penguatkuasaan sebarang tindakan berhubung penguatkuasaan akta-akta berkaitan yang dikawal selia oleh kementerian ini dilakukan dengan berpandukan kepada *Standard Operating Procedures* (SOP) yang telah ditetapkan di bawah ISO 9001, 2008.

Manakala dalam isu ini ianya perlu berdasarkan kepada aduan atau maklumat yang diterima yang mencukupi bagi penguatkuasaan dijalankan. Penguatkuasaan yang dilakukan juga mesti berlandaskan kepada peruntukan undang-undang yang telah diperuntukkan. Sebagai contohnya dalam hal ini ianya berkemungkinan melibatkan akta berkaitan hak cipta atau Akta Cap Dagangan.

Justeru bahagian penguat kuasa kementerian ini sememangnya diperuntukkan kuasa untuk merampas atau mengkompaun kepada mana-mana pihak yang melanggar apa-apa peruntukan di bawah akta terbabit. Sehubungan itu, dalam hal ini tidak timbul dakwaan bahawa terdapat campur tangan mana-mana pihak dalam memberikan arahan tertentu berhubung aktiviti penguatkuasaan yang dijalankan.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman pada masa ini pegawai-pegawai penguat kuasa kementerian ini menguatkuasakan sembilan akta bagi melindungi pengguna membanteras penyelewengan dalam amalan perniagaan, perlindungan menerusi hak intelek dan memastikan bekalan barangan keperluan sentiasa cukup dan mudah diperolehi. Tindakan penguatkuasaan yang dijalankan adalah secara proaktif dan melalui aduan-aduan yang dibuat oleh orang ramai termasuk tuan punya atau wakil tuan punya hak cipta cap dagangan dan sebagainya. Orang ramai bebas untuk mengemukakan aduan kepada pihak kementerian dan siasatan akan dilakukan atau dijalankan di bawah akta-akta yang dikuatkuasakan.

Justeru, sekiranya fakta-fakta kes adalah kukuh dan ia dapat dibuktikan melakukan kesalahan di bawah peruntukan mana-mana akta, maka siasatan dan tindakan kes akan diambil. Seperti contohnya, dalam usaha membanteras kegiatan cetak rompak, cakera optik tindakan boleh diambil di bawah Akta Hak Cipta 1987 dan Akta Perihal Dagangan 1972. Tindakan di bawah Akta Hak Cipta 1987 diambil sekiranya aduan yang dibuat oleh tuan punya atau wakil tuan punya hak cipta karya tersebut. Dalam hal ini, suka saya perjelaskan bahawa sesiapa sahaja rakyat yang bertanggungjawab boleh mengemukakan aduan berhubung salah laku atau pelanggaran undang-undang oleh mana-mana pihak.

Justeru, dalam perkara ini adalah sewajarnya semua pihak terutamanya Yang Berhormat Batu membantu kerajaan. Terutamanya kementerian dengan turut sama terlibat dalam membanteras aktiviti berkaitan cetak rompak di dalam negara dan bukan kelihatan seolah-olah cuba melindungi perniagaan cetak rompak ini dari membanteras kewujudannya.

■2110

Berhubung isu yang dibangkitkan berkenaan dakwaan bahawa permainan video tidak mempunyai hak cipta adalah tidak tepat. Permainan-permainan video ini sememangnya mempunyai tuan punya hak cipta iaitu *Sony Computer Entertainment In Corporation* bagi cap dagangan play station dan logo PS yang diwakili oleh syarikat guaman Wong Jin Nee and Teo di Malaysia. Manakala cakera optik permainan video pula mempunyai tuan punya hak cipta iaitu *Motion Picture Association (MPA)*.

Justeru bagi melaksanakan tugas-tugas penguatkuasaan, pegawai-pegawai penguat kuasa kementerian ini telah diberi kuasa untuk menjalankan pemeriksaan dan penyiasatan ke atas mana-mana premis yang disyaki melakukan kesalahan di bawah akta yang dikawal selia.

Pegawai-pegawai penguat kuasa ini turut diberikan kuasa untuk menyita dan merampas apa-apa barang dari mana-mana orang yang disyaki melakukan kesalahan. Rampasan barang-barang tersebut pula adalah bertujuan untuk dikemukakan kepada mahkamah semasa proses pendakwaan sebagai barang kes.

Secara amnya, isu yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Batu lebih dilihat sebagai satu percubaan untuk mencemarkan imej serta kredibiliti kementerian serta Yang Berhormat Menteri yang bertanggungjawab daripada membangkitkan isu atau pandangan yang lebih konstruktif bagi membantu kerajaan dan kementerian secara khususnya dalam memperkemas lagi sistem penyampaian sedia ada. Sekian, terima kasih.

Pelaksanaan Hukuman Sebat Ke Atas PATI

9.11 mlm.

Tuan Liew Chin Tong [Bukit Bendera]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Dalam jawapan Parlimen oleh Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri kepada saya tentang jumlah pekerja asing tanpa izin yang telah disabit hukuman sebatan, beliau telah mengatakan bahawa mulai tahun 2005 sehingga tahun 2010 seramai 29,759 orang, iaitu hampir 30,000 orang pesalah warga asing telah disebat di bawah Akta Imigresen 1959/63. Perangkaan ini adalah memeranjatkan dan menunjukkan pengabaian isu hak asasi oleh Kerajaan Malaysia. Saya menentang polisi atau dasar kerajaan di atas sebab-sebab berikut:

- (i) hukuman sebatan merupakan satu hukuman yang kejam dan sepatutnya dihapuskan daripada cara-cara hukuman. Kerajaan harus jelas bahawa asas keadilan jenayah adalah bertujuan untuk membaiki insan-insan yang bersalah dan bukan memusnahkan modal insan bersalah. Cara-cara hukuman yang lebih bersifat pemulihan (*rehabilitative*) haruslah diambil oleh kerajaan supaya pesalah bukan sahaja akan dihukum tetapi juga akan bertaubat;
- (ii) warga asing yang menjelajah ke Malaysia tanpa izin lazimnya mangsa perdagangan orang atau golongan miskin di negara mereka. Padahal sebab akal yang membolehkan kehadiran mereka di Malaysia adalah mereka yang terlibat ataupun terbabit dalam perdagangan orang (*human trafficking*) di negara asal dan di Malaysia. Adalah kejam jika kita menjatuhkan hukuman yang begitu berat terhadap golongan yang sudah pun menjadi mangsa perdagangan antarabangsa (*human trafficking*);
- (iii) saya difahamkan sekurang-kurangnya 60 peratus yang disebat adalah warga negara Indonesia. Tidak sukar difahami sentimen anti Malaysia kalau hukuman begitu kejam diteruskan. Kerajaan Malaysia harus menimbangkan implikasi hubungan antarabangsa ataupun antara Indonesia dengan Malaysia.

Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, sila Yang Berhormat Menteri.

9.14 mlm.

Timbalan Menteri Dalam Negeri I [Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih diucapkan kepada Ahli Yang Berhormat Bukit Bendera di atas ucapan penangguhan yang telah dibangkitkan tersebut. Kementerian telah menerima dan seterusnya meneliti isu dan perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat Bukit Bendera dalam teks ucapan penangguhan beliau sebentar tadi.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, urusan kemasukan keberadaan dan pelepasan dari Malaysia dikawal melalui perundangan seperti Akta Imigresen 1959/63, Akta Pasport 1966 dan Peraturan-peraturan Imigresen 1963. Seseorang yang telah melakukan kesalahan di bawah Akta Imigresen 1959/63 boleh dikenakan hukuman denda dan atau penjara. Selain itu sebatan juga merupakan salah satu hukuman yang boleh dikenakan terhadap seseorang yang telah melakukan kesalahan di bawah akta berkenaan.

Hukuman sebat hanya diperuntukkan untuk beberapa jenis kesalahan sahaja. Kesalahan-kesalahan tersebut adalah seperti berikut:

- (a) bagi pendatang asing tanpa izin (PATI) atau imigran larangan di bawah seksyen 6(i)(c), Akta Imigresen 1959/63, masuk dan tinggal di Malaysia tanpa pas atau permit yang sah dan di bawah seksyen 36, Akta Imigresen 1959/63 kerana kembali secara tidak sah selepas diusir;

- (b) bagi majikan di bawah seksyen 55B, Akta Imigresen 1959/63 jika menggaji PATI lebih dari lima orang dan bagi lain-lain orang tengah, ejen atau sindiket pelindung, mereka dikenakan di bawah seksyen 55A, Akta Imigresen 1959/63 kerana terlibat secara langsung atau tidak langsung membawa masuk PATI atau di bawah seksyen 55D, Akta Imigresen 1959/63 kerana membuat, memalsukan atau meminda sesuatu endorsan atau dokumen untuk digunakan sebagai visa, pas atau permit dan juga di bawah seksyen 56(1)(d), Akta Imigresen 1959/63 kerana jika memberi perlindungan kepada lebih dari lima orang PATI.

Tuan Yang di-Pertua, hukuman sebatan adalah merupakan satu kaedah hukuman yang bertujuan untuk memberi pengajaran dan sebagai *deterrent*, dengan izin, kepada pesalah agar tidak mengulangi kesalahan yang sama dan sebagai peringatan kepada warga negara asing dan majikan yang lain. Walau bagaimanapun, pelaksanaan hukuman sebat ke atas pesalah adalah dikecualikan bagi golongan berikut seperti kanak-kanak, wanita, warga tua dan atas sebab-sebab kesihatan.

Tuan Yang di-Pertua, hukuman sebat ke atas seseorang yang telah melakukan kesalahan di bawah Akta Imigresen 1959/63 tidak harus dilihat sebagai isu yang boleh menjejaskan hubungan diplomatik antara Malaysia dengan negara lain. Ini kerana kaedah yang sama telah dilaksanakan oleh negara lain seperti Singapura.

Sebagai negara yang berdaulat, Malaysia bebas untuk menguatkuasakan akta serta peraturan yang telah ditetapkan dan adalah menjadi tanggungjawab negara lain untuk menghormati undang-undang negara kita. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Dewan hari ini ditangguhkan sehingga jam 10 pagi, hari Rabu 22 Jun 2011.

Dewan ditangguhkan pada pukul 9.19 malam.